Y.A.B. Tun Abdul Razak bin Hussein Al-haj, S.M.N.
Perdana Menteri Malaysia

PEMBENA NEGARA

STRATIJI BERTINDAK

Memuatkan Uchapan[2] Pilihan Y.A.B. Tun
Perdana Menteri Malaysia

Pemelihara kedaulatan negara kita yang paling kukuh sekali bukanlah Pertahanan sahaja, tetapi yang jauh lebih pentingnya, ialah:

PEMBANGUNAN

Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Kuala Lumpur
Malaysia

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, SEMASA MENGGULONG PERBAHATHAN MENGUCHAP TERIMA KASEH DIATAS TITAH DI-RAJA DI-DEWAN RA'AYAT PADA 17.5.72

Dato' Yang Di Pertua,

Saya sukachita mengambil peluang ini untuk menjawab beberapa pandangan dan tegoran yang dibuat oleh Ahli2 Yang Berhormat dari pehak pembangkang dalam perbahathan menguchap terima kaseh terhadap titah diraja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Baharu Hulu, sebagai Ketua Pembangkang, nampaknya, tidak dapat mengemukakan apa2 chadangan yang membena atau positif untok ditimbangkan oleh Kerajaan. Saya nampak Ahli Yang Berhormat itu dengan sengaja telah menyalah tafsirkan apa yang disebutkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua itu.

Kerajaan Perikatan sebagai Kerajaan yang bertanggong jawab, yang praktik dan realist, hanya suka menyebut sesuatu yang difikirkan menasabah dan boleh dijayakan. Kita membuat anggaran 30% dari aktiviti2 perdagangan dan perusahaan dipegang oleh orang2 Melayu dan lain2 Bumiputra dalam masa 20 tahun ialah kerana angka ini yang menasabah. Kita telah menyatakan ini adalah sekurang2-nya yang kita chadangkan. Kalau kita boleh buat lebeh dari itu, sangatlah elok. Kita berkehendakkan angka 30% ini untuk memberi gambaran kapada orang2 Melayu bahawa mereka itu ada mempunyai bahagian yang berpatutan dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

Sungguh pun kita katakan tujuan kita menjalankan dasar ini ialah untuk menchapai perpaduan akan tetapi ini tidak bermaana kita terpaksa menunggu sehingga ranchangan ini telah sempurna barulah perpaduan raayat akan terchapai. Yang kita maksudkan ialah ranchangan ini berjalan beransor2 dari setahun kesatahun dan sambil ranchangan itu berjalan, kita harap perasaan raayat akan berubah dan perasaan persefahaman dan saling mengerti bertumboh meresap antara satu dengan lain.

Kita hendaklah faham bahawa tiap2 satu benda yang wujud didunia ini mestilah ada 'element of growth' atau proses menumbuh dari kechil menjadi sederhana dan seterusnya menjadi besar. Begitu jugalah perpaduan dikalangan raayat - bermula sedikit2, kemudian bertambah kuat sehingga ia sebenar2 menjadi teguh dan erat dan kita dapat tubuhkan satu bangsa yang kuat dan bersatu padu.

Akan tetapi, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada chadangan apa2 bagaimana chara yang patut kita jalan untuk hendak menguatkan atau hendak menyegerakan terchapainya perpaduan dikalangan raayat. Kalau beliau fikir dasar yang dijalankan oleh Kerajaan tidak betul atau menepati, apakah ranchangan atau programme yang lain yang difikirkan dapat dijalankan untuk menchapai matlamat perpaduan itu dengan chara yang lebeh lekas dan berkesan?

Dato' Yang DiPertua,

Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa Kerajaan tidak tegas dalam usaha meninggikan Bahasa Malaysia dan penggunaan Bahasa Malaysia ditengah2 masharakat. Beliau berkata kedudukan dan kedaulatan Bahasa Malaysia maseh menjadi tanda tanya.

Saya hairan kenapa Ahli Yang Berhormat itu begitu terkebelakang fikirannya. Tentu beliau maseh ingat tahun 60/65 dahulu, pada masa itu kita belum lagi menjadikan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi yang tunggal. Sekarang Bahasa Malaysia telah menjadi Bahasa Resmi yang tunggal dengan kuatkuasa undang2 saperti yang diterangkan dalam Perlembagaan kita. Jadi, masaalah kedaulatan dan kedudukan Bahasa Malaysia tidaklah timbul lagi.

Dalam majlis Dewan Raayat ini pun, Ahli2 Yang Berhormat tidak boleh berchakap Bahasa Inggeris melainkan dengan izin Tun Speaker. Jadi, Kerajaan telah memberi kedudukan kapada Bahasa Malaysia ditempat yang sebenarnya dan memberi kedaulatan sebagai

Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi yang tunggal dinegara kita. Saya tidak faham apakah lagi yang hendak dilaung2kan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya tidak faham apakah tujuan hendak diadakan kempen Bulan Bahasa kerana apa yang dichita2 itu telah pun wujud dan ada terletak ditempat yang sewajarnya.

Perkara yang mustahak diusahakan sekarang ialah memperkayakan Bahasa Kebangsaan kita itu supaya dapat digunakan dengan sepenohnya dalam semua lapangan perusahaan dan pelajaran. Begitu juga kita patut mengadakan buku2 dengan lebeh banyak lagi dalam Bahasa Kebangsaan supaya dengan itu lebeh ramai lagi raayat dinegara kita dapat mengetahui dengan mendalam dan menggunakan dengan sepenohnya Bahasa Kebangsaan kita itu. Saya fikir tidak ada perkara yang Kerajaan hendak tegaskan dalam Bahasa Kebangsaan ini kerana kita telah tegaskan perkara ini dengan kuatkuasa undang2 dan Perlembagaan.

Ahli Yang Berhormat itu ada menyebut berkenaan masaalah pelajaran dan katanya pelajaran tinggi dalam lapangan sains dan teknoloji dan lain2nya tidak memberi faedah jika tidak ada nilai yang sempurna. Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan supaya dasar pelajaran disemak semula untuk diberi nilaian.

Disini pun, saya tidak faham apa yang dimaksudkan oleh beliau itu. Tujuan kita mengadakan kemudahan2 pelajaran ialah kerana hendak memberikan latehan kapada anak2 muda kita supaya menjadi warga negara yang berguna yang boleh menjalankan tanggong-jawab mereka dengan sempurna.

Beliau juga ada menyebut berkenaan Universiti Islam. Saya suka menegaskan disini Kerajaan tidak menolak chadangan menubuhkan Universiti Islam bahkan Kerajaan telah menerima dasar bagi mengadakan pelajaran dalam lapangan ugama sehingga kaperengkat Universiti.

Dengan sebab itu, Kolej Islam telah dijadikan fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan. Ini bermaana mahasiswa2 yang suka hendak menumpukan pelajaran dalam lapangan ugama boleh mendapat kelulusan atau ijazah dalam lapangan ugama yang sama taraf dan mutunya dengan ijazah2 yang lain.

Akan tetapi, masaalah yang dihadapi oleh Kerajaan ialah keutamaan atau priority bagi memenohi kehendak2 Kebangsaan kita. Kita mempunyai kelengkapan termasok orang2 yang berkelayakan bagi menjadi professor2 dan pensharah2 serta pentadbir2 di-Universiti yang terHad.

Kerajaan suka hendak mengetahui apakah sebenarnya dikehendaki dari Universiti Islam itu. Adakah Universiti Islam itu hendak memberi pelajaran dalam lapangan ugama semata2 atau adakan Universiti Islam itu hendak mengajar juga ilmu2 saperti Sains, Teknoloji dan Sastera dan juga pelajaran2 yang lain saperti di Universiti Azhar di Cairo dan Universiti2 lain dinegara2 Islam? Kalau maksud hendak diadakan sabuah Universiti sama saperti Universiti Azhar di Cairo itu, tidaklah Universiti Kebangsaan boleh memenohi kehendak2 itu?

Kerajaan berpendapat mustahak dan perlu diberi didekan dalam lapangan ugama kapada anak2 kita dari mula mereka masok sekolah sehinggi kasekolah tinggi dan terus ka Universiti. Dengan sebab itu, Kerajaan telah menjadikan Kolej Islam itu sebagai bahagian dari Fakulti Pengajian Islam dalam Universiti Kebangsaan.

Akan tetapi, sambil mempelajari hal2 ugama, anak2 kita hendaklah juga diberi pelajaran dalam lapangan2 lain supaya mereka itu boleh menjadi raayat yang berguna, yang boleh menjalankan kehidupan mereka bukan saja untuk akhirat bahkan untuk dunia juga.

Pada pandangan Kerajaan, untok sementara ini, dengan adanya Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan, dan juga Jabatan Pengajian Islam di Universiti Malaya itu adalah memadai dengan kehendak pada masa ini, kerana di Fakulti Pengajian Islam ini mahasiswa2 yang hendak mengambil kelulusan dalam lapangan Theology atau ugama boleh mengambil kelulusan itu, dan dengan ini bolehlah menepati kehendak2 kita iaitu mengadakan pensharah2, ketua2 ugama, guru2 ugama dan lain2 lagi yang mempunyai pelajaran tinggi.

Disamping itu, kita mestilah mengutamakan juga pelajaran dalam lapangan yang lain - lapangan kemajuan dunia supaya orang2 Islam dapat mengambil bahagian yang sempurna dalam kemajuan negaranya sendiri. Sambil itu mereka mempunyai ilmu pengetahuan dalam lapangan ugama untuk bekalan mereka di akhirat dan, saperti saya terangkan tadi, kalau mereka hendak specialise dalam lapangan ugama, mereka boleh mengambil ijazah dalam lapangan ugama.

Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan terpaksa menentukan priority atau keutamaan. Kita sekarang terpaksa melengkapkan Universiti Kebangsaan dengan mengadakan pensharah2, guru2, professor2 yang sechukupnya. Jadi, perkara ini belum kita sempurnakan. Kalau kita hendak adakan satu lagi Universiti yang mempunyai tujuan yang sama, tentulah perkara ini kita tidak dapat sempurnakan pada masa ini.

Akan tetapi, kalau tajuannya hendak mengadakan Universiti Islam semata2 untuk mengajar hal2 ugama, dan tidak hal2 ilmu pengetahuan yang lain, ini adalah masaalah yang baru. Kerajaan berpendapat perkara yang penting sekarang ialah kita mesti melaksanakan kehendak2 Kebangsaan raayat kita iaitu memberi pelajaran dalam Bahasa Kebangsaan dalam ilmu2 yang dikehendaki untuk mereka itu menjadi raayat yang maju dan moden sambil menjunjong tinggi ilmu pengetahuan dalam lapangan ugama untuk membuat ibadat

kapada Tuhan. Universiti Kebangsaan adalah menepati kehendak ini dan tidak lama lagi saya harap Universiti Malaya, dengan menggunakan Bahasa Malaysia sepenohnya akan dapat juga menepati kehendak2 ini.

Jadi, saya harap janganlah raayat dikelirukan lagi tentang hal ini. Bila tiba masanya kita fikir perlu mengadakan satu Universiti khas untuk mempelajari hal2 ugama, ini bolehlah kita timbangkan tetapi tidak ada suatu negara Islam pun yang saya tahu mempunyai Universiti khas untuk memberi pelajaran dalam hal ugama saja, bahkan semua Universiti dinegara2 Islam memberikan pelajaran dalam berbagai chawangan ilmu termasoklah Theology atau ugama sebagai satu chawangan untuk dipelajari oleh mahasiswa2. Inilah chara yang kita jalankan pada masa ini.

Dato Yang DiPertua,

Saya fikir dalam menjalankan dasar Kerajaan, mustahaklah kita mengetahui haluan yang kita hendak tuju dan janganlah kita semata2 berchakap, main sentimen yang boleh mengelirukan raayat dan memberi bayangan2 sahaja kapada raayat.

Kita berkehendakkan orang2 Islam menjadi warga negara yang berguna, maju dan boleh berfikir serta boleh mengambil bahagian yang sempurna dalam kemajuan negara, sambil menjalankan hukum2 Allah untok bekalan akhirat. Inilah dasar Kerajaan Perikatan dan tujuan Kerajaan Perikatan. Kalau tujuan Parti PAS hendak memberi ilmu kapada raayat semata2 untok bekalan akhirat, itu saya kata adalah berlainan dan berbedza antara Kerajaan Perikatan dengan Parti PAS dan ini bukanlah menepati hasrat raayat yang sebenarnya dan tidak menepati ajaran2 Islam yang sebenarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menuduh bahawa raayat bukan Bumiputra dibeza2kan dalam peluang2 pekerjaan dengan Kerajaan dan juga pehak swasta. Beliau menchadangkan oleh kerana raayat bukan Bumiputra terdiri dari 43.2% dari jumlah penduduk negara ini, peluang2 pekerjaan dengan Kerajaan dan pehak swasta hendaklah saboleh2nya mengikut peratus raayat bukan Bumiputra itu.

Tuduhan Ahli Yang Berhormat itu sangat berat dan tidak berasas. Tidak ada perbezaan sama sekali dalam mengambil pekerja2 untuk perkhidmatan awam. Tiap2 saorang raayat Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pekerjaan dengan Kerajaan kechuali dalam beberapa perkhidmatan yang di-kenakan quota. Sabenarnya, kalau dilihat perangkaan untuk seluroh perkhidmatan awam, kita dapati bahawa kedudukan orang2 Melayu adalah sebaleknya dari apa yang ditudoh oleh Ahli2 Yang Berhormat itu.

Didalam pembahagian tenaga raayat terlateh bagi perkhidmatan Bahagian Satu Kerajaan, jelas didapati keadaan tidak saimbang diantara pegawai2 keturunan Melayu dan pegawai2 bukan Melayu.

Pada tahun 1969, daripada 3741 jawatan yang dipenohi, pegawai2 Melayu memenohi 1442 jawatan, iaitu 38.53%, manakala 2801 jawatan atau 61.47% diisi oleh pegawai2 bukan Melayu.

Keadaan tidak saimbang ini agak lebeh burok lagi bagi perkhidmatan2 teknikal dan professional. Kedudukan pegawai2 keturunan Melayu dalam perkhidmatan2 jenis ini sangatlah menye-dehkan saperti dalam perkhidmatan perubatan (6.4% sahaja Melayu), pergigian (11.7%), ahli kimia ubat (16.9%) akauntan (11.8%) haiwan (28.1%), pertanian (32.8%), jurutera mekanik (16.3%), jurutera awam (9.4%), jurutera letrik (16.4%), kajibumi

(4.8%), laut (10%), hasil dalam negeri (15.5%) dan perangkaan (4.8%). Disetengah2 perkhidmatan pula, saperti kajichuacha, kimia, muflis, amanah raya, penerbangan awam, tidak terdapat langsong pegawai2 keturunan Melayu.

Dimana quota tidak diadakan, ada kalanya pegawai2 Melayu tidak ada langsong dan dimana quota2 dikenakan, bilangan pegawai2 Melayu bukan saja tidak menchukupi tetapi lebeh rendah bilangan nya dibandingkan dengan pegawai2 bukan Melayu.

Keadaan tidak saimbang juga didapati dikalangan guru2 berijazah kepujian dan 'am, yang boleh mengajar mata2 pelajaran sains dan hisab disekolah2 aliran Melayu dan aliran Inggeris.

Daripada 260 (hisab 70, Fizik 52, Kimia 60, Kajihayat 48 dan Sains2 lain 30) guru2 berijazah kepujian yang boleh mengajar mata2 pelajaran sains dan hisab, hanya 47 orang (Hisab 19, Fizik 8, Kimia 7, Kajihayat 6, dan sains2 lain 7) ditempatkan disekolah2 aliran Melayu, manakala 213 orang lagi (Hisab 51, Fizik 44, Kimia 53, Kajihayat 42 dan sains2 lain 23) ditempatkan disekolah2 aliran Inggeris. Ini sechara langsong mengakibatkan perbezaan tekanan mata pelajaran diantara kedua2 aliran. Anak2 bukan Bumiputra adalah mempunyai lebeh luas peluang dan harapan bagi mengikuti mata2 pelajaran sains dan hisab daripada sekolah2 aliran Melayu.

Dilapangan swasta, ternyata sekali kurangnya pekerja2 Melayu yang mahir. Dasar Kerajaan mengenai pekerjaan ialah supaya mencherminkan keadaan penduduk2 yang berbilang bangsa di-negara kita pada setiap tingkatan kemahiran dan juga dalam semua sektor ekonomi negera.

Pada 'amnya, dasar ini hanya dijalankan oleh setengah2 industri dalam mana Kerajaan memberikan bantuan atau pun mendapat kebenaran dari Kerajaan, umpamanya menerusi galakan2 taraf perintis, Employment Restrictions Act dan Immigration Act. Dalam pada itu pun, banyak

kelonggaran yang diberikan dalam melaksanakan undang2 tersebut.

Dalam industri taraf perintis, keadaan tasaimbang pada tingkat professional, managerial dan teknikal, masan luas. Dalam lain2 sektor ekonomi saperti pembenaan dan perlombongan, amalan yang berlaku sekarang, sapertimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri maalom, maseh berupa 'closed-shop'.

Seterusnya dalam industri yang bukan bertaraf perintis, Kerajaan tidak ada kuasa undang2 untuk mengawal atau menguat kuasakan dasar pekerjaan Kerajaan kechulai dengan chara pujok atau desakan halus. Pada 'amnya aliran semua sektor ekonomi menunjukkan bahawa senakin kechil sesuatu perusahaan itu makin nyata hakikat personal ownership perusahaan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat membuat tudohan antara lain2 bahawa peluang pekerjaan dalam jawatan Kerajaan tidak diukor pada kechekapan sasaorang tetapi menurut dasar perkauman. Beliau juga menudoh kechekapan perkhidmatan awam merosot serta adanya perbuatan memeras kakitangan dan melakukan kenaikan pangkat menurut sentimen perkauman dan pandang bulu atau nepotism.

Saya ingin menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa peluang pekerjaan adalah terbuka kapada semua raayat Malaysia. Dalam perkhidmatan awam, pengambilan pegawai dan kakitangan adalah mengikut sharat2 dan peratoran perkhidmatan serta dikendalikan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang bebas. Terdahulu dari ini saya telah menyebut orang2 Melayu/Bumiputra amat tinggi dalam urban sektor dan tidak saimbang dengan bilangan penduduk2 urban Melayu. Lagi pula, saya ada bukti bahawa ramai belia2 Melayu yang tamat latehan dari sekolah2 vocational dan sebagainya tidak mendapat pekerjaan sebagaimana patutnya. Oleh itu, Kerajaan merasa perlu mengadakan langkah2 khas menyelaraskan usaha2 supaya menjamin belia2

yang diberi latehan itu mendapat pekerjaan dibidang swasta.

Saya telah berkali2 menegaskan bahawa kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam berdasarkan kelayakan dan kechekapan. Hanya apabila kedua2 chalun didapati sama2 layak dan chekap maka keputusan diberi pada yang lebeh kanan.

Saya anggap tudohan Ahli Yang Berhormat tentang adanya sentimen perkauman dan nepotism itu amat keterlaluan dan tidak berasas sama sekali. Bahkan kata2 saperti itu adalah bahaya dan saya suka mengingatkan Ahli itu supaya berhati2 dimasa hadapan.

Mengenai tegoran beliau bahawa sidang Parlimen hanya berupa "window dressing" untuk Kerajaan Perikatan, saya suka menyatakan bahawa Ahli2 Pembangkang suka benar berchakap saperti itu oleh kerana mereka tidak dapat memaksakan pendapat mereka kapada Dewan ini dan tidak mendapat sokongan dari rakyat. Bila mereka mendapat kuasa menerusi proses demokrasi, mereka sabaleknya merosakkan demokrasi kerana sabenarnya mereka hanya perchaya pada prinsip2 demokrasi dibibir mulut sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bertanya tentang tindakan2 yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan kerjasama dari kakitangan2nya. Beliau menda'awa tidak ada jalan keluar untuk menchapai penyelesaian yang adil dan memuaskan serta menuduh yang Kerajaan tidak mahu merundingkan fantastic anomalies yang ditimbulkan oleh Surohanjaya Suffian.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan baru saja mengkaji semula jentera perundingan untuk seluroh kakitangan perkhidmatan Kerajaan. Kita semua tahu Majlis Whitley dimasa lepas tidak berjalan dengan memuaskan bahkan pada hemat saya boleh mengancham industrial peace dalam negara. Masa itu tidak ada sasar yang tegas mengenai upah dan kerana itu setiap tuntutan yang dikemukakan semata2 untuk menaikkan gaji. Perunding2 berjalan

berlarut2an dan oleh kerana perimbangan mengenai tuntutan gaji untuk sesuatu perkhidmatan dibuat sechara ad hoc maka ini menimbulkan anomalies dalam perkhidmatan lain yang berkaitan.

Pada lazimnya perwakilan staff side dimenopoli oleh Kesatuan yang besar2 sahja yang bergabong dengan CEUPACS.

Dari pengalaman masa lalu, hanya tuntutan Union besar2 saja yang sampai kapada Majlis Whitley Kebangsaan dan biasanya berjaya. Sedangkan tuntutan union yang kechil tidak berpeluang mendapatkan pertimbangan Whitley Council.

Oleh itu, sebagai langkah menyelesaikan kesulitan2 ini, Kerajaan telah pun menchadangkan satu chara procedure yang adil dan saya fikir memuaskan semua pehak, yang membolehkan pertimbangan pada bila2 masa mustahak untuk menyemak tingkatan gaji dan juga sharat2 serta peratoran perkhidmatan dalam Kerajaan dan badan2 berkanun.

Ahli Yang Berhormat dari Bangsar telah monchabar Kerajaan supaya membuat kenyataan tegai bagi membetulkan keadaan yang tidak saimbang dimana orang2 bukan Melayu juga merasa terbahagi berpelang2 menurut jenis pekerjaan iaitu menjadi penjaja2, pekedai2, pedagang2 kechil dan pengarah bank. Ahli yang Berhormat itu meminta sekurang2-nya 30% dari pembangunan tanah diberi kapada orang2 Bukan Melayu untuk menolak sangkaan bahawa orang China dan India hanya terdapat dibandar dan ladang2 getah saja.

Kerajaan telah menyatakan dengan jelas dalam Ranchangan Malaysia Kedua hasratnya hendak menghapuskan kemiskinan dengan tidak mengira bangsa dan menyusun semula masharakat bagi mengatasi keadaan berpelang2 menurut pekerjaan dan tempat tinggal masing2. Bagi menchapai matlamat serampang dua mata ini, Kerajaan sudah pun mengator langkah2 strateji menurut keutamaan yang ditentukan.

Pada masa ini berbandingan jumlah orang2 Melayu dan Bumiputra dalam traditional rural sector amat tinggi ia-itu 74%. Disinilah terdapat raayat yang miskin dan dhaif dengan pendapatan yang amat rendah berbanding dengan pekerja2 urban sector. Lebeh kurang 43% orang2 bukan Melayu berada dalam urban sector berbanding dengan 16% orang Melayu, sedangkan pendapatan modern urban level pukul rata $4885/- iaitu 400 kali ganda pendapatan traditional rural sector.

Bukanlah menjadi dasar Kerajaan menyusun semula masharakat semata2 menurut sukahati bahkan dengan tujuan dan maksud yang tertentu.

Maka itu apa yang dichadangkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya dibuat inter-sectoral change adalah satu langkah yang mundor dan tidak mungkin diterima oleh raayat yang dikatakan oleh Ahli itu kerana chadangan ini bermaana akan menurunkan pendapatan orang2 bukan Melayu. Sebaleknya dasar Kerajaan ialah menempatkan semula raayat kedua2 sektor ini supaya menjamin pembahagian pendapatan yang lebih adil dan saksama.

Mengenai dasar pembukaan tanah, saya ingin menegaskan tidak ada perbezaan menurut bangsa. Pelaksanaan dasar ini dapat dibukti kan dengan statistik yang jelas menunjukkan kedudukan hak milik yang tidak saimbang terutama mengenai perusahaan tanaman ladang saperti getah, kelapa sawit, kelapa dan teh. Sebagai chontoh dari jumlah keluasan ladang getah (estate), tidak termasok kebun2 kechil (small-holdings) dan ladang2 milek asing (foreign-owned estates), orang2 Melayu/Bumiputra memiliki 14,081 ekar saja atau (1%) berbanding dengan 726,770 ekar (48%) milik bukan Melayu. Bagaimana pun, untuk pengetahuan Ahli2 yang Berhormat, daripada jumlah lebeh kurang 2.6 juta ekar kebun kechil getah (small-holdings) dinegara ini, hanya 50% dimiliki oleh orang2 Melayu/ Bumiputra dan ini termasoklah kira2 148,00 ekar yang diusahakan

oleh LKTP.

Berpegang pada hakikat inilah Kerajaan memandangkan mustahak menjalankan ranchangan besar2an dibawah FLDA, FELCRA dan sebagainya supaya keadaan tidak saimbang tadi dapat diatasi dengan chara yang adil dan saksama.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan membangkitkan masaalah kekurangan pegawai2 yang berpengalaman dan pembangunan yang tidak saimbang diantara negeri2 di Malaysia serta meminta supaya Kerajaan Persekutuan membantu bagi membaiki keadaan tidak saimbang itu dengan mengadakan kemudahan2 perhubungan serta puncha2 bekalan yang baik saperti yang dinekmati oleh raayat di Malaysia Barat.

Ahli Yang Berhormat dari Saratok juga memberi pandangan bahawa dalam melaksanakan projek pembangunan, pertalian atau hubongan politik tidak sepatutnya menjadi faktor utama dan patut diadakan peruntukan wang yang lebeh untuk pembangunan.

Saya suka menjelaskan bahawa kekurangan pegawai2 yang terlateh adalah masaalah seluroh negara sedangkan penyediaan tenaga pelateh biasanya memakan masa yang agak panjang.
Di Malaysia Barat sekali pun, oYunit2 Peranchang dan juga Perbadanan2 Kemajuan Negeri sedang menghadapi masaalah kekurangan tenaga pegawai2 yang mahir.

Memandang kapada kekurangan tenaga pegawai2 di Malaysia Timor, maka Kerajaan baru2 ini telah pun melonggarkan sharat kelayakan masok bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik untuk chalun2 dari Malaysia Timor hingga bagi tempoh akhir tahun 1973.

Mengikut perlonggaran sharat kelayakan masok ini, maka kelayakan masok ka P.T.D. adalah dilonggarkan kapada kelulusan ijazah 'Am dari Universiti Malaysa atau lain2 Universiti yang diiktiraf, menjadikan salah satu kelayakan yang paling rendah

untuk lantekan terus kaperkhidmatan itu.

Kerajaan juga berharap bahawa Kerajaan Negeri di Malaysia Timor, memandangkan kapada kekurangan pegawai2nya sendiri, akan lebeh bersedia menerima pegawai2 dari Malaysia Barat berkhidmat disana bagi mengisi kekosongan2 mereka buat sementara waktu dan juga untuk membimbing pegawai2 tempatan dalam menjalankan tugas2 pembangunan.

Kerajaan juga tidak membezakan usaha memajukan ranchangan2 kawasan mengikut fahaman politik. Banyak ranchangan2 yang telah ditaja dengan tujuan membangunkan Malaysia Timor. FIDA telah pun menjalankan penyiasatan2 yang khas untuk menyelidik "the potentials of economic development" bagi negeri Sarawak. UNDP telah juga menjalankan siasatan diatas "forestry resources" di Malaysia Timor. Migration Fund Board telah pun lama tertuboh dengan tujuan menghantar tenaga2 pekerja ka Malaysia Timor. "Infrastructure facilities" saperti memperbaiki lapangan2 terbang dan pelabohan2 sedang giat dilaksanakan sekarang ini.

Pendek kata, pembahagian peruntukan wang sebagaimana yang diperuntukan dibawah Ranchangan Malaysia Kedua, dan juga dengan penyertaan wakil2 Kerajaan Negeri Malaysia Timor dalam Jawatankuasa Peranchang Pembangunan Negara merupakan bukti2 yang nyata bahawa Kerajaan Pusat tidak berniat hendak membelakangkan kemajuan Malaysia Timor.

Saya rasa perlu menegaskan bahawa matlamat Kerajaan ialah hendak memajukan pembangunan kawasan2 yang belum lagi dibuka supaya sejajar dengan aliran perkembangan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Dato' Yang Di Pertua,

Sekarang saya suka berpaling kapada dasar luar negeri. Disini saya mohon izin untuk berchakap dalam Bahasa Inggeris

kerana masaalah ini penting bukan saja kapada penduduk2 dinegara kita bahkan lebeh2 lagi kapada dunia luar. Dengan sebab itu, saya suka perkara yang saya hendak terangkan ini dapat difahami oleh pemberita2 luar negeri dengan jelas dan tidaklah timbul silap faham atas perkara ini.

Dato' Yang DiPertua.

From the questions and statements refarding the Straits of Malacca which habe been made in this House, in particular by the Hon'ble Member for Bangsar and the Hon'ble Member for Batu, it appears that certain members of the Opposition regard our assertion of our sovereign rights in the Straits as provocative, making too much fuss and indulging in cold war issues.

It is said that everything has been fine and we are only making difficulties for ourselves. I must say that I am surprised at this attitude. The Hon'ble Member for Batu last Friday even asserted that it is internationally recognised that "one can claim 3 miles" - an assertion which I am afradi serves only to reveal his ignorance of the current state of international law and practice on this question. Indeed, I am surprised to hear this and other assertions from certain members on the opposite Benches, which one would expect from representatives of the great maritime powers rather than those of developing countries which are asserting their sovereign rights over their territorial waters. Be that as it may, it is a fact that following from the Emergency (Territorial Waters) Ordinance 1969, Malaysia has extended her territorial waters to 12 miles.

Now, certain consequences have followed as a result of this specifically in relation to the Straits of Malacca, and certain Hon'ble Memgers of the opposite side seem to have got unnecessarily excited. As a result of our own law, the portion of the Straits

of Malacca, and certain Hon'ble Members of the opposite side seem to have got unnecessarily excited. As a result of our own law, tha portion of the Straits of Malacca which falls within the 12-mile limit or the agreed maridian line with Indonesia (in parts of the Straits which are less than 24 miles wide because Indonesia also has extended her territorial seas to 12 miles) is Malaysian territorial waters, over which we must maintain sovereignty and jurisdiction.

In this connection, I have stated repeatedly that while we cannot accept the internationalisation of the Straits of Malacca, because this is an infringment of our sovereignty, Malaysia recognises and guarantees that the Straits will be open to international shipping without discrimination in accordance with the principles of innocent passage.

We are in consultation with Indonesia, as the other littoral State on the Straits of Malacca, on this question with a view to reaching agreement on the question of safety and patrol of the Straits. In particular, we are concerned about the passage of tankers of more than 200 thousand tons as they constitute a danger particularly through the more shallow parts of the Straits. The dangers of pollution of the waters of the Straits and of any collision are very serious problems for us as they affect the livelihood of large numbers of our people including the supply of fish which is an inportant ekenebt in the diet especially for those in the low-income group.

Dato Yang DiPertua.

The war in Vietnam is probably the most bitter and harrowing in the whole history of human conflict and our heart-felt sympathies go to the people of Vietnam who have had to endure so much suffering for so long. The current situation in Vietnam with intensified

fighting in the South and the US air and naval action in the North is extremely serious and one frought with dangerous and incalculable consequences. We are deeply concerned with these developments but this is a war, and as such, it would be fruitless to condemn or to support any particular action which does not take into account the totality of the conflict and which does not assist in resolving the conflict but which can only prejudice any future role which we may be capable of playing.

Over the years, the Malaysian Government has expressed our belief that there can be no military solution to the conflict, and that there must be negotiations for a peaceful settlement with the objective of ensuring that the people of Vietnam will be free to decide their own future for themselves without any external interference and that they will be able to live at peace with their neighbours in Indo-China and with all other States.

In the current situation, when so much attention has been focussed on the American military action which was announced by President Nixon in this statement of 8th May, it is easy to lose sight of the proposals contained in the same statement regarding a ceasefire, the release of prisoners of war and the withdrawal of US troops from Vietnam. I am not suggesting that the solution to the Vietnam conflict lies specifically in these proposals. I am aware, from the public statements of the North Vietnamese authorities, of their difficulties with regard to these proposals. In any event, any one who has followed the long history of the negotiations in Paris will be aware of the difficulties and objections which each proposal has raised, whether it is the earlier US 8-Point or Hanoi 7-Point or the PRG 9-Point. No one, therefore, can be sanguine about the the prospects for any particular proposal. But, I believe that in the extremely dangerous area

which now pertains, every ray of hope must be further explored and it is important therefore that these suggestions for a negotiated settlement indicated in the President Nixon's speech, and also the proposals which have been put at the Conference Table in Paris, should be explored further with all care and urgency.

The situation in Vietnam today, in which there is every possibility of a confrontatuin of the super-powers, underlines once more that our policy of neutralisation to ensure the sovereignty and forritorial integrity of all States in the area, is both correct and timely. It is my earnest hope that, as the dust of conflict finally settles in Indo-China, there will emerge in Indo-China as in the rest of South East Asia an era of true peace and neutrality in which we may pursue our policids for the betterment and welfare of our peoples in fruitful co-operation with our neighbours and all other States.

In working for the realisation of our objectives, Malaysia will steadfastly follow a neutral foreign policy that the looks to the future that we aspire while at the same time safeguarding our security and integrity in the situation as it obtains today.

Dato Yang Di Pertua,

I turn next to our policey of neutralization, about which the Hon'ble Member for Bangsar spoke in a statement which was more remarkable for its length than for its clarity.

The Hon'ble Member and the Party he represents must really decide where they stand on this issue. In his statement, the Hon'ble Member asks rhetorically whether neutralization woule ensure our security and he then answers himself with great flourish in the negative. But, lest this represents too definite statement of policy, he immediately qualifies himself and goes

on to show his confusion further by saying that Malaysia can expound any foreign policy we want, but it is the super powers who call, and will continue, to call, the tune.

We shpuld perhaps conclude from this defeatist attiude that he advocates that we should not brother to do anything at all. Really, the Hon'ble Member and his Party must do a little better than this. It is no use playing safe by trying to be on both sides of the issue at the same time and expect to be respected. It is no use repeating ideas which this Government has stated for a long time already, as if he is advancing any new thoughts and then expect to be taken seriously.

I have always stated that our neutralization policy is only possible in the context of domestic viability and strength of regional peace and regional co-operation, in which ASEAN has a pivotal role to play. The Hon'ble Member for Bangsar must not expect us to be too impressed by his repetition of these ideas which have long been expressed by the Government as if he was bringing to us some new and fresh thoughts.

The policy of neutralization which we have advocated for some time now has made definite progress in the last year. Malaysia has shown that we are serious about it and that it is a practical and workable policy. We have shown also that we have thought this policy through and we are aware of the pitfalls and dangers ahead and the threats which face many countries in this area, and that we have some clear ideas of the steps which need be taken to bring about the realistion of our objective of a peaceful and neutral Southeast Asia that is no longer the battle ground for the conflicts of the super powers. We have made progress as the Kuala Lumpur Declaration of last November and the reaction of other countries in Southeast Asia as well as those elsewhere have shown.

We are also encouraged by current developments affecting the relation between super powers where their actions and statements of late would appear to argue very strongly for a convergence of their interests in Southeast Asia which would make it condusive for neutralization to come about. The statement by China and the United States contained in the Shanghai Communique renouncing ambitions of a hegemony and the creation of spheres of incluence is particularly pertinent in this respect. I can therefore say that we are making a fair measure of progress towards the realization of our objective of the neutralisation of South East Asia.

I am afraid that Foreign policy requires more patience, care and adroitness than the Hon'ble Member for Bangsar and his Party seem to realise. We have to proceed with a sharp awareness both of our long-term objectives and of the immediate threats and dangers. Our Foreign policy therefore must be such as to bring about the realisation of our objective of a neutral Southeast Asia and, at the same time, protect our immediate interests and safeguard our integrity and sovereignty. We must therefore, make our foreign policy decisions - and foreign policy, I need hardly add, consists of decisions on individual issues as they come up, not of generalised statement which we have hard in this House - within the broad framework of our long-term objectives and of our immediate interests and concerns. We have to see to it that our decisions facilitate the realisation of our objectives or at least not hinder them and also that they do not endanger our immediate safety and security. Malaysia will, therefore, steadily and steadfastly pursue a policy which looks to the future and which is at the same time firmly rooted in the realities of the present.

Kesimpulannya dasar luar kita ialah dasar yang bebas dan berkechuali memandang kapada tujuan matlamat untuk menjamin keamanan dan ketenteraman wilayah Tenggara Asia yang kita harap dapat menjadi kawasan yang bebas dan berkechuali dan memandang juga kapada kepentingan kita pada masa ini.

MANIPOL 11, MEI, 1971.

/ Uchapan berikut merupakan suatu pencherakinan falsafah perjuangan UMNO parti politik ulung negara sejak penubuhannya hingga tanggal 11hb. Mei, 1971 ketika parti tersebut merayakan ulangtahun keduapuluh lima pengasasannya, dan juga falsafah perjuangan selanjutnya untuk masa depan. Adalah dianggap penting untuk mengetahui manifesto politik parti yang terpenting ini maka uchapan penuh yang amat berhormat diperturunkan / *

Kita semua berhimpun disini pada hari ini ialah pada waktu dan ketika yang penting dan bersejarah bagi Parti kita UMNO, iaitu ketika kita menyambut usia Parti kita yang ke-25 tahun.

Kehadhiran saudara2 dimajlis yang bersejarah ini adalah membuktikan dengan jelas dan terangnya dan kejayaan kita, ahli2 UMNO, menjaga perpaduan Parti dan juga kesediaan dan kesanggupan kita menyambong perjuangan UMNO diatas landasan yang telah dibena dengan kukuh 25 tahun yang lalu.

Dalam masa suku abad ini, UMNO,sebagai Parti yang mewakili orang Melayu, telah berjuang ditengah2 gelanggang politik negara untuk kepentingan umat Melayu khasnya dan kepentingan bangsa dan negara amnya. Kita semua bershukur kehadzrat Tuhan Rabul'alamin, pada hari yang bersejarah ini sungguh pun UMNO, sekarang berusia 25 tahun, akan tetapi ia masih lagi kuat dan subur. Saya sendiri mempunyai keyakinan yang penuh bahawa UMNO akan bertambah kuat dan subur pada masa2 yang akan datang.

---

* huruf chondong (italics).

Di hari yang gembira dan bersejarah ini, marilah kita menguchap shukur kehadzrat Allah Subhanahu-wata'ala diatas hidayah-nya kepada kita semua dan perkenannya dalam segala usaha dan per-juangan Parti kita ini. Oleh itu kita bersama2 di majlis ini ber-ikrar dan membaharui azam dan tekad untuk menchapai kejayaan2 yang lebih chemerlang dan manafa'at lagi kepada bangsa, parti dan kita semua di masa2 hadapan.

Sebagai Yang Dipertua UMNO, saya sangatlah terharu men-dengar dan menerima ikrar taat setia saudara2, ahli2 UMNO sekalian yang telah dilafazkan oleh Ketua Pemuda sebentar tadi. Saya yakin dengan pembaharuan ikrar taat setia kepada puchuk pemimpin Parti dan patuh kepada dasar dan perjuangan Parti serta keazaman untuk meneruskan perjuangan Parti, masa hadapan parti kita sangatlah cherah. Saya suka bersama2 saudara2 juga berikrar pada hari ini bahawa saya sendiri pun akan menyabung nyawa saya, jika perlu, bagi mempertahan-kan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita ini dan bersama2 men-churahkan usaha dan tenaga bagi menjaminkan perpaduan dan kebahagian hidup raayat sekalian.

SEMANGAT BERANI MENYALA

Perpaduan dan chinta kepada tanah ayer dan bangsa yang ditunjukkan oleh orang2 Melayu pada masa UMNO ditubuhkan pada 11hb. Mei, 1946, hendak dan mestilah diterus dan dikekalkan. Semangat berani dan kesanggupan untuk menjaga dan mempertahankan kepentingan2 raayat dan hak2 asasi kita mestilah dikekalkan dan diperkukuhkan lagi. Inilah semangat yang ditunjukkan oleh ahli2 UMNO dalam masa 25 tahun mereka berjuang.

Saya bershukur kehadzrat Tuhan kerana semangat ini masih lagi menyala dalam dada tiap2 orang ahli UMNO, pemuda dan Kaum Ibu. Saya yakin dan perchaya, dengan izin Tuhan, semangat ini bukan saja akan terus menyala tetapi merebak di hati setiap ahli UMNO dan Parti kita akan bertambah kuat, bertambah subur dan menchapai kemajuan yang lebih chemerlang lagi pada masa2 yang akan datang.

UMNO telah dilahirkan pada 11hb. Mei, 1946, di Istana Besar, Johor Baharu, ekoran dari satu Kongress Politik Melayu yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mach tahun yang sama. UMNO dilahirkan bagi menentang Malayan Union, iaitu konsep Kerajaan British hendak menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah tanah jajahan langsung atau British Colony dengan merampas hak2 Melayu dan kuasa2 yang ada di tangan Raja2 mereka.

MALAYAN UNION RUNTOH

Alhamdulilah, shukur kita kehadzrat Tuhan, dibawah pimpinan Allahyarham Dato' Onn bin Ja'afar, penganjur Melayu yang ulung dan utama, UMNO dan orang2 Melayu telah berjaya menghapuskan Malayan Union. Malayan Union telah dikuburkan dan Persekutuan Tanah Melayu yang menjamin dan memelihara kedudukan dan kedaulatan Raja2 Melayu dan hak2 istimewa orang2 Melayu telah dilahirkan pada 1hb. Februari, 1948.

Selepas Malayan Union, UMNO telah meneruskan perjuangannya menuntut kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Ahli2 UMNO berpendapat sungguhpun kuasa telah diserah balik kc tangan Raja2 Melayu akan tetapi kuasa penuh atau kuasa muktamad dalam urusan2 Kerajaan dan pentadbiran negara masih tetap berada di tangan British dan selagi keadaan yang demikian berada, maka nasib umat Melayu tidak dapat

dan tidak boleh dibaiki dan Tanah Melayu akan terus dijajah, tidak seperti negara2 jiran di Asia dan serantau yang sudahpun merdeka pada waktu itu.

Dalam tahun 1951, dengan desakan yang kuat daripada Pergerakan Pemuda UMNO, seruan UMNO "Hidup Melayu" telah ditukar menjadi "Merdeka". Bulan Ogos itu juga puchuk pimpinan UMNO telah berubah. Allahyarham Dato' Onn telah meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO dan beliau telah digantikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Mulai dari itu, UMNO telah menjalankan segala ikhtiar dan usaha menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. UMNO telah mengadakan perundingan2 dengan bangsa2 asing yang menumpukan taat setia mereka kepada Persekutuan Tanah Melayu terutama sekali dengan pehak kaum China yang diwakili oleh MCA. Di Perhimpunan Agong UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 29hb. dan 30hb. Mach, 1952, UMNO telah membuat ketetapan menuntut Kerajaan Peralihan dengan seberapa segera.

Kerajaan Peralihan ini hendaklah menyedia dan mengadakan jadual bagi kemerdekaan Tanah Melayu. Waktu itu juga perundingan2 sechara "informal" telah diadakan dengan pehak MCA dan pada 3hb. Februari, 1953, satu perundingan yang disebutkan "perundingan meja bulat" telah dilangsungkan yang bertujuan untuk bertukar2 fikiran dan menchari kata sepakat dengan pehak MCA bagi menentukan strateji tuntutan kemerdekaan negara kita.

Hasil perundingan itu ialah desakan supaya diadakan pilihanraya umum perengkat kebangsaan sechepat mungkin dan setelah itu wakil2 yang dipilih oleh rakyat mestilah menubuhkan kerajaan pemerentahan sendiri atau "self-government". Pada tahun 1954, MIC telah

masuk Perikatan. UMNO, MCA dan MIC telah bertanding dalam pilihan-raya umum yang pertama yang diadakan pada bulan Julai 1955 dan Parti Perikatan yang terdiri dari tiga setiakawan itu telah mendapat kemenangan yang hebat - memenangi 51 daripada 52 kerusi pilihanraya yang dipertandingkan untuk Federal Council atau Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan.

Kemenangan hebat ini menunjukkan dengan jelas bahawa kemerdekaan bagi Tanah Melayu tidak dapat ditangguh2kan lagi. Dalam perundingan2 yang diadakan di London dengan Kerajaan British pada awal tahun 1956, Kerajaan British telah bersetuju memberi Persekutuan Tanah Melayu kemerdekaan penuh pada 31hb. Ogos, 1957.

JASA DUA PUTRA MELAYU

Pada ketika yang bersejarah ini, marilah kita bersama2 memperingati jasa bakti yang chermerlang dua pemimpin agung negara kita. Kedua putra Melayu ini ialah Allahyarham Dato' Onn bin Ja'afar dan Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Allahyarham Dato' Onn ialah penganjur UMNO yang ulung - pengasas UMNO dan penggerak semangat kebangsaan Melayu. Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah bapak kemerdekaan Negara kita. Dibawah pimpinan Tunku, Malaya telah mencapai kemerdekaan dan kemudian Malaysia pula ditubuhkan pada tahun 1963. Juga dibawah pimpinan Tunku, negara kita Malaysia telah melalui berbagai2 perubahan dan menchapai kejayaan2 yang chermerlang baik didalam maupun diluar negeri. Didalam negeri, perpaduan dan semangat muhibbah telah diperkuatkan dan diluar negeri nama Malaysia adalah harum disisi Negara2 lain yang merdeka dan berdaulat.

Setelah menoleh kebelakang mengenangkan sejarah dan peristiwa2 penting dalam perjuangan UMNO selama suku abad, marilah

kita sekarang memandang kehadapan dan bersama2 membuat perhitungan dan memikirkan strateji perjuangan kita dalam tahun2 tujuhpuluhan. Kita, ketua2 dan ahli2 UMNO, telah diberi amanah oleh rakyat untuk meneruskan chita2 dan hasrat rakyat yang belum terchapai.

Pada hari ini kita berikrar bahawa kita tidak akan menghampakan harapan dan hasrat rakyat kepada kita semua. Sebagai sebuah Parti yang memerentah, kita telah menchapai berbagai2 kemajuan yang diidamkan oleh rakyat, tetapi banyak lagi yang masih ditunggu oleh mereka dan ini kita akan sempurnakan dengan sechepat yang boleh.

UMNO dan kawan2nya, MCA dan MIC dalam Perikatan telah memerentah Malaya dan sekarang Malaysia tidak putus2 semenjak tahun 1955 - tahun pertama Malaya menchapai taraf pemerentahan sendiri - hinggalah sekarang; satu masa yang panjang bagi sebuah Parti Politik dalam sebuah negara yang sedang membangun dan yang memegang kuasa sechara demokrasi dan dalam sebuah negara yang mempunyai penduduk2 daripada berbagai bangsa.

Kita berbangga dengan rekod ini tetapi kita janganlah berpuas hati dengan kejayaan2 kita setakat ini. Kita telah melalui pengajaran dan pengalaman yang tidak bagitu manis dalam pilihanraya umum tahun 1969 apabila Parti kita dan kawan2 kita telah menang tanpa majoriti yang telah menjadi kebiasaan kepada kita. Saya harap pengalaman itu bukan akan melemahkan kita bahkan sebaliknya akan membaharui azam dan tekad kita untuk memereksa diri kita dan bersiap sedia bagi menghadapi perengkat baru dalam perjuangan politik kita dalam tahun2 tujuhpuluhan ini.

DEMOKRASI ALA MALAYSIA

Sebarang sejarah berkenaan dengan Malaysia tidak akan lengkap tanpa chatitan terhadap peristiwa 13 Mei yang memaksakan kita membatalkan selama 21 bulan pemerentahan demokrasi berparlimen. Alhamdulillah, kita telah pulih semula kepada pemerentahan sechara demokrasi, walaupun demokrasi ini adalah demokrasi ala Malaysia, iaitu chara yang kita fikir sebaik2nya untuk sebuah negara yang penduduk2nya terdiri dari berbagai2 kaum yang sedang membangun.

Saya fikir sekadar menyebutkan sahaja peristiwa 13 Mei dan ekoran2 darinya, baik di bidang politik, iktisad dan perhubungan antara kaum dan muhibbah antara bangsa, adalah sudah menchukupi kerana saudara2 semua adalah mengetahui peristiwa2 ini. Perkara yang penting sekarang ialah mustahaknya kita mendapat pengalaman dan pelajaran daripadanya buat panduan kita di masa2 akan datang.

Masaalah2 yang kita hadapi sekarang dan di masa2 yang akan datang adalah berlainan dengan masaalah2 yang ada sebelum Mei 13 tahun 1969. Kita adalah menghadapi masaalah2 dan chabaran2 yang lebih sulit dan runit lagi daripada masa2 yang sudah. Kerana perjuangan UMNO dalam tahun2 tujuhpuluhan masuk perongkat baru dan bagi menentukan kejayaan dan kemenangan di gelanggang politik tahun2 tujuhpuluhan dan lapanpuluhan, UMNO dan Perikatan dan Kerajaan sekarang memerlukan chorak, lagak dan imej baru; sikap, chara dan pendirian baru - atau 'new style and new approach' dalam pentadbiran dan pimpinan siasah.

REALISM BARU PERLU

Dalam mengamalkan 'new style dan new approach' atau langkah baru ini, dalam pentadbiran dan pimpinan Parti dan Kerajaan, satu faktor yang utama untuk memandu dan menggerakan kita kearah kejayaan

ialah wujudnya sifat2 new realism atau sifat2 sanggup dan priority atau keutamaan yang betul dalam susunan hidup masharakat kita supaya tindak tanduk hidup kita sesuai dengan tuntutan zaman.

Kejayaan UMNO setakat yang ada ini, ia-lah terutama sekali kerana taat setia ahli2 UMNO di semua perengkat dan di merata cheruk kepada puchuk pimpinan UMNO. Tetapi di masa yang akan datang kita berkehendakkan lebih daripada taat setia daripada ahli2 UMNO bagi menjaminkan keutuhan Parti. Kita berkehendakkan perpaduan yang lebih erat lagi dari ahli2 UMNO. Kita berkehendakkan ahli2 UMNO mempunyai pandangan yang luas dan jauh, dayausaha, tekun dan jujur untuk mendukung dan menimpin UMNO. Perjuangan dan pergolakan politik di tanah ayer kita ini telah masuk ke-perengkat baru atau 'new phase', maka 'new features' atau sifat2 baru dalam dasar perjuangan dan matlamat kita mestilah diadakan sesuai dengan kemasukan kita kedalam perengkat baru ini.

Saya chadangkan bagi menghadapi chabaran2 di perengkat baru dalam tahun2 tujuhpuluhan ini, UMNO mengadakan manisfesto politiknya sendiri dan sempena Jubli Perak UMNO, saya shorkan kita menamakan manifesto politik itu "Manipol 11 Mei, 1971".

Manipol 11 Mei, tahun 1971 ini hendak-lah di-jadikan panduan dan tekad perjuangan ahli2 UMNO seluruhnya untuk mara kehadapan menjadi satu bangsa yang benar2 bersatupadu, progresif, maju dan tamadun sesuai dengan zaman hidupnya.

Prinsip2 Manipol 11 Mei, tahun 1971 ia-lah:-

(1) Keperchayaan kepada Tuhan.

(2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

(3) Keadilan dan Displin.

(4) Keperibadian Negara.

(5) Keperchayaan dan Berdikari.

(6) Keutuhan demokrasi Ala Malaysia.

(7) Kesedaran hakikat (new realism and dynamism).

Manipol 11 Mei tahun 1971 hendaklah dijunjung tinggi dan dijadikan asas perjuangan politik UMNO bagi membentukkan satu bangsa Malaysia yang sebenar2nya kuat dan bersatupadu. Manipol 11 Mei tahun 1971 ini adalah tambahan2 yang bertujuan bagi menguatkan lagi semangat dan isi Perlembagaan Negara, Rukunegara dan Perlembagaan UMNO sendiri.

Hasrat UMNO sama dengan hasrat rakyat. Parti kita, UMNO, adalah Parti yang dipunyai oleh rakyatm mewakili rakyat dan telah banyak menunjukkan jasa2 dan bakti2 kepada bangsa dan negara kita. Kita telah meruntuhkan Malayan Union. Kita telah menegakkan kemerdekaan Tanah Melayu dan mempertahankan kemerdekaan itu. Kita telah mewujudkan Malaysia dan mempertahankan Malaysia. Kita telah berjaya menghadapi rintangan2 dan musuh2, baik dari dalam maupun dari luar. Bagitu juga dalam parti kita, kita telah menghadapi berbagai krisis dari satu masa ke satu masa, tetapi dengan izin Tuhan, kita telah berjaya mengatasinya semua sekali.

Semua perkara2 ini adalah menjadi pengajaran dan pengalaman kepada kita. Pelajaran yang penting sekali yang kita boleh dapati daripada semua perkara2 ini ialah sebagai sebuah parti siasah, <u>kita tidak boleh berpisah daripada chita2 rakyat.</u> UMNO, sebagai parti yang telah mula2 diwujudkan untuk menyatupadukan orang2 Melayu dan yang kemudiannya bersama2 dengan rakan2nya, MCA dan MIC, menuntut kemerdekaan dan mewujudkan Malaysia yang kita kasihi, tidak boleh berpisah daripada chita2 dan hasrat rakyat yang kasihkan kita ini.

Kekuatan UMNO adalah terletak diatas kedudukan dan peranan kita bagi memperjuangan chita2 dan hasrat rakyat. Dengan sebab itu, jikalau kita berpisah dari chita2 itu maka kita akan terlepas daripada akar umbi yang menyubur dan menguatkan pertumbuhan Parti kita.

DASAR KEPENTINGAN NEGARA

Oleh kerana keadaan politik UMNO adalah parti orang2 Melayu tetapi pada hakikatnya UMNO adalah memperjuangkan kemudahan dan kesenangan untuk semua rakyat yang miskin tanpa mengira bangsa dan UMNO akan mendahului kepentingan nasional dan rakyat daripada kepentingan seksional atau puak2 yang tertentu. Kita akan memechahkan masaalah2 berdasarkan kepada kepentingan negara dan keuntungan rakyat selurohnya terutama sekali mereka yang tidak berada.

Dalam zaman pembangunan ini, apakah sebenar2nya perasaan dan hasrat atau chita2 rakyat khasnya ahli2 UMNO? Chita2 dan hasrat rakyat ialah mereka itu berkehendakkan kepada perubahan nasib. Mereka berkehendakkan taraf hidup mereka diperbaiki supaya menjadi lebih tinggi dan lebih sempurna lagi daripada yang ada pada hari ini. Mereka berkehendakkan kedudukan ekonomi diperbaiki sesuai sebagai rakyat sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan sedang membangun.

Pemimpin2 UMNO dan Kerajaan Perikatan sedar dan mengetahui chita2 dan hasrat rakyat ini. Dengan sebab itu, Kerajaan sedang menjalankan ikhtiar2 dengan seberapa dayanya yang boleh untuk memperbaiki ekonomi dan taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang miskin dan mundur.

Sebagai ahli2 UMNO, kita bersama2 bertanggungjawab untuk

memperjuangkan chita2 dan tujuan UMNO serta hasrat rakyat dalam lapangan ekonomi dalam meninggikan taraf hidup dan juga mempertahan dan memperlindung dasar2 rukun damai kita, serta memelihara perasaan muhibbah antara warganegara Malaysia yang berbagai keturunan bagi melaksanakan dasar kita untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang tulin, kuat dan maju.

DISIPLIN

Oleh sebab kita mempunyai chita2 yang mulia dan tinggi, dan kerana banyak lagi pekerjaan2 mustahak yang kita belum laksanakan, maka sangatlah mustahak kita memperkuatan Parti kita; memperkuatkan jentera kita. Segala tenaga dan semangat ahli2 UMNO - Pemuda dan Kaum Ibu hendaklah disalurkan bagi melaksanakan usaha2 yang berfaedah dan manfaat kepada bangsa dan negara. Parti kita mestilah menurut landasan2 disiplin yang tertentu.

Disiplin tidaklah bererti membatasi kebebasan seseorang - kebebasan Pemuda, Wanita dan Ahli2 UMNO untuk bergerak atau bersuara. Disiplin hanya sekadar bererti mengenakan aturan2 tertentu supaya tiap2 gerakan seseorang itu disalurkan sesuai dengan dasar2 dan chita2 perjuangan Parti dan Negara.

Insha' Allah, dengan berkat Tuhan, jika ahli2 UMNO taat kepada disiplin Parti dan berjuang mengikut landasan2 yang telah ditetapkan dan kesemua ahli UMNO, tanpa kira pangkat, terus jujur dan ikhlas dan bersama2 kita kembali kepada semangat UMNO tahun 1946 atau semangat tahun 1955, UMNO tetap akan terus maju dan berjaya pada masa yang akan datang. Rakyat akan menyokong kita. Sharatnya kita semua kembali kepada semangat tahun 1946 dan 1955, iaitu semangat mengorbankan masa, hartabenda dan tenaga semata2 kerana perjuangan kebangsaan tanpa mengira dan mengharapkan sebarang balasan.

MESTI AMANAH!

Kekuatan UMNO dari dahulu hinggalah sekarang adalah kerana ahli2nya taat kepada pemimpin2 agung mereka dan patuh kepada disiplin untuk memelihara perpaduan dalam Parti. Dalam masa 25 tahun yang lalu, Tuhan telah kurniakan hidayahnya kepada kita dan telah menyertai perjuangan kita. Marilah kita berdoia mudah2an Tuhan tunjukkan jalan yang benar dan jujur untuk kita meneruskan tugas2 kita bagi memenuhi kehendak2 dan keperchayaan rakyat kepada kita.

Akhirnya marilah kita kembali kepada semangat perjuangan kita pada tahun 1946 dan 1955 dan berikrar pada hari yang bersejarah ini untuk berkhidmat kepada bangsa, tanah ayer dan Parti kita dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah.

BERJAYA!

KEARAH MALAYSIA YANG BERSATU DAN TEGUH

(Olehkerana sangat banyak uchapan2 Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak yang membentangkan dasar2 negara, kerajaan dan partai, sangatlah susah untuk kita memilih yang mana satu boleh memberi gambaran yang lebih lengkap. Uchapan yang diturunkan dibawah ini telah dilafazkan didalam Perhimpunan Tergempar PKMB (UMNO) pada 23.1.1971 di Kuala Lumpur.

Sebab uchapan ini menandakan permulaan "babak baru" dalam perkembangan falsafah politik dan garis2 panduan pembangunan negara, maka ianya telah sengaja dipilih sebagai sebuah uchapan yang sesuai sekali untuk menggambarkan dasar2 Kerajaan Malaysia dari partai pemerintah bagi maksud kumpulan uchapan2 dasar ini)*

Tahun ini kita memasuki babak baru dalam perjalanan sejarah Partai dan negara. Sebulan dari hari ini, pada 22hb. Februari, kita akan kembali semula kebidang demokrasi ber parlimen setelah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong merasmikan pembukaan sidang baru Parlimen. Sekaligus dengan itu, Majlis Gerakan Negara yang telah menjalankan pentadbiran negara sejak kejadian 13 Mei dulu akan bubar dan semua kekuasaan akan terpulang semula kepada Jema'ah Menteri yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen.

Dengan pemulihan semula Parlimen serta Dewan2 Undangan Negeri bolehlah kita berbangga kepada dunia umum atas kejujuran dan kesanggupan kita menjunjung tinggi konsep demikrasi berparlimen dan ketegasan kita mengamalkannya. Tiada siapa, baik anasir2 didalam negeri maupun yang diluar negeri, boleh sewenang2 menuduh Kerajaan kita, menuduh UMNO dan Partai Perikatan hendak mengekalkan pentadbiran kekuasaan 'dictatorship' menerusi MAGERAN. Semua tohmah dan fitnah mereka itu tidak benar dan dengan sendirinya menjadi abu dan angin sahaja.

TUNKU

Saudara2: Baru sebentar tadi kita semua telah mendengar amanat terakhir dari pemimpin yang kita kasihi,

---

* Huruf chondong (italics).

Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, sebagai Yang Dipertua UMNO. Kita semua, dan sesungguhnya UMNO, amat bertuah mendapat pemimpin dan bimbingan yang bijaksana dari Y.T.M. Tunku itu sejak beliau mengambil alih teraju pimpinan UMNO duapuloh tahun lalu. Dalam tempoh itu pula kita telah melihat perkembangan2 dan kemajuan2 yang pesat di medan perjuangan Perlembagaan yang sebahagian besarnya dipelopori oleh UMNO, yang menghasilkan kemenangan besar membawa kemerdekaan pada tahun 1957.

Sepertimana telah saya katakan pada Perhimpunan 22hb. September dulu, kita sama2 bersedih atas keputusan Y.T.M. Tunku untuk meletakkan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri. Hari ini kita turut berdukachita atas persaraan beliau dari puchuk pimpinan UMNO. Perpisahan beliau dari tengah2 kita semua merupakan satu detik sejarah pula kerana dengannya bermakna permulaan satu phase baru, satu lembaran baru, dalam sejarah perjuangan UMNO.

Tidak sesiapa yang boleh menafikan bahawa dibawah pimpinan Y.T.M. Tunku, UMNO telah dibentuk dan disusun menjadi partai politik yang terkuat sekali di negara kita. Dibawah arahan beliau pulalah ahli2 Partai dengan tidak mengira penat lelah bergerak terus menjalankan tugas dan kewajiban masing2 membangunkan perasaan kesedaran dan semangat kebangsaan rakyat, menchetuskan keinginan hendak berdiri-sama-tinggi dan duduk-sama-rendah dengan bangsa2 lain yang merdeka dan berdaulat. Ingatan kita masih segar tentang peristiwa UMNO mengadakan perarakan2 dan tunjuk2 perasaan mendesak supaya Kerajaan British menyerahkan kekuasaan kapada rakyat negeri, sejarah telah mengabadikan hakikat bahawa rakyat yang bersatu dibawah pimpinan Y.T.M. Tunku dan panji2 UMNO serta rakan2 seperjuangannya berjaya merebut kemerdekaan tanpa pertumpahan darah atau kekerasan.

PARTAI

Saudara2: Sebagaimana yang sama2 kita maklum, sejak dari beberapa lama dahulu lagi, Y.T.M. Tunku telah menamakan saya sebagai ganti beliau untuk menyandang jawatan Perdana Menteri. Ini telah menjadi kenyataan apabila beliau mengundurkan diri pada 22hb. September. Dan pada hari ini pula beliau memberikan saya kehormatan yang tidak ternilai

menggantikan beliau sebagai Yang Dipertua UMNO yang baru. Saya uchapkan setinggi2 terima kasih kepada Y.T.M. Tunku diatas keperchayaannya terhadap diri saya dan kepada saudara2 diatas taat setia dan juga keperchayaan kepada diri saya.

Bagaimanapun, janganlah pula diertikan bahawa pimpinan baru UMNO yang saya ketuai sekarang ini merupakan satu titik pemisahan dalam perjalanan Partai kita. Perubahan yang berlaku hanyalah pada puchuk pimpinan dan bukan pada tubuhbadan UMNO. Sudah sewajarnya bagi semua kejadian Tuhan mengalami perubahan. Oleh demikian, apa yang kita alami sekarang ialah pimpinan yang baru sedangkan pada hakikatnya UMNO masih merupakan pertubuhan yang sama, iaitu organisasi yang bersama2 kita sambut kelahirannya puluh lima tahun dahulu dan bersama2 pula kita bimbing dan pelihara hingga menchapai kedewasaannya sekarang ini.

Oleh itu, dengan terserahnya teraju pimpinan Partai kepada saya adalah berupa penyambungan dalam perjalanan hidup pertubuhan ini yang telah melalui liku2 zaman, melihat berbagai rupa peristiwa serta mengalami detik2 suka dan duka. Inilah kali kedua dalam sejaran pertubuhan UMNO, kita mengalami peralihan puchuk pimpinannya. Pertama kali dalam tahun 1951 semasa Y.T.M. Tunku mengambil alih pimpinan dari Allahyarham Dato' Onn dan pada hari ini kenalah giliran saya pula memikul bebanan dan tanggungjawab untuk memimpinnya.

Kita bershukur kepada Allah yang memberikan taufik dan hidayahnya kepada kedua2 pemimpin kita yang terdahulu itu, yang telah banyak sekali berjasa bukan sahaja kepada Partai kita, bahkan dengan berkat pimpinan mereka itulah bangsa dan negara kita menchapai darjat dan mertabat yang tinggi hari ini.

Saudara2: Tidak shak lagi tahun2 tujuh puluhan dan tahun2 akan datang ini membawa masalah2 baru dan dugaan2 penting kepada negara kita. Oleh demikian sudah sewajar pulalah Partai kita UMNO memperkemaskan diri dan bersedia menghadapi chabaran2 masa depan itu. Sayugia kita ingat masalah2 dan chabaran2 yang berbagai rupa dan kompleks itu menghendaki pemikiran baru yang segar supaya kita dapat menghadapi dan menghuraikannya untuk manfaat dan kebaikan rakyat umum. Oleh itu, kita harus

bersedia mengambil 'approach' yang sesuai serta sikap yang tegas menentukan strateji bagi menghuraikan segala masaalah dan persoalan yang bakal kita hadapi itu sambil mendorong Partai kearah kemajuan setiap masa. Bahkan adalah mustahak bagi setiap orang mempunyai pandangan yang luas dan 'outlook' yang baru asal saja tidak menyeleweng dari landasan Partai.

Pada pendapat saya, dalam menghadapi chabaran2 hari depan yang berbagai chorak ini kita memerlukan strateji yang kemas dan juga bersedia menukar chorak Partai UMNO ini. Begitu pula kalau keadaan mengendaki kita perlu menukar ataupun menyesuaikan dasar pemerentahan supaya kita dapat memenuhi hasrat rakyat menuju matlamat negara makmur dan bahagian yang dichita2kan itu.

Sepertimana saya katakan pada Perhimpunan kita 22 September lalu, saya suka mengulangi lagi iaitu puncha dan keteguhan Kerajaan itu adalah pada Partai kita. Oleh demikian, terserahlah kepada kita semua ahli2 dan pemimpin2 UMNO tanggung-jawab menentukan garis2 panduan untuk menyelaraskan dasar Kerajaan dengan Partai supaya dapat memenuhi hasrat rakyat yang berkehendakkan perubahan2 dan kemajuan2.

Saudara2: Tidak lama lagi, tegasnya pada 11hb. Mei akan datang ini, UMNO akan merayakan Ulangtahunnya yang Ke-25. Untuk menghormati hari yang bersejarah itu, saya berchadang hendak mengadakan satu Perhimpunan Agong Khas dimana kita akan membinchangkan hal-ehwal Partai pada keseluruhannya. Saya harap chadangan Majlis Kerja Tertinggi hendak meminda Per-lembagaan seperti yang dibentangkan dalam Persidangan ini dapat dibinchang dan saya sendiri antara lain hendak menge-mukakan beberapa perkara yang bertujuan untuk membaiki per-jalanan Partai serta melichinkan kerja2nya. Tidak siapa yang boleh menyangkal bahawa UMNO sebagai Partai terbesar adalah tulangbelakang Perikatan. Dengan kedudukan UMNO yang penting dalam Perikatan maka kita telah dapat membentuk sebuah per-tubuhan politik yang mewakili gulungan terbesar rakyat dan mempunyai penuh kekuatan serta kebolehan untuk mentadbirkan negara ini. Saya rasa tidak ada Partai yang lain, baik sechara bersendirian maupun kalau mereka bergabung - jika ini boleh - yang dapat menyaingi Partai Perikatan ataupun menggantikannya. Ini adalah hakikat yang nyata, akan tetapi dalam pada itu, kita mestilah sentiasa menjaga perjalanan Partai dan terus membaiki jenteranya sesuai dengan kehendak2 masa.

Saudara2: Tempoh duapuluh lima tahun usia UMNO, sudah barang tentu merupakan satu batutanda sejarah yang penting. Bersempena dengan tarikh itu patutlah kita fikirkan bersama langkah2 mustahak menyemak Perlembagaan pertubuhan ini untuk membuat pindaan2 yang diperlukan setelah mengkaji dengan teliti tuntutan2 baru yang timbul dan keutamaan2 bagi memperkemaskan perjalanannya dalam menghadapi chabaran2 masa depan.

Seperti yang saya katakan tadi, hanya Perikatan sajalah yang mempunyai kemampuan dan kebolehan mentadbirkan negara kita, kalau kita inginkan keamanan dan kemakmuran seperti yang ada sekarang ini. Sebagai Partai yang berteraskan bumiputra, maka diatas bahu kitalah terletak tanggungjawab yang maha besar dan maha berat bagi menentukan nasib dan hari depan negara. Kita hendaklah mengambil inisiatif dalam semua bidang, terutama dalam usaha membentuk negara dan bangsa Malaysia yang benar2 bersatupadu, baik pada peringkat paling bawah maupun pada peringkat yang paling tinggi. UMNO seharusnya mempelopori usaha2 yang bersangkut dengan kebajikan dan kepentingan rakyat dalam semua lapangan. Hanya dengan demikian, barulah rakyat dapat merasakan mustahaknya UMNO dalam kehidupan mereka sehari2 dan menerima pimpinan serta bimbingan kita.

Untuk menunaikan tanggungjawab kita itu, adalah mustahak sekali UMNO mempunyai disiplin atau tatatertib dikalangan ahli2nya pada semua peringkat. Tanpa disiplin yang teguh, sudah tentu tidak akan terjamin kekuatan yang diperlukan bagi sebuah pertubuhan politik. Disiplin yang kukuh dan peraturan2 yang tersusun baik akan menjaga lancharnya pentadbiran Partai dan mengelakkan kerumitan yang menghalang atau merosakkan jentera pentadbiran Partai. Dan yang paling mustahak ialah setiap anggota UMNO hendaklah patuh pada disiplin Partai kita.

Saya ingin melihat keadaan yang lebih lichin dan teratur dalam pertubuhan UMNO berlandaskan Perlembagaan yang telah kita persetujukan bersama. Pentadbiran hendaklah sentiasa kemas dan jentera Partai mestilah berjalan terus setiap masa. Meshuarat2 hendaklah diadakan sechara tetap dan pada masa yang ditentukan. Ini sanagat2lah mustahak kerana disinilah baru dapat kita mengukur kesanggupan pemimpin2 Partai dan rasa tanggungjawab mereka kepada UMNO. Saya hendak menetapkan disini iaitu mulai dari sekarang meshuarat Jawatan-

kuasa Chawangan hendaklah diadakan sekurang2nya sekali dalam sebulan, sementara meshuarat2 Jawatankuasa Bahagian hendaklah diadakan dua bulan sekali. Majlis kerja Tertinggi akan mengadakan meshuarat tiap2 dua bulan sekali sekurang2nya. Saya harap saudara2 akanbertindak melaksanakan arahan ini.

Saya mengambil peluang ini juga untuk merakamkan rasa terima kasih kepada saudara2 sekalian atas taat setia yang tidak berbelah bagi dan sokongan saudara2 terhadap UMNO di masa sudah2. Berkat taat setia saudara2 dan kesediaan saudara menjalankan arahan2 Partai, UMNO dan seterusnya Perikatan dapat kekal memegang pimpinan dan kekuasaan mentadbirkan negara. Saya yakin selagi setiap ahli Partai kita tetap patuh pada dasar perjuangan Partai dan mempunyai tekad serta keazaman meneruskan perjuangan kita, negara akan tetap dalam keadaan terkawal dan sentiasa bergerak menchapai kejayaan2 baru.

Sekali lagi saya berharap setiap Chawangan dan Bahagian dan setiap ahli UMNO termasuk Kaum Ibu dan Pemuda hendaklah membaharui azam masing2 untuk meneruskan perjuangan suchi menuju matlamat yang dichita2 itu.

PERLEMBAGAAN

Saudara2: Sebagaimana yang seringkali saya sebutkan, negara kita tidak boleh mengalami lagi sekali peristiwa 13 Mei. Biarlah peristiwa yang telah berlalu itu termaktub dalam sejarah negara menjadi lambang kenyataan yang membawa pengajaran2 penting untuk semua. Antara lain2, peristiwa ini menekankan betapa mustahaknya kita memahami sejarah politik dan Perlembagaan, dan juga pentingnya menginsafi perasaan2 perkauman jika pergaduhan kaum yang mungkin lebih dahshat hendak dielakkan pada masa depan. Trajedi ini juga membuktikan bahawa kebebasan berchakap dan lain2 yang dijunjung tinggi dalam sistem demokrasi kita telah disalahgunakan oleh anasir2 dan gulongan2 yang tidak bertanggungjawab. Penyelesaian masaalah ini hendaklah merupakan jaminan iaitu pada masa2 hadapan persoalan2 yang sensitif ini tidak akan dichabar lagi oleh proses2 demokrasi.

Satu langkah untuk menyelesaikan masaalah ini yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan ialah meminda beberapa peruntukan didalam Perlembagaan negara kita. Saya perchaya

saudara2 sekalian telahpun membacha Kertas Putih berkenaan dengan pindaan2 itu yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan pada hari ini. Tujuan Kertas Putih ini sebagaimana ternyata didalamnya ialah untuk menerangkan kepada orangramai perkara2 yang akan dipinda dan sebab2 Kerajaan mengambil keputusan meminda peruntukan yang berkenaan itu.

Perkara yang akan dipinda itu ialah Perkara 10 berkenaan dengan kebebasan berchakap dan berfikir; Perkara 63 dan 72 berkenaan dengan keistimewaan ahli2 Parlimen dan ahli2 Dewan Negara Malaysia; Perkara 152 berkenaan dengan Bahasa Malaysia; Perkara 153 berkenaan dengan hak2 istimewa orang2 Melayu dan juga Perkara 159 mengenai chara2 meminda Perlembagaan.

Pindaan ini difikirkan sangat perlu untuk mengelakkan berulang lagi peristiwa 13 Mei. Kerajaan serta juga Majlis Perundingan Negara telah mengkaji dengan seberapa telitinya dan telah mengambik keputusan bahawa inilah jalan keluar yang sehabis2 baik untuk mengekalkan perpaduan negara kita dan juga menjamin masa depan Malaysia. Saya tidaklah berchadang hendak menerangkan dengan lebih lanjut sebab2 Kerajaan membuat keputusan ini kerana Kertas Putih itu sendiri telahpun menjelaskannya.

Saya hendak menegaskan sekali lagi bahawa pindaan2 ini sangatlah diperlukan demi kepentingan negara dan saya berkehendakkan sokongan tegas dari saudara2 sekalian dengan sepenuhnya didalam hal ini. Saya harap saudara2 sedar dan fahan sepenuhnya tujuan2 kita meminda Perlembagaan itu. Oleh demikian, saya perchaya saudara2 sekalian akan memberi kepada Kerajaan Kita sepehuh2 sokongan saudara demi kepentingan kewujudan negara kita. Hanya dengan jalan ini sahajalah kita dapat menjaminkan masa depan sistem Kerajaan yang demokrasi dan menyatupadukan negara kita.

RUKUNEGARA

Saudara2: Selain daripada pindaan2 ini, pada tahun lalu Kerajaan telah juga mengishtiharkan Rukunegara didalamana dimaktubkan tatasusila dan tanggungjawab2 yang harus diamalkan oleh setiap warganegara Malaysia. Tukunegara ini sebagaimana kerapkali saya sebutkan adalah bertujuan untuk mendidik

warganegara kita menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab dan benar2 berjiwa Malaysia.

Saya perchaya selepas trajedi 13 Mei dulu, sikap kebanyakan daripada rakyat telah berubah dan saya yakin mereka akan membuka mata bukan sahaja bagi memahami Perlembagaan negara kita tetapi juga mengamalkan kelima2 prinsip Rukunegara. Saya juga berharap mereka memahami dan menerima sebab2 mengapa Perlembagaan itu dipinda.

Hanya dengan memahami sepenuhnya 'Kitab Negara' ini dan mengamalkan petunjuk2nya baharulah wujud sikap tanggungjawab dikalangan rakyat dan selepas itu akan tumbuh perasaan kebangsaan dan keperibadian kebangsaan sendiri. Hanya setelah wujud chita2 kebangsaan dan keperibadian kebangsaan ini barulah amalan demokrasi yang sihat di negara kita dapat berjalan terus tanpa sekatan dan gangguan. Dalam keadaan itu kita tidak lagi meng-hendaki kawalan2 atau safeguards yang tujuannya ialah semata2 menjamin kehidupan sechara demokratik ini berakar umbi dalam masharakat kita yang berbilang bangsa. Apabila ini terchapai dapatlah kita katakan perpaduan bangsa benar2 wujud di negara ini.

Dengan harapan itulah saya telah memberi arahan supaya Majlis Muhibbah Negara menjalankan segala ikhtiar untuk menyemai-kan benih2 muhibbah, memahami Perlembagaan dan mengamalkan Rukunegara dikalangan rakyat jelata, terutama sekali disisi kanak2 sekolah dan belia2 kita. Saya berharap ikhtiar ini mendapat sambutan demi kepentingan negara, perpaduan kaum dan kesejahteraan rakyat sekalian. Disamping itu saya juga ingin menggesa pemimpin2 dan pertubuhan2 masharakat di seluruh negara supaya memchari inisiatif sendiri untuk memupuk perasaan muhibbah dan mengembangkan rasa persefahaman dikalangan rakyat jelata kerana hanya menerusi muhibbah dan persefahaman barulah dapat kita mewujudkan perpaduan negara dan menjamin masa depan Malaysia.

DASAR EKONOMI BARU

Kerajaan Perikatan yang baharu yang saya pimpin berazam hendak membawa kemakmuran, keamanan, perasaan muhibbah dan per-paduan yang berkekalan kepada negara kita yang dikasihi dan khasnya kepada mereka yang tidak berada.

Tidak lama dahulu, saya telahpun mengishtiharkan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk membaiki kedudukan ekonomi negara yang tidak seimbang. Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa ranchangan baharu bagi memperhebatkan lagi pembangunan pertanian dan perusahaan disamping memberi peluang yang lebih besar dan berkesan kepada mereka yang tidak mendapat peluang dalam bidang perindustrian dan perusahaan. Kesimpulannya, Dasar Ekonomi Baru ini yang akan dilancharkan dengan rasminya dibawah Ranchangan Malaysia Kedua dalam sedikit masa lagi mempunyai dua matlamat utama. Yang pertama ialah untuk membasmikan kemiskinan tanpa mengira bangsa dan keduanya menchapai perpaduan negara dengan chara mengimbangkan kedudukan ekonomi negara.

Saya sukachita mengumumkan bahawa Kerajaan telahpun merangka strateji2 yang realistik untuk menchapai kedua2 matlamat ini. Pertama, mengadakan ranchangan2 untuk membasmi kemiskinan di dikalangan rakyat jelata yang tidak berada, baik di luarbandar maupun didalam bandar. Kedua, meninggikan kadar pertumbuhan ekonomi (economic growth) dengan chara memperhebatkan lagi ranchangan pembangunan pertanian dan perusahaan termasuklah penyertaan Kerajaan dalam ranchangan2 pembangunan ini. Ketiga, mewujudkan satu gulongan pengusaha dan pedagang dikalangan orang2 Melayu pada semua lapisan dan keempat 'restructuring' atau menyusun semula masharakat Melayu di luarbandar yang semata2 bergantung kepada pertanian dan mengubahnya menjadi masharakat moden yang berlandaskan pertanian dan juga perusahaan dan perdagangan.

Dalam hubungan ini, saya sudahpun menyatakan keputusan Kerajaan hendak menggalakkan perusahaan2 di bandar2 dalam kawasan luarbandar. Kerajaan pusat dan Kerajaan2 Negeri akan mengambil bahagian dalam perusahaan2 baru ini samada sechara sendirian ataupun sechara 'joint-venture' dengan pehak swasta. Potensial untuk perusahaan2 baru di bandar2 kawasan luarbandar amatlah baik terutama 'agro-based industries' yang berlandaskan kayukayan dan bahan2 makanan.

Ranchangan Pembangunan pertanian akan dilaksanakan dengan pesat. Selain dari Ranchangan Tigasegi Jengka yang sedang berjalan sekarang, Kerajaan sedang membuat kajian atau 'feasibility study' bagi kawasan Pahang Tenggera dan Johor yang melibatkan hampir2 dua juta ekar.

KEMISKINAN

Saudara2: Sebagaimana yang kita ketahui, masaalah kemiskinan yang masih terdapat di negara kita ini bukanlah hanya masaalah ekonomi sahaja, bahkan adalah juga masaalah politik dan masaalah kebudayaan yang melibatkan perasaan atau emosi. Masaalah kemiskinan ini, jika dibiarkan berterusan, sudah tentu akan membahayakan ketenteraman negara. Oleh sebab itulah Kerajaan berazam hendak menyelesaikan masaalah ini dengan seberapa segera.

Ranchangan2 untuk menuelesaikan masaalah kemiskinan telah juga disiarkan dan ranchangan2 ini meliputi bidang perdagangan dan pembangunan luarbandar dengan chara besar2an. Ranchangan Pembangunan Malaysia Kedua dan ranchangan2 seterusnya akan lebih menitikberatkan projek2 yang bertujuan meninggikan pendapatan gulongan rendah dan meluaskan peluang2 bekerja bagi kaum belia dalam semua lapangan. Kejayaan projek2 ini dengan sendirinya akan mengubah chara dan chorak kehidupan masharakat luarbandar menjadi masharakat moden dan maju yang sanggup menerima unsur2 kemajuan teknoloji seperti masharakat di negara2 yang sudah maju. Perubahan ini bukan sahaja meluaskan peluang bekerja dan meninggikan pendapatan mereka tetapi juga menjadi jaminan utama untuk menjayakan ranchangan2 perusahaan moden di negara kita. Hasil dari perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini bermakna lebih ramai lagi orang2 Melayu akan mengambil bahagian dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Dengan demikian, dapatlah kita mengatasi keadaan sekarang dimana hanya sebilangan kechil sahaja orang2 Melayu menjadi pengusaha2 atau pun dilantik sebagai pengarah2 dan 'executive' dalam lapangan perusahaan. Bahkan adalah tujuan utama kita mengadakan dan menambah bilangan pengusaha2 dan pemilik2 industri dan perniagaan yang besar dan yang kechil.

Kerajaan sedar bahawa perpaduan negara tidak akan wujud sekiranya kedudukan ekonomi yang tidak seimbang dikalangan rakyat berbagai kaum tidak diatasi dan kemajuan serta kemakmuran negara tidak dinikmati dengan lebih adil dan saksama. Dari itu, perlulah bagi Kerajaan menjalankan ranchangan2 yang telah disusun supaya matlamat merapatkan jurang perbedzaan diantara gulongan yang berada dan tidak berada dapat dichapai dengan seberapa segera.

Tetapi saya suka menegaskan disini bahawa dalam melaksanakan dasar ini kita akan bersifat adil kepada semua pehak. Kita tidak sekali2 hendak mengambil atau merampas hak2 yang ada pada orang2 yang bukan Melayu. Sebaliknya kita berharap dan perchaya yang mereka itu akan memberi kerjasama untuk menjalankan dasar bagi mengwujudkan perpaduan penduduk2 daripada berbagai2 kaum dan menjaminkan keselamatan dan keutuhan negara kita.

Kedua2 objektif Dasar Ekonomi Baru kita mestilah dijalankan serentak kerana kedua2 ini merupakan tiang yang kukuh bagi kita membena diatasnya masharakat dan negara Malaysia yang kita ingini.

PELAJARAN

Sebagaimana yang sama2 kita maklum, bagi bangsa yang membangun seperti kita ini, pelajaran adalah salah satu usaha pelaboran atau 'investment' yang amat penting untuk menjamin ketahanan negara. Dasar pelajaran negara adalah menjadi ukuran bagi kesediaan kita serta kemampuan kita untuk menghadapi chabaran2 hari depan. Dalam melaksanakan dasar pelajaran negara, tidaklah harus kita abaikan mustahaknya menjaga supaya standard pendidikan yang diberikan kepada anak2 kita adalah sesuai dan seimbang dengan tuntutan hendak melengkapkan mereka sebagai tenaga tulangbelakang negara dimasa akan datang.

Dalam bidang pendidikan ini, kita telah mengalami perkembangan2 menghendaki perhatian dan penyesuaian dalam ranchangan pendidikan negara. Ilmu pengetahuan terutama dalam setengah2 bidang mengalami perkembangan yang hebat di zaman yang penuh dengan kemajuan sains dan teknoloji. Oleh yang demikian, semakin segera kita memerlukan tenaga2 kemahiran supaya masharakat kita boleh mendekati, kalau pun tidak, menchapai sepenuhnya kemajuan masharakat2 teknoloji yang lain.

Bagi memenuhi keperluan dan tuntutan2 menjamin perkembangan ekonomi, sosial dan politik, kita hendaklah memberi kemudahan2 yang lebih luas dalam semua bidang, terutama vokasional dan teknikal. Dasar pelajaran kebangsaan yang telah kita tetapkan dan dipersetujui oleh semua pehak itu pasti akan dilaksanakan dengan tegas. Kerajaan berazam akan melaksanakan dasar yang telah dimaktubkan mengenai pendidikan dalam Bahasa Malaysia dan usaha2 kita hendak menjadikan Bahasa

Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Resmi dengan artikata yang sebenar. Didalam lapangan pelajaran, matlamat kita yang utama ialah memberikan kedudukan yang wajar kepada bahasa rasmi kita dengan mengekalkan nilai serta standard pelajaran supaya anak2 kita dan jenerasi2 datang dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mustahak dalam zaman teknoloji moden ini.

Bagi memenuhi kehendak2 pendidikan kebangsaan seluruhnya, kita akan berbuat segala apa yang difikirkan perlu bukan hanya dari segi meninggikan standard matapelajaran yang penting pada setiap peringkat persekolahan bahkan kita akan menentukan pula supaya pada tingkatan 'post-secondary' dan universiti, anak2 Melayu dijamin mendapat peluang yang lebih banyak dari masa2 lalu supaya kedudukan yang tidak seimbang sekarang ini dapat diperbaiki. Ranchangan ini adalah terkandung dalam Perlembagaan yang telah diterangkan dalam Kertas Putih yang saya sebutkan tadi.

DASAR LUAR NEGERI

Saudara2: Sebagaimana yang sama2 kita maklum, dalam perhubungan kita dengan negara2 luar, kita mestilah menunjukkan sikap yang bebas, sikap sealiran dengan masa dan keadaan, sambil menjaga kepentingan kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Sejak kita menchapai kemerdekaan, kita telah dapat memberi nama yang harum dan tempat yang sempurna untuk negara kita disisi bangsa2 di dunia. Sekarang kita telah merdeka selama hampir 14 tahun; sampailah masa bagi kita menunjukkan 'identity' atau keperibadian kita sebagai negara berkechuali atau 'non-aligned' yang sanggup berdiri atas kaki sendiri serta yakin pada kebolehan kita menjunjung kedaulatan dan memelihara kemerdekaan dan keselamatan negara kita.

Dalam hal ini, kita berpegang teguh atas dasar bersahabat dengan semua negara yang suka bersahabat dan bekerjasama dengan semua negara yang suka bekerjasama, tidak kira chorak hidup atau sistem politik mereka. Dasar bersahabat dan bekerjasama ini adalah penting pada segi menjaga keselamatan dari anchaman atau pencherobohan kuasa luar. Bahkan adalah juga penting pada segi perdagangan oleh kerana

negara kita banyak mengeluarkan hasil pertanian dan perusahaan dan dari itu memerlukan pasaran yang lebih luas untuk barang2 pengeluaran tersebut seperti getah, kelapasawit, nenas dan lain2 lagi.

Dalam konteks ini, kita menegaskan juga mustahaknya dasar tidak champur tangan dalam hal2 dalam negara2 lain. Ini adalah sesuai dengan"principal of peaceful co-existence" serta saling menghormati kebebasan dan kedaulatan negara masing2. Dengan berlandaskan dasar ini maka kita telah berusaha dan berjaya meluaskan persahabatan kita dengan negara2 yang lain terutama sekali negara2 yang kechil dan sederhana besarnya.

Meskipun Malaysia adalah sebuah negara kechil, kita turut mempelopori usaha2 mengembangkan ranchangan kerjasama antara negara2 serantau dan berjiran, yang mempunyai masaalah yang serupa dan kepentingan2 yang sama. Hasil dari usaha2 ini, kita telah berjaya membentuk ASA yang kemudiannya berkembang menjadi ASEAN. Saya penuh yakin ASEAN akan berjaya menchapai matlamatnya menaikkan taraf ekonomi dan kemakmuran negara2 di rantau ini. Banyak ranchangan telahpun dipersetujui dan akan dilaksanakan seberapa chepat yang mungkin.

Bagaimanapun, adalah mustahak kita mengukuhkan lagi tali persahabatan dan meningkatkan usaha kerjasama dalam semua lapangan supaya masharakat negara2 di rantau Asia Tenggera ini bertambah kuat dan tidak terpengaruj oleh kuasa2 besar demi kepentingan mereka sendiri. Hubungan yang rapat antara satu negara dengan yang lain akan dapat memupuk hubungan antara sahabat yang satu dengan sahabat yang lain pula.

Bulan lalu saya telah membuat lawatan rasmi ke negara2 jiran kita yang karib iaitu Thailand dan Indonesia. Lawatan ini telah memberi saya kesempatan bertukar2 pendapat dengan pemimpin2 negara2 itu mengenai 'approach' masing2 menghadapi pergolakan politik masa depan di rantau ini khasnya dan dunia amnya.
Di Bangkok saya mendapat sambutan yang baik dan ikhlas dari pemimpin2 Thai. Dalam perundingan2 yang berlangsung mereka telah menunjukkan pengertian terhadap sikap serta langkah2 yang diambil oleh Malaysia terhadap masaalah dunia khasnya yang bersangkut dengan rantau Asia Tenggera ini. Mereka juga telah berikrar hendak bekerjasama dengan Malaysia untuk kepentingan bersama terutama menghadapi musuh di sempadan antara kedua negara.

Thailand telah sentiasa menunjukkan keikhlasannya dalam persahabatan dengan Malaysia.

Di Jakarta, saya beserta rombongan diberi sambutan yang meriah dengan penuh kemesraan. Saya benar2 dapat merasakan adanya hubungan silaturahim yang erat antara rakyat dan pemimpin Indonesia dengan rakyat kita yang mempunyai satu asal dan hubungan sejarah yang berkurun2 lamanya. Dalam perundingan saya dengan Presiden Suharto serta pemimpin2 Indonesia yang lain, mereka telah menunjukkan semangat persaudaraan dan muhibbah yang mendalam di samping menyatakan hasrat bekerjasama dengan Malaysia didalam semua bidang - ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan dalam usaha kita untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman di Tenggera Asia.

Minggu lepas, saya telah menghadhiri Persidangan Ketua2 Negara Komanwel di Singapura dan sebelum itu Perdana Menteri British, Tuan Edward Heath, telah singgah di Ibu Kota bertukar2 fikiran berkenaan dengan pergolakan politik dan militer diseluruh dunia dan juga perkembangan2 masa depan yang mungkin melibatkan kedudukan Malaysia andaikata Britain diterima menjadi anggota Pasaran Bersama Eropah (E.E.C.). Pada keseluruhannya, perundingan itu adalah memuaskan. Adalah diharap perundingan peringkat Menteri yang akan berlangsung di London dalam bulan April 1971 ini akan menchapai persetujuan2 muktamad berkenaan dengan Peraturan Pertahanan Bersama Lima Negara bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman di kedua2 negara Malaysia dan Singapura.

Malaysia akan terus meluaskan perhubungannya dengan negara2 blok berkechuali atau 'non-aligned nations' dan juga dengan negara2 di Eropah Timur. Ini adalah sesuai dengan dasar meluaskan 'horizon of friendship' iaitu mendapatkan seberapa ramai sahabat dan rakan di bidang politik serta perdagangan. Kita akan mengadakan perwakilan diplomatik di Yugoslavia dan di Rumania dan negara2 lain di Eropah Timur. Kita akan memperkuatkan lagi hubungan Malaysia dengan negara2 yang maju seperti Jepun, Jerman, Amerika Sharikat, Soviet Union, Sweden dan lain2 supaya dapat manfaat dari tamaddun teknoloji mereka itu. Kita akan berusaha merapatkan hubungan dengan negara2 yang menjadi anggota E.E.C. untuk kepentingan pemasaran hasil2 pengeluaran kita terutama pengeluaran di bidang pertanian.

Olehkerana dasar dan objektif utama kita ialah mengekalkan keamanan di Tenggara Asia khasnya, maka Malaysia telahpun mengumumkan Dasar Perkechualian Tenggara Asia - atau "neutralisation of Southeast Asia" dalam mana kuasa2 besar - Amerika Sharikat, Russia dan China Komunis akan menjamin perkechualian rantau ini dan mana2 pehak pun tidak akan champur tangan dalam pergolakan politik negara2 di rantau ini. Saya perchaya jika Tenggara Asia ini menjadi kawasan berkechuali maka kita akan terjamin dari sebarang anchaman atau benchana peperangan. Inilah hanya satu alternatif yang ada kepada negara2 kechil di rantau ini untuk mengelakkan Tenggara Asia daripada menjadi kanchah pertikaian politik oleh kuasa2 besar, sementara kita bebas menjalankan sebarang dasar untuk kebaikan dan kepentingan kita sendiri. Berjaya atau tidak usaha kita di segi ini bergantung pada sikap China Komunis terhadap negara2 rantau ini.

Seperti kita maklum, China adalah sebuah kuasa yang besar yang sedang melengkapkan diri sebagai kuasa nuklear. Oleh itu tidaklah lojik sekali dunia am memenchilkan ataupun membelakangkannya mengingat bahawa China Komunis mempunyai penduduk seramai 700 juta manusia dan luasnya meliputi sebahagian besar mukabumi Asia ini. Dasar luar China sudah makin meluas keseluruh dunia dan telahpun mendapat sahabat2 baru seperti Kanada, Itali, dan Ethiopia. Keputusan kita menyokong China supaya mengambil tempatnya yang wajar sebagai anggota Bangsa2 Bersatu adalah berdasarkan kepada kenyataan politik ini dan bagi kepentingan dan keselamatan Malaysia juga. Saya berharap China akan mengubah sikapnya dan negara2 disini handaklah sama2 berusaha pula mendorong China mengubah sikapnya.

Dalam bidang pertahanan, Malaysia akan terus membesarkan Angkatan Bersenjatanya dan melengkapkannya dengan senjata2 moden menurut kemampuan kita kerana kita perchaya bahawa pada akhirnya pertahanan adalah kewajipan dan tanggungjawab kita sendiri. Namun begitu, kita akan terus bekerjasama dalam bidang pertahanan dengan negara2 sahabat menurut peraturan2 yang ditentukan kelak untuk kepentingan bersama.

Dengan adanya Peraturan Pertahanan Lima Negara itu kelak, bermaknalah Perjanjian Pertahanan British/Malaysia atau AMDA yang ada sekarang ini akan mansukh. Peraturan yang baru itu hanya merupakan satu Peraturan perundingan atau 'consultative

arrangement' antara kelima2 negara untuk mengambil apa2 juga langkah yang dipersetujui bagi keselamatan Malaysia dan Singapura. Britain tidak akan memainkan peranan utama bahkan hanya menjadi salah satu negara dalam perikatan lima kuasa. Malaysia dan Singapura sebaliknya merupakan negara2 utama atau 'dominant partners' dalam perikatan baru itu.

Saya sukachita menyatakan bahawa pada masa ini Angkatan Bersenjata kita mempunyai moral yang tinggi dan akan terus meninggikan kebolehan mereka dalam semua lapangan. Jika Tuhan mengizinkan, tahun hadapan kita akan mengambil alih Sekolah Latihan Perang Hutan di Kota Tinggi yang selama ini dikendalikan oleh tentera British. Sekolah ini akan dikendalikan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Tidaklah lupa saya menguchapkan terimakasih kepada negara2 sahabat yang telah membantu kita membangunkan angkatan bersenjata seperti yang ada hari ini di darat, laut dan udara.

BANJIR

Saudara2: Satu lagi perkara yang patut saya katakan ialah berkenaan banjir yang telah melanda sebahagian besar negara kita baru2 ini. Peristiwa ini sungguh menyedihkan memandang pada penderitaan dan kesengsaraan yang menimpa rakyat kita disamping kehilangan jiwa. Kerugian yang ditanggung oleh negara amatlah besar dan hanya dapat ditentukan dalam masa lima enam bulan yang akan datang ini. Memang tidak siapa boleh menafikan banjir adalah benchana alam yang tidak dapat dielakkan. Setiap tahun beberapa bahagian Malaysia Barat dan Timur pasti mengalami musin banjir dan sudah sewajarnya pula Kerajaan serta rakyat dalam kawasan2 yang terlibat dan yang diam di tebing2 sungai mempunyai persediaan yang chukup bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Saya menguchapkan shukur kehadzrat Tuhan kerana sungguhpun benchana banjir yang dialami itu ialah yang terbesar yang pernah menimpa negara kita dalam masa 40 tahun yang lalu, akan tetapi dengan sebab kechergasan pegawai2 kita, anggota tentera dan polis dan dengan rakyat jelata sendiri sentiasa bersiap sedia, kita telah dapat menyelamatkan jiwa dan hartabenda. Sungguhpun 56 orang telah kehilangan jiwa dalam masa banjir itu akan tetapi kebanyakan daripada mereka itu adalah disebabkan oleh kelalaian sendiri.

Saya sendiri berasa sangat puas hati dengan langkah2 yang diambil oleh pehak Kerajaan - Kerajaan Pusat dan Kerajaan2 Negeri, tentera dan polis bagi menyelamat mangsa2 banjir dan memberi kepada mereka pertolongan dan bantuan di tempat2 yang berkehendakkan bantuan2 di Negeri Trengganu, Johor, Melaka, N. Sembilan, di Ibukota kita , di Kuala Lumpur, dan di Pahang. Penduduk2 yang mengalami banjir terutama di negeri saya sendiri di Pahang, terpaksa berada dalam keadaan kechemasan berminggu2 dan pertolongan makanan terpaksa diberi. Bantuan2 yang lain seperti pakaian, kain selimut, ubat2an juga terpaksa dihantar. Di kawasan pilihanraya saya sendiri di Pekan, tempat yang me-banggung banjir yang teruk sekali, boleh dikatakan tiap2 kampung telah mendapat bantuan dengan memuaskan hati. Saya juga mengu-chapkan terimakasih kepada badan2 sukarela yang telah bersama2 memberi pertolongan dan bantuan dengan tidak menghirau penat lelah bekerja siang dan malam.

BERDIKARI

Apa yang sudah berlaku tidak perlu saya ceritakan dengan panjang lebar kerana kita semua mengetahuinya. Kita harus memikirkan langkah2 tegas mengenai persediaan pada masa hadapan supaya dapat kita mengurangkan kesusahan dan penderi-taan rakyat. Dalam hal ini, saya sekali lagi mengulangi perimustahaknya kita menanamkan semangat berdikari atau 'self-reliance'. Adalah satu kewajipan bagi setiap rakyat yang diam di kampung2 sepanjang sungai berbuat apa jua untuk kepentingan dan keselamatan diri serta rumah tangga masing2 iaitu menyimpan bekalan makanan dan lain2 keperluan musim tengkujuh. Ini adalah amalan nenekmoyang kita dahulu kerana pada masa itu mereka tidak mengharapkan Kerajaan atau sesiapa membantu mereka. Orang2 yang diam di tebing2 sungai hendaklah memiliki perahu untuk membawa mereka ke tempat2 yang lebih selamat manakala ayer naik. Dalam masa kechemasan sudah tentu perahu dan rakit dapat menyelamatkan kita.

Sepertimana saudara2 maklum, Kerajaan sedang membuat segala upaya, menurut kemampuan kita, untuk memulihkan ke-hidupan mangsa2 banjir. Setengah2 daripada mereka tentunya mengalami kesengsaraan yang lebih berat dari setengah2 yang lain. Ranchangan pemulihan ini akan memakan masa yang lama, terutama bagi rakyat di kampung2 yang lama ditenggelami ayer,

merosakkan pohon2 tanaman dan tanah sawah dan memusnahkan hartabenda. Langkah2 bantuan yang sedang dan akan dijalankan ialah tiga peringkat - bantuan jangkapendek iaitu berupa alat perkakas rumah bagi tempat kediaman, pakaian, buku2 sekolah dan wang saraan supaya keluarga2 yang malang itu berasa lega dan anak2 mereka dapat menyambung persekolahan seberapa segera yang boleh. Bantuan jangkamenengah berupa biji benih tanaman dan binatang ternakan juga bantuan modal bagi peniaga2 kechil. Ini akan dapat memulihkan kehidupan kaum tani khasnya serta memberi mereka tapak hidup yang baru untuk masa hadapan.

Saya telah memberi arahan bahawa bantuan2 dan usaha2 pemulihan dijalankan dengan seberapa segera. Kerajaan2 Negeri mestilah memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan Pusat. Untuk melaksanakan ranchangan2 kita menguatkan lagi tenaga2 Kerajaan Negeri, saya telah menugaskan Menteri2 Kabinet untuk menolong Menteri2 Besar dan Kerajaan2 Negeri untuk melaksanakan bantuan yang telah kita berikan dengan lichin dan sempurna dengan seberapa segera yang boleh.

Langkah ketiga adalah jangkapanjang dan memerlukan peranchangan yang lebih teliti. Sepertimana kita tahu, negara kita ini mempunyai beberapa batang sungai yang besar, yang mempunyai potensial tenaga letrik. Potensial ini haruslah kita gunakan untuk kebajikan hidup rakyat dan tidaklah sebaliknya kita biarkan sungai2 ini membawa benchana dan sengsara semata2. Kita hendaklah menchari jalan dan ikhtiar supaya tenaga ayer sungai besar itu digunakan untuk kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia bukan untuk memusnah hartabenda dan jiwa.

TEKNOLOJI

Ilmu pengetahuan sains dan teknoloji zaman ini boleh mengekang dan seterusnya digunakan tenaga ayer untuk kebaikan manusia kita. Ayer sungai Pahang itu boleh ditampang dan disalurkan untuk mengeluarkan tenaga letrik bagi kawasan2 baru Jengka dan juga Pahang Tenggara. Kita akan mendapatkan nasihat pakar dan bantuan dan ajensi2 Bangsa2 Bersatu, Bank Dunia dan lain2 untuk menyiasat kemungkinan2 ini serta menjadikan kenyataan.

Di jurusan yang lain pula, kita berharap dapat melaksanakan ranchangan2 pengawalan banjir dalam apa chara juga - samada dengan mengadakan tasik2 kechil dan ampangan2 ayer

di bahagian ulu sungai ataupun usaha2 yang lain yang membolehkan ayer mengalir ke laut dengan segera. Semuanya ini saya harap akan dilaksanakan asal sahaja ada kemungkinan ranchangan2 itu boleh berjalan dengan membawa hasil2 yang kita kehendaki.

Saudara2: Saya telah terangkan dengan ringkas dasar dan garis2 panduan bagi Kerajaan kita untuk duatiga tahun yang akan datang. Begitu juga saya telah terangkan kedudukan Partai kita dan betapa mustahaknya kita mengambil sikap dan mengadakan wajah atau 'image' yang baru untuk disesuaikan dengan keadaan dan kehendak2 masa. Saya juga telah terangkan betapa mustahaknya jentera Partai yang mendukung Kerajaan berjalan seimbang kepada kekuatan Partai. Oleh itu saya berseru sekali lagi kepada saudara2 semua supaya menumpukan sepenuh taat setia kepada Partai kita dan bersungguh2 bekerja menguatkan Partai dan melichinkan jenteranya.

Dasar dan garis2 panduan yang saya sebutkan itu, baik bagi Kerajaan maupun Partai, ialah untuk masa duatiga tahun ini. Dasar dan garis2 panduan ini akan ditimbangkan, dari satu masa kesatu masa dan akan dipinda dan diubah apabila difikirkan mustahak. Saya berkehendakkan saudara2, tiap2 orang ahli UMNO, supaya bersama2 bukan sahaja membinchangkan dasar2 dan garis2 panduan itu bahkan bersama2 melaksanakan dasar2 dan garis2 itu supaya kita dapat menchapai matlamat yang kita kehendaki.

Saudara2: Kita menghadapi masa depan yang penuh dengan chabaran dan dugaan. Kita berkehendakkan bukan sahaja sikap dan pemikiran yang baru, imej yang baru, bahkan kerjasama dan taat setia yang penuh daripada tiap2 orang ahli UMNO kepada Partai, dan kepada bangsa dan negara. Oleh itu, dengan adanya Perhimpunan Agung hari ini dan dengan saudara2 sekalian menaruh keperchayaan yang penuh, saya harap kita semua akan membaharui azam untuk memperkuatkan partai, menyesuaikan kedudukan dan perjalanan Partai dengan masa dan kehendak zaman dan menumpukan semua tenaga, tua dan muda, untuk kepentingan masa depan negara kita. Dengan azam yang kuat dan dengan hati yang tabah dan penuh dedikasi, saya yakin, dengan izin Tuhan, kita akan dapat menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan yang kita akan dapat bersama2 membentuk sebuah negara yang benar2 bersatu padu, aman dan makmur, seperti yang kita semua kehendaki.

TIGA BATU ASAS

(Pembangunan tapak2 perindustrian di Batu Tiga, dekat Kuala Lumpur, telah di-huraikan oleh Tun sebagai satu langkah untuk menyatukan hala dan tujuan perusahaan2 besar dan kechil. Beliau melafazkan uchapan ini untuk merasmikan pembukaan MIEL di Batu Tiga pada 10hb. September, 1968)*

Dalam perjalanan saya ke kawasan perusahaan Batu Tiga pagi ini, teringat saya kepada kaitan antara makna Batu Tiga dengan Tiga Batu, kerana Ranchangan Pembangunan Malaysia hari ini pun memang berdasarkan Tiga Batu Asas.

Ketiga2 batu asas yang menjadi teras pembangunan negara kita ini ialah:-

Memperchepatkan kegiatan pertanian dan mempelbagaikan tanaman.

Memperchepatkan penggunaan sepenuhnya segala sumber2 alam saperti bahan galian, kayukayan dan lain2.

Memajukan usaha pembangunan didalam kegiatan penghasilan dan perusahaan.

Kerajaan kita telah mengambil perhatian berat supaya ketiga2 batu asas yang menjadi teras pembangunan ekonomi kita ini dapat bergerak dan membangun sepenuhnya bagi menchapai kemakmuran ekonomi negara dan taraf hidup rakyat yang lebih tinggi.

Walaupun baru2 ini kita telah merayakan ulangtahun kemerdekaan yang kesebelas dengan sederhana sahaja tetapi kita patut berbangga melihatkan kejayaan yang kita chapai sebagai sebuah negara dalam masa sesengkat itu.

Kita telah bergerak kearah satu kemajuan baru berdasarkan Tiga Batu Asas tadi, kemajuan yang tidak kita duga, memandangkan kawasan Batu Tiga yang begitu maju sekarang ini, pada satu masa dahulu hanya merupakan sarang kominis yang berusaha untuk menghanchorkan keamanan dan kemakmuran rakyat.

Tuan2 dan puan2, ramai orang menyangka bahawa tugas utama kita sebagai sebuah negara yang baru merdeka hanyalah untuk menghapuskan pengganas kominis dan bukannya membangunkan negara. Kita haruslah sedar bahawa kejayaan kita menghanchorkan pengganas2 itu bukanlah dengan senjata dan peluru sahaja tetapi juga dengan kejayaan menanamkan semangat perpaduan dikalangan rakyat, untuk

Biarlah kita jadikan perkara yang lepas itu sebagai pengajaran. Marilah kita bangunkan semula semangat berkerjasama dibidang pembangunan, perdagangan dan perusahaan, kerana hanya dengan semangat perpaduan untuk bersama2 majulah sahaja kita akan berjaya memenuhi kehendak negara.

DiLongres Ekonomi Bumiputra saya telah terangkan kunchi2 kemajuan.

Telah saya katakan bahawa untuk menchapai kejayaan disemua bidang pembangunan kita tidak harus memandangnya dari satu sudut sahaja. Kita harus melihat segala ranchangan pembangunan negara dari semua sudut.

Ini memerlukan sikap yang jujur dari semua - iaitu bertimbangrasa, memahami segala ranchangan, membuat gambaran yang jelas tentang peranan masing2 didalam ranchangan itu, dan menanamkan semangat perpadyan yang jujur didalam perjuangan kita.

Semangat inilah yang akan membentuk negara Malaysia yang sebenar2nya.

Sebagai buktinya MIEL telah menyediakan beberapa buah kilang untuk pengusaha2 kechil dan 10 buah untuk pengusaha2 Bumiputra.

Ini adalah langkah yang bijak kerana semua badan2 perniagaan tidak kira besar atau kechil, sama2 berkerja berganding bahu untuk satu tujuan.

Oleh itu juga saya menguchapkan tahniah kapada Pengerusi dan ahli2 Lembaga MIEL kerana pandangan mereka yang jauh kehadapan. Walau pun begitu sepatutnya saya mestilah menguchapkan tahniah kepada MIDF yang merupakan bapa kapada MIEL terlebih dahulu.

MIDF yang ditubuhkan pada tahun 1960 dengan bantuan penuh Kerajaan Malaysia adalah sebuah badan kewangan pembangunan Negara. Badan kni telah menchapai kejayaan2 didalam ranchangan pembangunan Malaysia.

Saya mendapat tahu badan ini telah meluluskan pinjaman lebih daripada $80 juta kepada semua perengkat badan2 perusahaan untuk menjalankan 200 projek. Ini adalah satu kejayaan yang besar bagi sesebuah sharikat di Malaysia. Dan penanaman modal ini sebaleknya akan menggalakkan pemodal2 lain menanam modal berjumlah lebeh daripada $300 juta pula untuk projek yang akan memberikan pekerjaan kepada lebih daripada 12,000 orang.

MIDF juga mempunyai saham yang bernilai sebanyak $95 juta di Stock Exchange Malaysia. Saya menguchapkan tahniah kepada Pengerusi dan ahli Lembaga MIDF kerana berjaya menjadi badan peminjam wang jangkapanjang yang terkenal di Malaysia.

Satu kegiatan MIDF yang amat saya hargai ialah usaha2 yang diambilnya bagi membetulkan jumlah Badan2 Bersendirian yang tak seimbang. Sejak tahun 1964, lebeh daripada 74% pinjaman telah diberikan kepada pengusaha2 kechil yang mempunyai nilai harta diantara $50,000 hingga 250,000 ringgit.

Barangkali sumbangan MIDF kapada pengusaha2 kechil yang terbesar dengan penubuhan chawanganya iaitu MIEL dalam tahun 1964. MIEL ditugaskan bagi membangunkan kawasan perusahaan dan kilang2 yang moden untuk pengusaha2 kechil. Pertaruhan seperti ini belum pernah dilakukan dinegara kita ini.

Hari ini saya telah diberikan peluang membuka dengan dengan rasminya projek ketiga MIEL. Yang pertama dahulu di Mak Mandin, Pulau Pinang dan yang kedua di Petaling Jaya.

MIEL betul2 dikatakan berjaya setelah ia dapat mendirikan 70 buah kilang yang sesuai di tiga kawasan perusahaan yang ber-as ngan. Sekarang ini dengan pengalaman dan kebolehan2 tertentu ia akan mendirikan lagi beberapa buah kilang bagi perusahaan2 kechil.

Saya dapat tahu pula bahawa sebanyak 17 buah lagi akan didirikan disabelah kawasan ini pada bulan Mei tahun hadapan. Serentak dengan itu juga MIEL dijangkakan akan mendirikan 2 kawasan perusahaan lagi, satu di Johor dan satu lagi di Melaka. Ranchangan ketiga pula sedang diator untuk didirikan di Malaysia Timor, manakala yang keempat akan dijalankan dengan seberapa segera di Pantai Timor di Malaysia Barat. Untuk menjalankan pro ek ini memanglah MIEL memerlukan modal sebanyak dua kali ganda daripada yang telah di belanjakan. Tetapi saya perchaya MIDF akan membantu-nya.

Saya berdoa moga2 mereka berjaya didalam ranchangan ini.

Namun bagitu tuan2 dan puan2, penyediaan modal dan kawasan untuk perusahaan2 kechil ini bukanlah bergantong kepada MIEL sahaja.

Saya berharap mudah2an perdagang yang telah mendapat kemudahan daripada MIEL sentiasa mengingati bahawa kejayaan tidak akan terchapai dengan serta merta dalam mana2 perniagaan. Negara keseluruhannya mengharapkan kejayaan setiap perusahaan, kerana semakin

sedikit kita impot, dan semakin banyak kita ekspot semakin makmurlah ekonomi negara kita.

Jadi saya berharap sesiapa yang mendapat bantuan dan mendirikan perusahaan di kawasan MIEL ini akan sentiasa berusaha memberi jalan memajukan perniagaan mereka, berusaha sedaya upaya mengekalkan pengurusan yang baik dan dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan bermutu.

Sebenarnya untuk membolehkan pengusaha2 kechil disemua perengkat mendapat kemudahan2 tertentu, Pusat Daya Pengeluaran Negara telah didirikan. Pusat ini bertujuan untuk meninggikan taraf pengurusan, memajukan perjalanan perusahaan, penjualan dan pemasaran. Kerana Kerajaan mendirikannya dengan tujuan khas untuk tuan2 semua, maka janganlah tuan2 tinggalkan peluang ini.

MARA juga sekarang memberikan kemudahan latihan, pengurusan dan nasihat kepada sesiapa yang memerlukannya.

Dari semasa kesemasa munchul pula Institiut Pengurusan dikalangan badan2 bersendirian untuk memberikan kursus kemahiran mengurus dan menjalankan perniagaan.

Akhirnya tuan2 dan puan2, saya berdoa supaya bukan sahaja MIEL berjaya meluluskan ranchangannya tetapi juga tuan2 yang baru sahaja mendirikan perusahaan2 dikawasan MIEL yang baru ini. Dengan kejayaan tuan2 itu, tuan2 akan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan perusahaan negara kita.

****

TUNJANG EKONOMI KITA

PERLUNYA MENGUKUHKAN HARGA GETAH

(Tun Razak menegaskan bahawa getah masih menjadi tunjang ekonomi Malaysia dan perubahan dalam keadaan pengeluar2-nya jelas terbayang dari keadaan ekonomi dan sosial negara ini. Beliau berkata demikian ketika membuka dengan rasmi-nya Persidangan Negara2 Pengeluar Getah Asli diKuala Lumpur pada 2hb. Oktober, 1967) *

Kami diMalaysia sangat2 mementingkan hakikat bahawa tuan2 sebagai wakil2 dari negara pengeluar getah yang lain juga menunjukkan bahawa tuan2 adalah bersama dengan kami dalam hasrat dan chita2.

Negara2 yang diwakili diPersidangan ini semuanya mengeluarkan kira2 90 peratus dari hasil getah asli dunia. Kami ingin negara2 pengeluar getah yang jauh diAfrika dan Amerika Selatan bersama2 disamping kita hari ini, tetapi oleh kerana jarak dan masa yang tidak mengizinkan, maka tidaklah dapat mereka itu datang. Kami yakin Persidangan ini akan mengeluarkan pendapat2 yang jelas dan terang bagi pihak negara2 pengeluar getah asli didunia. Dalam hubungan ini, saya ingin memberi alu2an khas kepada pemerhati dari Liberia yang telah datang sebegitu jauh.

Tuan2, kita telah berada dalam keadaan meleset. Harga getah asli jatuh ketingkat yang paling rendah dalam masa 19 tahun dan negara2 pengeluar getah, kechil dan besar, mula ditimpa kegelapan dan hilang harapan. Keputusan telah diambil bahawa negara2 pengeluar hendaklah bertukar2 pendapat dan membentuk langkah yang berkesan untuk bertindak segera menghadapi masaalah kita dan untuk menchapai per-setujuan mengenai masaalah2 pengeluaran dan harga getah yang menjadi perhatian kita yang utama hari ini.

Harapan dan chita2 berjuta2 orang penduduk kita menyentuh hidup mereka yang bergantung pada perusahaan getah asli yang maju. Negara2 pengeluar getah asli didunia sedang bertentang dengan satu masaalah yang menjadi perjuangan sebilangan besar manusia yang kurang beruntung bagi mendapatkan penghidupan yang lebih baik dan sempurna.

Dengan sama2 berunding untuk menchari jawapan yang berkesan terhadap masaalah harga getah yang menjunam, kita menjelaskan kepada dunia bahawa negara2 pengeluar barangan utama tidak lagi boleh berdiam diri dengan tidak mengambil langkah2 yang tegas dan berkesan bagi menyelesaikan harga hasil utama kita yang tiada tetap. Nasib Malaysia, seperti negara tuan2, bergantung kepada getah asli.

Getah adalah tunjang ekonomi kami dan perubahan2 yang dialami oleh pengeluar2nya adalah terbayang dari keadaan ekonomi dan sosial negara kita. Kami diMalaysia seperti juga dinegara2 pengeluar getah asli yang lain, yang diwakili dalam persidangan hari ini, menghadapi

* Huruf Chondong (Italics)

masaalah hendak menchapai kadar pertumbuhan yang chukup dalam bidang ekonomi bagi memenuhi kehendak2 penduduk yang bertambah ramai dan harapan2 penduduk kita.

Puncha2 keluaran kami adalah terbatas dan seperti tuan2, kami sangat bergantung pada pendapatan dari barangan2 ekspot utama kami untuk membiayai ranchangan pembangunan ekonomi yang pesat dan kerana ini dan lain2, sangatlah penting harga getah asli distabilkan pada kadar yang patut. Kami diMalaysia, melalui zaman yang gemilang dan meleset beberapa tahun telah menunjukkan rasa keyakinan terhadap masadepan perusahaan getah asli yang dijaga dengan baiknya. Awal2 lagi dalam tahun 1953, kami menjalankan ranchangan menanam semula sechara besar2an bagi menjamin bahawa getah asli dapat dihasilkan dengan harga yang boleh bersaing dengan harga getah tiruan.

Kami telah banyak membelanjakan wang terhadap penyelidikan dan pembangunan bagi membolehkan hasil kami menghadapi chabaran2 teknoloji dari perusahaan getah tiruan dan yang dijangka dihadapi lagi. Pakar2 sains kami sedang berusaha menghapuskan seketan2 yang memisahkan amalan2 pertanian dari teknoloji perusahaan bagi menjamin pokok getah boleh terus menandingi, dan jika perlu, mengatasi kilang kimia sebagai yunit pengeluar getah tiruan.

Usaha2 ini jelas menunjukkan keazaman kami mengekalkan perusahaan ini walau apa sekalipun chabaran yang dihadapi. Tetapi meskipun begita, masih ada kuasa didunia yang mensia2kan hasil usaha kita dan merosakkan tujuan kita.

Kejatuhan harga getah Tanah Melayu pukul rata 42 sen dalam enam tahun yang lalu (1961-1966) bererti kerugian sebanyak $5,400 juta yang berupa pendapatan tukaran luar, yang sama dengan kejatuhan sebanyak 57 peratus dalam keluaran Negara Kasar dan 150 peratus pendapatan ekspot kasar yang dianggarkan dalam tahun 1967.

Kami diMalaysia telah lama sedar bahawa perusahaan getah asli terpaksa menghadapi kejatuhan harga getah dari harga yang tinggi sebelumnya dan kami telah membuat persediaan untuk menghadapinya. Bagaimanapun, dalam beberapa bulan kebelakangan ini kami telah merasakan tekanan2 yang tidak sechochok dengan keadaan getah didunia dan yang telah menyebabkan jelas kelihatannya pemutaran dalam harga pasaran.

Jika kita lihat bekalan jangkapanjang dan permintaan getah asli dibandingkan dengan rupa penggunaan bagi semua getah, kita patut menaruh keyakinan terhadap masadepan getah asli.

Tindakan kerajaan Malaysia menggerakkan semula pasaran getah dan memulihkan keyakinan yang sangat diperlukan telah membuktikan bahawa kejatuhan harga hingga 47 sen hanyalah keadaan sementara disebabkan beberapa faktor untuk masa yang pendek sahaja. Kita diMalaysia, dengan champur tangan Kerajaan, telah memberi pertolongan kepada pasaran getah dengan memberi galakan supaya ia chergas dan giat sedikit.

Walaupun begitu, langkah itu yang nampaknya penting, tidaklah chukup untuk memulihkan semula keadaan dengan tiada menjalankan tindakan yang lebih tegas lagi. Apa yang penting sekarang ialah mengadakan kerjasama yang lebih rapat lagi antara negara2 pengeluar getah asli didunia supaya tindakan yang bersungguh2 dapat mengujudkan harga getah yang lebih kekal lagi.

Negara2 pengeluar getah asli, selaku pembekal bahan mentah yang paling penting untuk kegunaan dunia, sangat perlu bekerjasama bagi menchapai harga yang berpatutan dan samarata bagi hasil mereka.

Sebenarnya dipersidangan ECAFE perengkat Menteri, persidangan negara2 yang sedang membangun yang baru sahaja tamat diBangkok, telah ditetapkan dan dipersetujui oleh semua peserta bahawa untuk merangka dasar harga yang menjamin, pendapatan yang benar2 tinggi bagi negara2 yang sedang membangun, dari ekspot barangan2 utama mereka, menjadi tujuan utama dalam membantu negara2 yang sedang membangun.

Inilah perkara yang mendesak kita mengadakan perjumpaan disini hari ini. Kami diMalaysia meminta rakan dari negara2 pengeluar yang berhimpun diPersidangan ini memberi kami nasihat yang bijak dan kerjasama yang jujur untuk menyelesaikan masaalah2 kita bersama.

Sambil saya menyentuh tentang perlunya diadakan langkah yang chepat bagi meringankan kesan2 dari harga getah asli yang tiada sepatutnya begitu, adapula lagi masaalah2 yang lebih berat yang berkehendakkan tindakan2 jangka panjang supaya perdagangan didunia lebih tetap lagi. Ia juga adalah bagi faedah negara2 pengeluar getah asli dan pengeluar getah tiruan, iaitu menetapkan bagi kita semua dalam perusahaan getah dunia harga yang berpatutan. Jika tiada langkah untuk membetulkan keadaan ini, maka akibatnya bagi jangka-panjang adalah terlalu buruk.

Saya menyentuh hasil berlebihan yang ada diseluruh dunia bagi getah tiruan dan tekanan dipasaran dari simpanan yang kian bertambah. Chara2 berdagang yang terlalu bersaingan dan tidak pula sihat menjadi perkara biasa dan disedari sendiri oleh negara2 pengeluar getah tiruan dengan 'melambakkan' getah itu dengan harga yang rendah terutama dinegara2 Kesatuan Ekonomi Eropah dimana negara2 itu sendiri yang menjadi pengeluar terpaksa membuat bantahan rasmi.

Pemotongan2 yang besar yang berlaku sekarang bukan sahaja merendahkan harga biasa bagi getah tiruan, tetapi akibatnya juga menurunkan harga getah asli.

Kami diMalaysia perchaya sekiranya pengeluar2 getah tiruan diberi peluang memilih antara perlumbaan dalam pasaran getah didunia dengan potong memotong harga dan amalan2 yang tidak sihat dengan dasar harga yang diranchangkan yang ada kaitan dengan bekalan dan kehendak dunia, tidak diragukan lagi apakah yang manjadi pilihan mereka. Apa yang kita mahu ialah persaingan yang adil mengikut dasar ini.

Kami mahu tingkat harga getah asli dapat dibandingkan dengan getah tiruan dan bukan harga yang ditekan dan dikelirukan oleh champuttangan dipasaran menerusi 'perlambakan' dan amalan2 yang berkaitan.

Kita menchari dasar yang akan mengelakkan permusuhan berdagang dalam sesebuah perusahaan yang kuat supaya tidak menguasai dan menakan pengeluar2 getah asli yang lebih kechil dan mudah pula dikalahkan dan dengan itu akan melumpuhkan kemajuan ekonomi negara2 itu.

Kita meminta peraturan disiplin diri bagi kebaikan bersama, yang membedakan tamaddun dari yang tiada bertamuddun dalam penghidupan sosial, digunakan dalam urusan2 perdagangan antara negara2. Kami diMalaysia perchaya langkah yang bersesan berasaskan prinsip2 ini boleh dibuat dan dijalankan dan jika dapat dikukuhkan lagi keperchayaan, persefahaman dan muhibbah antara negara2 pengeluar getah asli dengan negara2 pengeluar getah tiruan.

Dengan demikian, kami menyeru negara2 pengeluar getah tiruan, dibawah kawalan Kerajaan mereka, bersama2 dengan negara2 pengeluar getah asli meranchang pengeluaran getah dengan memimbangkan sebanyak mana bahan itu dikehendaki.

Biarlah saya terangkan bahawa dengan berbuat begitu kita tidak menyentuh perkara tersebut dengan tujuan kita adalah anti getah tiruan.

Getah asli dan getah tiruan seperti banyak barang2 lain yang bersaingan, terpaksa ujud bersama dan adalah baik jika barangan tersebut ujud bagi faedah bersama. Jawapan terhadap kejatuhan harga getah terletak pada satu Perjanjian Barangan Antarabangsa yang ketat. Ini memerlukan tindakan duapihak, iaitu dari negara2 pengeluar getah asli dan negara2 pengeluar getah tiruan serta negara2 pengguna getah.

Kerjasama ekonomi antarabangsa yang tulin adalah diperlukan sekiranya masaalah2 perdagangan yang asasi seperti ini mahu diselesaikan dan sekiranya kemajuan negara yang kurang maju dan ramai pula penduduknya mahu kekal serta keamanan dan keselamatan dunia mahu dipelihara.

Saya berharap dengan adanya persidangan ini dan dengan berunding bersama2, kita yang betul2 berkaitan dengan pengeluaran getah dan mahu menchari pasaran diperingkat yang berpatutan, akan dapat menchari rumusan bagi masaalah ini yang penting lagi rumut pula. Kita membuat usaha ini bukan bertujuan hendak membuat keuntungan tetapi semata2 supaya penduduk2 kita yang sangat bergantung pada getah akan menikmati hidup yang lebih gembira dan sempurna.

PERALEHAN YANG BESAR

(Tun Razak, dalam uchapan pembukaan di Simposium bertajok "Perbahatan Besar Berkenaan Ekonomi" yang berlangsung di Dewan Tengku Chancellor, Universiti Malaya pada 2hb. Oktober, 1967, memberi butir2 kemajuan yang dichapai oleh Kerajaan Perikatan dalam berbagai bidang pembangunan yang dijalankan sejak terchapai-nya Merdeka. Beliau menerangkan dengan jelas-nya tiap2 orang yang mengambil berat tentang kemajuan dan kejayaan negara boleh memberi sumbangan berseorangan atau berkumpul terhadap chita2 yang satu)*

Saya sentiasa berasa sukachita datang ke Universiti ini kerana dengan berbuat bagitu teringatlah saya tentang lawatan yang saya buat ke tempat ini 11 tahun yang lalu iaitu dalam tahun 1956 bila saya berjalan di kawasan ini yang pada ketika itu penuh dengan pokok getah dan belukar untuk mengambil keputusan menubuhkan Universiti ini. Saya berasa puas hati juga kerana sebagai Menteri Pelajaran ketika itu saya telah memainkan peranan kechil menubuhkan Universiti ini serta memberi peluang pelajaran yang terbaik yang dapat kita berikan kapada pemuda dan pemudi kita di negara ini.

Saya berasa teragak2 juga untuk beruchap kepada perhimpunan ini yang terdiri dari ahli2 ekonomi dan bakal ahli2 ekonomi kerana saya sendiri bukan ahli ekonomi. Yang dapat saya banggakan ialah saya tidak banyak cherewet. Saya seorang ahli politik yang lurus dengan latar belakang yang tidak kompleks. Saya tahu sedikit sebanyak tentang pembangunan dan perlunya pembangunan di negara ini terutama sekali pembangunan luar bandar kerana saya sendiri berasal dari kampong yang terpenchil dan jauh dari bandar. Saya mula bersekolah di sabuah sekolah yang atapnya daun nipah dan lantainya tanah. Saya maseh ingat dengan jelasnya rasa lantainya pada kaki saya yang tiada berkasut. Saya juga bukan saorang ahli akademik. Saya hanya bernasib baik dapat belajar ilmu Undang2

di Inns of Court di London bertahun2 kemdian, dan walaupun saya belajar serba sedikit darihal Ekonomi, saya terpaksa melepaskan peluang itu kerana kematian bapa saya.

Waktu saya belajar saperti tuan2 yang masih menjadi mahasiswa, saya banyak memikirkan soal politik kerana dikala itu negara kita belum merdeka dan ditadbir serta diperentah oleh Kerajaan penjajah. Saya dengan beberapa ramai lagi, mengambi keputusan memasoki gelanggang politik dengan satu tujuan iaitu tujuan yang jujur untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara saya dengan tiada memikirkan keuntungan diri sendiri. Saya anggap bidang politik, bukan dengan falasafah opportunis tetapi dengan semangat mengambil kesempatan supaya dapat berbakti kapada negara untuk sama2 berjuang menchapai kemerdekaan dan berkhidmat kepada negara kita Malaya yang baru munchul kotika itu.

Ada beratus2 orang lagi berkechimpung dibidang politik dimasa itu. Walau apa pun kesilapan dan kegagalan mereka, mereka telah membuat jasa yang besar kepada negara dan sumbangan mereka akan di-chatetkan dengan tulisan emas oleh ahli2 sejarah. Mereka membantu kita menchapai kemerdekaan dan dengan terchapai-nya kemerdekaan, rakyat kita mendapat kemajuan dan peluang bagi taraf hidup yang lebih baik dan lebih tinggi dan keadaan hidup yang lebih bahagia.

Marilah kita tinjau kebelakang melihat Malaya yang baru merdeka pada tahun 1957. Kita buka lambaran sejarah sepuluh tahun yang lalu dan kita fikirkan tentang pembangunan. Saya perchaya tuan2 ahli2 ekonomi akan sependapat dengan saya bahawa tuan2 misti membuat sesuatu itu dengan sama timbangnya dan juga gunakan tiori2 ekonomi dengan pandangan yang seimbang. Kita telah menempuh zaman dugaan dan kesusahan dalam masa pemerentahan Jepun. Belum lagi kita lepas dari zaman ini, negara kita pula menghadapi zaman Dharurat yang panjang akibat fahaman kominis militan yang menghabiskan masa kita, wang kita dan tenaga kita

serta memesongkan kita dari tugas pembangunan. Sepatutnya negara kita maju kehadapan kezaman yang memberi harapan dan zaman kemajuan. Bila negara merdeka dalam tahun 1957, negara maseh berada dalam keadaan dharurat.

Tugas kita yang utama ialah menghapuskan anchaman kominis dan menumpukan tenaga dan sumber kekayaan kita untuk mengujudkan keamanan di negara kita, tetapi kita tiada dapat bersungguh2 menjalankan tugas membangun dan membina negara. Kita tiada dapat menggunakan sepenuhnya sumber kewangan dan tenaga manusia bagi meletakkan negara kita kearah kemajuan sehinggalah bulan Julai 1960 bila Dharurat ditamatkan.

Saya ingat betul bagaimana penduduk2 kita di kampong2 menderita selama 12 tahun - mereka terpaksa tinggal dalam rumah2 sementara dalam kawasan2 berpagar, mereka tiada chukup makan dan kais-pagi-makan-pagi, kais-petang-makan-petang, pakaian tiada chukup, setengah daripada mereka separuh bogel; dan ramai anak2 mereka tiada dapat pergi kesekolah. Demikianlah keadaan di masa itu. Negara kita berada dalam keadaan kegelapan dan hampa. Walau pun kita telah menchapai kemerdekaan, kemerdekaan itu ... tiadalah besar ertinya kepada kebanyakan rakyat kita. Penduduk2 kita di kampong2 tiada mempunyai harapan masa depan yang makmur dan bahagia.

Dalam keadaan seperti ini, apakah yang dapat kita buat? Apa yang dibuat oleh Kerajaan ialah dengan segera memberi bantuan kepada rakyat kita untuk memimpin mereka keluar dari keadaan hampa dan putus harapan; memberi mereka apa yang sangat2 diperlukan untuk hidup; menunjukkan kepada mereka bahawa mereka mempunyai harapan di masa depan, bahawa kerajaan adalah jujur dalam usaha memberi mereka taraf hidup yang lebih baik dan lebih tinggi dan sebagai rakyat sebuah negara yang Merdeka, mereka mendapat tempat yang sewajarnya di kalangan Negara2 bebas di dunia

Begitulah keadaannya yang terpaksa kita hadapi dan bagitulah charanya kita menghadapi masaalah2 itu. Kita terpaksa merasa nadi rakyat kita di luarbandar dan di-dalam bandar dan menchari ikhtiar untok /denyutan nadi negara demi keadaan perjalanan tiada saperti perjalanan biasa kepada keadaan perjalanan yang biasa dan lebih segar lagi.

Saya mengambil keputusan menchurahkan sumber kewangan dan tenaga negara kita kearah pembangunan. Tugas kita yang pertama ialah menggerakkan jentera Kerajaan kearah pembangunan. Bagi menchapai hasil yang lebih chepat dan segera, kita kenalah membuangkan chara2 pemikiran Penjajah dan chara2 pentadbiran Penjajah. Tiap2 jabatan dan tiap2 kakitangan Kerajaan disesuaikan kearah Pembangunan yang dinamis. Kita kenalah mengubah chara mereka berfikir, sikap mereka dan menggembeling seluroh tenaga dan sumber kekayaan mereka bagi menchapai hasil yang lebih chepat dibidang pembangunan.

Kita kenalah melaksanakan Ranchangan Pembangunan kita perengkat demi perengkat. Kita terpaksa membuktikan kepada rakyat bahawa Kerajaan adalah bersungguh2 hendak memberi mereka kemudahan2 hidup yang sangat2 diperlukan dan membaiki mereka dari keadaan buruk yang mereka alami. Jadi kerajaan kenalah menjalankan peranannya membina jalan raya untuk sampai kekampong2 ini supaya kita dapat membawa kemudahan2 hidup kepada mereka. Kita terpaksa membuat semua projek kechil seperti mendirikan balai raya, tempat beribadat, jambatan, mengadakan bekalan ayer dan yang lain2nya bagi menimbulkan rasa keyakinan, semangat dan harapan di kalangan rakyat kita yang tinggal dalam keadaan yang menyedihkan supaya keadaan hidup mereka lebih baik. Rangka dan infrastruktur pembangunan yang kukuh perlu juga diletakkan sebelum kita dapat meminta mereka memberi sumbangan dalam membangunkan negara mereka.

Itulah sebabnya ranchangan pembangunan kita jalankan perperengkat2.

Perengkat pertama adalah tindakan Kerajaan dan selepas itu kita laksanakan perengkat pertama ini selama 18 bulan dan setelah timbul rasa keperchayaan dan semangat di kalangan penduduk2 kita, kita mulakan pula perengkat kedua. Kita minta rakyat bertindak memainkan peranan mereka bagi membaiki keadaan2 di rumah mereka dan didalam kampong mereka. Beberapa orang pemerhati Ranchangan Pembangunan Negara kita telah mengkritik projek2 kechil seperti itu/di kawasan2 luar bandar seperti membina balairaya, tempat beribadat dan projek2 kechil yang lain yang kata mereka tiada menguntungkan dari segi ekonomi. Tetapi ranchangan pembangunan seperti itu kechil sahaja , jika dibandingkan dengan usaha keseluruhannya terhadap projek2 yang lebih kukuh dan menguntungkan dari segi ekonomi.

Pembangunan adalah seperti filem 'four dimension'; ekonomi semata2 mengikut peraturan dan ekonomi mengikut tiori tiadalah chukup. Seseorang itu kenalah menimbangkan sama berat beberapa segi penting; dari segi kemanusiaan, dari segi sosial dan dari segi politik.

Ranchangan Lima Tahun kita selepas Merdeka memang telah membawa kejayaan mengubah sektor luarbandar untuk menambah pendapatan rakyat, bagi mengadakan kemudahan2 sosial seperti yang didapati dikawasan2 bandar dan pada amnya untok memberi erti kemerdekaan politik menerusi kemajuan ekonomi.

Perkara2 kechil saperti jalan kechil kesebuah kampong, sebuah kelinik kechil, sebuah dewan orang ramai yang kechil, tempat beribadat, sama juga pentingnya dari segi saikoloji dan politik, kerana ia menimbulkan rasa sedar di kalangan rakyat kita walau terpenchil atau jauh sekali pun mereka dari bandar2 kita. Ini adalah satu kesedaran bahawa pembangunan adalah sebahagian dari hidup mereka, bahawa perkara itu berlaku, bahawa

negara kita mara kehadapan dan mereka sendiri mesti bersama2 bergerak kehadapan dan memberi sumbangan mereka sendiri di tanah mereka dan dalam kerja mereka sehari2 dan dalam usaha mereka menambah hasil pengeluaran. Ini bermaanalah membaiki taraf hidup dan chara hidup mereka dalam usaha kita menuju Pembangunan Negara kita. Jalan masok kekampong adalah penting kerana ia bererti memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, pelajaran yang baik, perkhidmatan2 kerajaan yang lebih baik, perkhidmatan penerangan yang lebih baik, hubungan lebih baik dengan orang lain dan hubungan dengan tuan2 ahli ekonomi yang mahu mempelajari bidang ekonomi Pembangunan negara.

Sejak Merdeka, telah banyak kejayaan chermelang yang dichapai yang menyebabkan kita megah dan puashati dimasa lalu dan benar2 yakin terhadap masa depan.

Kita berasa puas hati bahawa Presiden Bank Dunia, Tuan George Woods, menyebut tentang kemajuan ekonomi negara kita yang chermelang di meshuarat tahunan Bank itu minggu lalu.

Baru2 ini pula, Dr. B. R. Sen, Pengarah Agong Pertubuhan Makanan dan Pertanian telah memuji kita kerana ranchangan kita bagi pembangunan ekonomi dan khususnya kerana usaha kita menchapai bekalan beras yang chukup pada tahun 1970 setelah kita sendiri melihat langkah2 yang telah diambil menuju matlamat ini dan saya petik kata2 itu "chara yang betul kita telah ranchangkan". Bank Dunia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian sentiasa mahu tahu dan kita bertambah puas hati lagi keran kita tahu bukan mudah mendapat pujian dari pertubuhan2 itu.

Chuba lihat apa yang telah kita chapai dalam masa sepuluh tahun yang lalu. Dalam tahun 1960-65, pendapatan negara Malaysia bertambah 5.8 peratus setahun. Bila penduduk bertambah 3 peratus setahun, pendapatan purata bertambah 2.7 peratus, satu kejayaan yang benar baik. Dalam masa yang sama juga, pekerjaan bertamah

3 peratus setahun yang membolehkan kita mengambil tenaga pekerja yang bertambah. Semua ini dapat dibuat dengan adanya dasar ekonomi yang kukuh dan progresif. Satu tanda kewajipan kita kepada pembangunan negara bolehlah ditunjukkan dengan baiknya dengan bertambahnya kadar dari pendapatan negara kita yang diperuntukkan bagi pelaboran modal. Dalam tahun 1955, kita menanam modal sebanyak 9 peratus dari pendapatan negara kita sementara dalam tahun 1965 kita memperuntukkan tidak kurang daripada 19 peratus pendapatan negara bagi pelaboran modal.

Bagi pembangunan tanah, 183,000 ekar tanah yang belum diteroka telah dibuka oleh LKTP bagi menempatkan 11,000 keluarga yang melibatkan kira2 65,000 orang. Lagi 16,000 ekar telah pun dibuka dan ditanam dibawah ranchangan2 Negeri. Saperti tuan2 tahu, Ranchangan Jengka Tiga Segi, yang sekarang di perengkat peranchangan, ialah sekim pembangunan tanah yang terbesar, yang akan menolong menempatkan beribu2 keluarga dan memberi mereka tanah.

Dalam pengeluaran padi, kawasan yang ditanam bertambah luas iaitu 790,000 ekar dalam tahun 1960 dan 900,000 ekar dalam tahun 1965. Dari jumlah ini, kira2 160,000 ekar telah dapat ditanam dua musim. Dengan perlaksanaan dua ranchangan parit dan taliayer yang besar iaitu di Sungai Muda dan Kawasan Kemubu dan penanaman padi RIA, satu jenis padi baru yang akan mengganda kan hasilnya, Malaysia akan mendapat chukup bekalan makanan utamanya pada awal tahun tujuh puluhan. Berkenaan hasil getah pula, ranchangan menanam semula yang dimulakan dalam tahun lima puluhan telah mengukuhkan kebolehan kita bersaing dengan pengeluar2 getah tiruan. Lebih 80 peratus estet dan 60 peratus kebun kechil ditanam semula dengan anak2 getah yang banyak mengeluarkan susu.

Salain daripada hasil2 yang kian bertambah banyak, berbagai infrastruktur juga bertambah baik. Jalan raya, umpamanya, semakin panjang iaitu 9,200 dalam tahun 1960 menjadi 13,300 batu dalam tahun 1966. Ini bermaana jalan raya bertambah panjang kira2 50 peratus dalam masa enam tahun. Berhubung dengan bekalan letrik pula, banyak tenaga yang dikeluarkan adalah berlipat ganda. Dalam tahun 1960, tenaga yang dikeluarkan ialah 1,233 kilowat-jam sementara dalam tahun 1966 pula sebanyak 2,510 kilowat-jam. Selain daripada itu, ranchangan2 pelajaran dan kesihatan yang diperluas memberi perhatian khas untuk membawa kemudahan2 ini kekawasan2 yang belum lagi menikmatinya. Perkembangan sistem pelajaran kita benar2 satu perkara yang diluar dugaan. Tempat belajar di sekolah2 bertambah dari tiga suku juta dalam tahun 1952 menjadi dua juta dalam tahun 1966. Ini bererti tempat belajar bertambah 150 peratus. Disamping itu juga, sistem pelajaran kita sedang disusun semula untuk memberi jenis dan perengkat latihan yang diperlukan oleh ekonomi yang kian moden. Perkembangan Universiti yang bagitu pesat dan kemudahan2 baik yang diberikan kepada tuan2 semua adalah bukti kemajuan dalam pelajaran. Inilah kejayaan yang akan terus menerus dalam sejarah Malaysia untuk beberapa jenarasi. Kemudahan2 perubatan dan kesihatan yang bertambah elok telah mengurangkan kadar kematian biasa dan kadar kematian bayi. Program Ranchangan Keluarga sedang berjalan bagi menjamin adanya peluang2 ekonomi yang lebih baik untuk jenarasi kita yang maseh muda serta menjaga kesihatan ibu2.

Semuanya inilah yang menunjukkan kemajuan ekonomi yang teguh yang dichapai dinegara ini dibawah Kerajaan Perikatan. Sekarang kita pandang masa hadapan. Bagi masa hadapan, jalan kearah Pembangunan telah ditetapkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Ranchangan ini ialah yang pertama dari beberapa ranchangan yang dirangka bagi masa dua puluh tahun meliputi strateji jangka panjang, matlamat dan

dan tujuan negara. Tingkat pendapatan kita yang tinggi dewasa ini adalah hasil dari perusahaan2 getah dan bijih timah iaitu dua tiang penyokong ekonomi kita. Bagaimana pun, kedua2 barangan ini menghadapi masa hadapan yang tiada tetap. Tentang getah, harganya didunia bagi jangka panjang turun sedikit demi sedikit dan kawasan yang mengandungi bijih timah pula semakin haus. Dengan hal yang demikian, sekiranya kita mahu membawa kemajuan pesat dibidang ekonomi dan sosial di Malaysia, kita kenalah menyusun semula ekonomi ini dengan mengujudkan bentuk kegiatan ekonomi baru dengan memperlabagaikan perkembangan pertanian dan pembangunan perusahaan. Proses ini telah pun bermula. Mithalnya kita sekarang mengeluarkan lebih banyak simen untuk memenuhi keperluan2 untuk membina bangunan. Dalam tahun tujuh puluhan kita akan mendapat bekalan beras yang chukup. Kita telah mula menjalankan kegiatan ekonomi yang baru seperti besi waja, baja dan menghasilkan bahan2 kimia petrol. Dari sebulan kesebulan hasil untuk kegunaan kita sendiri telah menyebabkan bertambah kadar keluaran negara kasar. Tetapi semua ini belum lagi memadai. Dalam usaha menchari kemajuan, tidak ada negara yang patut berpuas hati dengan apa2 yang telah dapat dichapainya.

Memandang masa hadapan, Kerajaan ini akan memimpin negara untuk menggunakan sumber kekayaan yang sedia ada pada kita seberapa banyak yang boleh yang tiada pernah dibuat sebelumnya, meski pun bertambah kesulitan2 di luarnegeri. Negara kita berbeza dari negara2 yang sedang membangun kerana negara kita mempunyai kawasan tanah yang belum diterôka dan sumber tenaga manusia yang tiada digunakan sepenuhnya yang boleh didapati untuk pembangunan. Boleh jadi negara kita berbeza dari negara2 lain yang sedang membangun jika dilihat dari keteguhan modal swasta dan awam. Dan sudah tentulah negara kita berbeza dari negara2 lain dari segi kualiti dan kuantiti infrastruktur sosial dan ekonomi kita yang boleh dichamporkan dengan tenaga manusia,

modal dan kawasan tanah. Kerajaan ini akan melaksanakan ranchangan tanah yang liberal untuk menggunakan segala sumber kekayaan dan kebolehan bagi faedah umum. Kita mistilah bergerak lebih pesat untok menggunakan dengan chara yang paling baik kawasan pertanian kita supaya kita dapat memberi pekerjaan kapada tenaga buruh yang bertambah tiap2 tahun serta mengurangkan pengangguran.

Kita akan berbuat segala yang perlu bagi menggalakkan semua rakyat kita dan orang2 asing turut serta sendiri memaju dan mempelbagaikan pertanian dan turut serta dalam pembangunan perusahaan. Bagitulah tujuan Akta Galakan Pelaboran Modal yang akan diadakan. Didalamnya, akan bersatu semua galakan Kerajaan yang ditawarkan kepada perusahaan2, meluaskan bidang galakan ini dalam beberapa hal dan memudahkan galakan2 ini ditadbirkan.

Disini saya ingin menekankan iaitu tiadakah chukup jika berpaling kepada pasaran dalam negeri sahaja. Kita mistilah berusaha meluaskan ekspot2 kita, ekspot dari pertanian dan perusahaan. Negara ini telah berjaya mengelakkan berlakunya keadaan dalam mana perusahaan tempatan pada 'amnya tiada chekap dan menjalankan perusahaan mereka dengan dilindungi oleh taraf perlindungan yang tinggi. Kadar chukai tarif yang tinggi bukan sahaja merosakkan pembahagian sumber tenaga bahkan juga menaikkan belanja mengeluarkan barang2 lain juga. Kesan darinya, pengguna2 kelak membantu pengusaha2 yang tiada chekap. Adalah mustahak bagi pengeluar2 barang tempatan yang mengeluarkan barang2 untuk diekspot terus berusaha untuk lebih chekap lagi.

Kita mengambil perhatian berat terhadap perkembangan2 harga getah baru2 ini walaupun keadaan itu tidak akan mengagalkan Ranchangan Malaysia Pertama. Memanglah benar harga getah turun menjunam daripada yang diduga dalam Ranchangan itu dan akibatnya kita telah banyak kerugian pendapatan pertukaran luar terutama

sekali dalam masa dua tahun yang lalu. Meskipun harga getah jatuh, pendapatan dari ekspot kita bagi tahun 1967 dijangka tidak akan turun dibawah dari yang diduga dalam Ranchangan itu. Pendapatan2 dari ekspot barangan2 lain daripada getah untuk baki tahun Ranchangan itu akan bertambah lebih banyak lagi daripada yang dichapai dalam tahun 1965. Hal ini adalah disebabkan bertambah banyak kelapa sawit, kayu balak dan barangan2 kechil yang diekspot.

Perkembangan2 ini menunjukkan yang perlaksanaan Ranchangan Malaysia Pertama tiada akan terganggu. Kerajaan akan memberi perhatian yang perjalanan pembangunan ekonomi dan sosial dinegara ini tiada terhalang.

Sambil kita berazam hendak menchapai apa yang kita telah tetapkan dalam Ranchangan kita, kita juga berazam tidak akan mengujudkakan keadaan infelasi yang akan merosakkan keteguhan mata-wang kita. Dalam hal ini, elok juga diambil ingatan bahawa tingkat harga barang kita pada 'amnya boleh dikatakan tetap dalam masa beberapa tahun ini. Indeks sekarang lebih sedikit 104 mengikut petunjuk tahun asas 1959. Jika kita tinjau keadaan itu keseluruhannya, kita patutulah berpuas hati dengan keadaan kita dimasa lalu dan berpuas hati dengan apa yang boleh kita harap dimasa hadapan.

Kita menikmati keadaan politik dan sosial yang baik. Nilai kredit negara kita adalah tinggi dan hutang negara jika dibandingkan adalah rendah. Kedudukan simpanan kita adalah baik. Dengan keazaman yang sama, bergantung pada diri sendiri dan usaha bersungguh2, rakyat kita bolehlah memandangkan kehadapan dengan rasa yakin yang Malaysia akan mempunyai masadepan yang cherah dan makmur.

Selaku Menteri Pembangunan Negara, saya telah membuka banyak jalan raya yang baru, banyak sekolah baru dan seribu satu macham

projek pembangunan yang baru. Seumur hidup saya belum pernah saya diminta sebagai seorang ahli politik membuka 'saluran paip' tetapi malam ini, sambil merasmikan Simposium tuan2, saya juga ingin membuka saluran pendapat dan fikiran; saloran pemikiran ekonomi, saluran pemikiran yang membina bagi pembangunan negara kita yang akan menghubungkan Universiti ini dengan Ranchangan Pembangunan Negara kita. Saya berharap dalam beberapa tahun yang akan datang, tuan2 semua akan berfikir sechara membina dan menghasilkan buah fikiran yang berfaedah bagi nasib negara dimasa hadapan.

Janganlah kita mensia2kan akal fikiran kita; janganlah ramai yang lari meninggalkan kerjanya kerana kesilapan dimasa lampau, tetapi marilah kita sama2 berfikir dan menghasilkan ranchangan yang membina bagi masa hadapan supaya negara kita boleh maju lebih2 lagi dalam sepuluh tahun akan datang ini dari pada apa yang telah di-chapai dalam sepuluh tahun yang lalu.

++++++++++++++++

SERUAN KEPADA NEGARA SUPAYA BERSATUPADU PERLUNYA MERAPATKAN JURANG ANTARA YANG BERADA DENGAN YANG TIDAK BERADA.

(Dalam perutusan Hari Raya kapada negara pada bulan Januari 1967, Tun Razak menyeru supaya ada perpaduan dan persefahaman dikalangan berbagai kaum yang hidup dinegara ini sebagai bangsa Malaysia. Katanya, masa depan Malaysia dan ujudnya sebuah negara yang kuat, teguh dan bersatupadu bergantong pada kejayaan kita menyatupadukan berbagai kaum dinegara ini dan dengan mengujudkan masharakat yang adil dengan merapatkan jurang antara yang berada dengan yang tidak berada) *

Tahun 1967 ini ialah tahun yang bersejarah kerana bulan Ogos lalu kita dapat merayakan ulang tahun Kemerdekaan yang ke-10 dan Bahasa Melayu juga telah menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan Bahasa Kebangsaan negara ini. Kita telah merayakan ulang tahun ke-10 Malaysia Merdeka sechara besar2an dan beberapa hari dan malam seluroh raya'at merayakan Hari Kebangsaan dengan gembira dan bangga. Dalam masa Malaysia Merdeka selama 10 tahun, kita telah menchapai banyak kemajuan didalam semua bidang dan semua rakyat Malaysia dari berbagai kaum dan agama telah mendapat banyak faedah dari perubahan2 yang berlaku terutama sekali dibidang ekonomi. Kita tidak bersetuju hendak memuji diri sendiri tetapi tiada siapa yang boleh menafikan hakikat bahawa dalam masa 10 tahun yang lalu kita di Malaysia telah menchapai kemajuan yang belum ada negara yang boleh menchapainya dalam tempoh yang sama dan satelah dibawah pemerentahan penjajah. Ini adalah kenyataan yang diakui oleh rakan dan lawan. Kita bershukur kepada Tuhan Maha Kuasa kerana limpah kurnianya kepada Malaysia dan rakyatnya.

* Seni Chondong (italics).

ADIL

Dengan lebih banyak pengalaman, dengan 'azam yang lebih kuat dari semua rakvat, dengan sikap jujor dari yang memerentah dan dengan pegawai2 menjalankan tugas mereka masing2 serta dengan izin Tuhan, saya perchaya kita boleh menchapai kemajuan yang lebih besar lagi yang bukan sahaja akan memuaskan hati tetapi juga akan memberi lebih banyak faedah kapada semua rakyat Malaysia.

Salahsatu dari dasar2 pokok Kerajaan Perikatan ialah untok mengujud dan membentuk satu masharakat yang adil dan bebas dalam mana semua rakyat Malaysia, dengan tidak mengira asal keturunan mereka, akan menikmati hak yang sama dibidang ekonomi, sosial dan pelajaran dan juga memikul tanggungjawab yang sama. Mereka yang lemah dibidang ekonomi, tidak kira kaum, patut-lah ditolong supaya dapat menjamin keamanan dan kemakmuran negara. Adalah juga penting bahawa mereka yang mundur diberi taraf hidup yang sesuai dinikmati oleh rakyat sebuah negara yang merdeka dan sedang membangun. Masa depan kita, ujudnya kita sebagai sebuah negara yang kuat, teguh dan bersatupadu, sedikit sebanyak bergantung kapada kejayaan kita menyatupadukan berbagai2 kaum dinegara ini dan dengan merapatkan jurang yang memisahkan mereka. Faktor yang paling penting ialah supaya kita semua berusaha menchapai matlamat kita - iaitu mengujudkan satu masharakat yang adil dan memuaskan semua pehak dengan merapatkan jurang yang memisahkan golongan yang berada dengan yang tidak berada dinegara ini.

Tahun 1967 sudah tetap merupakan tahun yang bersejarah bagi kita sekiranya tidak berlaku kekachauan di Pulau Pinang dan kawasan2 lain di utara Malaysia Barat. Rekod kita dan imej kita yang baik dalam masa 10 tahun kita merdeka sebagai chontoh negara yang mempunyai persefahaman antara bangsa di dunia yang bergolak telah terchemar. Kita berasa sedih kerana kekachauan2 ini berlaku

semasa persahabatan kita bertambah luas dan bila dunia luar memerlukan persahabatan kita.

Peristiwa2 ini di-timbulkan oleh anasir2 jahat yang tidak mahu melihat negara ini maju dan kekal aman, dan tidak mahu rakyat berbagai kaum hidup dalam harmoni dan mempunyai hubungan baik diantara satu dengan lain. Peristiwa2 ini menyebabkan banyak jiwa terkorban dan menyebabkan kerugian harta benda dan ekonomi. Inilah chontoh bagaimana puak pelampau yang kechil bilangannya dengan mudah dapat menghanchorkan keamanan dan perpaduan dosebuah negara. Mereka bertanggung jawab kerana meletusnya kekachauan yang hampir merebak keseluroh negara. Mereka datang untok tinggal dinegara ini tetapi mereka tidak ta'at setia kepada Malaysia; dan rakyat Malaysia yang terlibat dalam kejadian ini bolehlah dianggap sebagai pengkhianat kapada perpaduan negara.

WARGANEGARA

Kerajaan telah mengambil langkah yang tegas menentang kumpulan ini dan boleh-lah dikatakan semua yang terlibat dalam kekachauan itu telah pun ditangkap. Mereka yang bukan rakyat Malaysia tetapi tinggal disini akan dihantar balek kenegeri masing2. Mereka yang telah dapat kewarganegaraan dengan chara masukan atau dengan chara pendaftaran akan diluchutkan kewarganegaraan kerana mereka telah jelas menunjukkan bahawa mereka tidak ta'at setia kapada Malaysia. Merekalah yang patut disalahkan kerana kehilangan kewarganegara mereka.

Kita bershukur kepada Tuhan kerana keadaan sekarang telah pulih seperti sedia kala. Adalah penting bagi kita semua mengukuhkan perpaduan antara kaum dan sentiasa berwaspada supaya kita tidak mudah dipengaruhi oleh anasir2 sabersif dan jahat yang

yang chuba menghanchurkan perpaduan rakyat.

Kita sedar dan berasa dukachita sekiranya meletus lagi kekachauan sama seperti peristiwa baru2 ini; rakyat yang tidak berdosalah yang menghadapi kesusahan. Ada anggota dari parti2 pembangkang yang terlibat dalam peristiwa sedih ini. Anggota2 parti2 politik yang bertanggongjawab, saperti UMNO dan Perikatan selalu mementingkan keamanan dan peraturan undang2 dinegeri ini, dan bertujuan hendak mengukuhkan perpaduan rakyat dan menjamin kebahagiaan mereka tiada tersentuh. Dengan adanya keamanan sahajalah kita akan dapat mengekalkan kemajuan kita seterusnya dan menentukan rakyat mendapat kemudahan2 yang diperlukan. Jelaslah kepada kita semua dasar Perikatan, iaitu dasar perpaduan antara kaum, sahaja-lah jalan untok menjamin keamanan dan memelihara undang2 dan memerentah negara ini dengan kejayaan sepenuhnya. Memandangkan hal ini, saya menyeru rakyat negara ini, terutama anggota2 UMNO dan Perikatan, supaya mengukuhkan parti kita dan menjadi penyelamat demokrasi dan penentang kegiatan2 anti-nasional, anti-Malaysia dan anasir2 jahat.

TA'AT SETIA

Pada hari yang bersejarah ini marilah kita semua membarui azam kita untuk hidup berbaik2 dan bekerja bersama2 untuk memelihara keamanan dan keharmonian kaum dinegara ini. Marilah kita jadikan negara kita ini negara yang harmoni yang terdiri dari berbilang kaum dan mengujudkan bangsa Malaysia yang sebenarnya, yang ta'at setianya kepada negara ini sahaja. Marilah kita semua berikrar untok menjadi pejuang dan menentang segala usaha dari sebarang puncha yang bertujuan hendak merosakkan perpaduan kaum dan menghanchurkan perpaduan Malaysia. Kita mestilah mempunyai azam, berwaspada dan rajin bekerja, dan mengubah fikiran dan pandangan kita. Kita mistilah yakin bahawa dasar yang diambil oleh

Kerajaan kita hendak menjadikan negara ini negara demokrasi, adalah dasar yang terbaik. Oleh hal yang demikian marilah kita bersama2 berusaha bersungguh2 untuk menjamin kemajuan dan kebahagiaan negara kita.

Dalam sebuah negara seperti Malaysia, dengan masharakat berbilang kaum yang semakin membangun dan maju, kita mestilah membentuk bangsa yang mempunyai ta'at setia yang satu, dan sebuah negara yang mempunyai puchuk pimpinan yang satu bagi memenuhi kehendak2 rakyat. Terserahlah kepada rakyat membuktikan 'kemahuan berkumpul' ini, jika tidak, mereka tidak akan ujud sebagai satu bangsa yang kuat yang boleh mengatasi kesulitan yang misti dihadapi dalam membangunkan negara. Saya sedar 'kemahuan berkumpul' ini ada dikalangan rakyat dan kita boleh membendung apa2 anchaman sekiranya rakyat dan Kerajaan terus bekerjasama menentang musuh negara.

Kita tahu sebilangan besar rakyat adalah warganegara yang ta'at setia dan hanya sebilangan kechil sahaja puak pelampau dan pengachau. Dengan sebab itu mustahaklah kita selalu berjaga2 dan berwaspada supaya puak kechil ini tidak dapat meluaskan pengaruhnya.

MUHIBBAH

Semangat persaudaraan dan muhibbah sangatlah mustahak bagi kemajuan dan perpaduan di Malaysia. Rakyat mestilah berfikir sedalam2nya tentang benchana yang akan menimpa kita sekiranya kita membiarkan anasir2 anti nasional ini bergerak dan mengganggu keamanan negara. Rakyat Malaysia mestilah mengubah fikiran mereka dan mengukuhkan perpaduan untuk menjamin bahawa Malaysia akan terus ujud dengan menempa banyak lagi kemajuan dari sehari ke sehari.

Saya berharap dengan adanya semangat bertolak-ansor dan persefahaman antara kaum, kita boleh mengukuhkan asas kebangsaan

Malaysia yang sebenarnya dan saya yakin dalam tempoh dua puluh atau tiga puluh tahun, satu bangsa Malaysia yang tulin dan kekal akan ujud. Usaha2 menuju terchapainya matlamat ini sedang dibuat oleh Kerajaan dan adalah diharapkan rakyat pun akan menunjukkan keazaman yang sama.

Disini kita mestilah menganggap diri kita bukan sebagai orang Melayu, China, India atau Serani tetapi sebagai rakyat Malaysia dalam satu bangsa yang sedang dibentuk. Memandangkan hal ini kerjasama dan persefahaman mestilah ada bagi melichin dan menyegerakan pembentukan bangsa Malaysia yang sebenar2-nya. Kita berazam untok hidup sebagai satu bangsa Malaysia yang kuat, bersatu padu dan makmur supaya apabila ditulis sejarah negara2 yang sedang membangun, dapatlah diterangkan bahawa Malaysia sentiasa mengatasi lain2 negara sebagai sebuah negara yang telah mengambil langkah yang chukup untuk memelihara prinsip2 demokrasi dan pentadbiran berpelembagaan dan sebagai chontoh sebuah negara dimana rakyat berbagai kaum hidup berbaik2 dan dalam keadaan harmoni.

Sebagai sebuah negara merdeka kita terpaksa menghadapi banyak masaalah, dan baru2 ini keadaan ekonomi kita terjejas disebabkan turunnya harga getah. Ini tidak dapat dielakkan kerana keadaan didunia sekarang ini. Tetapi kita yakin serta perchaya masa'alah ini akan dapat diatasi melalui usaha dan kebijaksanaan Kerajaan kita. Sambil kita menghadapi sebarang masa'alah., kita janganlah lupa bahawa kita telah maju lagi daripada negara2 lain yang sedang membangun. Janganlah kita lupakan pemberian Tuhan dimasa2 yang lalu dan sambil melahirkan rasa keshukoran, kita berdoa semuga Tuhan akan lebih lagi memberkati kita dimasa hadapan.

Janganlah kita lupa akan tanggungjawab kita dan marilah kita membaharui azam kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara

demokrasi yang kuat dan maju dimana rakyat berbagai kaum hidup dalam semangat persaudaraan dan perpaduan. Dengan jalan ini sahajalah Malaysia boleh menjadi sabuah negara yang aman, maju dan makmur.

Selamat Hari Raya!

==========

MEMANDANG KEHADAPAN MENUJU KEHADAPAN MARA KEHADAPAN

/Uchapan berikut ialah uchapan perasmian sidang kedua Konggres Ekonomi Bumiputra di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 7hb. September, 1968. Saripati uchapan Tun memujukkan sikap jujur beliau untuk melaksanakan ketetapan2 Konggres lalu dan kedua itu demi kemajuan bangsa dan negara serta sikap pragmatis beliau pada menjalankan peranchang masadepan. Perkara2 kechil dan perkara2 yang telah berlalu tidak patut diperbesar2kan kerana untuk maju segala pandangan dan keazaman hendaklah ditumpukan pada perkara2 penting yang menjelang/.*

Saya menguchapkan berbanyak2 terimakasih kepada Pengerusi, dan Jawatankuasa Penaja Konggres serta tuan2 dan puan2 sekalian kerana telah memberi peluang kepada saya pada pagi ini untuk membuat uchapan permulaan dan memberi keterangan sedikit sebanyak berkenaan dengan langkah2 yang telah di-ambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan keputusan2 Konggres Yang Pertama yang diadakan daripada 5hb. hingga 7hb. Jun., 1965, dan menerangkan juga langkah2 yang dichadangkan akan diambil untuk meneruskan usaha2 dan chita2 Kerajaan Perikatan serta rakyat negara ini sekalian untuk memberi peluang2 yang lebih luas dan sempurna kepada ahli2 Bumiputra didalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Kerajaan Perikatan Berdiri Tegoh atas Janji2nya

Dengan menganjurkan Konggres Yang Kedua ini, adalah bermakna bahawa Kerajaan Perikatan telah menepati janji2-nya untuk menyemak usaha2 yang telah dijalankan didalam lapangan hendak meninggikan iktisad Bumiputra bersama2 dengan tuan2 dan puan2 sekalian. Kerajaan Perikatan tidak sekali2 lari atau mungkir daripada janji2 yang dibuatnya, bahkan sentiasa dan sedia berdiri teguh menyempurnakan apa jua yang dijanjikan. Kerajaan Perikatan pada bila2 masa pun sedia dan berani menghadapi rakyat bagi memberi peluang kepada rakyat menentu dan menghakimkan samaada usaha2 yang dijalankan oleh Kerajaan bagi faedah rakyat itu menepati kehendak2 rakyat dan sebenarnya memberi faedah

kepada rakyat ataupun tidak.

Benarkan saya membalut satu pertanyaan:

Apakah perbedzaannya diantara:

- seorang suami yang tak setia kepada isterinya;
- seorang pegawai Kerajaan yang tidak layak menjalankan kerjanya; dan
- seorang ahli politik yang tidak berguna?

Saya perchaya tidak ada bedza-nya diantara mereka itu:

- suami yang tidak taat sentiasa lari dari isterinya;
- pegawai Kerajaan yang tidak layak sentiasa lari dari kerja2 dan failnya; dan
- ahli politik yang lemah dan tidak berguna sentiasa lari dari janji2nya.

Akan tetapi, Kerajaan Perikatan tidak sekali2 berbuat demikian. Seperti saya terangkan tadi, Kerajaan sentiasa berdiri teguh didalam usahanya untuk melaksanakan chita2 dan hasrat rakyat - sentiasa berdiri teguh menyempurnakan apa jua janji2 yang telah dibuat. Dengan sebab itulah, Kerajaan telah mengadakan Konggres Ekonomi Bumiputra Yang Kedua ini bukan sahaja untuk menyemak dan mengkaji kemajuan perlaksanaan usul2 yang telah saya terima dari Konggres Pertama dahulu, tetapi juga untuk menchari jalan yang lebih luas dan lebih lanjut lagi bagi melaksanakan chita2 dan harapan rakyat didalam lapangan ekonomi. Kerajaan Perikatan tidak pernah lari daripada janji2nya, bahkan sentiasa terus berusaha memberi pelalung2 yang lebih luas dan sempurna kepada rakyat untuk meninggikan taraf hidup mereka terutama sekali mereka yang lemah di kawasan2 luarbandar.

Mesti Berazam

Sambil saya berdiri dihadapan tuan2 dan puan2, saya berasa baru sangat lagi, bahkan perasaan saya baru satudua hari sahaja yang saya berdiri dihadapan tuan2 dan puan2 bagi membuat uchapan penutup Konggres Yang Pertama dahulu. Akan tetapi, kalau kita renungkan perkara ini, kita dapati sudah 3 tahun lamanya kita mengadakan Konggres Yang Pertama itu dan didalam masa 3 tahun itu kita telah jauh mara kehadapan dan telah banyak membuat hasil2 bukan sahaja bagi melaksanakan usul2 dan ketetapan2 Konggres yang lalu, bahkan

untuk melaksanakan chita2 dan tujuan2 pembangunan di negara kita ini.

Dengan sebab itu saya berasa amat sukachita mendapat peluang pada pagi ini memberi uchapan permulaan ini kepada Konggres Yang Kedua ini. Pada fikiran saya, perkara yang penting bagi Konggres ini ialah kita semua mesti berazam tidak hendak duduk berdiam diatas kejayaan yang telah dichapai dan kita tidak akan membuang masa untuk menoleh kebelakang dan menyemak perkara2 yang telah lepas, akan tetapi, kita akan memandang kehadapan dan menumpukan fikiran dan dayausaha kita kepada chita2 dan tujuan2 kita pada masa yang akan datang, supaya dengan itu kita akan dapat maju kehadapan dengan lebih chepat dan lebih giat lagi daripada kejayaan kita didalam masa 3 tahun yang lalu.

Maju Kehadapan... Mara Kehadapan

Seperti tuan2 dan puan2 mengetahui bahawa saya bukan sahaja seorang Menteri yang bertanggungjawab didalam lapangan pembangunan, akan tetapi, saya bertanggungjawab didalam lapangan pertahanan dan keselamatan didalam negeri. Didalam hal pertahanan, tentera2 kita tidak boleh menjalankan tugas jika mereka itu memandang kebelakang; dan tidak ada satu tentera pun di dunia ini yang boleh mara kehadapan jika mereka itu memandang kebelakang. Kita mestilah memandang kehadapan memikirkan perkara2 yang akan datang, menuju kehadapan dan mara kehadapan.

Dengan sebab2 itu, saya berharap kita tidak akan merugikan masa dan dayausaha kita untuk membinchangkan dengan panjang-lebar, parkara2 yang telah lepas disebabkan perkara yang telah jadi itu tidak siapa pun yang boleh menukarkannya. Konggres ini tidak boleh menukarkan, Jumaah Menteri pun tidak berkuasa menukarkan dan negara kita pun tidak boleh menukarkannya. Yang kita kehendaki ialah Konggres ini akan terus mengatur langkah untuk kita mara kehadapan dan untuk kemajuan pada masa yang akan datang.

Menentukan Masa Hadapan

Kebanyakan tuan2 dan puan2 yang hadzir pada hari ini disini telahpun hadzir di Konggres Ekonomi Bumiputra Yang Pertama dahulu. Tuan dan puan2 tentu ingat bahawa 3 hari lamanya pada awal bulan Jun, kita telah berkumpul disini, berunding, bertukar fikiran dengan tujuan hendak menyatukan pandangan dan fikiran kita serta pengalaman dan penge-

tahuan kita bagi melaksanakan dasar Kerajaan yang penting iaitu memberi peluang yang lebih sempurna dan berkesan lagi kepada ahli2 Bumiputra untuk mengambil bahagian didalam lapangan perusahaan dan perniagaan di negara kita ini.

Membaharui Azam

Kita telah berkumpul hendak memikirkan chara2 untuk melaksanakan daya usaha bagi memajukan iktisad negara kita ini supaya tiap2 warganegara di Malaysia ini, semaada orang itu seorang peladang, seorang penoreh getah, seorang nelayan ataupun seorang ahli perniagaan ataupun seorang pekerja didalam kilang, dapat mempunyai tempat yang sempurna di negara ini dan dapat mempunyai taraf hidup yang bahagia seperti kita kehendaki. Kita telah berkumpul dan berunding dan bertukar fikiran dengan chara terus terang mengikut peraturan demokrasi, yang kita amalkan dan tiap2 orang adalah bebas memberi buah2 fikiran dengan sepenuh dan sejelas2nya. Hasil dari perbinchangan itu ialah kita telah berjaya membaharui azam kita yang mengambil bahagian didalam Konggres itu, iaitu wakil2 daripada rakyat dan wakil2 daripada pehak Kerajaan untuk bekerjasama dan menyatukan usaha2 mereka itu bagi melaksanakan dasar Kerajaan supaya dapat dihapuskan perbedzaan ekonomi yang ada didalam negara kita ini.

Tanggungjawab Bersama

Pada masa saya menerima 69 ketetapan Konggres2, saya berjanji dan berikrar bahawa Kerajaan Perikatan akan menchuba melaksanakan usul2 itu dengan seberapa dayaupaya dengan menggunakan apa jua kekuatan dan kekuasaan yang ada padanya. Akan tetapi, kita semua faham bahawa kehslailan pelaksanaan ketetapan2 Konggres itu tidak bergantung semata2 kepada usaha dan tenaga Kerajaan dan tanggungjawab Konggres ini dan juga tanggungjawab Kerajaan, bahkan tanggungjawab Konggres ini dan juga tanggungjawab rakyat jelata seterusnya. Oleh itu, segala usul2 itu dapat dilaksanakan dengan jayanya dan chita2 dan hasrat rakyat dapat disempurnakan dengan sepenuhnya, jika kita semua, Menteri2, Wakil2 Rakyat, Pegawai2 Kerajaan, Penghulu2, Ketua2 Kampung dan rakyat sekalian sungguh2 berusaha dan bersatu hati untuk menghasilkan kehendak2 Konggres itu.

Usaha Bersama

Kita semua tidak mempunyai tongkat hikmat, Menteri2 pun tidak mempunyai tongkat hikmat; akan tetapi, kita mempunyai semangat dan keazaman yang tulus ikhlas untuk menolong rakyat dengan sebrapa daya yang boleh. Kehasilan daripada usaha2 itu hanyalah dapat dichapai jika tiap2 rakyat didalam negeri ini, orang2 yang bersama didalam Dewan ini hari ini atau diluarnya, berusaha sungguh2 tenaga untuk menchapai chita2 kita bagi mendapat kemajuan yang lebih sempurna didalam lapangan ekonomi.

Terbentuknya Badan2 Pembangunan

Konggres Yang Pertama telah mendzahirkan beberapa Badan2 yang telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan chita2 kita dan yang menjadi panduan dan tumpuan harapan kita semua untuk menjayakan hasrat dan kehendak Konggres. Badan2 itu ialah seperti MARA, FAMA Bank Bumiputra dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara.

Kejayaan2 MARA

Pada Konggres yang lalu tuan2 dan puan2 telah meminta saya kebumikan RIDA, badannya dan ruhnya semua sekali, supaya kita tidak mempunyai lagi daripada penjajahan dahulu kesan2 usaha yang dijalankan dengan tidak sepenuh hati untuk memperbaiki ekonomi rakyat. Dengan kehendak Konggres, saya telah menjaga MARA, memberinya minuman susu dan makanan2 berzat yang lain pada 2½ tahun yang lalu. Saya telah melantik, sebagai Pengerusi MARA, seorang yang berkaliber besar dan dinamis iaitu Y.B. Tuan Abdul Ghaffar Baba. Dan beliau dibantu pula oleh seorang Timbalan Pengerusi - Dato' Haji Mustapha Jabbar, seorang ketua yang sentiasa berdamping dengan rakyat dan mengetahui hasrat dan kemahuan rakyat. Pada hari ini MARA telah menjadi seorang dewasa yang sihat dan kuat seperti yang tuan2 dan puan2 dapat saksikan hari ini.

Saya tidak hendak berchakap panjang berkenaan dengan ranchangan2 dan usaha2 yang dijalankan oleh MARA. Saya hanya suka hendak berkata bahawa pada 2½ tahun yang lalu, MARA telah membuka beberapa perusahaan2 seperti perusahaan batik, perusahaan membuat kemeja, perusahaan kulit, sharikat kayukayan kebangsaan, sharikat amanah saham dan lain2. MARA telah memberi pinjaman wang yang banyak kepada peniaga2 Bumiputra dan memberi mereka itu nasihat dan tunjukajar bagi menjalankan perniagaan2 mereka. MARA telah mengambil bahagian yang penting didalam perusahaan pengangkutan.

MARA telah membelanjakan wang berjuta2 ringgit bagi memberi latihan kepada beberapa orang pemuda dan pemudi Bumiputra didalam lapangan pengajian ikhtisas teknik dan vokasional baik didalam negeri maupun diluar negeri. Satu daripada langkah2 yang besar yang diambil oleh MARA didalam lapangan latihan, ialah mendirikan Institut Teknoloji MARA. Kemajuan Institut ini boleh dikatakan lebih daripada yang dianggapkan dan pada hari ini, pada masa kita berkumpul disini, ada lebih-kurang 2,450 orang penuntut2 di Institut Teknoloji MARA yang sedang menerima latihan didalam beberapa lapangan perusahaan, pekerjaan dan perniagaan. Institut ini sekarang sedang membuat ranchangan untuk menubuhkan satu Sekolah Kejuruteraan (School of Engineering) di tempat Institut itu, di Batu Tiga, Jalan Kelang.

Saya perchaya langkah2 yang saya sebutkan ini adalah menunjukkan bahawa MARA telah menjalankan usaha2-nya dengan penuh keazaman dan keyakinan untuk melaksanakan ketetapan2 penting Konggres Yang Pertama itu. Didalam satudua tahun akan datang ini, kita akan mempunyai beberapa orang Bumiputra yang telah lulus dari Institut ini dan juga yang telah tamat latihannya di sekolah2 diluar negeri dan mereka ini akan mengambil bahagian yang penting didalam lapangan perusahaan dan perniagaan di negara kita.

Tabung Haji

Begitulah juga anak2 kandung Konggres yang lain seperti FAMA dan Bank Bumiputra adalah berjalan dengan baik dan dari sehari semakin bertambah subur dan kuat. Seharuslah saya tidak payah menerangkan dengan lebih lanjut usaha2 yang telah dijalankan oleh badan2 ini. Begitu juga Tabung Haji sekarang telah menjalankan usaha2 yang sangat meberi kesan dan memuaskan hati bukan sahaja untuk menolong bakal2 Haji bagi menunaikan fardu Haji, bahkan untuk mengumpulkan wang bagi menjalankan perusahaan2 didalam beberapa lapangan. Pada hari ini Tabung Haji mempunyai 38,000 orang penyimpan wang dan wang yang disimpan berjumlah lebih kurang $10½ juta. Dengan wang ini, ahli2 Bumiputra, dengan tidak secara langsung, dapat mengambil bahagian didalam lapangan perusahaan dan perniagaan melalui Tabung Haji. Begitu juga Perbadanan ini hendak diperluaskan suapay pejabat Urusan Haji yang ada sekarang ini dapat disatukan dengan Tabung Haji ini suapay dengan itu, satu Perbadanan yang besar akan dapat menolong bakal2 Haji bukan sahaja bagi menyelamatkan wang mereka, bahkan menolong bakal2 Haji bukan sahaja bagi menyelamatkan wang mereka, bahkan menolong menyediakan kapal dan kemudahan2 mereka yang lain dari masa

mereka itu meninggalkan rumah sehingga balik setelah selamat menunaikan fardu Haji itu.

Begitu jugalah perkara2 yang lain berkaitan dengan Konggres ini, saya fikir tidak payah saya sebutkan dengan panjang lebar. Memadailah jikalau saya katakan bahawa sebagai satu bangsa, kita telah mara kehadapan bukan sahaja didalam lapangan yang ditentukan oleh Konggres ini, iaitu lapangan bahagian Bumiputra didalam perusahaan dan perniagaan, akan tetapi, didalam semua lapangan kemajuan negeri, sambil kita memberi pertolongan kepada orang2 yang mundur, ahli2 Bumiputra yang dahulu tidak berpeluang mengambil bahagian didalam lapangan ini, Kerajaan telah juga menjalankan usaha2 bagi menolong semua dan segala rakyat yang mundur dan memberi mereka itu kemudahan2 hidup, pekerjaan2 yang tertentu dan chara2 kediaman yang teratur dan sempurna. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah membuka 75 buah ranchangan tanah dan pada masa ini Lembaga ini sedang giat menjayakan ranchangan Tigasegi Jengka yang luasnya 150,000 ekar. Begitu juga sekarang ini kita sedang menyiasat dua atau tiga kawasan2 yang lebih luas lagi daripada kawasan Tigasegi Jengka ini untuk dijayakan dan tanah2 itu akan diberikan kepada orang2 yang tidak mempunyai tanah.

Jayadiri dan Melipatganda Kemudahan2 bagi Pertanian

Begitu juga ranchangan Taliayer Muda dan ranchangan2 taliayer yang lain yang sedang diusahakan dan tidak lama lagi akan siap yang telah memberi faedah kepada petani2 untuk membolehkan mereka itu menambahkan mata pencharian mereka dengan berlipatganda lagi. Dan lagi, Kerajaan sekarang ini sedang menyatukan usaha2 didalam lapangan pertanian dengan menentukan beberapa kawasan2 untuk dibuka. Di-kawasan2 yang ditentutkan ini, usaha2 akan ditumpukan dengan sepenuhnya bagi menggunakan alat2 moden, baja dan benih2 yang baik supaya usaha2 yang dijalankan ini akan mendatangkan hasil yang penuh. Begitu juga di tempat2 ini akan dikelolakan kemudahan2 yang lain seperti pasaran untuk menjualkan barang2 pengeluaran itu dan mendapat harga yang sepatutnya. Pasaran bukanlah ditentukan didalam negeri sahaja bahkan juga usaha2 akan dijalankan untuk mendapat pasaran diluar negeri kita ini. Usaha2 ini ialah bertujuan hendak memenuhi segala kekurangan yang didapati di kalangan petani2 dan peladang2 yang ada di negeri ini supaya usaha2 mereka itu boleh mendatangkan hasil yang memuaskan. Usaha2 ini ialah dibawah Gerakan JAYADIRI yang dilancharkan oleh Kerajaan yang bertujuan hendak memupuk semangat baru, menukar sikap rakyat supaya bersedia dan berani menerima perubahan yang dibawa oleh kemajuan sains dan teknik, hasil bumi didalam negeri ini akan dijayakan dengan sepenuh2nya.

Perusahaan2 lain

Begitu juga Kerajaan sedang berusaha dengan giatnya untuk menubuhkan perusahaan2 yang lain daripada getah terutama sekali barang2 makanan supaya negara kita tidak lagi bergantung semata2 kepada getah yang harganya baru2 ini telah jatuh dan kedudukannya yang tidak begitu tetap. Dasar kita mestilah mengeluarkan seberapa banyak barang2 makanan untuk keperluan kita dan kemudian itu dijualkan ke negara2 lain yang berkehendakkan barang2 makanan. Untuk melaksanakan tujuan ini, penyiasatan didalam lapangan pertanian telah diperbaharui dan diperluaskan dan kita akan menubuhkan satu Pusat Penyelidikan Pertanian yang besar supaya dengan itu dapatlah usaha2 untuk menolong petani2 dan peladang2 bagi menggunakan teknik moden dan kemudahan2 seperti benih dan baja yang baru dapat dijalankan dengan pesatnya.

Perkembangan Perindustrian

Begitu juga didalam lapangan perindustrian, tapak perindustrian di Batu Tiga dan di beberapa tempat lain telah disediakan dan sedang dijayakan dengan giatnya. Pemodal2 dari dalam negeri dan luar negeri telah menunjukkan keperchayaan mereka itu kepada kekuatan politik dan ekonomi negara kita dengan chara menanam modal mereka didalam berbagai2 perusahaan untuk memberi pekerjaan kepada warga2negar di Malaysia ini dan untuk kemajuan ekonomi negara kita.

Meranchang bagi Masa Hadapan

Dan lagi kita sedang menjalankan satu penyiasatan didalam lapangan pengangkutan diseluruh negara kita ini yang tidak lama lagi akan siap dan dengan penyiasatan ini kita harap akan dapat membuka jalan2 yang baru untuk memperhebatkan lagi pengeluaran hasil di negara kita ini.

Kita telah berjaya melaksanakan ranchangan pembangunan kita dengan baik dan teratur dan Ranchangan Limatahun yang ada sekarang ini pun sedang dijalankan dengan sangat memuaskan hati. Pada masa ini kita sedang menyemak kemajuan perlaksanaan Ranchangan Malaysia Pertama ini sambil kita menyediakan rangka2 Ranchangan Malaysia Kedua. Semua ini ialah usaha2 kita didalam lapangan pembangunan negara dan saya menasihatkan Konggres ini supaya didalam perbinchangan dan perbahasan yang tuan2 dan puan2 akan jalankan, tuan2 dan puan2 hendaklah sentiasa memandangkan kepada dasar dan tujuan ranchangan

pembangunan negara kita semua sekali dan tidak semata2 memandangkan dari satudua sudut sahaja. Mustahaklah kemajuan negara kita dipandang dengan kachamata yang sebenarnya dan dari segi kebangsaan dan negara kita.

Buahfikiran Baru dikehendaki

Pada duatiga hari akan datang, segala keputusan2 yang tuan2 akan buat didalam perbinchangan tuan2 dan puan2, akan menambahkan lagi usaha2 didalam lapangan pembangunan dan akan menunjukkan ranchangan2 dan badan2 yang baharu yang belum difikirkan dahulu dari ini. Kalau tuan2 dan puan2 dapat menerangkan ranchangan2 yang baru dari segi pembangunan, maka sangatlah elok, sebab Kerajaan sedang memula menyediakan Ranchangan Limatahun yang akan datang. Tidak dapat tiada, kalau pandangan atau pun chadangan yang tuan2 dan puan2 akan kemukakan itu didapati baik dan berfaedah dan dapat dilaksanakan, Kerajaan akan menimbang dan memasukkannya kedalam Ranchangan Limatahun Malaysia Kedua.

Sharikat Perniagaan Kebangsaan

Berkenaan dengan ranchangan2 yang baharu dan juga chadangan2 yang boleh melanjutkan lagi usaha2 kita didalam lapangan pembangunan, saya suka mengemukakan satudua chadangan untuk diti bang, difikir dan diselidek didalam persidangan Konggres ini. Seperti yang saya telah terangkan, banyak kemajuan yang telah dichapai didalam lapangan ekonomi negara kita. Akan tetapi, dengan tujuan hendak memberi peluang yang lebih lagi kepada ahli2 Bumiputra didalam lapangan perusahaan dan perniagaan pada beberapa tahun yang akan datang, saya suka mechadangkan supaya kita menubuhkan satu Sharikat Perniagaan Kebangsaan. Dengan adanya sharikat ini, dapatlah ahli2 Bumiputra berpeluang, bukan sahaja mengambil bahagian didalam usaha2 memajukan hasil didalam negara kita, bahkan usaha2 didalam perniagaan mengekspot dan impot barang2 pengeluaran dan juga menjadi ajensi2 didalam perniagaan.

Pada pandangan saya, Sharikat Perniagaan Kebangsaan ini bukan sahaja berkehendakkan modal yang banyak bahkan seharusnya akan menubuhkan beberapa bahagian2 atau "subsidiaries", untuk menjalankan perusahaan dan pergerakan2nya didalam beberapa lapangan. Dengan tertubuhnya satu Sharikat perniagaan seperti ini, dan ada bahagian2nya, sharikat ini akan mempunyai kedudukan yang tinggi dan tidak dapat tiada,

boleh meminjam wang untuk kegunaannya baik didalam negeri ataupun diluar negeri. Dan lagi sharikat yang semacham ini adalah mempunyai kedudukan yang baik lagi menjalankan perundingan untuk mengadakan usaha2 bersama dengan sharikat2 yang lain samaada didalam negeri atau pun sharikat2 antarabangsa. Sharikat ini akan ditadbirkan dan dijagai oleh ahli2 Bumiputra dan saya berkendakkan Sharikat ini akan dapat mempunyai modal dari ahli2 Bumiputra sendiri. Saya pulangkanlah kepada tuan2 dan puan2 untuk menimbang dan menghalusi chadangan yang saya kemukakan itu.

Bank Bumiputra

Bank Bumiputra kita telah tumbah dengan maju dan subur; kedudukannya kuat dan teguh. Selain daripada memberi pinjaman wang kepada ahli2 perniagaan dan juga menjadi tempat simpanan wang kepada Bumiputra, Bank ini telah dapat mengutip lebih kurang 10,000 penyimpan2 Bumiputra yang telah dapat menabung wang lebih kurang $3½ juta.

Kemajuan Bank ini adalah menunaikan hati dan saya chadang kita patut mengambil satu langkah lagi kehadapan dengan mengadakan National Finance Corporation atau Perbadanan Kewangan Kebangsaan dibawah jagaan dan awasan Bank Bumiputra. Sharikat kewangan ini akan dapat menarik modal2 daripada semua bahagian ekonomi negara kita terutama sekali ahli2 Bumiputra. Wang yang dikumpulkan oleh Sharikat ini akan dapat digunakan bagi menyediakan modal untuk ranchangan2 yang besar dan ranchangan2 jangkapanjang yang dapat menjalankan usaha2 yang pada masa ini tidak dapat dijalankan oleh Bank Bumiputra atau pun bank2 yang lain yang ditubuhkan dibawah Undang2 Bank di negara kita. Sharikat Kewangan yang semacham ini dapat menjalankan pekerjaan2 dengan menurut aturan yang longgar sadikit daripada bank dan dapat memberi bantuan kepada perusahaan2 dengan tidak menurut aturan yang biasa dikenakan kepada bank2.

Ada satu lagi lapangan baru yang belum difikirkan oleh mana2 pehak, iaitu lapangan perniagaan Insoran Nyawa (Life Insurance). Pada pandangan saya, disini ada peluang yang baru bagi Bumiputra mengambil bahagian didalam perniagaan ini kerana kebanyakan daripada sharikat2 Insuran Nyawa yang berjalan di negara kita ini, melainkan 6 buah sahaja, adalah Sharikat2 luarnegeri. Menurut keterangan2 pada beberapa tahun yang lalu, perniagaan Insuran ini adalah bertambah maju. Pada tahun

1963 sahaja hasil dari premium meningkat kepada $80.8 juta dan pada tahun 1966, $120.8 juta, bermaana telah bertambah lebihkurang $40 juta dan ini menunjukkan hasil dari premium sahaja telah bertambah tidak kurang daripada $10 juta setahun. Pada pandangan saya keadaan ini akan berpanjangan dan harus tambahan yang akan berlebih lagi didalam 10 tahun yang akan datang disebabkan kemajuan ekonomi negara kita adalah bertambah besar dan bertambah luas. Apabila pendapatan seseorang itu bertambah dan kemakmuran negara bertambah, lebih ramai orang akan mengambil polisi2 Insuran Nyawa ini. Begitu jugalah di-lapangan bagi mendapatkan perniagaan daripada "reinsurance sector" dan daripada badan2 berkanun seperti MARA, FAMA, LKTP dan juga LLN dan lain2nya. Saya berharap tuan2 dan puan2 akan menimbang dan menghalusi juga chadangan ini.

Itulah beberapa chadangan besar yang saya ingin kemukakan kepada Konggres ini untuk pertimbangan dan sokongan jika difikirkan berfaedah.

Bagi menutup uchapan saya pada hari ini, saya sebenar2nya berharap agar tuan2 akan menumpukan pandangan dan fikiran kepada masa yang akan datang dan tidak akan merugikan masa bagi membinchangkan perkara2 yang kechil yang telah lepas. Kita mustahak memberi chahaya yang terang kepada ranchangan2 yang boleh dilaksanakan pada masa yang akan datang. Apa yang telah berlalu pada masa yang lampau tidak dapat ditukar. Sebagai satu bangsa, kekuatan kita dan kegiatan kemajuan kita adalah bergantung kepada kebolehan kita menyemak hasil perusahaan kita dari satu masa ke satu masa, memikir dan meranchang langkah2 yang akan diambil pada masa hadapan supaya tiap2 perkara yang kita akan jalankan itu adalah ditimbang dan ditilik sehalus2nya. Hanyalah dengan berbuat begini, pada pandangan saya, bila kita bermeshuarat sekali lagi pada Konggres Ekonomi Ketiga, kita akan dapat berunding, bertukar fikiran sekali lagi dan berbangga dengan pandangan2 dan ranchangan yang kita telah kemukakan dan kejayaan kita melaksanakan ranchangan2 itu.

Sekian-lah sahaja, Selamat Bersidang dan Selamat MAJU JAYA.

UCHAPAN Y.A.B.PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DIUPACHARA PEMBUKAAN RASMI SEMINAR MEMPERBAIKI SEMANGAT, SIKAP DAN DEDIKASI DI INSTITUT TEKNOLOJI MARA, PETALING JAYA, PADA 10HB. JANUARI. 1972.JAM 10.00 PAGI.

Tuan Pengerusi,

Saudara2 sekelian.

Terlebeh dahulu, saya ingin menyatakan uchapan terima kaseh kapada para peserta semua atas kesediaan saudara2 menghadziri Seminar ini, dan terima kaseh yang istimewa kapada saudara2 yang telah menyediakan kertas kerja untuk perbinchangan Seminar selama tiga hari kelak.

Saya telah mengarahkan sendiri supaya diadakan Seminar yang khusus ini kerana kita sedang melangkah masok kasatu babak yang penting dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tahun Pertama dalam jangka waktu Ranchangan Malaysia Kedua baru saja selesai. Sungguh pun pada 'amnya, usaha2 yang dijalankan satakat ini bergerak maju dan memuaskan, mustahaklah kita sekarang menumpukan perhatian kapada masa'alah2 yang timbul dari pengalaman tahun pertama itu dari pengalaman masa2 lampau dan memperbaiki kelemahan2 dimana terdapat. Dengan demikian, bolehlah kita menjamin kemajuan2 yang lebeh sempurna sebagaimana yang dichita2kan itu.

Saudara2.

Saperti sedia dima'alom, tujuan mu'tamad Dasar Ekonomi Baru ialah hendak menjadikan masharakat negara ini, terutama sekali masharakat Melayu dan Bumiputra, maju dan modern dalam ertikata yang sepenohnya. Kita hendak mengubah masharakat yang maseh berchorak tradisional dan custom-oriented menjadi masharakat dinamis dan economic-oriented saperti bangsa2 yang sudah maju.

Saya yakin kita boleh melakukan perubahan ini ber-ansor2 melalui proses2 perkembangan sahari2 dalam masharakat. Yang amat penting sekali ialah mengembangkan nilai2 sistem baru- new system of values - dikalangan orang2 kita yang membolehkan mereka menerima menafaIat dari ilmu pengetahuan dan teknik2 modern. Selain dari itu, kita hendaklah menggembelingkan tenaga manusia yang berlebehan dan menggunakan unsor2 kekayaan alam untuk pertumbuhan ekonomi yang lebeh pesat disamping meluaskan kemudahan pelajaran terutama dibidang sains dan teknoloji.

Pada hemat saya, proses memodernkan masharakat bukanlah hanya pada kulitnya sahaja bahkan sapatutnya lebeh dari yang dilihat oleh mata saja. Hari ini radio boleh dikatakan alat perhubungan mass media yang mustahak disetiap rumah, tetapi sebaleknya peti television maseh merupakan satu kemewahan (luxury) kapada kebanyakan orang terutama ra'ayat dikampong2. Kerajaan menyediakan rangkaian jalanraya dikampong2 supaya ra'ayat luar bandar lebeh senang membawa hasil pengeluaran kapasaran untuk mendapat harga yang baik dan dengan itu pendapatan yang lumayan. Yang pentingnya ialah pendapatan lumayan itu hendaklah dibelanja untuk perkara2 yang mustahak untuk keperluan sahari2 dan yang lebehnya hendaklah disimpan untuk readah masa hadapan dan tidak dibelanjakan untuk perkara2 mewah (luxury) yang tidak bagitu mustahak. Umpamanya, kechen-derongan satengah2 pemuda dikampong2 menukar motocycle atau scooter baru apabila selesai musim padi tidaklah boleh di-anggap satu kemajuan.

Dengan lain2 perkataan, modernisation berma'ana memileh jalan yang wajar bagi masharakat kita, sesuai dengan keadaan2 sekeliling supaya dapat menggunakan sebaik2nya kemajuan ilmu pengetahuan sains dan teknoloji yang terdapat hari ini.

Kita di Malaysia ini sungguh beruntong kerana negara kita dikurniai Allah dengan kekayaan hasil2 bumi serta tanah yang subor untuk berbagai jenis tanaman. Ra'ayat negara yang berbilang kaum, yang sabahagian besarnya gulungan belia, merupakan kekayaan tenaga manusia yang mana kalau digembelingkan dalam satu barisan yang bersatu padu membolehkan kita menchapai chita2 nasional dengan sapenohnya.

Tegasnya, kedudukan kita hari ini adalah penoh dengan potential2 bagi menchapai matlamat negara dalam jangka waktu yang tidak begitu lama.

Saudara2.

Bagaimana pun adalah diakui bahawa pada hari ini maseh terdapat kelemahan2 dalam fabric masharakat kita dan saya rasa mustahaklah kelemahan2 itu diatasi seberapa segera supaya memperchepatkan proses kaarah modernisation itu. Pada 'amnya kelemahan2 imi berpuncha dari hakikat masharakat kita yang tradisional dan custom-oriented. Oleh itu nyatlah bahawa anak kunchi bagi menghuraikan masa'alah tadi ialah mengubah nilai2 hidup dan sikap orang2 kita itu, mendesak mereka supaya berfikir serta bertindak dengan chara yang modern dan dengan itu dapat membina lembaga2 ekonomi dan sosial yang modern pula.

Saya berharap Seminar yang akan berlangsong tiga hari ini akan mengkaji keseluruhannya serta merumuskan langkah2 yang patut diambil untuk memperchepatkan proses modernisation itu.

Saya bersetuju dengan pendapat ahli2 bijak pandai bahawa apa yang perlu di-tanamkan dihati sanubari angkatan muda kita terutamanya ialah "motivation" dan sikap "achievement-oriented". Kita semua ma'alum bahawa orang tua2 dimasa dahulu tidak kurang hasrat dan chita2 yang tinggi membaiki taraf hidup meski pun

mereka tidak mengenal istilah ekonomi. Sebaleknya pepatah lama "rajin dan usaha itu tanggą kekayaan" jelas membuktikan motivation mereka serta minat menchapai kejayaan dan kebahagian hidup didunia dan akhirat.

Suasana hari ini menghendaki pengubahan chara pemikiran kita dalam menghadapi soal2 hidup. Sikap baru yang dimaksudkan itu antara lain2 kesediaan menerima idea baru serta chuba - menjalankan chara2 kegiatan ekonomi yang modern. Orang2 kita hendaklah juga mempunyai daya pemikiran dan time-sense yang lebeh mementingkan masa sekarang dan masa depan dan tidak khayal atau hanyut dengan masa yang sudah lalu.

Begitu pula dalam sabarang usaha yang dijalankan hendaklah dititikberatkan peranchangan, organisasi dan kechekapan supaya usaha itu membawa hasil yang lebeh berma'ana. Kita hendaklah mempunyai keyakinan kapada sains dan teknoloji modern tanpa membelakangkan kewajipan2 kita sebagai manusia yang beriman.

Saudara2.

Inilah sadikit sebanyak buah fikiran yang dapat saya kemukakan untuk perhatian bersama. Saya berchaya kertas2-kerja yang disediakan oleh ahli2 panel mengupas masalah2 masharakat dengan lebeh mendalam. Hasil2 perbinchangan yang timbul daripada Seminar ini akan memberikan garis2 panduan kapada pehak yang berkenaan supaya tindakan2 tegas boleh dijalankan salanjutnya.

Saya perchaya Seminar ini akan menchapai keputusan2 yang berguna kapada kita semua. Tugas2 hari depan adalah berat dan kita mestilah bersedia menghadapi chabaran2 itu. Bagi pehak Kerajaan, saya telah seringkali menyatkan keazaman supaya ranchangan2 untuk kebahagiaan ra'ayat dan negara dijayakan dengan sapenohnya.

Tetapi kejayaan itu hanya akan benar2 terjamin dengan adanya sambutan yang positif dari pehak ra'ayat, terutama orang2 kita. Inilah yang menghendaki sikap baru, semangat baru dan dedikasi dari kita semua supaya hasrat dan chita2 baru itu terchapai dengan sepenohnya.

Saya dengan sukachitanya merasmikan Seminar ini.

AMANAT KEPADA BUMIPUTRA

DEWAN2 PERNIAGAAN MELAYU MESTILAH BERDIKARI

(Ahli2 perniagaan bumiputra mendengar uchapan yang padat, membina dan menggerakkan fikiran dari Tun Razak bila beliau merasmikan Persidangan Tahunan Dewan2 Perniagaan Melayu Bersatu Malaysia di Alor Star pada 14hb Julai 1967. Beliau telah menerangkan dengan jelasnya bahawa perniagaan adalah persaingan dan memerlukan usaha dan kerja yang kuat untuk hidup, maju dan mendapat keuntungan) *

Saya menguchapkan terimakasih kerana berpeluang beruchap kepada tuan2 semua yang menjadi wakil setiap golongan perniagaan Bumiputra di seluroh negara. Saya masih ingat dalam uchapan saya kepada Persatuan tuan2 di Kuala Lumpur tahun lalu dimana saya menchadangkan supaya tuan2 berkumpul dan membuat renchana tindakan supaya persatuan tuan2 akan dapat memainkan peranan yang kian ber kesan dalam ekonomi negara yang semakin berkembang.

Saya tidak bertujuan hendak memberi gambaran bahawa saya anti Dewan2 Perniagaan, tetapi saya anti sebarang pertubuhan samada ia pertubohan Kerajaan atau pertubuhan sukarela yang 'hidup segan mati tak mahu' dan tidak mempunyai perpaduan atau daya penggerak. Ada banyak dewan perniagaan yang peranannya semata2 berkumpul dalam majlis2 sosial sengaja untuk makan dan membuat uchapan, atau dimasa lain pula untuk membantah kenaikan chukai, tarif dan lain2 dasar Kerajaan. Setelah menentang Kerajaan mereka berbalik kepada peranan yang negatif, berdiam diri sehinggalah timbul pula sesuatu untuk dibantah disebabkan kepentingan mereka yang sempit dengan tiada memikirkan kemajuan negara pada keseluruhannya.

Saya berpendapat sebuah Dewan Perniagaan yang maju dan hidup ialah satu persatuan ahli2 perniagaan bukan sahaja dengan hasrat jahat untuk menohari apa yang dapat diperolehi untuk diri mereka sendiri, tetapi juga dengan tujuan yang lebih tegas dan progresif tentang apa yang boleh diberikan dan disumbangkan bukan sahaja bagi faedah perniagaan mereka bahkan juga untuk faedah perniagaan, per dagangan dan perusahaan negara.

Oleh yang demikian, saya ingin melihat berbagai2 Dewan Perniagaan di negara ini maju dengan mempunyai tujuan dalam tindakan mereka dari hari ke hari.

Dengan adanya fikiran inilah maka saya menchadangkan kepada tuan2 supaya menyediakan ranchangan 'blue-print' untuk bertindak, dan saya telahpun membacha deraf ranchangan tuan2.

---

* huruf chondong (italics)

Jika ranchangan itu saya puji, saya tahulah apa reaksi tuan2. Tuan2 sudah tentu meminta supaya saya memberi bantuan peruntukan untuk melaksanakannya. Dan sekiranya saya tunduk kepada permintaan tuan2, diri saya juga berasa hampa kerana jika persatuan tuan2 benar hendak bergerak chergas dan kuat, tuan2 mestilah berdiri atas kaki sendiri dan bukan bersandar kepada Kerajaan.

Dengan sebab itu, saya menchadangkan iaitu untuk membuktikan tujuan tuan2 menjadi ahli dalam Dewan Perniagaan ini tidak mempunyai niat buruk, mengapa tidak menunjukkan bukti yang kongkrit tentang perkhidmatan yang baik ini dengan memberi sumbangan kepada tabung tuan2? Kemudian selepas tuan2 membuktikan kepada Kerajaan yang tuan2 telah berbuat sedaya upaya mengikut kebolehan dengan jujur dan ikhlas, saya perchaya Kerajaan akan bersedia menolong tuan2 sekiranya pertolongan benar2 diperlukan.

Saya berpendapat dalam sebuah persatuan seperti persatuan tuan2, mestilah ada sikap 'memberi dan menerima'. Dengan ini saya maksudkan tuan2 ahli perniagaan Bumiputra yang telah berjaya dan yang telah menubuhkan perniagaan2 yang kukuh dari segi kewangan, mestilah sanggup mengorbankan sedikit masa tuan2 dan sedikit wang tuan, pengalaman dan bimbingan kepada persatuan ini bagi menolong rakan tuan2 yang berada di tingkat bawah kemajuan perniagaan.

Dengan lain2 perkataan, pemimpin2 persatuan ini bukan sahaja memerhatikan kehendak mereka sendiri di bidang perniagaan, tetapi hendaklah memberi bimbingan dan pimpinan kepada Bumiputra, ahli tuan2 yang mengorak langkah bagi pertama kali di bidang perniagaan. Dalam hal ini, Kerajaan Perikatan telah banyak memenohi ketetapan Kongres Bumiputra untuk menolong ahli2 perniagaan Bumiputra.

Saya sukachita memberitahu tuan2 bahawa MARA sekarang benar2 mengeluarkan hasilnya. Bahagian Perkhidmatan Nasihat Teknik MARA telah membantu ramai Bumiputra yang baru menjadi ahli perniagaan dengan memberi nasihat dan panduan dalam banyak lapangan perniagaan dan saya berharap ramai lagi akan mengambil peluang dari perkhidmatan ini yang diberikan oleh MARA, yang terbuka kepada tuan2 semua untuk menggunakannya sepenuhnya. Berkenaan dengan Bahagian Kredit Kewangan MARA yang mengeluarkan pinjaman beribu2 ringgit kepada ahli2 perniagaan Bumiputra, saya sukachita menyatakan sistem baru ini dan fikiran baru yang sedang dilaksanakan oleh MARA dalam hal ini mula menunjukkan kejayaan.

Rahsia besar bagi MARA dan lain2 pertubuhan Kerajaan mengeluarkan pinjaman untuk menolong ahli2 perniagaan Bumiputra samada untuk membuka perusahaan baru maupun memperbaiki perniagaan yang sedia ada ialah, pertamanya untuk menjamin kajian dan nilaian dari segi ekonomi dibuat terhadap perusahaannya itu sebelum wang pinjaman diluluskan walau satu sen pun. Bahagian Pinjaman MARA diperkukuh lagi dengan adanya pakar2 ekonomi, penganalisa kewangan, jurutera2 awam dan lain2 pakar dan dengan pengetahuan ikhtisas mereka, membuat kajian mendalam terhadap projek yang akan diberi pinjaman wang, dan selagi projek perniagaan tiada mempunyai taraf yang menjamin kejayaannya, pinjaman wang tidak akan diluluskan.

Ini bererti dalam hal2 dimana pinjaman diluluskan, kejayaan telahpun dijamin dari mulanya lagi, dan bila projek2 itu maju, kawalan kredit yang ketat diadakan, kemajuan itu sentiasa dikaji, pengawasan selalu dibuat dan dasar ini sekarang memberi keuntungan dan baru2 ini banyak wang telah pulang kepada MARA sebagai faedah atas pinjaman yang berjaya, lebih banyak lagi dari yang dikeluarkan bagi pinjaman2 lain.

Saya berasa sukachita mengenai hal ini kerana ini bererti Kerajaan Perikatan benar2 telah memperbaiki sistem menolong Bumiputra dari segi kewangan dan teknik dan sistem ini berjalan dengan baik.

Bagaimanapun, saya ingin menyatakan kepada tuan2 atau kepada lain2 ahli perniagaan Bumiputra yang tiada disini hari ini bahawa jika tuan2 memohon pinjaman kepada MARA dan dengan takdirnya permintaan tuan2 itu tidak diluluskan serta merta, janganlah putus asa kerana tuan2 akan diberi sebab2 yang jelas mengapa ranchangan itu difikirkan tidak boleh dijalankan dari segi ekonomi. Saya berharap tuan2 akan diberi nasihat bagaimana hendak mengemukakan projek yang boleh dijalankan dari segi ekonomi.

Tuan2 tentu bersetuju dengan saya dasar ini adalah lojik. Tujuan mendapat pinjaman dari MARA bukanlah untuk memberi derma, bukan untuk memberi pinjaman yang tidak dapat dan tidak mungkin dibayar semula, dan menyebabkan yang meminjam itu terikat dengan hutang dan akhirnya dia menjadi seorang bengkerap. Dasar kita ialah untuk membina perniagaan yang kuat dan kukuh dari segi kewangan yang dijalankan oleh Bumiputra yang akhirnya menjadi perusahaan yang makmur dan bukan menjadi bengkerap. Chara yang tunggal menggunakan dasar ini ialah dengan menguatkuasakan sistem menilai tiap2 perniagaan sebelum perjanjian pinjaman ditandatangani.

Biarlah saya berterus terang kepada tuan2. Penyertaan Bumiputra tiada bererti seperti yang disangkakan oleh orang, semata2 mendapat lesen, memberi nama kepada perusahaan itu dan kemudian membenarkan orang lain menjalankan perusahaan itu. Dia mengaut keuntongan yang besar dan memberi bayaran yang sedikit sahaja kapada pemunya lesen itu! Penyertaan dalam perniagaan mestilah bererti penyertaan seratus peratus, memberi sumbangan modal dan tenaga serta mengambil bahagian yang chergas menjalankan urusan perniagaan itu dari hari kehari! Dimasa yang lalu, terlampau banyak lesen seperti lesen melombong, lesen kayu balak, lesen teksi dan boleh jadi lesen bagi perusahaan swasta yang dikeluarkan atas nama seseorang itu dan kemudian yang mempunyai lesen itu menjadi rakan yang tidur. Kemudian apa jadi? Sitidur dimakan oleh sijaga.

Seperti yang disebutkan oleh Presiden tuan2, saya ingin menambah thema uchapannya. Saya melihat dimasa hadapan penyertaan Bumiputra seratus peratus dalam perdagangan dan perusahaan negara ini. Jawapannya terletak dalam perusahaan2 bersama bukan sahaja dengan perniagaan2 yang telah tertubuh dinegara kita, tetapi juga dengan mengadakan perusahaan bersama dengan seberapa banyak jenis perusahaan dan perdagangan dalam mana peluang2 sentiasa terbuka dari hari kehari untuk kita maju dibidang ekonomi.

Penyertaan Bumiputra bukan bererti merampas hak2 perniagaan dari pengusaha2 yang ada dan memberi hak2 itu kepada ahli2 perniagaan Bumiputra yang baru. Tidak! Dalam ekonomi kita yang sekarang sedang berkembang, ada banyak peluang bagi semua orang dan semangat inilah yang saya mahu lihat dalam sektor swasta ekonomi kita, semangat mengadakan perusahaan bersama, terutama sekali didalam semua perusahaan baru dan berkembang yang sekarang ini didirikan dinegara kita, dan perkembangan ini akan bertambah lagi dimasa depan dan akan ada kerjasama yang bersungguh2 antara orang2 China, Melayu dan India yang semuanya adalah orang Malaysia.

Perniagaan adalah persaingan. Ia memerlukan usaha2 yang bersungguh2 untuk perusahaan itu hidup, berjaya dan mendapat keuntungan. Tuan2 tentu tahu dan saya perchaya tuan2 boleh merasanya dari pengalaman tuan2 sendiri dalam perniagaan. Tetapi mari kita berfikir sebentar bukan semata2 untuk faedah diri sendiri. Kita ingatkan perkataan 'persaingan', 'kerja keras' dan 'perjuangan' dan gunakan dalam konteks kebangsaan.

Sambil setiap ahli perniagaan berusaha untuk mendapat tempat nya atau untuk menchapai kejayaan dalam ekonomi negara kita, dengan adanya usaha bersatu dipihak ahli2 perniagaan kita, tidak kira asal keturunan, mestilah berjuang dan bekerja keras sekiranya Malaysia hendak mengambil tempat yang hak dilapangan perniagaan, perdagangan dan perusahaan diseluruh dunia. Sekiranya kita mahu negara kita Malaysia mengambil tempat yang wajar dalam perdagangan didunia, taat setia mahulah kepada negara dan fikiran kita mestilah fikiran antarabangsa.

Chita2 kebangsaan dan chita2 diri sendiri adalah perkara y yang penting dan merupakan kuasa penggerak disebalek kejayaan sebarang perniagaan, tetapi walaupun begitu, untuk bersaing dalam bahagian dunia, kita mestilah ingat untuk mengaitkan taat setia kepada negara dengan faham liberal antarabangsa.

Dengan sebab itu, janganlah kita terlampau berfaham nasionalis, sehingga kita menolak pemodal2 asing, modal dan pengetahuan asing yang semuanya boleh memainkan peranan yang tidak dapat dipisahkan dalam ekonomi negara kita, yang akan memberi galakan yang besar kepada ranchangan perindustrian negara kita dan ranchangan kita hendak mendapatkan bahagian kita dalam perdagangan antarabangsa.

Orang berchakap fasal perusahaan bersama. Saya ingin membentuk ungkapan baru iaitu 'Perusahaan bersama-sama' yang menjadi perusahaan bersama tiga bahagian antara berbagai kaum dinegara kita dalam bidang perniagaan dan jika perlu, mendapatkan galakan bersama dari pihak ketiga yang berupa modal asing. Keadaan diHongkong dan dinegara2 lain dimana berlaku pergolakan dan keadaan tiada tetap, telah menyebabkan pemodal2 asing yang besar menchari negara yang lebih kukuh dimana mereka boleh menanam modal dan menunjukkan pengetahuan moden dalam bidang perindustrian. Mereka tertarek hati kepada Malaysia. Janganlah lepaskan peluang itu sementara dunia menaruh keperchayaan terhadap kedudukan yang stabil diMalaysia.

Marilah kita menarik perusahaan2 besar didunia untuk datang kenegara kita bagi menubohkan kilang2 dan lain2 perusahaan perniagaan yang dalam jangka panjang dunia perdagangan antarabangsa dan memberi peluang yang lebih banyak pekerjaan dan taraf hidup yang tinggi kepada rakyat kita.

Dengan demikian adalah menjadi tujuan saya bersama2 dengan rakan2 saya dalam Kabinet hendak menubohkan sebuah Suruhanjaya yang anggota2nya terdiri dari sektor2 swasta dan satu atau dua orang dari Kerajaan untuk meninjau dengan telitinya sharat2 yang patut dipatuhi oleh pemodal2 tempatan dan pemodal2 asing sebelum mereka boleh mendirikan perusahaan baru diMalaysia. Walaupun dalam masa 10 tahun yang lalu kita telah maju dengan pesat-nya, kita masih mempunyai undang2 dan peraturan2 chara lama diPerbandaran2 dan Negeri2 yang sangat mengechewakan bakal penanam2 modal.

Saya berharap dengan adanya kerjasama Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dari segi Perlembagaan terhadap undang2 mengeluarkan lesen, mendapatkan tapak untuk kilang2, kedai dan lain2 perusahaan dan dengan usaha Suruhanjaya Penyiasat yang diwakili sepenuhnya oleh semua gulongan, kita akan dapat menghapuskan peraturan2 zaman penjajah yang mengechewakan. Sebagai gantinya, kita mengadakan chara yang teratur yang akan menyegerakan pelaburan modal tempatan dan modal asing dalam perusahaan dan perdagangan dinegara ini.

Sebagai penutup, izinkan saya menchadangkan chogankata yang sebenarnya menjadi chogan kata Dewan Perniagaan yang pertama ditubuhkan didunia pada tahun 1912.

"Satu persekutuan kebangsaan yang bekerja bagi rakyat yang baik, Kerajaan yang baik dan perniagaan yang baik".

Uchapan Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Di-Jamuan Makan Malam Anjoran Sharikat Permodalan Kebangsaan Sempena Ulang Tahun-nya Yang Ke-10 Di-Federal Hotel, Kuala Lumpur Jam 8.00 Malam - 22hb. Disember, 1971.

Saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh atas jemputan kapada saya dan isteri saya menghadhiri majlis jamuan yang diadakan bersempena dengan ulang tahun ke-10 Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad ini.

Saperti yang sama2 dima'alum, Sharikat ini bermula 10 tahun dahulu dari hasrat beberapa orang yang asalnya berchadang hendak menjalankan perusahaan kechil sebagai pembekal minyak di-Gombak Setia. Bagaimana pun, dari idea atau hasrat ini timbullah perbinchangan2 yang serious dan mendalam, dan dengan nasehat2 dari cherdek pandai kita yang berpengetahuan serta mempunyai semangat nasionalism, idea yang kechil itu telah berkembang serta diberi sambutan hangat dari orang ramai. Jadi, bolehlah diibaratkan sebagai kata pepatah "Beting yang kechil lama kelamaan menjadi pulau".

Melihat laporan perkembangan Sharikat ini, modal permulaan sebanyak $50,000 pada tahun 1961, sekarang telah meningkat lebeh 6½ juta. Sedangkan hartanya pula meningkat dari lebeh kurang $300,000 pada mula2nya menjadi $10 juta lebeh pada hari ini.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini menguchapkan setinggi2 tahniah kapada pemimpin2 Sharikat ini yang ada, dan yang sudah tiada bersama2 kita lagi, atas kechekapan mereka mengendalikan perjalanan Sharikat ini. Begitu pula, tidak ketinggalan penasihat2nya yang memberikan panduan - and good advice - terutama mengenai pelaboran atau investment yang telah membawa keuntongan return yang lumayan

setiap tahun.

Saudara2.

Saya telah banyak kali berchakap tentang dasar Kerajaan hari ini dan matlamat2 yang hendak kita chapai dalam tempoh satu jenerasi akan datang. Rasanya tidaklah perlu saya berpanjang lebar kerana saudara2 semua tentulah sudah mengkaji dengan mendalam Ranchangan Lima Tahun Kedua setakat yang berkaitan dengan kegiatan2 Sharikat ini. Saya suka menegaskan lagi bahawa perindusteriaan amatlah penting bagi hari depan negara kita - in fact, to put it more strongly, industrialization is vital for our survival as a nation. Berpegang pada hakikat inilah Kerajaan mengambil langkah besar2an turut serta dalam bidang perindusteriaan, bahkan bertindak sebagai catalyst supaya memperchepatkan kemajuan perindusterian di-kawasan luar bandar.

Dalam hubungan ini, saya sukachita melihat Sharikat Permodalan ini mengambil langkah yang radikal dan berani ia-itu menyertai bidang perusahaan dan perindusterian secara langsong. Kita tidak harus berpuas hati dengan hanya memperoleh keuntungan2 besar dari "investment in stocks and shares" meski pun ini ada-lah lebeh mudah dan sangat menguntungkan. Tetapi kita mesti lebeh berani menghadapi "risks" kerana hanya dengan pengalaman2 saperti inilah kita boleh meninggikan business acumen disamping menambah bilangan executives kaum bumiputra.

Tidak shak lagi, langkah yang diambil oleh Sharikat ini turut serta menubuhkan Malaysia Explosives Sendirian Berhad membuka lembaran baru dalam sejarahnya kerana ini merupakan satu usaha atau industrial venture yang khusus dan strategic untok kepentingan negara.

Dengan adanya kilang peluru kita sendiri, dapatlah kita beransor2 meringankan bebanan negara dan tidak lagi bergantong pada orang lain mengenai keperluan bekalan bagi angkatan tentera.

Saudara2

Peluang2 perindusterian, baik yang besar mahu pun yang sederhana, maseh banyak dan terpulanglah pada Sharikat ini dan juga yang lain2 mengambil inisiatif merebut peluang2 terbuka itu.

Bagi pehak Kerajaan, saya memberi jaminan bahawa inisiatif serta minat dari pehak swasta Melayu dan Bumiputra untuk mengambil bahagian dalam apa bidang jua akan diberi perhatian serta pertimbangan yang wajar dan saksama.

Hanya saya ingin mengingatkan kita hendaklah benar2 jujur dan yakin serta ingin membuktikan kebolehan dan kesanggupan kita bersaing dengan pehak2 swasta lain - in fair competition - dan tidak terlalu mengharapkan keistimewaan. Bagaimana pun, dalam keadaan2 tertentu, Kerajaan bersedia memberikan peluang2 saperti itu kapada pengusaha2 Melayu dan Bumiputra yang ada kemampuan dan kebolehan melaksanakan-nya.

Saudara2

Saya sekali lagi menguchapkan berbanyak2 terima kaseh atas kesempatan bersama2 menyambut hari perayaan Sharikat ini. Kita berdo'a semoga segala usaha kita itu di-berkati Allah dan dengan keazaman dan kesungguhan minat, usaha2 kita hendak meninggikan taraf ekonomi serta memperbaiki kehidupan orang2 Melayu dan Bumiputra 'am-nya akan terchapai dengan penoh kejayaan.

Sumbangan MARA Kapada Bumiputra

[Tun Haji Abdul Razak sekali lagi mendesak agar kaum bumiputra mempergunakan sesungguh2nya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan demi kejayaan mereka dan juga kemakmuran negara. Penyertaan sepenuhnya oleh golongan bumiputra adalah perlu dan Tun mengingatkan bahawa kejayaan adalah terletak dibelakang keringat dan kecherdikan lanjutan daripada keazaman yang kuat dan tekad yang tabah. Uchapan berikut membayangkan hasrat Tun dalam menubuhkan MARA untuk benar2 menjadi asas pembangunan ekonomi bumiputra7.*

Sungguhpun MARA hnya merupakan sebahagian dari ranchangan pembangunan Kerajaan Perikatan untuk seluruh negara, tetapi MARA adalah bahagian yang penting kerana ia memberi kejayaan kepada ekonomi dan kemajuan orang2 kampung kita yang mana tuan2 yang berkumpul disini hari ini adalah menjadi pemimpin2 di kawasan tertentu.

Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menimbulkan satu "pertukaran angin" yang akan bertiup ke seluruh negara bagi menyedarkan tiap2 orang supaya tanggungjawab memimpin tidaklah semata2 terbatas kepada beberapa orang Menteri sahaja, tetapi adalah terletak didalam tangan beribu2 orang di kampung2, di pekan2 dan juga dalam semua bidang usaha di seluruh pelusuk tanah ayer.

MARA sebagai yang tuan2 tahu telah dibutuhkan sebagai hasil dari Konggres Ekonomi Bumiputra pada bulan Jun 1965, dengan tujuan utama untuk menolong meninggikan lagi taraf hidup di luarbandar.

Tujuan utama nya ialah untuk bergerak sebagai satu ajensi untuk mengadakan penyertaan yang lebih besar bagi orang2 bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan di negara kita; untuk mengadakan

---

* huruf chondong (italics).

kemudahan2 latihan kepada bumiputra supaya mereka boleh mendapatkan tempat yang wajar dalam kemajuan negara; memberi nasihat dan pertolongan bagi menubuhkan lebih banyak lagi perusahaan2 kechil di kawasan2 luarbandar; untuk memberikan kemudahan2 pengangkutan yang lebih baik di kawasan2 luarbandar dengan mengadakan perkhidmatan2 bas; untuk menolong dan menasihat kontrektor2 dan peniaga2 bumiputra menerusi Perkhidmatan Penasihat Teknik MARA; dan untuk menentukan pinjaman kepada bakal2 peniaga bumiputra yang memerlukan kedua2 pinjaman dan nasihat teknik bagi menubuhkan perniagaan mereka.

Saya berasa gembira kerana sejak tertubuhnya MARA pada tahun lalu, beberapa kemajuan telah dichapai dalam memenuhi tujuan2 kita. Perkhidmatan pengangkutan MARA memberikan kemudahan2 pengangkutan kepada semua ranchangan2 tanah FLDA dan kepada lain2 kawasan baharu yang sebelumnya tiada mempunyai jalan dan pengangkutan. Malah dalam masa yang berchakap ini MARA mempunyai tidak kurang dari 375 buah bas yang berkhidmatan di kawasan2 luarbandar meliputi jalan sepanjang lebih 1,000 batu.

Dalam bidang latihan MARA telah memberikan tidak kurang dari 362 biasiswa kepada bumiputra yang sekarang ini sedang mendapat faedah dari pelajaran2 tinggi mereka baik di Malaysia maupun di Seberanglaut, satu jenis pelajaran yang akan membolehkan mereka mendapat tempat yang sesuai dalam semua aspek ekonomi negara, dan ranchangan biasiswa ini akan ditambah dari tahun ke tahun.

Dalam bidang latihan juga Maktab MARA di Petaling Jaya telah dibesarkan. Tahun ini jumlah pelajar2 telah monchapai rekod seramai 556 orang.

Ranchangan2 sedang dibuat untuk menambahkan dua kali ganda jumlah pelajar2 ini pada tahun depan dan dalam ranchangan jangkapanjang, bila Maktab MARA yang baru ditubuhkan di Batu Tiga Kelang, matlamat yang

disediakan untuk pelajar2 ialah seramai 3,000 orang dan kelas2 khas untuk Sijil Tinggi Persekolahan terutamanya dalam bidang sains akan di-adakan supaya orang2 bumiputra kita akan dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam dunia yang semakin moden dan berdasarkan kemajuan2 sains.

Sebagai tambahan kepada Maktab MARA banyak ranchangan latihan vokasional sedang dibuat seperti latihan motor mekanik, untuk layanan dan penjagaan hotel, untuk kontrektor2 dan untuk banyak lagi perniagaan dan perdagangan yang lain.

Mengenai kredit kewangan Bahagian MARA ini telah mengeluarkan pinjaman hingga lebihkurang $34 juta dan bersama2 pinjaman ini diberi juga nasihat dan bantuan teknik untuk menolong menjamin kejayaan sebaik2-nya di kalangan peniaga2 bumiputra yang mendapat pinjaman tersebut.

Bersama2 dengan kemudahan2 kredit ini MARA juga memberikan nasi-hat2 yang perlu mengenai pengurusan perniagaan,'book-keeping' dan pemasaran menerusi Perkhidmatan Penasihatnya. Ramai pegawai2 yang berpengalaman didalam lapangan ini telah diambil bekerja dan mereka dalam sedikit masa lagi akan dihantar keluar untuk menjalankan tugas mereka di berbagai2 peringkat di kawasan2 luarbandar.

Dalan bidang perdagangan dan perindustrian MARA memberikan tempat kepada bumiputra untuk memasuki perniagaan di kawasan2 bandar menerusi ranchangan mendirikan rumah2 kedai dan bazar.

MARA juga hendak menjalankan "sistem usaha bersama" usaha2 bersama ini adalah seperti usaha membalak di kawasan FLDA, Tigasegi Jengka, perusahaan kulit di Petaling Jaya dan kilang palpa dan kertas yang sedang diranchang. Dalam usaha2 ini terdapat modal dari peniaga2

tempatan dan luarnegeri yang sama2 bergabung untuk menjayakan projek2 tersebut. Selain dari itu MARA juga telah membuat satu ranchangan penanaman modal yang akan dibuat menerusi "unit trust" yang adalah diharap akan membolehkan bumiputra membeli saham2 dalam berbagai perusahaan besar negara kita.

Saya ingin menjelaskan disini bahawa MARA dengan sendirinya tidak dapat menolong bumiputra yang ingin mencheburkan diri ke lapangan perdagangan dan perindustrian, melainkan mereka yang meminta bantuan dari MARA itu sendiri bertanggungjawab untuk menentukan kejayaan mereka.

Dengan lain2 perkataan tugas berbagai2 Bahagian MARA adalah untuk mengambil bahagian dengan orang2 bumiputra dalam bentuk usaha2 bersama atau perkongsian, diantara tuan2 sendiri di satu pehak, dan MARA dengan bantuan dan nasihatnya pada satu pehak yang lain. Ini ialah kerana tidak ada siapa pun boleh mengharapkan kejayaan melainkan dengan usaha yang bersungguh2 dari mereka sendiri.

Nasihat dan bantuan kewangan dan teknik dari MARA kepada orang2 perseorangan tidak akan menjamin kejayaan dalam perniagaan atau perusahaannya melainkan ia sendiri memberikan pengorbanan dan kerja keras serta tekad yang penuh untuk menchapai kejayaan2 itu.

Tuan2 tentu ingat akan pepatah yang mengatakan "pechah ruyung sebelum mendapat sagunya".

Dengan bangunan chantik ini berserta fikiran yang cherdik, dan dengan tujuan2 yang baik serta nasihat2 yang berguna dengan kemudahan2 untuk mendapatkan pinjaman dan latihan tuan2 dan puan2 patut-lah memperolehi kejayaan. Semuanya itu bukanlah merupakan tempat saudaran semata2 untuk melihat kejayaan pembangunan berlepas lalu sahaja!

Kedua2 MARA dan bangunan2nya adalah dibubuhkan dengan satu tujuan iaitu untuk mengalukan2 ketibaan suatu masa nanti bila bumiputra dari berbagai golongan akan terdapat dalam semua bidang ekonomi negara, dan akan berdiri sama tinggi diatas kaki mereka sendiri, masing2 berpuas hati dengan pekerjaan yang telah dibuat, berpuas hati kerana dapat mengatasi masaalah2 dan merasa gembira kerana dapat menchapai kejayaan dan taraf hidup yang kita semua idam2kan.

Dengan itu apa yang ingin saya sampaikan kepada tuan2 semua pada hari ini ialah untuk menjadikan perkara ini benar2 jelas dalam fikiran tuan2 dan bila tuan2 balik ke kampung tuan2 akan mengembangkan penikiran bahawa MARA adalah hak tuan2 - ia menjadi kepunyaan bumiputra, ia adalah untuk tuan, untuk mendapatkan bantuan latihan bagi menjalankan perniagaan, untuk menubuhkan industri dan adalah terpulang kepada tuan2 semua untuk menggunakan kemudahan2 yang diberi oleh MARA sepenuh2nya.

Dalam pada itu tuan2 mestilah senantiasa ingat bahawa sumber2 dari MARA tidak akan memberi faedah kepada tuan2 sekiranya tuan2 tidak menggunakan sumber yang ada pada tuan2 sendiri iaitu sumber tenaga jasad dan rohani, dan tuan2 yang mempunyai "tekad untuk berjaya" akan dapat kejayaan itu dengan bantuan MARA.

Bila tuan2 MARA kehadapan sebagai 'kongsi' yang sama dengan MARA, dengan kerana tekad untuk berjaya, tuan2 akan berjaya. Kita harus ingat bahawa manusia dilahirkan bukan untuk gagal tetapi untuk mendapat kejayaan.

SATU DARI TEMPAT BERTAPAK
PERTUBUHAN2 BARU UNTUK MENOLONG BUMIPUTRA

(Dengan tertubuhnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Bank Bumiputra Kerajaan telah membuka langkah tapak baru dalam usahanya hendak mengurangkan keadaan ekonomi yang tiada seimbang antara sektor luarbandar dengan sektor bandar dan memberi pengusaha2 luarbandar bahagian yang lebih besar dari titikpeluh mereka. Ini diterangkan dalam uchapan yang berikut ini yang disampaikan oleh Tun Razak ketika melancharkan dua buah pertubuhan Lembaga pada 30hb. September, 1965 di Bilik Gerakan Pembangunan Negara di Kuala Lumpur).*

Tuan2 tentu ingat bahawa Kerajaan telah mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputra dalam bulan Jun dengan tujuan mendapatkan buah fikiran, chadangan dan pendapat yang tegas tentang bagaimana hendak membantu Bumiputra supaya mengambil bahagian yang chergas dan berkesan dalam kehidupan ekonomi negara ini, terutama sekali di bidang perdagangan dan perusahaan. Kongres telah mengkaji semua segi masaalah2 yang dihadapi dan telah menchadangkan beberapa langkah untuk diambil supaya rakyat Bumiputra boleh turut serta sepenuhnya dalam kehidupan dan pembangunan ekonomi negara ini. Langkah2 yang dichadangkan terkandung dalam 69 ketetapan yang diambil oleh Kongres.

Saya berazam untuk mempastikan semua 69 ketetapan ini dilaksanakan. Saya juga akan mempastikan pelaksanaan ketetapan2 itu dijalankan dengan tenaga yang bersungguh2. Dengan semangat inilah Ranchangan Limatahun yang kedua dilaksanakan.

Dengan sebab itu, seperti yang dikehendaki oleh satu dari ketetapan2 Kongres itu, saya telah melantik sebuah Jawatankuasa Tetap mengenai perlaksanaan ketetapan2 Kongres itu. Jawatankuasa ini, terdiri dari anggota2 dan orang2 yang berpengalaman dari gulungan perniagaan dan dalam bidang ekonomi akan bertindak selaku pemberi fikiran, badan yang mengeluarkan buah fikiran tentang perkara2 berkaitan dengan pelaksanaan ketetapan2 ini.

Di peringkat negeri, saya telah meminta Menteri2 Besar atau Ketua2 Menteri supaya membentuk Jawatankuasa2 yang sama seperti itu juga dengan tujuan untuk menyelaraskan kegiatan2 untuk mendapatkan penyertaan yang berkesan oleh rakyat Bumiputra dalam

---

* huruf chondong (italics)

bidang perdagangan dan perusahaan. Jawatankuasa Negeri akan berhubung dengan Jawatankuasa Persekutuan mengenai perkara2 dan masaalah2 melaksanakan ketetapan2 tersebut.

Satu dari ketetapan Kongres ialah menyusun semula RIDA dan menubuhkan Majlis Amanah Rakyat. RIDA hampir selesai disusun semula dan MARA akan menggantikan RIDA bila undang2 baru itu diluluskan oleh Parlimen.

Saya telah mengarahkan bahawa MARA hendaklah memberi perhatian membantu Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Walaupun begitu, MARA perlukan bukan sahaja imej yang baik dan kekuatan bahkan juga orang2 yang berbakat. Langkah2 untuk mengambil bekerja orang2 muda yang berkelayakan dan untuk menggembeling bakat dari gulungan perniagaan di negara ini dan dari luarnegeri sedang dijalankan sekarang. Pertubuhan2 Bangsa2 Bersatu, Ranchangan Kolombo dan pertubuhan2 lain telah diminta memberikan bakat2, pengalaman dan pengetahuan yang kita perlu bagi menjalankan MARA dengan jayanya. Dalam soal ini, saya tertarik hati dengan sambutan dari pertubuhan2 itu.

Saya berasa bangga kerana belum pun sampai empat bulan ketetapan2 Kongres diambil dan kata2 yang disuarakan dalam Kongres itu masih lagi kedengaran pada telinga rakyat negara ini, Kerajaan telah meluluskan beberapa banyak ketetapan itu. Hari ini saya akan mengumumkan dua lagi ketetapan penting dari Kongres itu yang telah dapat dipenuhi iaitu penubuhan Bank Bumiputra dan pembentukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Kedua2 pertubuhan ini merupakan tapak2 penting dari mana akan dilancharkan langkah untuk membaiki keadaan hidup yang tiada seimbang di negara ini. Bank Bumiputra akan membaiki kekurangan modal dikalangan Bumiputra supaya mereka boleh membaiki perniagaan mereka sekarang dan untuk menggalakkan mereka menjalankan perusahaan2 baru yang dijangka menyegerakan lagi ranchangan pembangunan serta menambah kekayaan negara.

Dengan lain2 perkataan, tujuan menubuhkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad ialah untuk menjalankan urusan perniagaan bank di Malaysia dan dimana2 sahaja dengan menubuhkan chawangan2 atau ejen2 yang ditetapkan dari masa ke masa; menjalankan urusan di semua chawangan dan jabatan dan memberi bantuan kepada perusahaan2 dalam sektor pertanian ekonomi negara dan memberi bantuan kepada

perusahaan menangkap ikan di Malaysia pada umumnya. Bank Bumiputra akan membantu usaha mengujud, meluas dan memodenkan perusahaan2 seperti itu, menggalak dan memajukan penyertaan modal, dalam dan luar, menggalak dan memajukan perusahaan pertanian dan perusahaan menangkap ikan dan memaju dan menggalakkan pemilikan modal dan terutamanya memberi modal dan kredit berupa pinjaman dan wang pendahuluan dan mengadakan kumpulan wang untuk menanam modal bagi perusahaan2 itu.

Modal yang dibenarkan bagi Bank itu ialah $25 juta dan Kerajaan telahpun bersetuju memberi peruntukan $5 juta untuk pelancharannya. Adalah diharapkan kaum Bumiputra negara ini akan memberi sumbangan kepada modal yang dibenarkan dengan membeli sahamnya. Saya juga berharap mereka akan menggunakan sepenuh2nya peluang2 yang diberikan melalui penubuhan Bank ini. Saya perchara Bank ini akan berjalan dengan jayanya sekiranya ia digunakan baggi tujuan bukan sahaja untuk meminjam wang bahkan juga untuk menyimpan wang supaya wang simpanan itu boleh digunakan bagi tujuan memajukan negara ini. Berhubung dengan perjalanan Bank Bumiputra, saya mesti menekankan bahawa Bank ini akan berjalan mengikut bidang perniagaan dan perdagangan seperti mana2 juga bank di negara ini. Tetapi perkara yang ganjil mengenai Bank ini ialah bahawa Bank ini akan didaftarkan sebagai institusi Melayu dibawah Enakmen Simpanan Melayu dan boleh memegang tanah dalam kawasan Simpanan Melayu sebagai chagaran.

Selain dari penubuhan Bank Bumiputra dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Kerajaan sekarang sedang menyediakan undang2 yang berkenaan untuk menubuhkan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara untuk menjaga pemulihan kawasan tanah yang tidak menguntungkan dari segi ekonomi.

MARA sekarang terus membuat persiapan untuk menubuhkan Perbadanan Nasional Yang Pertama bagi Hasil2 Hutan. Perbadanan ini akan mengurus dan memasarkan hasil kayukayan sechara usaha bersama dengan sharikat2 Bumiputra.

Menerusi MARA, Kerajaan memberi latihan yang diperlukan kepada Bumiputra untuk turut serta dan mengambil bahagian dalam bidang perdagangan negara ini. Bila mereka telah dilatih, mereka boleh berdiri atas kaki sendiri dan menjalankan perniagaan mereka dengan teguhnya.

MARA sekarang sedang menyediakan pelan untuk menubuhkan sebuah maktab latihan yang baru yang menelan berjuta2 ringgit

di kawasan perusahaan baru dekat Kuala Lumpur yang terletak di Batu 3 Jalan Klang.

Mulai hari ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ditubuhkan dengan rasminya menurut Akta Pemasaran yang telah diluluskan oleh Parlimen baru2 ini.

Penubuhan Lembaga Pemasaran ini merupakan tanda perubahan untuk melaksanakan ranchangan memperbaiki pemasaran di negara yang bertujuan mengadakan kemudahan2 yang sesuai dan menchukupi bagi pemasaran hasil2 pertanian dengan chara yang chekap. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan akan juga membuat penyelidikan dan penyiasatan supaya dapat memberi panduan bagi meranchang sekim pemasaran dan menetapkan harga2 hasil pertanian untuk menjamin pendapatan yang adil dari hasil2 petani.

Penubuhan Lembaga Pemasaran menandakan peringkat ketiga dalam Ranchangan Limatahun Yang Kedua. Lembaga ini akan menyelia, menyelaras dan membaiki chara pemasaran hasil2 pertanian. Ini sudah tentu akan dapat meninggikan pendapatan petani2 di luarbandar dimana mereka akan dapat bahagian yang adil dan saksama dari titik-peluh mereka.

Kemudahan2 pengayeran yang bertambah, sharat2 memiliki tanah yang diperkemas, institusi kredit pertanian yang berkesan dan mengamalkan chara2 pembiakan binatang yang lebih baik, termasuk penggunaan benih dan baja yang banyak mengeluarkan hasil dibawah ranchangan limatahun yang kedua menyebabkan bertambahnya hasil negara. Sebagai tindakan selanjutnya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan akan memberi galakan untuk menambah hasil penduduk2 luarbandar. Galakan ini menolong petani2 mendapatkan bahagian yang lebih besar dari hasil mereka.

Penubuhan Lembaga ini atau FAMA sudah tentu membaiki sistem pemasaran hasil luarbandar yang ada sekarang. Ia akan membaiki sistem kredit dan kehidupan penduduk2 luarbandar yang sentiasa terikat dengan hutang, membaiki kekurangan pengetahuan dan penerangan mengenai harga pasaran, tidak ada mutu ditetapkan, chara membeli dan menjual yang terlalu ketat, monopoli orangtengah, perjanjian untuk tukar menukar barang, pakatan2 menetapkan harga dan sebagainya.

Satu masaalah pokok mengenai pemasaran hasil2 pertanian sechara berkesan ialah adanya petani2 kechil, terutama yang mengeluarkan tanaman2 untuk kegunaan mereka sendiri dan untuk membayar sewa tanah dan hutang. Hasil2 yang berlebih untuk dijual adalah terhad dan sedikit sahaja dan tidak menguntungkan sekiranya hendak mengadakan kemudahan pemasaran termasuk kemudahan pengangkutan dan memperoses hasil dan sebagainya dan ladang2 yang kechil dan berpechah2 pula menimbulkan kesulitan untuk mengumpul dan membawa hasil ke pasar. Salah satu tugas2 utama FAMA ialah menyelesaikan masaalah2 ini.

Lain2 rintangan besar yang dihadapi oleh Lembaga untuk mengadakan sistem pemasaran yang chekap ialah kurangnya persamaan sukatan dan timbang, kemudahan pengangkutan yang tidak baik, tidak ada mutu dan gred hasil2 pertanian dan tidak ada penerangan mengenai harga pasaran. Pada masa ini, chara menetapkan gred yang dibuat sewenang2nya menimbulkan rasa tidak puas hati dan pertengkaran diantara pembeli2 dengan penjual2 terutama dalam hal pemasaran padi.

Potongan2 harga dengan sewenang2nya diamalkan dalam pemasaran getah dan kelapa kering. Berhubung dengan sukatan dan sukatan timbang, kayu penimbang didapati biasa digunakan di kawasan2 luarbandar dan tidaklah tepat timbangan itu. Timbangan yang tidak betul dan perbuatan2 churang selalu berlaku dalam urusan2 pemasaran di kawasan2 luarbandar.

Kerajaan berpendapat adalah perlu untuk menyelesaikan masaalah2 yang disebabkan oleh faktor2 diatas dengan menubuhkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dengan diberi tanggungjawab mengadakan chara membaiki pasaran dan chara2 pemasaran bila2 perlu. Ini bererti bahawa sebelum Lembaga boleh memulakan sebarang sekim pemasaran atau menubuhkan sistem pemasaran, Lembaga terpaksa menjalankan penyelidikan dan penyiasatan terhadap keadaan2 yang terdapat dalam pemasaran barangan2 tertentu dan mungkin perkara yang baik dalam keadaan2 ini ialah menyibarkan pertubuhan2 pemasaran, orang2 perseorangan dan firma2 yang ada berkaitan. Mithalnya, dalam satu kawasan tertentu, chara pemasaran yang paling baik ialah menambah bilangan pembeli2 bersendiri; dalam lain2 keadaan mungkin membaiki chara membungkus, memproses dan kemudahan2 pengangkutan; dan mungkin juga menetapkan mutu dan gred sebagainya

Disini patutlah ditegaskan bahawa bukanlah Lembaga Pemasaran hendak menghapuskan ekonomi pasaran bebas yang terdapat sekarang, kerana Akta menubuhkan Lembaga ini mengandungi beberapa perkara untuk menjaga dan melindungi sepenuhnya hak2 orang perseorangan dan pertubuhan2. Tugas2 utama Lembaga ini ialah untuk menchari jalan bagi membaiki chara pemasaran sekarang termasuk menyelaraskan kegiatan2 berbagai pertubuhan dan orang perseorangan yang ada kaitan dengan sebarang perkara bagi memasarkan hasil2 pertanian dan juga bekerjasama dengan pertubuhan2 dan orang perseorangan untuk menggalakkan pemasaran yang lebih chekap dan berkesan.

Juga patut diterangkan disini bahawa pemasaran adalah satu dari faktor2 dalam seluruh proses pembangunan pertanian yang rumit dan kait berkait. Yang sama penting juga ialah kredit yang mudah didapat dengan sharat2 yang berpatutan. Proses itu berkait yang chukup dan murah adalah perkara yang penting untuk memajukan pemasaran yang lebih chekap. Penyatuan sistem pemasaran dengan bantuan kredit sebagai asas dan jika ini tiada, sebarang usaha hendak membawa perubahan yang besar dalam kedudukan ekonomi petani2 hanya akan mengeluarkan hasil yang terbatas. Dengan sebab inilah juga Bank Bumiputra Malaysia Berhad ditubuhkan mulai hari ini.

Bagaimanapun, saya mesti jelaskan disini iaitu kedua2 pertubuhan ini dan pertubuhan2 lain juga, tidak akan dapat bergerak dengan betul dan menchapai matlamat2nya sekiranya rakyat Bumiputra sendiri dan penduduk luarbandar sendiri tidak menolong diri mereka sendiri. Rakyat hendaklah menganggap kemudahan2 ini sebagai peluang yang diberikan dan mereka mestilah tampil untuk menggunakan peluang2 ini dengan sepenuh2nya.

Di pihak Kerajaan, kita mengadakan bantuan yang diperlukan serta mengadakan sharat2 yang perlu supaya rakyat kita boleh menikmati kemudahan2 hidup yang lebih baik. Adalah menjadi niat Kerajaan hendak menolong rakyat negara ini berdiri atas kaki mereka sendiri dan dapat menghadapi persaingan dalam penghidupan sehari2. Untuk menchapai matlamat ini, seperti yang tuan2 sedari, Kerajaan telah melancharkan peringkat kedua Ranchangan Pembangunan Luarbandar.

Kerajaan telah melancharkan Ranchangan Limatahun yang kedua dan Ranchangan Pembangunan Luarbandar dengan jayanya.

Kerajaan sekarang menyediakan Ranchangan Malaysia yang Pertama dan dalam peringkat akhirnya dan bertujuan menambah daya pengeluaran negara dan meninggikan taraf hidup rakyat; membaiki perkhidmatan kebajikan masharakat untuk rakyat. Dengan bersungguh2, Kerajaan sedang melaksanakan ketetapan2 Kongres Ekonomi Bumiputra untuk mendapatkan penyertaan yang paling besar oleh Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Sebenarnya, Kerajaan sekarang telahpun melaksanakan setengah daripada ketetapan2 utama dari Kongres itu dan masih giat melaksanakan ketetapan2 lain.

Dalam semua perkara ini, saya berharap rakyat negara ini akan mengambil segala peluang yang diberikan kepada mereka dan membaiki tarafhidup mereka dan chara hidup mereka. Kerajaan akan menjalankan semua projek yang perlu yang bertujuan untuk menolong rakyat. Tetapi rakyat sendiri hendaklah menggunakan kesempatan yang diberikan kepada mereka.

Sikap kita ialah untuk mengubah fikiran dan pendapat rakyat kita supaya mereka mempunyai semangat dan sikap untuk bergantung pada diri sendiri dan menghormati diri sendiri.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DI-UPACHARA MELANCHARKAN LEMBAGA PADI & BERAS NEGARA (LPN) PADA 20HB.SEPT. 1971, JAM 3.00 PETANG DI-BILEK GERAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR.

Y.B. Tan Sri Syed Nasir,

Tuan2 sekelian.

Lembaga Padi dan Beras Negara atau rengkasnya LPN telah ditubuhkan pada 1hb. Julai,1971 iaitu setelah Aktanya diluluskan oleh Parlimen dalam sidangnya yang lalu. Hari ini saya sukachita mendapat peluang meresmikan pelancharannya meski pun LPN telah pun berjalan dengan ranchaknya selama dua bulan ini.

Tujuan kita menubuhkan LPN ialah untuk menyelaraskan hal2 berkaitan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi dan beras. Badan ini juga bertanggong jawab mengenai dasar2 negara berhubung dengan perusahaan padi dan beras. Selama ini, tugas2 ini telah dijalankan oleh beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan dan badan2 berkanun termasoklah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA dan Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras.

Memabdabg pada keadaan masa ini, Kerajaan telah mengambil keputusan bahawa semua tugas2 ini mistilah disatukan dibawah hanya satu badan sahaja dan badan ini diletakkan dibawah tanggong jawab saya sendiri.

Langkah ini adalah perlu memandangkan perubahan yang telah berlaku dalam perusahaan padi dan beras didalam dan diluar negara kita. Dato' nenek kita dahulu bertanam padi hanya untuk makan, dan apa yang lebeh ditukarkan dengan barang2 lain yang menjadi keperluan hidup mereka. Tetapi, sekarang ini keperluan hidup kaum petani sudah pun bertambah, dan kita semua memerlukan wang

ringgit untuk membeli belah, sedangkan keadaan perusahaan padi mereka masih belum banyak berubah. Dengan kerana itu pendapatan petani2 'amnya tidaklah menchukupi bagi menemui kehendak2 atau keperluan hidup mereka.

Tuan2 sekelian.

Semenjak kita menchapai kemerdekaan, Kerajaan telah berusaha menambahkan pendapatan petani2 dengan berbagai chara. Kita telah mengadakan Harga Minima Yang Terjamin, perkhidmatan lanjutan pertanian, bantuan2 input, dan meluäckan kemudahan2 parit ayer bagi penanaman dua kali setahun.

Tetapi semua langkah2 ini belumlah menchukupi untuk memberikan mereka pendapatan yang berpatutan, seimbang dengan tenaga dan titik peloh mereka. Banyak lagi masa'alah yang belum diatasi. Kebanyakan petani2 mempunyai kawasan2 bendang yang kechil dan tidak ekonomik, jadi tidak mendapat hasil yang menchukupi. Juga kebanyakan mereka terbelenggu dengan hutang dan kena membayar sewa tanah yang tinggi berbanding dengan pendapatan mereka. Maka tidak lah hairan kenapa petani2 padi jeseluruhannya miskin dan dhaif.

Kita sekarang sedang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru serampang dua mata yang bertujuan membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masharakat. Dasar ini besar ertinya didalam sektor pertanian umumnya dan perusahaan padi khususnya, kerana disitulah terdapat orang2 kita yang miskin dan memerlukan penyusunan semula masharakat supaya mereka merasa ne'mat dari kekayaan dan kemewahan negara.

Oleh itu, nyatalah Lembaga Padi dan Beras Negara diwujudkan sebagai salah satu alat untuk melaksanakan kedua2 tujuan utama Dasar Ekonomi Baru itu. Lembaga ini diberikan kuasa penuh untuk menukarkan chorak perusahaan padi dan beras dinegara kita ini. Ahli2 Lembaga yang akan memulakan meshuarat mereka hari ini memikul tugas dan tanggong jawab yang besar untuk menjayakan tujuan Kerajaan

dengan membawakan perubahan2 yang berkesan dalam sektor ini.

Antara tugas2 utamanya, LPN hendaklah mengadakan ranchangan2 yang lengkap dan meliputi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk menukarkan chorak perusahaan padi dan beras selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru itu.

Disini saya rasa eloklah saya menentukan iaitu pada jangka panjang matlamat Kerajaan ialah untuk mempastikan yang tiap2 satu keluarga petani mempunyai pendapatan kira2 $300 sebulan. Untuk menchapai matlamat ini, LPN mestilah mengambil langkah2 segera untuk mengataso kesulitan2 yang menyebabkan rendahnya pendapatan petani2 dan daya pengeluaran mereka.

Dengan keadaan yang ada sekarang, tidak ada kemungkinan bagi menchapai matlamat pendapatan yang saya katakan tadi walau pun tanaman padi dua kali setahun berjalan dengan jayanya. Keadaan ini mustahak diubah segera.

Selain dari itu, ada beberapa lagi langkah2 yang mustahak dijalankan. Saya menchadangkan supaya LPN sendiri bekerjasama dengan Jabatan2 Kerajaan dan badan2 berkanun saperti FAMA, Bank Pertanian dan MARDI menyusun ranchangan2 untuk melaksanakannya. Antara langkah2 yang mustahak dijalankan ialah:-

Pertama, mewujud atau menamakan kawasan2 "jelapang padi" atau "rice-bowls" dinegara kita dan menumpukan segala usaha kapada kawasan2 ini untuk tanaman padi dua kali setahun. Kita mustahak mengadakan bantuan input; perkhidmatan lanjutan, usaha2 penyelidekan; kemudahan2 simpanan, pengangkutan dan pemasaran. Segala usaha ini adalah dimaksudkan untuk menambahkan daya pengeluaran dikawasan2 ini disamping meninggikan mutu padi dan menurunkan harga pengeluaran-nya.

Kedua, menggalakkan petani2 diluar kawasan 'designated rice bowls' yang biasanya bertanam sekali setahun bertanam tanaman2 diluar musim, saperti jagong, sekoi dan tembakau, dan juga menternak. Usaha2 yang sama saperti penyelidikan, kemudahan2 simpanan, pengangkutan dan pemasaran hendaklah dijalankan juga. Dibawah Ranchangan Malaysia Kedua, Kerajaan akan memberi bantuan benih, rachun serangga dan alat2 perkakas bagi jenis2 tanaman yang saya sebutkan itu.

Dan ketiga - ini saya rasa penting sekali - menggalakkan petani2 yang berlebehan dikawasan2 padi, sama ada dikawasan2 'rice bowls' atau pun dikawasan2 yang bertanam sekali setahun supaya berpindah keluar memasoki lapangan baru saperti lapangan perdagangan dan perniagaan, atau pun memasoki ranchangan2 tanah Kerajaan.

Langkah keempat ialah mengadakan ranchangan2 bagi membolehkan petani2 membeli dan membesarkan lagi tanah sawah mereka supaya menjadi economic holding dan dapat mengeluarkan hasil yang menchukupi.

Saya perchaya langkah2 ini dapat menjamin kearah matlamat jangka panjang pendapatan pukul rata petani $300 sebulan.

Tuan2,

Dalam melaksanakan langkah2 yang saya sebutkan itu, kita hendaklah sentiasa ingat akan tuntutan2 petani dan juga orang ramai dalam kehidupan mereka sehari2. Lembaga hendaklah mempastikan harga padi dan juga beras yang berpatutan dan stabil untuk petani2 dan juga bagi pengguna2.

Untuk tujuan ini, Kerajaan akan terus memberi jaminan harga yang minima kapada petani2. Pehak Lembaga mestilah melaksanakan harga yang terjamin dengan bijak dan tidak menaikkan harga beras kapada pengguna2. Ini mustahak dijaga oleh kerana kemiskinan juga terdapat dikalangan kaum buruh dan nelayan, pekebun2 kechil dan peniaga2 kechil dalam bandar.

Dalam tugasnya yang baru ini, Lembaga akan menguasai semua simpanan2 beras Kerajaan atau stockpile, dan bertanggong jawab bagi menggunakan alat yang sangat penting ini untuk menchapai tujuan2nya. Lembaga juga bertanggong jawab tentang penggunaannya dimasa2 kechemasan saperti dalam masa banjir.

Tuan2 sekelian.

Rasanya tak perlu ditegaskan lagi maksud Kerajaan ialah untuk memberi pendapatan dan taraf hidup yang tinggi kapada petani2 kita. Tujuan2 ini tidak akan terchapai sekiranya Lembaga tidak mengawal dalam dua jurusan:
pertama, pengeluaran padi yang berlebehan, dan kedua, penyeludupan padi dan beras ke Malaysia.

Dalam perkara pengeluaran padi, saperti yang telah saya katakan dimasa2 yang lepas,Kerajaan telah menentukan iaitu Malaysia hendaklah menghadkan pengeluaran berasnya sebanyak 90% sahaja daripada keperluan dalam negeri. Pada pendapat saya, inilah peratusan yang pratikal untuk memberi pendapatan yang saksama kapada petani2 dengan jaminan Kerajaan atas harga minima itu.

Tetapi ini tidaklah berma'ana bahawa tiap2 seorang petani terhad mengeluarkan 90 peratus sahaja. Kita mahu mereka berkerja dengan giat lagi, terutamanya petani2 dikawasan2 padi dua musim dimana Kerajaan telah membelanjakan beratus2 ringgit membena parit dan tali ayer. Tetapi, pada keseluruhannya, negara kita hendaklah mengeluarkan 90 peratus sahaja daripada beras yang diperlukan.

Untuk menchapai matalamat ini, Kerajaan hanya menitik-beratkan kemudahan2 bertanam dua kali setahun dikawasan2 padi yang ada sekarang dan tidak akan membuka kawasan2 baru. Kerajaan akan memberi galakan2 kapada petani2 bertanam tanaman2 yang lain daripada padi dikawasan2 luar yang boleh mendatangkan cash income saperti jagong, tembakau dan kachang.

Penyeludupan padi dan beras kenegara kita ialah satu penyakit yang mustahak dichegah kerana ianya melumpuhkan usaha2 kita hendak menchapai matlamat meninggikan pendapatan dan taraf hidup petani2.

Lembaga berkuasa penoh bagi menghapuskan penyeludupan padi dan beras kanegara kita. Kuasa2 ini termasoklah kuasa memasoki kawasan2 rumah, menahan, menangkap, merampas, menyiasat dan mendakwa. Saya sukachita langkah2 tegas telah pun dijalankan oleh Lembaga dalam dua bulan ia ditubuhkan.

Lembaga hendaklah menggunakan kuasa2 ini dengan tegas dan adil. Kerajaan akan memberi sapenoh2 sokongan atas usaha2 Lembaga bagi menghapuskan penyeludupan2 padi dan beras itu. Saya juga mengarahkan semua Jabatan Kerajaan terutamanya pehak Polis dan Kastam untuk menyokong dan bekerjasama dengan Lembaga dalam tugas pentingnya ini.

Akhirnya, saya suka menyatakan disini keperchayaan yang penoh terhadap kebolehan dan kebijaksanaan ahli2 Lembaga dibawah pimpinan Pengerusinya, Y.B. Tan Sri Dato' Syed Nasir Ismail. Saya perchaya tuan2 akan menjalankan tugas dan kewajipan masing2 dengan penoh minat dan keazaman.

Saya menguchapkan selamat berjaya !

Uchapan Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, diUpachara Pelancharan Rasmi Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) pada 12hb November, 1971, jam 9.30 pagi diBilek Gerakan Negara

---

Semasa melancharkan Pameran ENVIRO 2000 diLake Club kira2 dua bulan yang lalu, saya telah menyebut bahawa Perbadanan Pembangunan Bandar akan mula menjalankan kerja2nya tidak lama lagi. Pagi ini saya sukachita melancharkan Perbadanan Pembangunan Bandar atau Urban Development Authority ini dengan rasminya.

Saperti yang kita ma'alum, Perbadanan ini telah ditubuhkan dibawah Akta Parlimen No. 46 tahun 1971. Tugas2 Perbadanan ini, antara lain, ialah pertama, mamaju dan melaksanakan projek2 dikawasan2 pembangunan bandar yang meliputi kehendak2 pembangunan semula, penempatan semula, perumahan awam dan memberikan perkhidmatan serta kemudahan2 masharakat yang sewajar dengan kehidupan modern.

Keduanya, memaju dan melaksanakan projek2 dikawasan2 pembangunan bandar dengan tujuan supaya peluang2 dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, perumahan dan lain2 dapat dibahagi2kan antara berbagai kaum.

Dan, ketiganya, untuk mengadakan programme tindakan bagi melaksanakan dasar Kerajaan hendak menyusun semula mahsarakat melalui pembangunan bandar.

Perbadanan ini mempunyai kuasa2 yang luas untuk menjalankan semua kerja2 yang segera dan mustahak atau pun yang berkaitan dengan tugasnya.

Saya sukachita mengumumkan nama pegawai2 dan orang2 kenamaan yang menjadi anggota Perbadanan ini. Pengerusi Perbadanan ini ialah Y.B. Dato' Yacob bin Hitam dan Timbalan Pengerusi ialah Enche Phang Kon Hee. Anggota2 lain ialah:

Y.A.B. Dato' Haji Harun bin Idris
Y.B. Tan Sri Ismail bin Haji Mohd. Ali
Enche Hashim bin Sam Latiff
Enche Hussaini bin Abdul Jamil, dan
Dr. K.C. Cheah

Semua mereka ini adalah orang2 yang berkebolehan dan saya perchaya mereka, sebagai satu pasokan serta dengan kerjasama dari pehak2 lain, akan dapat menjalankan tugas2 mereka dengan sempurna.

Tidak shak lagi, Perbadanan ini amatlah penting yang menjadi kunchi kapada usaha2 kita untuk menjayakan Ranchangan Malaysia Kedua. Ia merupakan satu Pertubohan baru yang ditubohkan sejajar dengan dasar Kerajaan sekarang iaitu bersedia membentuk Badan2 baru atau pun meminda undang2 dan peratoran serta mengambil apa juga langkah2 yang patut untuk menjamin pelaksanaan Ranchangan Malaysia Kedua dengan penuh kejayaan.

Kerajaan berazam hendak melaksanakan Ranchangan yang dijalankan oleh UDA ini dengan jayanya. Oleh itu, saya berharap semua Jabatan Kerajaan akan memberikan kerjasama kapada Perbadanan ini dalam melaksanakan tugas2nya supaya dapat berjalan dengan sempurna.

Kerajaan telah mengadakan peruntokan sebanyak $100 juta kapada Perbadanan ini bagi menjalankan kerja2nya dalam tempoh 1971-1975. Kerajaan sanggup menambah peruntukan itu kalau Perbadanan ini memerlukannya.

Saya telah juga meminta Kerajaan2 Negeri supaya memberikan kerjasama penuh kapada Perbadanan ini dalam semua lapangan tugas2nya. Demikian juga saya harap kalangan Swasta akan memberikan kerjasama mereka. Saya telah diberi jaminan oleh Pengerusi Perbadanan ini bahawa UDA akan berhubung rapat dengan Badan2 Berkanun yang lain dalam melaksanakan usaha2nya.

Saya tidak shak lagi dalam melaksanakan tugas2nya, Perbadanan ini memerlukan sokongan dan kerjasama dari semua pehak. UDA mestilah berjaya dalam melaksanakan ranchangan2nya kerana pada usaha2nya itulah bergantong hasrat Kerajaan hendak membantu orang2 Melayu dan Bumiputera yang lain mempunyai sekurang2nya 30% dari kegiatan2 perdagangan dan perusahaan dalam semua perengkat dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Matlamat ini, sebagaimana yang tuan2 ketahui, ialah salah satu objektif "serempang dua mata" iaitu menyusun semula masharakat yang sebahagian besarnya dibidang pertanian kapada satu masharakat modern yang meliputi seluruh kegiatan ekonomi modern dan tidak terbahagi kapada garis2 perkauman.

Untuk menchapai matlamat ini, UDA telah diarahkan supaya memperchepatkan penyertaan orang2 Melayu serta Bumiputra yang lain dalam lapangan perdagangan dan perusahaan terutama dikawasan bandar dan kawasan2 perbandaran baru.

Saya perchaya UDA dengan kerjasama Kerajaan2 Negeri, MARA, PERNAS dan Perbadanan2 Kemajuan Negeri serta pehak2 Berkuasa Tempatan akan menjamin proses pembandaran orang2 Melayu dan Bumiputera dapat berjalan dengan chara yang terator dan sempurna.

Kerajaan telah juga memutuskan bahawa Ibu Kota Kuala Lumpur dijadikan sebagai kawasan pertama bagi kegiatan UDA. Pada hakikatnya, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971, telah pun berjalan kuat kuasanya diseluruh kawasan Munisipal Kuala Lumpur semenjak 15hb September yang lalu.

Sebagai permulaan, saya telah mengarahkan Pengerusi UDA supaya menjalankan langkah2 seberapa segera menggunakan tanah2 dikawasan2 pusat bandar Kuala Lumpur yang maseh ada dan menyediakan satu sekim untuk membantu pedagang2 Melayu dan Bumiputra membeli rumah2 kedai yang hendak dijual atau pun yang tamat tempoh pajakannya.

Disini biarlah saya jelaskan bahawa bangunan2 itu hendaklah dibeli dengan harga yang menasabah. Tegasnya, rumah2 itu tidak akan diambil begitu sahaja bahkan akan di-beli dengan harga yang dipatutkan. Dengan demikian, tidak akan timbul sebarang salah sangka mengenai hak milik yang sah bagi tuan2 punya sekarang ini, kerana Kerajaan tidak sekali2 berniat hendak merampas hak orang2 lain untuk diberi kapada orang2 Melayu Kerajaan adalah bersifat adil. It is not my Government's policy to rob Peter to pay Paul. It is the Government's policy, however, to endeavour to see to it that expanding wealth and opportunities in the country are shared more equitably among our people of various races.

Seterusnya, UDA hendaklah menjalankan kegiatan2 dikawasan2 perusahaan baru saperti diCheras, Shah Alam dan bandar lain.

Dalam hubongan ini, adalah mustahak menyelaraskan kegiatan2 badan2 saperti MARA, Perbadanan2 Kemajuan Negeri, Lembaga2 Bandaran dan Badan2 Berkanun lain saperti PERNAS, MBBS, dikawasan2 yang telah diistiharkan oleh Perbadanan ini sebagai kawasan pembangunan bandar

dengan tujuan memperchepatkan kemasukan dan penyertaan pedangang2 Melayu dan Bumiputra.

Sebagai langkah jangka panjang, saya berharap UDA dapat menjalankan langkah dan kegiatan meliputi semua kawasan bandar terutama sekali diIbu Kota Malaysia dengan tujuan supaya menjamin bahawa semua tanah dan bangunan digunakan bagi tujuan ekonomi serta menghidupkan suasana bandar dengan chara segar supaya kegiatan2 perusahaan bandar dapat dijalankan dengan lebeh chekap, berkesan dan penoh ekonomi.

Begitu juga semua kawasan2 sesak dan lama hendaklah dibersehkan dan dibangun semula serta mengadakan perkhidmatan2 tambahan dan juga lebeh terator bagi masharakat disitu. Satu lagi tugas penting UDA ialah mengadakan peluang2 pekerjaan yang banyak dan mengadakan galakan bagi gulongan swasta untuk mengambil bahagian dalan pembangunan bandar.

Selanjutnya, UDA hendaklah menjamin supaya pembangunan bandar terutama sekali pembangunan sektor perdagangan dikawasan Ibu Kota memberi peluang kapada semua kaum mengambil bahagian sechara adil dan saksama dalam semua kegiatan itu.

Tuan2,

Dalam perbahathan sidang Parlimen yang lalu, banyak hal yang ditimbulkan mengenai Ranchangan Malaysia Kedua, dan beberapa aspek permodenan bandar berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru telah juga disentoh. Semua pandangan2 itu telah diambil perhatian dan akan ditimbangkan oleh UDA dalam melaksanakan ranchangan2nya.

Dalam tempoh yang tidak lama, saya ingin melihat kawasan2 bandar terutama sekali bandar2 besar saperti Kuala Lumpur hendaklah diperbaharui dan mencherminkan serta menjadi pusat penghidupan modern yang aman dan bahagia.

Tuan2 sekalian,

Usaha memodernkan orang2 Melayu dan Bumiputra lain dan juga membaharui kawasan2 bandar merupakan tugas yang amat berat. Ini menghendaki peranchangan yang teliti dan dilaksanakan dengan penuh azam

disamping wang ringgit, tenaga manusia dan masa yang panjang untuk menchapai maksud itu. Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa badan untuk menjalankan tugas2 ini dan saya yakin usaha2 kita ini akan berjaya.

Matlamat kita adalah jelas dan nyata. Kita menghendaki sebahagian kapada orang2 Melayu dan Bumiputra menjadi masharakat bandar yang modern dan kita berkehendak menjadikan kawasan bandar sebagai pusat kehidupan rakyat kita yang berbilang bangsa. Sebagaimana saya katakan tadi, Perbadanan ini merupakan anak kunchi untok menchapai matlamat itu.

Saya dengan sukachitanya merasmikan Perbadanan Pembangunan Bandar atau Urban Development Authority ini dan berharap ia akan berjaya dalam menjalankan tugas2nya dan menchapai tujuan2 yang ditentukan itu.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DI-PEMBUKAAN KILANG NENAS KEDUA SHARIKAT KILANG NENAS TANAH MELAYU, PADA 16HB. APRIL, 1972, JAM 3.30 PETANG, DI-PULAI SEBATANG, JOHOR.

Tuan Pengerusi,

Y.A.B. Dato' Haji Othman,

Y.B. Tan Sri Sardon,

Y.B. Enche' Taib Mahmud,

Enche' Jamil Jan, Pengerusi FIMA,

Saudara2 sekalian.

Saya sunggoh gembira setiap kali saya berpeluang merasmikan pembukaan sabuah kilang perusahaan, kerana ibarat orang yang sedang mendirikan rumah, terdirinya sabuah kilang baru berma'ana kita maju satapak lagi kahadapan dalam usaha membangun ekonomi negara untok kesejahteraan dan kema'amoran ra'ayat.

Baru samalam saya diberi penghormatan membuka sabuah Brewery di Shah Alam iaitu usaha bersama Sharikat asing dengan pemodal Malaysia. Hari ini kegembiraan saya agak lebeh istimewa daripada yang sudah2 kerana Kilang Pengetin Nenas ini adalah suatu projek yang hampir dihati saya dan membawa maana yang besar kapada raayat di Pontian ini.

Saya amat terharu dengan sambutan meriah yang diberikan kapada saya dan rombongan sabentar tadi dan inginlah saya dan rombongan saya menyatakan uchapan terima kaseh kapada semua mereka yang turut serta menyelenggarakan sambutan tadi.

Sebagaimana maalum, Sharikat Kilang Nenas Tanah Melayu (atau PCM) ini adalah dimodali sapenohnya oleh Kerajaan dan sudah tentulah sekali Kerajaan mengambil berat akan maju mundornya Kilang ini. Dalam context pembangunan negara, terutama Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, perusahaan ini tidaklah dipandang semata2 dari segi untong atau ruginya. Malahan, lebeh jauh daripada itu. Kilang ini merupakan

satu experiment yang julong kali dijalankan serta bukti yang Kerajaan sanggup melibatkan diri sechara langsong dalam perindusterian dikawasan luar bandar, dimana hasil pertanian raayat l merupakan bahan mentah yang utama untok diproses sama ada nenas atau lain2 lagi.

Penglaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah satu commitment yang misti dijayakan, kerana mengingat dikawasan luar bandar terdapat bukan sahaja tekanan penggangoran yang mendesak tetapi juga saloran2 pemasaran hasil mahsul maseh belum terator dengan sempurna. Saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus menjalankan segala daya usaha supaya segala langkah dan usaha yang dijalankan itu menchapai sepenoh2 kejayaan.

Dalam hubongan ini Kerajaan telah menubohkan berbagai2 badan saperti Lembaga Pemasaran Pertanian (FAMA); Institut Penyelidekan Pertanian (MARDI); Lembaga Padi dan Beras Negara; Institut Kaji teknik Makanan dan tidak berapa lama dulu dilancharkan Sharikat Perusahaan2 Makanan (FIMA). Badan2 ini, sebagai ajensi pembangunan negara, mempunyai peranannya masing2 tetapi dengan tujuan2 asasi yang sama, iaitu hendak meningkatkan kemajuan sektor pertanian dalam artikata yang sepenohnya. Dengan adanya penyelarasan yang rapi, saya perchaya hasil2 kerja dan penyelidikan badan2 tadi akan mendatangkan sapenoh2 faedah kapada kaum petani khususnya dan kapada sektor perusahaan pertanian negara 'amnya.

Saudara2 sekalian.

Kita bershukor kapada Allah yang menjadikan bumi kita ini kaya dan subor dengan berbagai jenis tanaman. Maka sebab itulah dari sejak zaman berzaman pertanian menjadi mata pencharian sabahagian terbesar daripada ra'ayat kita, iaitu kaum Bumiputra. Akan tetapi, oleh kerana kepentingan ekonomi penjajah yang berkuasa pada masa dahulu, hanya sektor pertanian yang tertentu sahaja diberi perhatian iaitu

ladang2 getah dan kelapa sawit milik asing sedangkan bahagian2 yang lain, tegasnya, kawasan2 Melayu yang bergantong kapada padi dan buah2an, tidak begitu dihiraukan. Sekarang dengan adanya ranchangan2 yang tegas dan berkesan, kita telah maju jauh dalam pengeluaran padi dan beras sehingga hampir kehad kita tidak perlu lagi mengimpot beras dari luar negeri.

Tetapi saya nampak bidang pengeluaran buah2an maseh ketinggalan. Dibidang inilah, saya rasa, para penyelidek dan peranchang pertanian kita perlu melipatgandakan usaha supaya buah2an tempatan kita bukan saja diperbaiki kualitinya bahkan pengeluaranya hendaklah dibuat chara besar2an untok pasaran dan industeri. Kempen menggalakkan makan buah2an tempatan, saya perchaya, tentulah akan lebeh berjaya dan berkesan sekiranya buah2an mudah diperolehi dan juga bermutu dengan harga yang tidak berapa tinggi. Saya telah mengarahkan FAMA supaya dari semasa kesemasa kempen2 saperti itu hendaklah dinilai untok mengukor sejauh mana kita telah berjaya.

Bagaimana pun, yang lebeh penting hari ini ialah supaya perusahaan menanam buah2an dapat dimajukan dengan lebeh pesat dan terator. Untok memenohi keperluan buah2an dijadikan bahan industri, ada baiknya kalau diadakan kawasan2 pilehan bagi mengeluarkan jenis buah2an tertentu. Kita semua tahu dikawasan Pontian/Johor ini, disebabkan tanahnya gambut atau peaty soil merupakan kawasan bertanam nenas yang jaya dimana terdapat beberapa buah kilang memperoses nenas termasok kilang baru PCM ini. Saya difahamkan FIMA yang menjadi Sharikat Indok kapada PCM, dengan kerjasama Kerajaan negeri akan membuka kawasan2 yang sesuai di Selangor dan lain2 negeri untok ladang nenas dan mendirikan perusahaan memperoses salanjutnya.

Ranchangan yang tersusun, meliputi lain2 jenis buah2an, akan membukakan lapangan yang lebeh luas kapada pengusaha2 sama ada FIMA atau pun pehak swasta disamping memberi peluang pekerjaan kapada ra'ayat luar bandar. Oleh itu mustahaklah perusahaan bertanam buah2an ini dikaji sacara mendalam, baik dari segi penghasilannya mahu pun tentang penggunaannya. Barangkali elok juga ditinjau penggalakan menanam semula buah2an yang sekarang dibuat sechara sampingan menerusi Ranchangan Tanam Semula Getah, boleh diubah supaya menjadi ranchangan sechara langsong yang terator. Setakat ini, selain dari getah memang sudah ada beberapa badan khas untok memajukan tanaman2 tertentu saperti kelapa, nenas, dan koko. Perusahaan bertanam nenas, umpamanya, diletakkan dibawah Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu MPIB, dan saya ingin melihat Lembaga ini berjalan pesat terutama di Johor ini.

Saudara2 sekelian.

Berkenaan dengan Sharikat Kilang Nenas ini, saya berpuas hati dengan perjalanannya dan juga kemajuannya. Semenjak ditubohkan lapan tahun yang lalu, Kilang ini telah dapat memenohi hasrat yang mendorongkan penubohannya iaitu menampong nenas yang ditanam oleh pekebun2 kechil dan memberi peluang2 pekerjaan. Ini dengan sendirinya merupakan bukti kechekapan, kejujoran dan dedikasi pegawai2 dan pekerja2 kilang ini. Pembukaan kilang kedua ini menandakan satu langkah kemajuan lagi dalam memenohi tugas dan kewajipannya.

Saya suka mengambil kesempatan ini menguchapkan tahniah kapada penduduk2 di-Pulai Sebatang ini dan dikawasan2 sekitarnya kerana bukan saja mereka sekarang mendapat sabuah kilang yang akan menampong pengeluaran nenas disini, tetapi juga kerana inilah kilang besar yang pertama, berharga berjuta2 ringgit, yang dibuka dibawah Dasar Ekonomi Baru Kerajaan hendak membawa indastri kakawasan2 luar bandar.

Sebagai pehak yang akan menerima menafa'at daripada projek ini, mereka juga mempunyai tanggong jawab untok mempastikan supaya kilang ini terus maju menchapai tujuannya. Kilang ini, sunggoh pun dimodali sapenohnya oleh Kerajaan, adalah sebenarnya sabuah Sharikat perniagaan. Perjalanannya dan pengurusannya mengikut lunas2 perniagaan yang lazim dan dengan sebab itu mestilah sedikit sebanyak menunjukkan keuntongan.

Oleh yang demikian, saudara2 juga hendaklah memandangnya tidak ubah saperti badan perniagaan lain. Malah, sebagai hak Kerajaan, kilang ini adalah hak raayat iaitu hak saudara2 juga. Maka itu adalah lebeh wajar dan mustahak kita jaga bersama2 dengan baik supaya jenteranya sentiasa berjalan lanchar dan lichin setiap masa. Sebarang kemajuan yang diperolehi tentulah akan berbalek faedahnya kapada saudara2 sendiri juga, lebeh2 pula kerana hasil pengeluaran kilang ini mencherminkan imej negara kita diluar negeri. Saudara2 sekalian.

Dalam hubongan ini saya harap pekebun2 kechil nenas dikawasan Pontian ini dan juga ditempat2 lain, hendaklah berusaha menanam serta menghasilkan nenas yang bermutu tinggi untuk membekalkan kilang ini. Kebun2 lama eloklah ditanam semula dengan jenis yang baik. Dengan demikian, saudara2 bukan sahaja memperolehi pendapatan yang tinggi tetapi kilang baru kita ini akan dapat pula mengekalkan mutu pengeluarannya satanding dengan yang terbaik didunia.

Saya menegaskan hal ini kerana mengingat tidak lama lagi kita akan menghadapi persaingan yang hebat dipasaran Eropah berikutan dengan kemasokan Britin kadalam EEC dan juga dipasaran dunia. Peri mustahaknya kita mengawal dan mengekalkan mutu hasil2 pertanian sama ada getah, minyak kelapa sawit, nenas dan sebagainya adalah perkara yang patut diambil berat oleh semua pehak. Kerajaan sedia memperuntokkan wang yang banyak untok penyelidikan atau research pada semua perengkat supaya bidang perindustrian kita benar2 mendapat

menafa'at dari kemajuan sains dan teknoloji.

Pada hemat saya, masa depan untok perusahaan memproses buah2an dan makanan sunggoh cherah apabila MARDI dan Institut Kajiteknik Makanan meningkatkan usaha2 penyelidikan mereka di-bidang masing2. Kawasan2 baru yang akan dibuka sechara besar2an di Pahang, Trengganu dan Johor akan menghasilkan tanaman2 baru disamping penternakan. Ini bermaana kita akan mengubah chorak menjelma dari sabuah negara pengimpot barang2 makanan saperti gula, susu, daging dan lain2 menjadi negara yang betul2 berdikari bahkan boleh mengekspot barang2 itu.

Saya tidak lupa menguchapkan terima kaseh kapada Kerajaan Johor dibawah pimpinan Dato' Haji Othman yang sentiasa memberikan kerjasama dan pertolongan dalam menubuhkan kilang kedua ini.

Akhir kata, saya sekali lagi menggesa PCM supaya terus mengekalkan daya usaha dan menjayakan kilang ini menurut chara perusahaan2 yang tertentu, serta menunjukkan jalan kapada kilang2 lain yang akan munchul kelak.

Dengan ini saya sukachita merasmikan pembukaan Kilang Kedua PCM Pulai Sebatang ini.

==========

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DIPEMBUKAAN KILANG KULITKRAFT, PETALING JAYA, PADA 15HB MEI, 1972, JAM 10.00 PAGI.

Yang Amat Berhurmat Tun Dr. Ismail,

Yang Berhurmat Enche Ghafar Baba,

Yang Terhurmat Dhif2,

Saudara2 sekelian.

Saya terlebih dahulu menguchapkan berbanyak2 terima kasih kepada Enche Ghafar dan Dato Mustapha, atas jemputan mereka untuk meresmikan Kilang Kulitkraft ini.

Pembukaan Kilang ini, pada hemat saya, membawa maana yang besar kepada kita semua, khasnya kepada MARA, kerana ini merupakan first break-through dalam bidang perindusterian modern yang dikendalikan sendiri oleh MARA. Tambahan pula, kedudukan Kilang ini, iaitu ditengah2 kawasan perindusterian Petaling Jaya, tentulah mendatangkan kemegahan bukan saja kepada Kerajaan bahkan kepada seluruh rakyat khasnya kaum Bumiputera.

Seperti yang kita semua tahu, sebelum Merdeka dulu, ada beberapa orang sahaja kaum Bumiputera yang berkechimpung dalam lapangan menjual kulit dan membuat barang2 daripada kulit. Kerja2 yang biasa dibuat oleh mereka adalah terhad kepada kerja2 menjual kulit2 mentah, membuat chapal, membuat patong2 wayang kulit dan membaiki tapak2 kasut dan sepatu dipenjuru2 kedai dan dikaki2 lima.

Hari ini kita sama2 merasa bangga kerana kaum Bumiputera kita sudah boleh memperoses kulit, sudah boleh membuat sepatu dan Boot yang baik mutunya. Semua ini dibuat sechara industeri modern dengan bangunan kilang yang besar dan lengkap dengan jentera2 yang modern serta chara2 pengeluaran yang teratur.

Hasil dari usaha ini, Pasokan Tentera kita sekarang berjalan dan berbaris dengan kasut2 buatan Kulitkraft. Pasokan2 Polis Di Raja kita berkawal dan meronda dengan kasut2 keluaran Kulitkraft. Pegawai2 dan Kakitangan2 MARA dan Kulitkraft juga, bekerja dan menari dengan kasut2 buatan mereka sendiri, begitu juga sebahagian daripada orang ramai.

Saya tahu juga bahawa sahabat saya iaitu Yang Amat Berhurmat Tun Dr. Ismail sangat gemar memakai sepatu2 buatan Kulitkraft yang dibuat khas bertumit tinggi. Yang Berhurmat Enche Ghafar Baba dan saya juga dapat bermain Golf dengan sepatu2 Golf buatan Kulitkraft ini.

Saudara2 sekelian.

Projek ini menandakan satu tapak kemajuan bagi MARA amnya dan bagi seluruh Bumiputera khasnya. Ini adalah juga satu lagi kejayaan dasar Kerajaan kita untuk menambahkan bilangan Bumiputera dalam lapangan perdagangan dan perindusterian.

Dengan adanya Kulitkraft, pengusaha2 kulit mentah dari seluruh negeri dapat memasarkan kulit2 mentah mereka dengan mudah dan dengan harga yang berpatutan. Ini adalah satu pertulungan besar kepada pengusaha2 kulit dan saya harap mereka akan terus m enerus bergiat dan meninggikan lagi mutu kulit2 mentah mereka.

Dalam hubungan ini, Kerajaan sedang mengaturkan langkah2 tegas untuk meningkatkan perusahaan penternakan masa hadapan. Saya telah mengarahkan Jabatan Haiwan supaya meninjau semula sistem pawah yang ada sekarang ini untuk menggalakkan orang2 kampong berternak kerbau lembu sechara besar dan tidak hanya satu dua ekor saja. Ranchangan yang lebih besar sedang giat dilaksanakan di Perak, Johor dan Kelantan, dan projek yang lebih besar lagi

akan dilaksanakan dalam Ranchangan Pahang Tenggara.

Dengan meningkatkan penghasilan binatang ternak dinegara kita, saya perchaya Kulitkraft dan perusahaan2 yang seumpamanya tidak lagi akan bergantung pada sumber2 luar untuk bahan mentah kilangnya.

Saya difahamkan Kulitkraft dapat mengadakan peluang kerja untuk lebih kurang 300 orang pekerja termasuk executive staff. Ini bermaana Kulitkraft mengambil peranan dalam soal membuka peluang pekerjaan dan memberikan latihan2 kemahiran yang dikehendaki. Pekerjaan membuat kasut memerlukan pekerja2 yang mahir dan chekap dan saya gembira Kulitkraft telah dapat melatih belia2 dalam lapangan kemahiran ini. Ini juga adalah membuktikan kepada kita semua bahawa kaum Bumiputera boleh menjalankan apa juga jenis perusahaan yang kechil dan besar apabila mereka diberi peluang dan mendapat bimbingan dengan sepenuhnya.

Kepada Pegawai2 dan Pekerja2 Kulitkraft, saya suka memberi nasihat bahawa mereka janganlah berpuas hati dengan kejayaan yang terchapai hingga hari ini. Mereka hendaklah berusaha dengan lebih giat dan tekun lagi dan mempelajari dengan lebih mendalam akan semua kerja2 yang ditanggung oleh mereka supaya dapat meninggikan mutu hingga boleh dapat mengekspot kasut2 pengeluarannya keluar negeri. Kejayaan Kilang ini disamping yang lain2 pasti dapat menjadi chontoh dan perangsang kepada kaum Bumiputera meneroka lapangan perusahaan.

Saya sukachita mendengar bahawa Kulitkraft telah pun mula membuka kedai2 runchit menjual kasut2 dibeberapa negeri dan akan membuka beberapa buah lagi diserata negara. Usaha ini akan membantu peniaga2 yang ada dan dapat menambah lagi bilangan peniaga2 Bumiputera. Barangkali boleh juga ditinjau sama ada

pemasaran kasut Kulitkraft ini boleh dijalankan melalui Kedai2 Borong dan runchit yang diselenggarakan oleh Sharikat Permodalan di Pahang dan lain2.

Saya sukachita, pada kesempatan ini, memberi tahu Pegawai2 dan Pekerja2 Kulitkraft bahawa saya telah mengarahkan MARA supaya mengaturkan chara2 untuk menjual saham2 sharikat ini dan juga sharikat2 MARA yang lain kepada pekerja2nya. Saya perchaya inilah chara yang wajar dan dapat menggalakkan lagi pekerja2 sesebuah sharikat itu berusaha dengan lebih tekun dan lebih bersungguh2. Kerana mereka sendiri mempunyai hak milik dalam sharikat2 yang berkenaan.

Sepekara lagi yang patut saya sebutkan disini ialah sumbangan beberapa orang mengenai projek ini, khasnya kepada Enche Wan Abdul Hamid yang sekarang ini menjadi Pengurus Besar PERNAS, kerana beliaulah yang mula2 membuat chadangan menubuhkan Kulitkraft ini. Pada masa itu beliau menjadi Pengarah Bahagian Perusahaan dan Perdagangan MARA.

Akhirnya, saya suka menguchapkan ribuan terima kasih kepada pegawai2 dan kakitangan Kilang ini atas persediaan2 yang dibuat untuk upachara pembukaan Kilang ini.

Saya dengan sukachita membuka Kilang Kulitkraft ini dengan resminya.

AN/jah.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DIPEMBUKAAN KONGRES EKONOMI ISLAM YANG KEDUA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR, PADA 7HB. APRI, 1972 JAM 9.00 PAGI

Y.B. Enche' Ghafar,

Y.B. Menteri2,

Dhif2 Terhormat,

Saudara2 sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bershukur ka-hadzrat Allah Subahanahu wata'ala kerana dengan taufik dan hidayahNya kita sekalian dapat hadhir bersama2 dalam Kongres Ekonomi Islam yang kedua kali diadakan dinegara kita.

Bagi pehak Kerajaan, saya bersama2 mengalu2kan kedatangan saudara2 para peserta dari jauh dan dekat, dan berharap semoga dengan kehadziran saudara2 disini dapatlah kita bersama2 membinchangkan perkara2 yang bersangkut dengan kepentingan orang2 kita kaum Bumiputra.

Kongres ini, pada hemat saya, kena dengan tempat dan masanya, iaitu ketika kita sedang memasóki tahun kedua melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Tidak shak lagi, pendapat2 dan kesimpulan dari Kongres ini amat besar menafa'atnya kapada Kerajaan dalam masa kita meninjau kemajuan2 yang telah dichapai satakat ini untuk memperbaiki serta melichinkan lagi jentera pembangunan bagi masa dua tiga tahun akan datang kelak.

Maka dengan itu, saya sesungguhnya berterima kaseh kapada pehak penyelenggara Kongres ini khasnya Y.B. Enche' Ghafar, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana memberi saya kesempatan merasmikan Kongres Ekonomi Islam ini.

Tujuan utama kita mengadakan Kongres ini ialah supaya pehak yang berkenaan dapat bersama2 memikirkan chara2 yang sesuai untuk melichinkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Saya sedar bahawa semenjak Kerajaan menegaskan ilmu sains dan teknoloji dari kedua2 segi pelajaran dan amalan, saperti yang dinyatakan dalam Rukunegara, telah pun timbul ulama kita mengenai hal ini. Antara lain2 pendapat2 yang disuarakan oleh alim ulama dan juga orang2 lain membayangkan rasa bimbang atas akibah buruk daripada kemajuan kebendaan dan menggesa supaya pakar2 peranchangan berikhtiar memelihara kepentingan2 rohani dalam projek2 pembangunan yang menitekberatkan sains dan teknoloji.

Saya suka menyatakan disini bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi ranchangan2 pembangunan yang berjalan sekarang supaya membawa hasil yang tinggi bukan hanya untuk kemajuan ekonomi dan kebendaan tetapi juga diseimbangkan dengan kepentingan rohani. Tegasnya, kita menggunakan sains dan teknoloji dengan tujuan supaya penghasilan projek2 pembangunan seluruhnya memenohi kepentingan manusia dalam segala aspek kehidupan mereka sehari2.

Tidak siapa boleh menafikan bahawa pengetahuan sains dan teknoloji boleh membawa perubahan kapada sikap ra'ayat yang akan menerima pembaruan hidup berikutan dengan proses pembangunan dan modernization itu. Ini juga bererti betapa mustahaknya kita melengkapkan anggota2 penggerak perubahan itu baik pakar2 mahu pun pekerja2 dengan pengetahuan dan nilai2 ugama - tegasnya keperchayaan kapada Tuhan Yang Maha Kuasa.

Dalam menjalankan tugas, mereka dikehendaki bekerja sebagai satu pasolan supaya pembaruan2 yang dibawa menerusi projek2 pembangunan itu akan betul2 memberi menafa'at kapada pehak yang menerimanya. Oleh sebab itu, mereka dikehendaki mengetahui benar2 chara berfikir dan chara hidup gulungan yang menerima supaya hasil2

perubahan daripada pengetahuan sains dan teknoloji ini akan betul2 berkhidmat untuk kepentingan manusia dan tidak menyebabkan mereka lebeh lagi ra'ayat jelata dikampong2 teraniaya atau menjadi mangsa kapada perbuatan manusia sendiri.

Kita sungguh bertuah kerana negara kita mempunyai gulungan bijak pandai daripada ahli2 sains masharakat dan alim ulama yang telah menyumbangkan pendapat serta buah2 fikiran bagi kemajuan ekonomi dan sosial yang perlu diseimbangkan dengan kepentingan ugama dan rohani. Saya suka menyeru pehak yang terlalu menekankan kemajuan ekonomi kebendaan supaya jangan membelakangkan pandangan2 dari alim ulama dalam masa'alah2 yang bersangkut dengan kemajuan2 kebendaan. Disamping itu juga saya berharap supaya alim ulama kita, terutama saudara2 yang hadhir di Kongres ini, akan menaroh perhatian dan memahami akan keadaan persaingan dan pergolakan dalam bidang ekonomi serta pembangunan perindustrian dinegara kita dan dengan demikian boleh memberikan pandangan yang berguna.

Saudara2 sekelian.

Sebagaimana biasa dalam apa jua yang kita buat, termasok proses pembangunan, kita tidak sunyi dari menghadapi masa'alah. Dalam usaha kita menuju kemajuan, masa'alah yang dihadapi bukanlah mengenai prinsip memperimbangkan kedua2 nilai mengenai kebendaan dan kerohanian kerana hakikat ini telah diterima oleh masharakat. Masa'alah yang dihadapi ialah mencharí jalan yang sebaik2nya dan chara yang sesuai bagaimana kedua2 nilai ini hendak dichapai dengan jayanya.

Kita semua ma'alum, masa'alah pelaksanaan ini melibatkan sikap manusia. Kesemua pehak yang terlibat sama ada yang menentukan dasar pentadbir2, pakar2 projek hingga kapada pehak penerima iaitu ra'ayat jelata mempunyai pendapat dan perasaan masing2. Satu2 gulungan ini tidak terkechuali daripada yang lazim dialami oleh manusia apabila menghadapi satu2 langkah yang membawa perubahan. Kadang kala, walau pun Kerajaan berusaha dengan sungguh2 mengeluarkan wang yang banyak dan menumpukan sapenoh masa untuk mendapatkan perubahan itu, sabaleknya maseh ada kalangan ra'ayat yang tidak mahu membuktikan kesanggupan mereka untuk menolong diri sendiri mengejar taraf hidup yang lebeh tinggi.

Dalam keadaan sekarang, masa'alah sikap ra'ayat yang tidak mahu berubah itu selalu dikaitkan kapada keperchayaan2 lama atau pegangan yang kolot berpuncha daripada tafsiran2 yang tidak tepat mengenai ajaran2 ugama Islam atau pun disebabkan oleh setengah2 orang yang tidak bertanggong jawab semata2 untuk kepentingan mereka.

Saudara2 sekalian.

Salah dan khilaf memanglah perkara biasa dikalangan manusia. Bukanlah tujuan saya hendak menyalahkan mana2 pehak tetapi hanya mengingatkan iaitu tafsiran yang tidak tepat mengenai ajaran2 Islam boleh menyebabkan raayat menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Hal ini sungguh mendukachitakan kalau sengaja dibuat untuk tujuan2 tertentu. Inilah sebabnya timbul desakan dari gulungan angkatan baru supaya alim ulama mengikut aliran zaman dan menyesuaikan ajaran2 mereka dengan nada pembangunan yang berjalan sekarang ini.

Walau pun begitu, saya juga sedar bahawa kaum alim ulama mengalami kerumitan untuk memberi ajaran yang tepat, disebabkan oleh keadaan sekeliling atau pun disebabkan oleh penerimaan masharakat tempatan sendiri. Ada kalanya ajaran2 itu merupakan kiasan dan tamsil sahaja yang dijangka mudah difahami oleh ra'ayat serta sesuai dengan keadaan tempatan tetapi kiasan atau tamsil itu disalah anggap atau salah terima oleh pehak bijakpandai, sekali pun tidak dimaksudkan kapada gulungan bijak pandai itu. Pada pandangan saya, salah anggap saperti itu serta pentafsiran yang tidak tepat adalah faktor2 yang lazim memisahkan kaum bijakpandai dengan alim ulama dalam proses pembangunan.

Adalah umum diketahui bahawa gulungan pentadbir kita yang terlateh menurut sistem pendidekan barat dan alim ulama yang terlateh dalam sistem pendidekan ugama mempunyai nilai2 perhitongan yang berbeza. Sama ada nilai2 itu ada kaitannya dengan kekuasaan (authority) dalam amalan tugas atau pun mengenai pandangan dunia dan akhirat, tiap2 saorang itu tegoh menurut asas2 latehan atau displin masing2. Kadang kala ini menyebabkan mereka tidak dapat memberikan khidmat untuk memenohi aspirasi masharakat dan kehendak zaman kerana dipisahkan oleh nilai2 dan perhitongan mereka sendiri.

Pada masa ini pun adalah nyata kapada kita bahawa maseh wujud jurang pemisahan antara gulongan pentadbir dan alim ulama kita. Dengan itu mereka tidak mungkin berjaya membantu ra'ayat jelata melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan dan konkongan adat2 lama yang negatif untuk mengejar kemajuan melainkan kedua2 gulungan itu bersatu dan bersama2 menghadapi masaalah2 masharakat dengan sebulat tekad menjayakan pelaksanaan ranchangan2 pembangunan. Saya berharap Kongres ini dapat meneliti dan mengupas perkara ini, mengesan sebab2 timbulnya jurang pemisahan ini serta menchadangkan jalan untuk mengatasinya.

Saudara2 sekalian.

Semenjak diadakan Kongress Ekonomi Islam pertama dahulu, negara kita telah melangkah jauh kahadapan dalam berbagai lapangan kemajuan. Pelaksanaan Ranchangan Malaysia Kedua yang berjalan sekarang membawa perubahan2 yang diingini sesuai dengan Rukunegara dan kepentingan Dasar Ekonomi Baru.

Salah satu dari perubahan kita sekarang ini ialah bertambah ramainya belia2 Melayu dari luar bandar yang mempunyai semangat baru dan berani memasoki lapangan2 perniagaan dan perindustrian. Perkembangan saperti ini bukan sahaja mengandongi erti yang baik kapada negara, terutama dari segi perubahan sikap umat Islam, tetapi juga merupakan satu chabaran kapada gulongan pentadbir serta alim ulama kita.

Sementara kita berazam hendak menchapai kejayaan dalam bidang perdagangan dan perindastrian, sudah barang tentu kita tidak dapat mengelakkan masa'alah yang lazim timbul dan akibat2 burok daripada perkembangan perindastrian. Dalam kita mengutamakan peranan sains dan teknoloji untuk melengkapkan pekerja2 angkatan muda dengan kemahiran dan disamping itu meningkatkan usaha membandaraiskan kawasan2 luar bandar namun kita dapat menghalang aliran belia2 dari kampong pergi menchari pekerjaan kabandar2. Kapada sabahagian belia2 luar bandar kita, chara traditional menchari rezeki daripada usaha2 pertanian tidak menarek lagi kerana terpengaroh oleh sinar2 lampu dibandar2 yang penoh dengan berbagai ragam kehidupan.

Dalam melaksanakan dasar hendak menyusun semula masharakat Malaysia, kita boleh menggembelingkan tenaga belia2 luar bandar dalam bidang pembangunan demi kepentingan perpaduan negara.

Disamping meningkatkan pembangunan dalam sektor pertanian dan perusahaan luar bandar, kita hendaklah juga menjalankan ranchangan2 yang boleh menyalorkan tenaga baru itu kapada aliran hidup mas arakat perdagangan dan perindustrian. Dengan chara itu, kita berharap dalam masa yang agak sengkat, bentok atau structure penduduk2 negara ini akan membayangkan keadaan penduduk berbilang kaum; bukan sahaja dari segi taborannya atau population distribution, mahu pun jenis pekerjaan dan tugas2 ekonomi (economic functions) mereka bahkan juga dari segi perengkat2 pekerjaan dan jenis mata pencharian.

Saudara2 sekalian.

Dari apa yang saya katakan tadi, maka jelaslah bahawa belia2 Melayu kita yang bakal menjadi pekerja2 kilang, pejabat dan Firma swasta, akan memerlukan panduan dan bimbingan, bukan hanya untuk berjaya menchari nafkah hidup tetapi, yang penting sekali supaya dapat menguasai pengaroh2 alam sekeliling mereka dengan berpegang tegoh pada nilai2 hidup menurut ajaran Islam.

Kita sama2 maalum bahawa belia2 memerlukan juga bimbingan untuk mengatasi pengaroh2 kebaratan yang tidak diingini dan konsep kebebasan yang melulu. Belia2 sekarang merasa bebas daripada kawalan masharakat (social control) dan meninggalkan tradisi2 yang menghargai semangat bergotong royong, memandang surau dan masjid sebagai pusat membena akhlak dan kekuatan peribadi untuk menentang pengaroh2 yang merosakkan. Oleh kerana tiada bimbingan, mereka tidak lagi terikat kuat kapada kawalan sosial saperti adat resam masharakat dimana orang tua2, imam dan guru2 memainkan peranan penting menjunjongi kepentingan moral dan ugama Islam. Ini bolehlah dianggap sebagai korban mengejar kemodenan.

Keadaan ini tidak dapat dielakkan dengan wujudnya masharakat yang dipengarohi oleh kepentingan kebendaan, amatlah mustahak belia2 kita, baik yang dibandar atau pun diluar bandar mendapat bimbingan yang sesuai dengan keadaan sekarang dan bukan dengan chara lama. Mereka memerlukan nasehat yang realistik dan tepat dengan keadaan hidup mereka iaitu mengenai perchamporan, pergaulan, adat tertib dan pekerjaan mereka hari2. Hal2 yang utama saperti masaalah perumahan khasnya dikawasan2 sesak atau dalam kelompok berbilang bangsa dan ugama, masaalah2 perhubungan dan suasana hidup bandar mestilah diketahui masak2 dan ditimbangkan penoh2 sebelum mencheborkan diri mereka dalam masharakat perdagangan dan perindastrian.

Saya merasa perlu diluaskan peranan alim ulama bukan hanya dikawasan2 yang bersuasana kampong bahkan juga dipusat2 kemajuan baru saperti ranchangan2 tanah serta dikawasan2 dimana pengaroh2 sistem ekonomi kewangan memainkan peranan yang bertambah pesat. Bagi menghadapi ini, nyatlah kapada kita bahawa alim ulama memerlukan pengertian yang mendalam tentang sistem ekonomi yang beranika chorak atau complex bersabit dengan perdagangan dan perindastrian supaya mereka berjaya mempengarohi gulongan belia yang sudah mula mempunyai identiti baharu akibat perubahan yang dibawa oleh penggunaan sains dan teknoloji. Begitu juga kaum alim ulama akan memainkan peranan yang lebih positif, jika mereka dapat mengatasi keadaan yang berkembang dari kemajuan sains dan teknoloji dan tidak semata2 membuat tegoran atau kechaman mengenai perkara2 itu tanpa memahami masaalah2 itu dengan sempurna.

Saudara2 sekalian.

Masaalah2 yang bersabit dengan masharakat yang dipengarohi oleh sistem ekonomi kewangan saperti masharakat perdagangan dan perindasterian perlu difahami sadalam2nya oleh gulungan alim ulama

supaya mereka memberikan bimbingan yang lebeh berkesan untuk membolehkan ra'ayat mengechap kemewahan dari kemajuan itu sebagai makhlok Allah yang sempurna.

Saya berchadang membentok satu badan yang terdiri dari gulongan2 pentadbir dan ulama. Tugas ulama badan ini ialah untuk meneliti masaalah2 yang dialami oleh belia2 Melayu yang semakin bertambah ramai masok kadalam sektor perdagangan dan perindastrian supaya belia2 kita dapat dibimbing menurut landasan yang membawa perimbangan antara kepentingan jasmani dan keistimewaan rohani.

Badan ini akan bertempat di Jabatan Perdana Menteri dan dianggotai oleh pakar2 daripada Majlis Ugama Islam Kebangsaan, Pusat Penyelidikan Islam, alim ulama, ahli2 da'awah Islam serta pentadbir2 yang ada hubongan dengan masaalah2 perindustrian. Sebagai permulaan, badan ini akan menitekberatkan penyelidekan2 mengenai pengaliran belia2 luar bandar bekerja dikilang2 perusahaan dan lain2 dibandar2. Saya yakin masaalah2 yang kita hadapi itu dapat diteliti sadalam2nya dan satu ranchangan tindakan dapat disusun untuk dilaksanakan salanjutnya.

Dengan harapan agar Kongres ini akan menghasilkan rumusan2 yang dapat menjadi panduan kapada Kerajaan dalam melaksanakan ranchangan2nya untuk bangsa dan negara, saya dengan amat sukachita-nya merasmikan Kongres ini.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI, DIUPACHARA MERASMIKAN PEMBUKAAN PAMERAN KEBUDAYAAN ISLAM PADA 7HB NOVEMBER, 1971, JAM 10.00 PAGI DI MUZIUM NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya bershukur kahadzrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat merasmikan pembukaan Pameran Kebudayaan Islam anjuran Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersempena dengan waktu pertandingan Membacha Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa yang sedang berlangsung sekarang ini.

Kita mengadakan Pameran ini adalah bertepatan sekali kerana membolehkan umat Islam dari seluruh negara, malah dari beberapa negara Islam yang mengambil bahagian dalam Pertandingan ini untuk bersama2 datang melihat Pameran ini. Saya yakin Pameran ini dapat menchapai tujuannya untuk menarek orang ramai melihatnya.

Pameran Kebudayaan Islam ini dijayakan dengan kerjasama Bahagian Pengeluaran Visual Jabatan Penerangan Malaysia, Lembaga Urusan dan Tabong Haji dan Muzium Negara. Ini adalah sebagai lanjutan dari Pameran Perkembangan Islam yang kita adakan tahun lepas di Masjid Negara. Saya telah mengarahkan Setia Usaha Majlis Kebangsaan Islam supaya menjadikan thema Pameran pada tahun ini berkaitan dengan "Islam, Peranannya dalam Perkembangan Ilmu Pengetahuan, Sains dan Teknoloji."

Pada hemat saya, thema ini adalah tepat dan sesuai sekali dengan masa dan suasana hari ini dimana segala kehidupan negara dan bangsa adalah digiatkan kearah menchapai kemajuan melalui sains dan teknoloji. Dalam hal ini adalah sangat mustahak bagi kita untuk memberi fahaman yang sebenarnya tentang Islam,

terutama dalam hubungannya dengan sains dan teknoloji supaya Islam tidak disalahertikan sebagai ugama yang menyekat penganut2nya dari berusaha menchapai kemajuan dan kesejahteraan hidup didunia ini.

Pada masa2 yang lalu ada beberapa pihak yang mendakwa bahawa diantara Islam dan sains dan teknoloji itu adalah dua unsur yang bertentangan sama sekali. Bahkan mereka mendakwa bahawa mempelajari sains dan teknoloji itu adalah mengingkari kuasa Allah. Sebenarnya dakwaan ini timbul oleh sebab salah tafsir tentang ajaran2 ugama dan juga kerana pihak2 tersebut tidak faham tentang ilmu sains dan teknoloji itu sendiri.

Jauh dari mengingkari kekuasaan Allah yang mutlak itu, pengetahuan dalam ilmu sains dan teknoloji boleh menguatkan iman sesaorang itu sebab ia membuka pintu hati bagi mereka yang insaf dan yang menggunakan akal fikirannya tentang betapa halus dan telitinya kejadian2 Allah itu. Dalam hal ini marilah kita mengkaji sepotong ayat suchi Al-Quran iaitu ayat 164 Surah Al-Baqarah yang bermaksud:-

> "Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi, berbeza2 malam dan siang, kapal yang belayar dilautan membawa barang yang berfaedah bagi manusia, hujan yang diturunkan Allah dari langit, maka dihidupkanNya bumi yang telah mati,berkeliaran diatasnya bermacham2 binatang, angin yang bertiup dan mega (awan) yang terbentang antara langit dan bumi, sesungguhnya segala yang tersebut itu menjadi bukti atas kekuasaan Allah."

Adalah nyata dari petikan yang saya sebutkan itu, malah banyak lagi ayat2 Al-Quran yang lain, bahawa pengetahuan tentang sains dan teknoloji bukan sahaja tidak menjauhkan sesaorang dari Tuhannya, bahkan ia boleh mendorong sesaorang itu untuk lebih

rapat dan takwa kepada Tuhan.

Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kepada sekalian kaum Muslimin dan Muslimat supaya tidak ragu2 lagi tentang hubungan antara sains dan teknoloji dengan ugama Islam kita. Kepada tibu2 bapa pula, adalah baik minat untuk mempelajari sains dan teknoloji ini disemaikan pada anak2 mereka supaya menjadi sebati dengan chara berfikit mereka dimasa hadapan. Saya telah juga mengarahkan pakar2 pendiikan kita supaya mengkaji dan menyusun semula pengajaran Sains dan Hisab disekilah2 supaya kedua2 mata pelajaran ini tidak lagi menjadi mata pelajaran yang ditakuti oleh anak2 Melayu.

Saudara2 sekalian.

Satu perkara lagi yang menjadi salah faham setengah2 orang termasuklah belia2 tentang Islam ialah ada pihak2 yang mengatakan Islam itu ugama yang kolot atau yang sudah ketinggalan zaman. Sebenarnya Islam sebagai ugama yang diutuskan Allah melalui Nabi Besar Muhammad s.a.w. tidak pernah usang dan tidak pernah ketinggalan zaman (out of date). Ugama Islam sebagai "al din" yang sempurna dan yang merangkumi segala bidang hidup manusia adalah sentiasa segar dan sesuai untuk segala zaman, segala tempat dan dalam segala keadaan.

Kita sedia maalum bahawa walau pun Islam mula2nya diturunkan di Tanah Arab, tetapi ini bukan bermakna ianya diturunkan untuk orang2 Arab sahaja, bahkan Islam adalah satu ugama yang diturunkan untuk semua umat manusia dimana2 sahaja. Konsep universalisma dalam Islam adalah satu konsep yang asasi dan satu konsep yang menyebabkan Islam itu tersebar luas kemana2 cheruk dunia ini. Bagi kita di Malaysia pada zaman serba kemajuan ini, terpulanglah kepada kita untuk mempergunakan ajaran2 Islam itu sebaik2nya bagi membangun Bangsa dan Negara kita.

Seperti saya katakan tadi, Islam adalah sesuai untuk semua zaman dan dalam segala keadaan. Ini mustahak sekali dijelaskan sebab ada timbul anggapan2 yang salah dikalangan setengah2 orang bahawa Islam tidak sesuai untuk zaman ini kerana ia menyekat pengikut2nya dari menchapai kemajuan material didunia. Ini tidaklah benar terutama kalau kita sentiasa ingat bahawa Islam diturunkan oleh Allah untuk membawa kebahagian kepada semua manusia. Tetapi dalam zaman yang serba maju ini, adalah mustahak orang2 Islam menyesuaikan kehidupan mereka dengan keadaan zaman sambil mengerjakan suruhan Allah sebagai umat Islam yang taat kepada perintah2Nya.

Anggapan yang salah tadi adalah merbahaya, terutama bagi Malaysia hari ini, sebab ia boleh menyekat penyertaan orang2 Melayu didalam berbagai2 ranchangan pembangunan yang dilancharkan oleh Kerajaan.

Sebaliknya, dengan memberikan gambaran yang betul tentang bubungan antara Islam dan pembangunan serta bagaimana Islam memberi dorongan bagi pengikut2nya untuk berusaha bagi menchapai kemajuan dibidang ekonomi dan sosial, maka sudah tentu pula boleh menolong Kerajaan untuk mendapat 'response' yang baik dari rakyat untuk sama2 menyambut chabaran bagi menjayakan Ranchangan Malaysia Kedua.

Dalam hubungan ini, saya sukachita bahawa dalam Pameran ini ada beberapa petikan dari ayat2 suchi Al-Quran yang berkaitan dengan pembangunan dan sains dan teknoloji. Ini adalah satu langkah yang bijak kerana dapat memberi pengertian bahawa Islam adalah ugama yang hidup dan menggalakkan umatnya untuk mengejar kemajuan.

Satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah tentang hubungan antara Pameran Kebudayaan Islam ini dengan usaha2 daawah

yang dijadankan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam. Saya gembira bahawa Majlis Kebangsaan telah melangkah setapak lagi kehadapan dalam usaha daawah Islamiyah iaitu dengan tertubuhnya Institut Daawah Islam di Masjid Negara, walau pun dengan sechara sederhana sahaja. Pameran ini boleh dihadikan sebagai satu langkah daawah iaitu dalam bentuk yang boleh dilihat dengan mata -- seperti gambar2, rajah2 dan statistik2. Inilah chara yang baik sebab kita sepatutnya mempergunakan apa sahaja kemudahan yang ada pada kita untuk menyebarkan ajaran Islam.

Kalau dahulu Islam hanya disebarkan melalui pengajaran2 di Madrasah dan sekolah2 pondok, maka sekarang sudahlah tiba masanya untuk kita menggunakan chara dan alat2 baru dalam usaha daawah itu. Antara alat2 baru yang boleh digunakan untuk daawah ini, saya shorkan supaya digunakan kereta2 wayang gambar dan alat2 sebaran am supaya sesuai dengan selera (tasto) orang2 pada masa sekarang ini, terutama gulungan belia.

Saudara2 sekalian.

Akhir kata, saya ingin menguchapkan tahniah kepada pihak penganjur Pameran ini, terutamanya Bahagian Pengeluaran Visual Jabatan Penerangan, Muzium Negara dan Lembaga Urusan dan Tabong Haji kerana telah sama2 menjayakan Pameran ini.

Begitu juga saya uchapkan terima kasih kepada kedutaan2 negara sahabat yang telah menyumbangkan bahan2 tertentu dari negara2 mereka untuk dipamerkan disini. Antara negara2 sahabat yang telah bekerjasama untuk menjayakan Pameran ini ialah Kerajaan Republik Arab Mesir, Iran, Morokko, Jordan, Negeri Belanda, Britain, Germany, Pakistan, India, Filipina, Senegal dan Arab Saudi. Atas kerjasama mereka itu saya atas nama Kerajaan dan rakyat Malaysia merakamkan setinggi2 penghargaan.

Marilah kita berdoa semuga Allah mengurniakan taufik dan hidayahNya kepada kita semua dalam usaha2 kita ini. Saya dengan uchapan Bismillahi-r-Rahmani-r-Rahim mengistiharkan Pameran ini dibuka dengan rasminya.

AN/jah.

Uchapan Y.A.B. Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Hussein Di-upachara Pembukaan Rasmi Pertandingan Membacha Al-Quran Perengkat Kebangsaan 1971 Di-Stadium Merdeka Pada 5hb. November, 1971 jam 8.30 malam.

Saya bershukor kehadzrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat sekali lagi menyambong amalan suchi pada bulan Ramadhan yang mulia ini.

Pada malam yang berbahagia ini, dengan hati yang tundok dan khushu' kapada Allah, dengan jiwa yang penoh dengan keluhuran sinar Islam dan keagongannya, kita membuat ibadat dengan bersama2 menghadhiri pertandingan Membacha Al-Quran Perengkat Kebangsaan yang bermula malam ini dan akan diikuti pula, dua malam selepas ini, dengan pertandingan pada perengkat Antara-bangsa.

Tahun ini ialah tahun yang ke-12 pertandingan ini diadakan - pertandingan yang menyemarakkan semangat Al-Quran dan semangat kasehkan Al-Quran dan ajaran2-nya dalam hati seluroh umat Islam dinegara kita ini. Begitu juga, pertandingan Membacha Al-Quran ini telah menjadi satu2nya simbol pengenalan negara Malaysia kapada negara2 luar Islam.

Saya sangat berbesar hati dengan sambutan yang diberikan kapada Pertandingan Membacha Al-Quran ini, bukan sahaja dari kalangan umat Islam, tetapi juga ramai dari kalangan orang2 yang bukan Islam yang sama2 menekmati pertandingan ini.

Dengan itu, nyatalah bahawa pertandingan Membacha Al-Quran ini merupakan satu usaha yang baik bagi menchari ketenangan jiwa dan perpaduan hati untok sebahagian besar pendudok2 negara

ini khususnya. Maka dengan sendirinya pertandingan ini telah menjadi satu perayaan dan peristiwa yang berchorak kebangsaan Malaysia yang dapat diterima oleh semua gulongan masharakat kita.

Saudara2 sekalian

Saya sangat tertarek hati dengan thema pertandingan pada tahun ini ia-itu "Islam dalam zaman Sains dan Teknoloji". Ini sangat seduai sekali kerana Islam ialah ugama pengetahuan dan ugama yang menggalakkan kemajuan sains. Kita dapati banyak ayat2 didalam Al-Quran, di mana Allah menyeru manusia supaya menyelidiki aspek2 kejadian alam untok faedah pengetahuan dan kehidupan mereka.

Bahkan Allah telah menerangkan dalam Al-Quran setengah2 kejadian alam itu sendiri, saperti firmannya yang bermaksud "Dan kami jadikan daripada ayer akan segala benda yang hidup". Kebenaran ini nyata sekali dari pengkajian2 dan penyiasatan yang di-buat oleh ahli2 sains mengenai asal usul alam yang kita diami ini.

Oleh itu, tidaklah hairan dalam masa Islam dimerchu keagongannya dahulu, salah satu aspek kemajuannya ialah kemajuan dalam bidang sains. Orang2 Islam dizaman itu sangat terkemuka dalam berbagai anika ilmu sains termasok ilmu kimia, ilmu hisab, ilmu falak, kajihayat dan ilmu perubatan.

Chontohnya ialah Ibnu Sina, sa-orang tokoh ulama yang terbesar dizaman itu dan beliau juga merupakan seorang tokoh sains perubatan yang teragong ketika itu. Tulisan2nya mengenai perubatan dihormati dan tersebar luas sampai ke-Eropah pada masa2 yang kemudian daripadanya.

Demikianlah kemajuan Islam pada masa itu yang menchantumkan kemajuan dalam bidang Islam dan pengetahuan Islam dengan kemajuan sains dan ilmu sains saperti yang terdapat pada tokoh besar Ibnu Sina itu.

Kemajuan sains dan teknoloji adalah juga hasrat yang terkandong dalam Rukunegara yang mendukung chita2 "membena satu msaharakat progresif yang akan monggunakan sains and teknoloji moden.

Sebagaimana saudara2 ma'alum, masharakat progresif yang menggunakan sains dan teknoloji yang kita tujui itu adalah berlandaskan kapada rukun yang pertama dalam Rukunegara ia-itu keperchayaan kapada Tuhan. Erti-nya, masharakat yang akan kita bena itu ialah masharakat yang dapat menggunakan segala kemajuan sains dan teknoloji tetapi dikelubongi oleh nilai2 kerohanian yang tulin.

Saudara2 sekalian

Sebagai umat Islam, kita menganggap Kitab Suchi Al-Quran ialah puncha segala pengetahuan untok dunia dan akhirat. Oleh itu, sewajarnya kita jadikan Pertandingan Membacha Al-Quran ini satu pertandingan untok memperbaiki dan menyempurnakan bachaan kitab suchi itu, dan juga untok memahami dan mengamalkan segala hikmat2 panduan hidup yang terkandong dalam Al-Quran itu.

Mari-lah kita menyempurnakan firman Tuhan 'Ikraq' yang menyuroh kita membacha , mempelajari, menyelidiki dan mengkayakan diri dengan pengetahuan dan kepandaian teknoloji supaya boleh membena masharakat kita sekarang ini sebagaimana yang dikehendaki Allah: satu masharakat yang adil, yang kekayaannya dapat di-nekmati bersama sechara saksama, dalam mana terdapat perimbangan ekonomi dan keadilan sosial: masharakat yang memerangi kemiskinan dan

kesusahan ra'ayat dengan segala daya dan tenaga.

Saudara2 sekalian

Negara kita sekarang menghadapi chabaran masa depan yang besar - chabaran untok membena sa-buah masharakat yang bersatu padu, kuat dan maju - chabaran untok menyusun semula masharakat untok mewujudkan perimbangan ekonomi yang menjadi kunchi kapada perpaduan negara yang sebenar.

Dalam hubongan ini, adalah mustahak kita memupok semangat pembangunan dan kesedaran dikalangan umat Islam dinegara kita supaya bangkit dan mara kahadapan untok mendapat kedudokan yang sa-imbang dengan gulongan2 yang lain. Salah satu jalan yang baik dan berkesan ia-lah kita kembali kapada Al-Quran dan mengetahui ma'ana dan hikmat2 di-sebalek ayat2 suchi Al-Quran itu serta mengamalkan-nya bersunggoh2, bukan mengamalkan mana yang disukai sahaja.

Orang2 Islam pada hari ini perlu memajukan diri mereka sebagai orang Islam yang ta'at kapada Tuhan dan di-samping itu memajukan pengetahuan, kepandaian dan daya usaha mereka saperti orang2 lain dalm masharakat yang penoh dengan perlumbaan.

Pendek kata, masharakat Islam kita pada hari ini menghendaki Ibnu Sina tumboh dan ditumbohkan dalam tiap2 keluarga Islam, dan untok ini panduan yang di-beri oleh Sydina Ali ibni Talib Radziallahu 'Anhum hendaklah dikembangkan seluas2nya. Sydina Ali berkata: "Ajarilah anak kamu pengetahuan yang lain daripada apa yang kamu pernah pelajari, kerana mereka hidup dizaman lain daripada zamanmu".

Dengan panduan ini-lah umat Islam dizaman gemilang dahulu mara dan maju, menyemarakkan nama Islam dalm berbagai lapangan. Dengan panduan inilah pula umat Islam pada masa ini patut mara kahadapan untok menchapai kemajuan supaya setanding dengan masharakat bangsa2 yang sudah maju.

Saudara2 sekalian

Islam juga mengajar kita membasmi kemiskinan serta menghapuskan perhambaan dan penindasan sesama manusia. Inilah hasrat dan tujuan Kerajaan kita dalam melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Malaysia Kedua.

Saperti dima'alum, Ranchangan ini bertujuan untok membasmi kemiskinan dan untok mewujudkan masharakat yang adil dan saksama dengan merapatkan jurang perbedzaan ekonomi antara kaum2 dinegara kita ini.

Dalam pada itu, kita harus sedar bahawa Ranchangan Malaysia Kedua ini bukanlah suatu tongkat hikmat yang akan dapat menyempurnakan segala hajat ra'ayat jikalau ra'ayat sendiri tidak menyambut dan menggunakan segala kesempatan dan kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan dengan chara yang betul2 positif dan penoh keazaman.

Saya berseru kapada somua gulongan ra'ayat supaya jangan hanya berpelok tubuh menunggu faedah2 yang akan di-datangkan oleh ranchangan ini terhidang dihadapan mereka. Sebaleknya mereka hendaklah mengubah sikap dan mengambil inisiatif bersama bagi mendapatkan

segala faedah dari ranchangan ini untok kebahagian diri mereka sendiri, untok masharakat dan negara.

Saya suka mengulangi lagi seruan saya khasnya kapada orang2 kita supaya mengubah sikap lama yang berserah kapada takdir semata2 dan membaharui tekad untok memulakan tapak hidup yang lebeh sempurna bagi mereka dan keturunan akan datang.

Kerajaan hanya dapat menyediakan kemudahan2 dan peluang2 kapada ra'ayat, dan terpulanglah kapada kesanggupan mereka menyambut peluang2 ini dan menggunakannya dengan sabaik2nya. Kalau tidak, akibatnya mereka akan ketinggalan dibelakang dan tiada siapa yang patut disalahkan melainkan diri mereka sendiri.

Dengan taufik dan hidayah Tuhan dan dengan sokongan yang bulat dari seluroh ra'ayat, Kerajaan berazam akan menjalankan usahanya menerusi Ranchangan Malaysia Kedua untok menchapai chita2 menyusun semula masharakat Malaysia dan menjamin keadilan ekonomi, kema'amoran dan kesenjahteraan ra'ayat. Saya sunggoh gembira dengan sokongan yang hebat dari ra'ayat seluroh negara kapada segala dasar dan ranchangan2 Kerajaan Perikatan yang saya pimpin dan saya sekali lagi menyatakan azam dan dedikasi Kerajaan dalam menjalankannya untok ra'ayat.

Saudara2 sekalian

Akhir-nya, saya suka mengambil kesempatan ini untok menguchapkan setinggi2 terima kaseh dan tahniah kapada Jawatankuasa Pertandingan Membacha Al-Quran tahun ini yang di-pengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, yang mempunyai banyak pengalaman dan telah memberi banyak jasa bagi menjayakan Pertandingan Membacha

Al-Quran ini pada masa yang lalu. Jawatankuasa Pertandingan tahun ini telah membuat beberapa pembaharuan yang menarek hati yang boleh memberi semangat dan inspirasi kapada kita sekalian, terutama dalam upachara pembukaan ini.

Saya juga menguchapkan berbanyak terima kaseh kapada Kerajaan2 Negeri dan kapada pegawai2 disemua perengkat yang telah memberikan kerjasama bagi menjayakan pertandingan tahun in. Mudah2an dengan izin Allah, pertandingan tahun ini akan menchipta lagi satu sejarah yang meninggalkan kesan gemilang dalam jiwa kita semua-nya.

Dengan ini, dengan amat sukachitanya saya merasmikan Pertandingan Membacha Al-Quran perengkat Kebangsaan Tahun 1971 ini.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, SELAKU PENGERUSI MAJLIS KEBANGSAAN HAL EHWAL ISLAM MALAYSIA DIPEMBUKAAN RASMI KURSUS LATIHAN PEGAWAI2 PENERANGAN UGAMA DAN MUBALLIGH DI DEWAN LATIHAN PEGAWAI2 KERAJAAN, PETALING JAYA, PADA 6HB SEPTEMBER, 1971, JAM 9.30 PAGI.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh:

Saudara2 Muslimin.

Saya bershukur kehadzrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat sendiri merasmikan pembukaan Kursus Latihan bagi Muballigh2 dan Pegawai2 Penerangan Ugama yang bertugas dengan Majlis2 Ugama Islam Negeri2 dan dari badan2 yang lain dinegara kita ini.

Kursus ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkuatkan lagi daawah Islam yang sekarang sedang dijalankan oleh Jabatan2 Ugama tiap2 Negeri dan bagi menambahkan lagi kemahiran atau 'professional touch' mereka yang berkenaan.

Saya suka menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan2 Negeri dan pihak2 yang lain atas kerjasama mereka dengan Mjlis Kebangsaan berkenaan dengan kegiatan2 daawah Islam yang telah berjalan selama ini. Bagaimana pun, usaha2 pembaikan patutlah dibuat dari satu masa kesatu masa supaya kerja2 daawah itu berjalan dengan lebih teratur dan mengikut ranchangan2 yang disusun dengan rapi jika kita ingin mendapat hasil2 dari usaha kita yang baik ini.

Tidak shak lagi kursus ini dapat memberi bimbingan, semangat serta tekad baru kepada Pegawai2 Penerangan Ugama dan Muballigh2 tentang chara menyampaikan daawah dengan labih menarik dan berkesan lagi kepada orang ramai supaya mendapat sambutan yang lebih luas dari rakyat terutama mereka yang bukan Islam.

Hanya dengan adanya approach baru dan dengan chara penyampaian yang lojik dan ilmiah, barulah kegiatan2 daawah akan mendapat kejayaan yang kita kehendaki. Sebaliknya, kita akan kechewa menarik perhatian dan keyakinan orang ramai, khasnya belia2, kalau muballigh atau Pegawai2 Penerangan mempunyai kekurangan diri mereka sendiri. Inilah yang mustahak kita atasi sekarang ini dengan mengkaji, bertukar2 fikiran dan menganalisa kelemahan2 sendiri sambil berikhtiar membaikinya.

Pada pandangan saya, usaha2 daawah yang dijalankan pada masa ini oleh Jabatan2 Ugama Negeri serta badan2 sukarela seperti PERKIM dan Jami'ah Da'awatul Islamiyah hendaklah diselaraskan sesuai dengan keadaan masharakat hari. Jika perlu, seluruh t tenaga yang ada pada kita masa ini hendaklah digembelingkan untuk menchapai matlamat yang dikehendaki itu.

Saudara2.

Masa dan keadaan sentiasa berubah dan akan terus bertukar chorak. Begitu pula manusia atau sesuatu yang ingin maju dan bertamaddun mestilah juga berubah mengikut aliran dan tuntutan zaman. Mereka yang lalai atau tidak menyedari peredaran masa akan ditinggalkan zaman dan tamaddun. Jika hakikat ini difahami dengan serious oleh orang2 Islam khasnya orang2 Melayu, mereka haruslah mengubahkan sikap dan pemikiran dengan chara berkesan dan bermenafaat bagi mereka. Kita, khasnya orang2 Melayu, menghendaki perubahan yang besar dan saya berdoa kepada Allah mudah2an kita akan menchapai satu kemajuan yang akan membanggakan kita semua.

Sesungguhnya, kemajuan Negara kita adalah lebih laju daripada kemajuan orang2 kita sendiri. Keadaan ini mesti dibetulkan. Imbangan laju kedua2nya itu mestilah sama; kalau tidak, Negara akan terus maju dan maamur tetapi orang2 kita sendiri akan terus tertinggal

dalam keadaan yang tidak sempurna. Inilah tugas utama Kerajaan hari ini yang semestinya juga menjadi kewajipan kita semua.

Saudara2.

Untuk menchapai kemajuan2 yang lebih besar lagi, penerangan2 berkenaan ugama kita hendaklah disebarkan kepada seluruh rakyat. Bukan sahaja setakat menyebarkannya tetapi hendaklah apa yang diajar kepada mereka itu tersemat dihati masing2 dan setelah pengetahuan itu sebati, mereka dapat melaksanakannya untuk kebaikan diri mereka sendiri untuk bangsa, ugama dan tanah ayer.

Oleh itu, perubahan sikap dan pemikiran orang2 Melayu sangatlah mustahak dan usaha untuk mengubahkan sikap dan chara berfikir orang2 Melayu ini adalah satu usaha besar yang memerlukan kerjasama dari semua gulungan dan lebih penting dari bijak pandai Melayu sendiri.

Saudara2 sekelian merupakan satu gulungan pemimpin2 ugama yang berpengaruh yang boleh menolong mengubah sikap orang2 Melayu terutama sekali dalam tugas saudara2 sentiasa berdamping rapat dengan masharakat. Kerana itulah kita mengadakan latihan2 kemahiran kepada Muballigh2 dan Pegawai2 Penerangan Ugama yang terlatih dalam chara2 daawah Islam. Saya berharap pada masa akan datang kita akan dapat memberi penerangan diatas ajaran yang sebenar dan hikmat2 disebalek ajaran itu dan perkara2 yang ranting dan negatif dan segala pantang larang serta tegahan2 yang remeh2, yang bukan berdasarkan Quran dan ajaran2 Islam yang sabenar hendaklah di-ketepikan. Sebaleknya saudara2 boleh memberi fahaman yang mendalam kapada orang2 kita bahawa adalah menjadi kewajipan kita menunaikan surohan Allah bagi orang2 Islam supaya hidup maju, modern dan bahagia dalam dunia sambil berbuat ibadat kapada Tuhan.

Saudara2 hendaklah mengajar dan menanamkan ajaran2 yang membena dan fikiran2 yang progresif, sikap yang positif dan sesuai dengan kehendak2 zaman serta menggalakkan mereka menchapai kemajuan, tamaddun yang tinggi dan kebahagian hidup semasa mereka hidup didunia ini. Saperti kita semua maalum. Allah dan Rasulnya, Muhammad s.a.w. menyeru supaya umat Islam semua hidup menjadi manusia yang sempurna dan bahagia dunia dan akhirat.

Saudara2.

Pada fikiran saya, adalah mustahak dalam kehidupan kita dizaman pembangunan dan tamaddun teknoloji, perkara2 yang ber sangkut paut dengan adat dan berasaskan kapada cherita2 dongeng hendaklah dipisahkan daripada surohan Allah yang sebenarnya. Janganlah kita champor adokkan keperchayaan2 dan tradisi yang terbit dari adat itu dengan ajaran2 Islam yang sabenar.

Kita hendaklah bertindak dan mengikut chara hidup berpandukan kapada ajaran2 ugama yang tulen dan menegakkan tradisi2 yang membena dan membawa kita kapada kemajuan. Masch ada lagi orang kita yang terpedaya dengan ilmu karut dan keperchayaan yang bukan2 yang berlawanan dengan apa yang sabenarnya patut berlaku, umpama mendapatkan wang dengan bachaan2 sahaja. Kapada orang2 saperti itu, saya nasehatkan ada satu chara sahaja kalau kita hendak menjadi kaya didunia ini, iaitu bekerja kuat, rajin, amanah dan chermat. Inilah chara yang diredzai Allah dan mendapat sunat RasulNya kerana saperti kita semua maalum, Nabi Muhammad junjongan kita sendiri terkenal sebagai saorang yang berusaha.

Saudara2.

Pada hari ini Majlis Kebangsaan Ugama Islam sedang merenchang hendak menubohkan satu Institut Daawah yang lengkap serta terator perjalanannya supaya memenohi tujuan2 antara lain:

1. Melateh bakal2 Mubaliigh, Pegawai2 Penerangan Ugama, Imam2, Bilal2 dan lain2 Pegawai Ugama dari negeri2 diMalaysia.

2. Melateh orang2 professional Islam dalam segala kegiatan hidup untuk menjadi ahli2 tabligh dan daawah Islam yang terlateh untuk bergerak sechara sukarela atau pun penoh masa didalam kehidupan mereka.

Adalah diharapkan dengan tertubohnya Institut Daawah ini, ia akan dapat mengeluarkan Muballigh2 dan Pegawai2 Ugama bagi mengisikan keperluan Negara kita ini.

Saya harap kita dapat menumpukan kerja2 daawah dalam negeri sahaja terkebeh dahulu dan Institut Daawah ini akan diarahkan khusus bagi mengadakan dan melateh bilangan Miballigh dan Pegawai2 Penerangan yang chukup untuk keperluan Negara. Bilangan atau ramainya mereka ini tentulah mustahak, tetapi yang lebeh penting ialah quality atau mutu Muballigh2 dan Pegawai2 Ugama yang lulus dari Institut ini.

Saya ingin melihat mereka terdiri dari orang2 yang chekap dan mempunyai sikap serta pemikirab baru selaras dengan perubahan2 yang berlaku disekeliling kita pada hari ini. Tidaklah memada satakat petah dan pandai berchakap sahaja tetapi mereka mestilah juga tahu menggunakan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka itu untuk mempengarohi raayat dan mengubah sikap hidup mereka supaya bersama2 bergerak kaarah chita2 kita yang murni itu.

Saya diberi tahu bahawa Majlis Kebangsaan Ugama Islam Malaysia sudah pun menerima beberapa permintaan dari luar negeri, khasnya dari masharakat Islam diHongkong yang berkehendak kita melateh Muballigh2nya untuk bergerak menyebarkan Islam ditanah

jajahan itu. Insha'Allah, dengan tertubohnya Institut ini nanti, kita akan dapat menolong mereka, tetapi setakat ini biarlah kita memenohi keperluan2 kita sendiri dahulu.

Sunggoh pun begitu, kita sebagai sabuah negara Islam yang aktif memajukan ugama Islam, bersedia bekerjasama dengan sesiapa pun atau dengan mana2 pehak pun untuk menyebarkan shi'ar Islam dirantau ini. Untok sementara ini, saya fikir baiklah Institut Da'awah ini menumpukan segala masa dan tenaganya untuk mengadakan bilangan Muballigh2 dan Pegawai2 Ugama yang chukup untuk keperluan Malaysia khasnya dalam masa pembangunan Ranchangan Malaysia Kedua ini sedang dijalankan.

Saudara2.

Menurut sejarah Islam, pada masa daluhu Ugama Islam tersebar luas dengan usaha daawah yang amat sedikit sekali. Kemajuan Islam dinegara kita boleh dikata memuaskan tetapi maseh dapat di perluaskan dengan mengatorkan langkah2 yang tegas dan lebeh berkesan.

Saya harap dengan adanya usaha Majlis Kebangsaan Ugama Islam dan Jabatan2 Ugama Islam hari ini, ugama Allah ini akan berkembang dengan lebeh pesat lagi dan makin banyaklah lagi orang2 akan sedar bahawa Islam adalah ugama yang progressif serta membawa kemajuan.

Dengan adanya Muballigh2 yang chekap dan berdisiplin serta dedicated bekerja tanpa balasan apa2, saya melihat masa hadapan Daawah Islam sangat cherah dan membawa kejayaan yang mengkagumkan. Dengan daawah yang tersusun baik ini, bukan sahaja orang2 bukan Islam akan tertarek memelok ugama kita bahkan orang2 Islam kita sendiri yang tidak memahami ajaran2 Islam sechara mendalam, akan dapat pengertian Islam yang sabenarnya, dan mengamalkan surohan2 Allah dan Rasulnya Muhammad s.a.w. dengan sunggoh2 lagi. Dengan usaha2 saudara, saya harap mereka yang tidak mengenal ugama Allah

dengan chara mendalam akan lebeh chinta kapada ugama kita yang maha suchi ini.

Dalam kursus yang selama dua minggu ini, saudara2 akan diberi latehan2 tentang teori2 menyampaikan da'awah, mengikut sebagaimana yang dijalankan oleh Rasullulah s.a.w., chara2 baru mengenai perhubongan antara manusia dan chara2 menggunakan alat2 modern untuk perhubongan antara manusia. Saya harap pengetahuan dasar saperti ilmu mantik atau lojik, ekonomi, sociology dan psychology dimasokkan dalam syllabus kursus ini kerana ilmu2 ini sangat penting dalam kerja2 da'awah, terutama terhadap belia2 yang berpelajaran.

Saya berseru kapada saudara2, apabila balek katempat masing2 kelak, supaya menyebarkan pengetahuan2 yang saudara2 dapati diPusat ini dengan sebaik2nya. Moga2 usaha saudara2 itu akan menolong mengubah sikap orang Melayu khasnya dan bersama2 membawa chara hidup yang baru bagi orang Islam yang sesuai dengan zaman baru dan social order baru yang kita hendak tegakkan itu.

Saudara2.

Saya rasa kena pada tempatnya saya keruchap sedikit mengenai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan saperti yang terkandong dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Ranchangan ini bertujuan semata2 untok memenohi keinginan orang2 yang tidak berada khasnya dan raayat lain 'amnya untuk menchapai matlamat2 ekonomi dan sosial masing2.

Dibawah Ranchangan ini dan ranchangan2 yang akan berikut nanti, antara lain yang saya fikir perlu ditegaskan berkali2, ialah harapan dan tujuan saya bahawa dalam satu keturunan sahaja kita akan dapat mewujudkan satu gulongan Melayu dan Bumiputra yang dinamik dalam perusahaan, perdagangan, perniagaan dan profession. Mereka adalah dikehendakki menguasai sajumlah kegiatan2 dalam dunia swasta yang ada dalam Malaysia ini dan mereka sebenar2nya

mempunyai hak milek, pengurusan dan pekerjaan. Dengan terlaksana nya Ranchangan ini, maka keadaan yang ada sekarang iaitu fungsi2 diNegara dibagi menurut kaum2 dapat dihapiskan.

Kejayaan Dasar Kerajaan yang penting ini terletak pada besarnya kapada perubahan sikap dan nilai orang2 Melayu, dan kesanggupan mereka untuk berkorban bagi menchapai kebahagian hidup. Pehak Kerajaan sedia memimpin mereka tetapi mereka mestilah menyahut seruan2 Kerajaan. Mengubah sikap orang2 Melayu adalah satu tugas yang besar yang berkehendakkan kerjasama mereka sepenohnya. Disinilah peranan penting saudara2 mesti mainkan. Saya minta kerjasama saudara2 dalam hal ini.

Saya berdo'a kapada Allah Subhanahuwata'ala supaya dibuka pintu hati orang2 Melayu supaya mereka dapat melihat jauh kahadapan kapada masa yang chemerlang menanti mereka jika mereka sedar dan satelah ada kesedaran berlumba2 merebut peluang sekarang dan menjayakan nya dengan bekerja kuat dan amanah.

Saya suka mengingatkan orang2 Melayu bahawa Tuhan menjadikan alam ini untuk kepentingan manusia dan kerana itu manusia khasnya orang2 Islam hendaklah merebutkan rezki Allah, hidup penoh ma'amor dan bahagia sambil membuat ibadat kapadaNya untuk bekalan diakhirat.

Biarlah saya berterus terang - bagi menchapai kesejahteraan hidup, mustahaklah kita berusaha dengan tekun dan rajin. Menchari kema'amoran dan kesenangan adalah satu perkara yang benar2 dikehendaki oleh ugama kita. Malah Nabi Muhammad s.a.w. adalah memberi chontoh kapada umatnya dengan berkechimpong dalam ekonomi, perniagaan dan perusahaan semasa Rasullullah hidup dahulu.

Saya yakin Rasullullah berkehendakkan kita orang2 Islam berbuat demikian juga dizaman kita ini dan dizaman2 akan datang oleh keturunan2 kita. Sambil kita berusaha menchapai kebahgiaan

hidup didunia, mustahaklah kita berbuat ibadat dengan menjalankan surohan2 Allah untuk bekalan diakhirat kelak.

Ranchangan Malaysia Kedua ialah satu Ranchangan yang berani, satu ranchangan yang mempunyai objektif yang luas dan realistik untuk pembangunan negara sekarang dan jenerasi akan datang. Dari pembangunan ekonomi negara ini, orang2 Melayu dan ahli2 Bumiputra khasnya mempunyai bahagian yang besar yang akan menukarkan nasib mereka, jika mereka bekerja kuat, dari satu gulongan yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kapada gulongan manusia yang sempurna hidupnya.

Saya tidaklah mahu lagi orang2 Melayu diMa-aysia terus tertinggal dibelakang didalam serba lapangan hidup. Saya bimbang jika keadaan ini terus berlaku, maka orang2 Melayu akan terus hidup dhaif dalam zaman pembangunan dan serba kemajuan. Oleh itu, saya berkehendakkan orang2 Melayu maju, progressif, ma'amor dan bahagia. Hanya orang2 Melayu sendiri yang boleh mengubati penyakit2 yang ada pada diri mereka hari ini, dan mengubah nasib mereka. Kerajaan telah banyak menolong dan akan terus menolong mereka, tetapi ini hanya akan berhasil jika orang2 Melayu sendiri bergerak dan mara kahadapan.

Saudara2.

Dengan harapan dan semangat ini, saya dengan sukachita-nya merasmikan Kursus Latehan Muballigh ini. Moga2 usaha kita yang murni ini diredzai Allah dan mendapat sapenoh kejayaan.

PERUTUSAN Y.A.B. PERDANA MENTERI TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, SEMPENA HARI BELIA 1972 DI-RADIO DAN TV MALAYSIA 11.5. 1972.

Saudara2 kaum belia seluroh negara,

Hari ini kita menyambut Hari Belia 1972 iaitu kemuchak dari kegiatan2 Minggu Belia yang telah dilancharkan pada 9hb. Mei, lalu.

Selama seminggu ini kaum belia diseluroh negara kita telah merayakan Minggu Belia dengan mengadakan berbagai chara kegiatan, yang pada 'amnya, menitekberatkan thema Belia Bersatu untok Perpaduan dan Pembangunan Negara.

Saya mengambil kesempatan ini menguchapkan tahniah dan pujian kapada Majlis Belia Malaysia yang telah memikul tanggong jawab mengatorkan serta menyelenggarakan achara2 Minggu Belia.

Dari apa yang sama2 kita saksikan, kegiatan2 Minggu Belia kali ini menunjukkan beberapa pembaruan yang pasti memuaskesan2 baik kapada pergerakan belia 'amnya. Tidak shak lagi, dengan tumbohnya sikap baru yang penoh kesedaran dan keinsafan itu, saya yakin semua ranchangan yang disusun oleh Kerajaan untok kaum belia akan dapat dijayakan sapenohnya.

Saudara2 sekalian.

Peranan belia dalam context pembangunan negara telah pun diiktiraf oleh seluroh masharakat dalam ertikata bahawa belia merupakan tenaga utama dalam usaha memodernkan masharakat kita. Saya gembira sekali melihat adanya rasa tanggong jawab ini dikalangan belia sekarang.

Saperti yang kita sama2 ma'alum, tuntutan untok modernisasi ini lebeh2 dirasakan dalam masharakat luar bandar khasnya kaum Bumiputra yang memerlukan pembaruan sikap untok menghadapi chabaran2 zaman kemajuan ini. Tanpa adanya sikap baru dikalangan

mereka, saya bimbang mereka akan terchichir dalam perlumbaan hidup, yang bermaana, akan melambatkan pula proses penyusunan masharakat sebagaimana yang dimaksudkan itu.

Oleh yang demikian, saya perchaya belia2 dengan penoh semangat baru akan menyambut chabaran ini dan membuktikan bahawa kaum belia adalah pelupor dalam pembinaan masharakat Malaysia baru. Bagaimana pun, Kerajaan sedar bahawa sebagai persediaan untok tahun2 akan datang, langkah2 tegas mestilah diambil bagi membina jenerasi muda supaya belia2 kita benar2 merupakan modernising fprce dalam artikata sepenohnya.

Saudara2 sekelian.

Kerajaan sedar bahawa pembinaan jenerasi muda adalah salah satu tanggong jawab yang besar dalam melaksanakan dan meneruskan usaha2 pembangunan mengisi chita2 kemerdekaan. Kaum belia sebagai tunas bangsa adalah harapan sebagai pewaris untok menyambong dan meneruskan pelaksanaan ranchangan2 hari ini dan masa depan untok kebahagian negara.

Saperti yang saudara2 ketahui, Kerajaan telah pun menyusun berbagai ranchangan khas untok membukakan kesempatan bagi kaum belia melateh diri dalam berbagai lapangan. Dengan adanya ranchangan2 latehan itu belia2 akan dapat mengembangkan daya kemampuan masing2 untok berbakti kapada negara dan masharakat sambil membaiki prospect Hari depan mereka sendiri.

Saudara2 sekelian.

Dalam perutusan melancharkan Minggu Belia, Y.B. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan telah menerangkan langkah strateji yang akan dijalankan oleh Kementerianya untok mengatasi masaalah2 yang dihadapi kaum belia hari ini. Adalah jelas dari keterangan itu bahawa kaum belia khasnya dan jenarasi muda 'amnya akan

mewarisi hari depan yang cherah memandang pada pospect yang luas terbuka untok mereka dimasa hadapan. Bagaimana pun, saya ingin mengingatkan bahawa meski pun sebagai pewaris, kaum belia tidaklah patut mensifatkan diri mereka sebagai gulongan teristimewa bahkan hanya merupakan sabahagian dari masharakat serta mempunyai tanggong jawab yang sama kapada negara.

Kerajaan akan berbuat segala yang boleh membimbing dan menggerakkan jenerasi muda khasnya belia2 hari ini untok menjadi pewaris yang baik supaya dapat menyambong dan meneruskan usaha2 pembangunan hari ini membangunkan negara adil, makmor dan aman damai. Untok tempoh beberapa tahun akan datang ini, kita mesti menumpukan seluroh azam dan tenaga untok menjayakan ranchangan2 yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru. Kita sekarang mengejar waktu kerana kalau hasil usaha pembangunan itu tidak dapat dirasakan dan meninggikan taraf hidup gulongan raayat yang maseh ketinggalan dalam tempoh masa yang tertentu pula, maka pasti akan timbul pergolakan2 sosial yang membahayakan kesetabilan negara.

Kita maalum dan sedar tidak mungkin mengatasi segala kesulitan masharakat sekali gus tetapi memerlukan pelibatan penoh datu total involvement masharakat semua lapisan. Dalam era pembangunan ini, pergerakan belia tidaklah chukup hanya dengan berseminar atau berdailog saja, sabaleknya hendaklah melaksanakan apa2 keputusan Seminar dan dialog itu dalam bentok yang nyata serta membina. Sebagai tunas muda, saudara2 hendaklah berchita2 tinggi serta bersedia dan sanggup menghadapi segala chabaran dengan hati yang chekal dan berani serta penoh didekasi kapada tugas dan kewajipan. Kata2 sakti tidaklah begitu perlu kalau kaum belia kita menerima sebagai mission atau tugas suchi mereka membina bangsa Malaysia kita ini menjadi bangsa dan negara besar dalam artikata peranan dan sumbangannya kapada alam dan manusia.

Saudara2 sekelian.

Dalam keadaan perhubongan masa yang chepat menerusi sebaran am, kita terdedah kapada pengaroh2 luar dan tidak dapat mengelakkan masalah2 yang melibatkan kaum belia benchana kejangkitan nilai2 budaya asing yang tidak sesuai dengan keperibadian bangsa. Amalan2 negatif mudah sekali berjangkit dikalangan muda remaja terutama mereka yang tidak mendapat bimbingan rohani yang sempurna, dan mendorong kaarah segala macham angkara kejahatan. Oleh yang demikian, sayugialah kaum belia kita menegakkan keperibadian kita yang halus dan ramah tamah serta sentiasa waspada terhadap gejala2 kerosakan akhlak atau moral decdance yang boleh menghanchorkan negara.

Disamping menegakkan keperibadian bangsa, adalah penting menanamkan nilai2 hidup modern kapada jenerasi muda sebagai satu faktor mutlak untok menjamin proses pembangunan berjalan terus menerus. Kaum belia yang berbilang kaum khasnya hendaklah menanamkan dan memupok rasa kesedaran nasional yang bersandar pada tiga pokok kesedaran untok kelangsongan hidup bangsa dan negara. Pertama - rasa sehaluan atau sense of belonging, kedua - rasa penyertaan bersama atau sense of participation dan ketiga - rasa tanggong jawab bersama atau sense of responsibility. Rasa kesedaran ini hendaklah dipupuk saing bersaing dengan amalan prinsip2 Rukunegara yang merupakan daya pengikat bagi persatuan dan kesatuan bangsa Malaysia yang tahan sepanjang zaman.

Saudara2 sekelian.

Akhir kata, saya mengulangi lagi seruan semoga angkatan belia kita bersedia dari sekarang untuk memikul tanggong jawab apabila tiba saatnya kelak angkatan hari ini menyerahkan tugas pimpinan bangsa dan pembangunan negara kapada jenarasi baru. Keperchayaan pada kekuatan sendiri dan semangat tidak mudah

menyerah hendaklah benar2 menjadi darah daging kerana hanya dengan keyakinan dan semangat itu mereka akan mampu memupok ketahanan nasional dan memelihara keutohan negara.

Selamat malam.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DIPEMBUKAAN RASMI MESHUARAT AGONG TAHUNAN MAJLIS BELIA MALAYSIA DI AUDITORIUM MARA PADA 26HB. MEI, 1972, JAM 3.00 PETANG.

Saudara Pengerusi,

Yang Di Pertua Majlis Belia Malaysia,

Y.B. Dato' Hamzah,

Saudara2 sekelian.

Terlebeh dahulu sukalah saya menguchapkan terima kaseh atas kesudian saudara2 menjemput saya untuk meresmikan Perhimpunan Tahunan MBM petang ini.

Pada hemat saya, sidang ini membawa erti yang besar kapada belia2 diseluroh negara kerana tidak dapat tidak saudara2 akan membuat beberapa keputusan penting yang melibatkan pergerakan belia, baik ahli2 gabongan sendiri mahu pun yang diluarnya.

Majlis Belia Malaysia sebagai badan yang menyatukan pergerakan belia besar dan kechil, mempunyai tanggong jawab yang berat memimpin dan mengarahkan belia menuju matlamat yang dichita2kan. Saya rasa Majlis Belia ini sepatutnya memainkan peranan yang besar, bukan saja menyelaraskan kegiatan2 belia tetapi menggembeling seluroh tenaga belia yang bergabong dibawah panji2nya itu melaksanakan usaha2 pembangunan negara.

Saudara, baru beberapa hari yang lalu, saya dapat kesempatan beruchap kapada belia2 di-seluroh negara bersempena dengan Hari Belia 1972. Hari ini saya berpeluang untuk bertemu muka dengan saudara2 pemimpin belia yang mewakili sebahagian terbesar daripada mereka yang maseh dibangku sekolah, di-maktab2 dan Universiti2, juga yang sudah masok dalam arena perjuangan hidup sebagai pemuda2 tani, pekerja2 kilang, pegawai2 Kerajaan, business executives dan ahli2 politik.

Sukachita mendengar dari Sdr. Annuar Ibrahim belia2 telah mengadakan banyak dailog2 disusur dan diikuti dengan action dan aktibitas yang membena. Dalam pesanan kapada belia2, saya telah memberikan garis2 dasar yang saya rasa patut dijadikan panduan mereka dan disamping itu saya menegaskan peranan utama belia sebagai modernising force dalam membangun masharakat Malaysia baru.

Saya menggunakan istilah modernising force itu dengan pengertian bahawa dalam keadaan kita mengejar waktu hendaklah sentiasa bergerak chergas dibaris hadapan, mempimpin dan membimbing anggota2 masharakat sekelililingnya kaarah tingkatan hidup yang lebih maju dan sempurna.

Dengan ini berma'ana setiap belia bakal pemimpin hendaklah terlebeh dahulu melengkapkan diri dengan kebolehan dan kemahiran peminpin atau leadership skill. Hanya dengan kebolehan dan kemahiran ini, barulah dapat dia memandu dan membimbing anggota2 masharakat sekelilingnya menjayakan matlamat2 pembangunan.

Sebaleknya, tanpa kebolehan dan kemahiran tentulah dia tidak akan dapat memenohi tugasnya sebagai modernising agent sedangkan dia sendiri maseh memerlukan bimbingan pula.

Saudara2 sekelian,

Negara kita sunggoh beruntong kerana pada satu2 perengkat dalam sejarah kebangkitan nasional kita, gulongan belia yang penoh bersemangat patriotism dan rasa tanggong jawab tampil kamuka menyahut chabaran zaman.. Sejarah perjuangan kemerdekaan membuktikan hakikat ini dalam mana gulongan belia memainkan peranan besar mempelopori gerakan kemerdekaan, bahkan rela berkorban mempertahankan keamanan negara dan kedaulatan bangsa.

Apakala terchapai kemerdekaan 15 tahun dahulu, gulongan belialah tampil kadepan untuk memikul tanggong jawab yang berat mengendalikan pentadbiran negara dan menentukan arah haluan mengisi chita2 kemerdekaan.

Rasanya tidak perlu saya berpanjang lebar kerana perkara2 yang penting telah pun saya katakan dengan jelas pada kesempatan terdahulu itu. Kerajaan sedar betapa mustahaknya kita membina jenerasi muda dan gulongan belia sebagai pewaris untok menyambong pelaksanaan ranchangan2 hari ini dan masa depan. Hidup kita didunia ini adalah ibrat roda yang sentiasa berpusing. Hari ini jenerasi saya memikul tanggong jawab memimpin negara. Dalam tempoh sepuloh atau selewat2-nya dua puloh tahun lagi, jenarasi saya akan berlalu dan jenerasi saudara2 pula akan mengambil aleh tangging jawab itu.

Inilah sebabnya saya menarek perhatian saudara2 supaya menitikberatkan masa'alah pemimpinan dan persediaan untok memberikan pimpinan yang dikehendaki oleh masharakat pada sesuatu waktu.

Dalam hubongan ini, Majlis Belia Malaysia mempunyai tugas2 tertentu. Sebagai kemunchak dari pergerakan belia, kebanyakan anggota2 MBM adalah tokoh2 pemimpin negara dalam sifat saudara2 mengetuai badan2 belia kebangsaan saperti MAYC, Belia 4B, GPMS, PKPM, SANYA dan lain2 lagi. Kedudukan saudara2 mendapat iktiraf yang tinggi dalam taraf saudara2 sebagai anggota Majlis Perunding Belia Negara, yang boleh di-sifatkan sebagai Parlimen Belia.

Jadi, nyatalah saudara2 mendapat keperchayaan penoh dari Kerajaan untok menasihat serta membantu Kementerian yang berkenaan memperkemaskan pergerakan belia amnya supaya mereka dapat memberikan sumbangan positif kapada negara dan kapada mereka sendiri. Inilah inti dari konsep functional leadership yang saya harapkan dari saudara2 menjalankannya bagi memenohi kehendak negara dan aspirasi ra'ayat.

Saudara2 sekelian.

Kita sama2 ma'alum, Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan sentiasa berusaha dan berikhtiar memenohi kehendak2 belia. Di-masa2 yang lalu, pertubohan2 belia lebeh banyak meng-harapkan bantuan Kerajaan daripada berusaha untok berdikari. Saya bershukor melihat ada-nya perubahan sikap di-kalangan belia2 hari ini dan sechara beransor2 resmi " dependent " atau sudah mula berkurangan dan berganti chorak. Semakin banyak nampak-nya badan2 belia yang ingin berdikari tetapi bagaimana pun mereka maseh pada peringkat permulaan memerlukan bantuan untok "launching off" men-jayakan sesuatu projek-nya.

Saperti saya katakan, Kerajaan akan terus membantu gerakan belia tetapi hendak-lah ada inisiatif di-kalangan belia itu sen-diri menunjokkan response dan menjalankan tindakan2 yang berme-nafa'at kapada gerakan mereka dan juga masharakat. Ini-lah per-kara yang saya harap di-panjangkan oleh Majlis Belia ini kapada badan2 gabongan-nya dan seterus-nya kapada setiap anggota badan gabongan. Keadaan yang mendesak hari ini menghendaki badan2 belia membuktikan usaha2 yang concrete dan tidak membuang masa dan tenaga kapada peripheral matters yang kadang kali tidak ber-sangkut benar dengan kehidupan negara dan kepentingan ra'ayat.

Dalam hubongan ini-lah saya suka melihat MBM mengadakan satu blueprint for action, yang menentukan dengan jelas ran-changan2-nya menurut priority dan bersandar kapada kemampuan serta kerjasama badan2 gabongan. Dengan ada-nya blurprint saperti yang dikatakan itu yang akan disalorkan tindakan pelaksanaannya kapada badan2 gabongan, saya perchaya tentu lebeh banyak lagi kejayaan yang akan terchapai.

Sunggoh pun tenaga kekuatan MBM sabenarnya terletak pada badan2 gabongan, tidaklah seharusnya kegiatan MBM hanaya timbul semasa Minggu Belia saja atau pun sewaktu mera'ikan lawatan rombongan belia luar negeri. Hubongan antara bangsa memang di-anggap penting tetapi saya suka melihat focus tumpuan kegiatan belia hendaklah lebeh diutamakan untok kehendak2 dan keperluan2 masharakat kita sendiri. Rationale mewujudkan MBM bukanlah hanya untok ikut serta dalam kegiatan WAY bahkan untok negara.

Saudara2 sekelian.

Saya menganggap Perhimpunan saudara2 hari ini sunggoh penting, bukan dalam artikata meluluskan resolution2 yang hangat atau pe-rebutan puchok pimpinan MBM. Tetapi yang amat penting saudara2 fikirkan ialah menentukan arah haluan gerakan belia negara dalam tahun2 akan datang.

Saudara2 bukan saja mendukong mandat dan keperchayaan dari pertubohan masing2 tetapi pada hakikatnya mandat keperchayaan dari belia seluroh negara kita ini. Oleh yang demikian, saya mengharapkan hasil2 yang besar dari Perhimpunan ini, mengatasi segala resolution yang rasa-nya tidak berkait dengan kepentingan belia hari ini dan menumpukan sepenoh2 usaha dan tenaga pada kemajuan dan kepentingan belia pada masa akan datang. Keputusan inilah yang sama2 kita tunggu.

Dengan itu, saya sukachita meresmikan Perhimpunan Majlis Belia 1972, dan saya uchapkan selamat bersidang.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DI PEMBUKAAN RASMI MAKTAB TURUS ANGKATAN TENTERA PADA 8HB. JANUARI, 1972, JAM 10.00 PAGI DI-KEMENTERIAN PERTAHANAN

Yang Berbahagian General Tan Sri Ibrahim,

Y.B. Menteri2,

Tuan2 Yang Terutama,

Saudara2 sekelian.

Saya sungguh berbangga kerana dapat bersama2 disini pada hari yang bersejarah untuk seluruh angkatan tentera kita serta merasmikan pembukaan Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia ini.

Selama hampir2 lima belas tahun kita menjadi bangsa yang merdeka dan berdaulat, Kerajaan telah berusaha memperbesar serta memodenkan angkatan tentera kita kerana kita sedar dibahu merekalah terletaknya tanggong jawab mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Dalam hubungan ini, saya merasa betapa mustahaknya kita mempunyai sebuah Maktab Turus Angkatan Tentera saperti negara2 yang lain. Maktab ini boleh disifatkan sebagai tingkat lanjutan dari Maktab Tentera di Raja yang ada sekarang ini dimana sejak beberapa tahun kita telah mengeluarkan chalun2 pegawai2 tentera yang terlateh untuk setiap chabang angkatan tentera - darat, laut dan udara.

Ladies and Gentlemen.

It is indeed a personal pleasure for me to be present on this auspicious occasion of the offical opening of the Malaysian Armed Forces Staff College this morning. It's about five years ago when I suggested the idea of establiching our own Staff Officers College to meet the increasing needs of our Armed Forces for adequately trained officers at the middle ranks level. This need has become more urgent in the light of recent political developments in Asia

particularly the South East Asian region. The tune has come, therefore, that we as a nation, should be self-reliant in our defence and towards this end we have expanded the various branches of our armed forces and improved their capability to meet any circumstances.

I am very happy that the idea has now materialised and I am indeed grateful to everyone who has contributed his part towards the establishment of this College.

The establishment of the Malaysian Armed Forces Staff College is a logical course of development for us as a Nation, and in particular, for our Armed Forces. As we are all aware, the Government Staff Training Centre at Pelaling Jaya was established in 1963 for the training of the various echelons of our Civil Service; the Royal Malaysian Police College at Kuala Kubu Baharu was established ten yers earlier in 1953. It is theregore only logical that the Armed Forces, as a vital arm of the Government, should have a Collage of their own to provide the much needed training for their staff officers.

Ladies and Gentlemen.

Until today, we have been obliged to depend on our friends, from within and outside the Commonwealth, for the training of our officers at various levels. On behalf of the Government, I take this opportunity to thank them all, namely the United Kingdom, Australia, India, Pakistan, Indonesia, the United States and Canada.

However, it is not our our intention to cease sending our officers overseas with the opening of our Staff College here. I sincebely hope that our friends would continue to provide these facilities at their Staff Colleges because I strongly believe that personal contants as well as strengthening the bond of friendship

between our respective countries.

Besides, our Malaysian Officers could gain immense knowledge from the environment and experience obtaining in the Staff Colleges overseas which otherwise could not possibly be obtained here in Malaysia.

The establishment of this Staff College would give our officers the opportunity to further their training in our own environment. I am especially happy to note that the syllabi at the College are planned and designed to meet our requirements and conforming to our Malaysian environment, with emphasis on local geography and the social economic and political structures obtaining in this country.

There is no doubt that knowledge on non-military aspects of our country and Government is no less important to our military officers than expertise on military tactics and strategy. Such knowledge would certainly be beneficial to our officers so that they could better understand the work and problems of the other Government agencies with whom they have to work together in our overall efforts towards achieving the national objectives of national unity and economic well-being.

On the other hand, it is also essential that officers in the administrative and professional categories be acquainted with the working of the Military if the whole Government machinery is to function smoothly and effectively. This means that there should be a channel to facilitate exchanges of knowledge and experience between Civil Officers and the Military and one way of doing this is for the various training institutions to work closely together and plan a programme whereby Civil Officers could be given opportunity to attend courses run by a military institution and vice versa. I believe this Staff College will take the lead in fulfilling this

worthy task. In this way, it is hoped that better and greater understanding and proper co-ordination could be achieved between Government Departments in implementing their tasks particularly (relating to) our national objectives.

I strongly feel that close rapport between the two arms of government - civil and military - is all the more desirable at the present phase of our national development. This has proved vital in times of Emergency, borne out of our experience during the NOC Administration.

It is for this reason that I have retained the arrangement and structure of the NSC and the SSC which worked out magnificiently during the floods disaster early last year and quite recently. I wish to thank all those concerned fot the meritorious they have rendered to our country.

I am happy to note that all the Staff Members of this College are Malaysian officers who have had their training in well-known Staff Colleges of our friendly countries. In other words, we have had the novel situation where knowledge and experience gathered by each one of them from such diverse places as Quetta and Fort Leavensworth; Cranwell and Bandung; Wellington and Queen's Cliff are applied to suit our Malaysian environment.

I understand that recently they have been on a study tour to Australia, India, New Zealand, the Republic of Vietnam, Singapore and the United States to learn some aspects relating to the running of Staff Colleges in those countries. I wish to thank the Governments concerned for making this study tour possible.

The present site of the Staff College is a temporary one. This temporary arrangement has been necessary in view of the urgency of establishing the College. I am, however, happy to announce that blue-prints fot the construction of a modern complex at a permanent site are on the drawing board. The staff College will undoubtedly

enhance the prestige of our capital city.

Being a newly established institution, this College will be faced with the challenge of setting and maintaining a high standard of training as well as establishing a reputation and excellent traditions of its own. I am confident that under the leadership of the first Commandant, Brigadier General Arul, the Staff and students of the College are not only capable of meeting the challenge, but will strive hard to raise the prestige of the College comparable to those well-established ones elsewhere. This is the challenge of the New Year 1972, and I, on my part, will keep a close watch on your progress.

Saudara2 sekalian.

Sekianlah saja pesanan saya sambil berharap semoga Maktab Turus Angkatan Tentera ini mencapai kejayaan2 gemilang dimasa hadapan. Sekarang saya dengan sukachita mengistiharkan Maktab ini dibuka dengan rasminya.

UCHAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN, DI PERSIDANGAN PERWAKILAN JUBILEE EMAS PERSATUAN BEKAS PERAJURIT PADA 21HB. 1972, DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA JAM 10 PAGI.

Yang Di Pertua Persatuan Bekas2
Perajurit Malaysia,
Saudara2 sekelian.

Terlebeh dahulu saya suka menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada pehak Persatuan Bekas2 Perajurit kerana sudi menjemput saya meresmikan Persidangan Perwakilan Negara Jubilee Emas Persatuan Bekas2 Perajurit pagi ini.

Saya dukachita kerana tidak dapat bersama2 di Majlis Persidangan tahun lepas dan saya bershukur kerana mendapat kesempatan hari ini untok memberi sepatah dua kata pada Meshuarat Agong ini.
Saudara2 sekelian.

Sebagaimana yang saudara ma'alum Kerajaan menganggap masaalah bekas2 perajurit sebagai satu tanggong jawab negara dan juga masharakat. Kerajaan sentiasa memikirkan dan menchari apa juga jalan yang baik bagi meletakkan bekas2 perajurit ditempat yang wajar dalam masharakat kerana mengingat dan menghargai jasa2 mereka kapada negara. Langkah2 dan usaha2 itu terus diperhebat kan lagi setahun demi setahun supaya menjamin masa depan perajurit2 kita apabila mereka kembali kedalam masharakat awam.

Salah satu langkah penting ialah memberikan latehan2 peralehan kapada anggota tentera yang akan tamat perkhidmatan. Pada masa2 yang lepas, Kerajaan telah memberi peluang kapada bakal2 bekas perajurit untok menjalani kursus2 latehan peralehan selama enam bulan untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan awam atau civillian life, sama ada urban sector atau pun 'rural sector'. Semasa tempoh latehan, mereka diberi gaji penoh serta pembayaran

lain kerana mereka maseh dianggap bertugas di-dalam Angkatan Tentera.

Pada 'amnya, ranchangan ini mendapat sambutan yang memuaskan tetapi saya dukachita mendengar ada juga setengah2 perajurit tidak menggunakan kesempatan ini meski pun untok kebaikan diri mereka sendiri. Ada antara mereka menghabiskan masa tanpa berusaha mendapatkan latehan2 yang akan menjamin masa depan mereka dan keluarga mereka setelah keluar dari angkatan tentera. Akibat dari sikap saperti ini, mereka telah mengalami berbagai kesulitan dan berbalek menyalahkan Kerajaan, menuduh Kerajaan tidak menghiraukan nasib bekas perajurit.

Saudara2 sekelian.

Keadaan hari ini jelas menunjukkan iaitu untuk menjamain bekas2 perajurit mendapat pekerjaan, mereka hendaklah mempunyai sesuatu kemahiran yang sempurna dan tertentu, sebaik2nya dalam bidang teknikal dan vokeshenal yang diperlukan oleh sektor awam.

Dengan adanya sesuatu kemahiran yang sesuai itu, bekas2 perajurit mempunyai bekalan yang berguna untok sektor awam disamping menjamin masa depan mereka sendiri. Saya yakin kalau perajurit2 yang akan bersara dilengkapkan dengan kemahiran yang tertentu, pehak swasta akan membukakan pintu mereka untuk mengambil tenaga pekerja daripada bekas2 perajurit kita disamping pekerja2 yang lain.

Dengan tujuan itulah, antara lain2, saya telah mengarahkan Kementerian Pertahanan membuat peratoran dengan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat untok menjalankan ranchangan latehan vokeshenal bagi chalun2 bekas perajurit di Pusat Latehan Perusahaan. Latehan2 yang diranchangkan ini ialah untok beberapa bidang teknikal dan vokeshenal yang dianggap sesuai bagi mereka yang ingin mengikuti kursus latehan ini yang akan bermula bulan Julai ini. Persiapan2 telah pun dibuat untok menerima chalun2 pelateh dari kalangan anggota tentera yang akan tamat perkhidmatan mereka tidak berapa

lama lagi.

Saperti yang saya umumkan dahulu, tempoh latehan peralehan bagi perajurit yang akan tamat perkhidmatan boleh dilanjutkan sehingga 18 bulan bergantong kapada kursus2 yang diberikan. Saya suka menyatajab disini iaitu mereka yang telah memilih untok menjalani latehan teknikal di Pusat Latehan Perusahaan ini boleh dipertimbangkan untuk diberi latehan lanjutan lebeh daripada tempoh 6 bulan sehingga 18 bulan setinggi2nya. Ini bergantong lah kapada kemajuan pelateh2 itu dan juga kapada perakuan juru-lateh2 di Pusat Latehan itu. Dengan chara ini, saya harap mereka akan berhasil mendapatkan kemahiran2 dalam bidang2 yang mereka pileh itu dengan lebeh mendalam lagi.

Saya suka menegaskan disini bahawa oleh sebab Kerajaan memandang tinggi kapada jasa2 perajurit ini yang telah berkhidmat dan berkorban untok mempertahankan negara, Kerajaan adalah mengambil apa juga langkah yang dapat untok menjaminkan yang mereka itu dapat mempunyai pekerjaan yang tertentu selepas tamat perkhidmatan dalam Angkatan Tentera dan untuk menjamin bahawa kehidupan mereka dan anak isteri mereka adalah sempurna selepas mereka tamat perkhidmatan dengan Angkatan Tentera.

Oleh yang demikian, saya kehendakkan tiap2 orang Anggota Angkatan Tentera yang hendak menamatkan perkhidmatannya mestilah mengambil latehan dalam apa juga bidang kemahiran atau pun per-niagaan atau pun perusahaan tanah iaitu perusahan2 yang mereka itu akan jalankan selepas berhenti dari perkhidmatan. Mithalnya, kalau ia memileh jurusan kemahiran untok bekerja dikilang, ia akan diajar menjadi engine mechaic, fitter dan sebagainya. Kalau dia memileh lapangan perniagaan, kita akan aturkan latehan dalam bidang

pengurusan, book-keeping dan sebagainya. Kalau dia berchadang hendak masok ranchangan tanah atau hendak berusaha sendiri, dia akan diberi latehan2 yang sesuai untok membolehkan dia menjadi seorang petani yang modern yang dapat berdiri atas kaki sendiri.

Kita tidak boleh membenarkan bekas2 perajurit balek kakampong dengan tak ada mempunyai apa2 pekerjaan yang tertentu. Saya harap mereka itu janganlah mengambil jalan yang senang demi kepentingan mereka sendiri dan anak isteri mereka. Oleh yang demikian, walau pun mereka itu hendak menjalankan perusahaan tanah sendiri, hanyalah setelah Kerajaan berpuas hati dengan keterangan2 yang nyata yang mereka itu mempunyai tanah yang boleh dikelolakan, barulah boleh dibenarkan perkara ini. Tetapi sungguh pun begitu mereka mustahaklah menerima latehan dalam perkara pertanian sebelum mereka itu keluar supaya mereka boleh menjalankan perusahaan dengan chara yang modern dan sempurna. Mereka2 yang suka hendak masok keranchangan2 tanah, latehan akan diberi juga untok membolehkan mereka menjalankan perusahaan dalam ranchangan2 tanah.

Saya suka tegaskan sekali lagi, saya tak suka hendak membenarkan bekas2 perajurit balek kekampong dengan tidak mempunyai kemahiran yang tertentu dan dengan tidak mempunyai pekerjaan yang tertentu. Kita berchadang hendak memberi mereka itu peluang2 bekerja untok memulakan kehidupan baru yang akan memberikan mereka itu faedah2 hidup yang sempurna. Saya harap mereka akan menggunakan peluang2 ini dengan sepenohnya.

Saya tidak mahu lagi tuduhan2 dan sungutan2 bahawa Kerajaan tidak menghiraukan nasib bekas2 perajurit dalam menghadapi kehidupan baru sebagai orang awam. Sebab itulah Kerajaan berkehendakkan supaya semua mereka itu mendapat latehan kemahiran untuk memulakan kehidupan baru. Pada masa hadaoan, kalau ada lagi bekas2 perajurit yang tidak ada mempunyai pekerjaan, maka kesalahan itu

bukanlah kepada kerajaan bahkan kapada diri mereka itu sendiri.

Biarlah saya berterus terang disini iaitu tidak ada jalan yang mudah bagi sesoorang itu untok mendapat kesenangan. Kita mestilah sanggup bersusah dahulu dan sedia memulakan hidup baru dari takok yang rendah. Kemudian itu, asal saja kita sabar dan tekun, tentulah dapat meningkat naik sedikit demi sedikit hingga menchaoai sepenoh kejayaan.

Oleh itu, saya suka mengingatkan mereka itu hendaklah menyambut segala peluang yang terbuka dan selepas itu berusahalah untok memperbaiki kehidupan menyara anak isteri dengan sempurna. Peluang2 pekerjaan bukanlah tidak ada bahkan sebaleknya banyak dan luas terbuka asal saja ada kemahuan mengambilnya. Tetapi, saperti saya katakan tadi, perajurit2 hendaklah bersedia menyesuaikan diri untok keadaan baru itu dan menerima tawaran2 yang diberikan, sama ada oleh Kerajaan atau pehak swasta. Dengan ini sajalah bekas2 perajurit ini akan mendapat tempat yang wajar dalam kehidupan awam dan tidak menghadapi kesulitan2 hidup serta penganggoran.

Saudara2 sekelian.

7 Kerajaan telah mengeluarkan satu surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1969 bertajok 'Lantekan Bekas2 Anggota Tentera kapada Jawatan2 Dalam Bidang Awam'. Surat Pekeliling ini memberikan kemudahan tertentu saperti kelonggaran had umor kapada 40 tahun bagi bekas2 perajurit untok menjawat pekerjaan2 yang ada meletakkan had umor. Saya tahu ada terdapat peratoran Surat Pekeliling ini tidak dilaksanakan, dan saya suka mengingatkan Ketua2 Jabatan Kerajaan, Badan2 Berkanun dan Badan2 Separa Kerajaan supaya mematohi dengan sepenohnya. Saya akan meminta laporan dari semasa kesemasa untok mempastikan pehak2 yang berkenaan benar2 mematohi serta melaksanakan peratoran tersebut.

Berhubung dengan ini juga, didapati walau pun ada kelonggaran had umor tetapi kelayakan2 lain khasnya kelulusan persekolahan masoh menjadi penghalang bagi bekas2 perajurit mendapatkan pekerjaan. Saya telah mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mengkaji kemungkinan melonggarkan kelayakan2 lain untok bekas2 perajurit memegang jawatan2 tertentu di Jabatan2 Kerajaan dengan memberi perhatian kapada pengalaman serta kemahiran chalun itu. Dengan adanya peratoran ini kelak, bekas2 perajurit akan mempunyai peluang yang lebeh luas untok mendapatkan pekerjaan.

Selain dari tindakan2 yang telah disebutkan tadi, saya telah menubuhkan Lembaga Persijilan Pertukangan dan Latehan Perusahaan yang bertugas untok mengkaji dan menyelaraskan pertukangan2 (trade) dan sijil2 yang diberi oleh Angkatan Tentera dengan pehak awam untok menchapai suatu 'National Standard'.

Tujuan kita ialah supaya kelulusan dan sijil yang diperolehi oleh anggota2 Angkatan Tentera diiktiraf setaraf dengan pehak awam, Peratoran ini menyenangkan semua pehak, terutama bekas2 perajurit untok mendapat pekerjaan.

Saudara2 sekelian.

Satu lafi peluang keemasan bagi bekas2 perajurit ialah memasoki ranchangan2 tanah. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada peruntokan sebanyak 20% kepada bekas2 perajurit diranchangan2 tanah. Lagi pula had umor bagi bekas2 perajurit dilanjutkan 45 tahun. Pendek kata, peluang yang terbuka bagi bekas2 perajurit dalam bidang ini sangatlah baik.

Disamping itu, saya juga mengarahkan supaya diadakan ranchangan2 tanah khas. Bahagian Hal Ehwal Veteran sedang berunding

dengan Kerajaan2 Negeri untok mendapatkan tanah bagi tujuan ini. Kerajaan Johor telah pun menguntukkan sebidang tanah bagi ranchangan ini dan akan mula dimajukan tidak lama lagi.

Saudara2 sekelian.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha2 dan perjalanan Persatuan Bekas2 Perajurit ini. Saperti yang diterangkan oleh Yang Di Pertua tadi, Persatuan ini dengan ahli2 lebeh 12,000 orang, merupakan pertubuhan nasional dan dapat memberi sumbangan yang berma'ana kapada negara. Maju jayanya Persatuan ini bererti lebeh cherah nasib bekas2 perajurit kita.

Akan tetapi, saya perhatikan kebanyakan daripada ahli2 Persatuan ini terdiri dari anggota2 pangkat bawahan sahaja sedang bekas2 pegawai tinggi tidak ramai yang sudi menjadi ahli. Saya hairan juga mengapa keadaan saperti ini berlaku? Bekas2 pegawai2 terutama mereka yang mendapat pekerjaan yang baik, patut benar mencheburkan diri sekurang2nya untok sama2 melihat kebajikan anak buah dalam battalion, Kompeni atau platoon dulu. Tidaklah payah saya berpanjang lebar tentang kebaikannya memasoki Persatuan ini, sekurang2nya saudara2 dapat memberi sumbangan moral yang sangat2 diharapkan oleh Persatuan ini.

Dari Penyata Tahunan Persatuan, saya lihat banyak ranchangan yang dijalankan untuk kebajikan ahli2nya saperti pinjaman perumahan, biasiswa dan sebagainya. Saya perchaya pehak swasta - firma2 besar - akan bermurah hati membantu Tabong Hari Pahlawan tahun ini.

Saya berharap Persatuan akan juga mengambil peluang yang terbuka dibidang Dasar Ekonomi Baru saperti lapangan perniagaan atau membuat perusahaan sendiri. Bahagian Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri sedang menyediakan satu Handbook untuk panduan orang2 Melayu/Bumiputra yang ingin memasoki bidang ini. Bahagian

Veteran di Kementerian Pertahanan telah diperkuat untuk memberi nasihat dan pertulungan yang dikehendaki supaya bekas perajurit lebeh ma'alum tentang ranchangan2 Kerajaan dan dapat menekmiti nya dengan sepenohnya.

Saudara2 sekelian.

Akhir sekali, saya ingin mengumumkan kapada Persidangan ini iaitu pehak Kerajaan telah meluluskan satu chadangan supaya bekas2 perajurit yang telah disarakan dengan hormat dari Angkatan Bersenjata tetap wajar mendapat rawatan perubatan perchuma diwad2 Kelas Dua sapertimana mereka berhak menerimanya jika mereka maseh lagi berkhidmat dalam pasokan tentera tidak kira gaji terakhirnya. Langkah ini setapak kemajuan mengiktiraf kedudukan bekas2 perajurit yang berjasa kapada bangsa dan negara. Saya harap pehak Persatuan akan mema'alumkan kapada bekas2 perajurit sekelian kemudahan baru ini supaya mereka dapat menekmati tawaran ini sepenohnya.

Sekianlah uchapan saya dan saya berdoa semuga saudara2 dapat menchapai keputusan2 yang bernas dan berkesan dalam Persidangan ini. Dengan ini saya dengan sukachitanya meresmikan pembukaan Persidangan ini.

Veteran di Kementerian Pertahanan telah diperkuat untuk memberi nasihat dan pertulungan yang dikehendaki supaya bekas perajurit lebeh ma'alum tentang ranchangan2 Kerajaan dan dapat menekmiti nya dengan sepenohnya.

Saudara2 sekelian.

Akhir sekali, saya ingin mengumumkan kapada Persidangan ini iaitu pehak Kerajaan telah meluluskan satu chadangan supaya bekas2 perajurit yang telah disarakan dengan hormat dari Angkatan Bersenjata tetap wajar mendapat rawatan perubatan perchuma diwad2 Kelas Dua sapertimana mereka berhak menerimanya jika mereka maseh lagi berkhidmat dalam pasokan tentera tidak kira gaji terakhirnya. Langkah ini setapak kemajuan mengiktiraf kedudukan bekas2 perajurit yang berjasa kapada bangsa dan negara. Saya harap pehak Persatuan akan mema'alumkan kapada bekas2 perajurit sekelian kemudahan baru ini supaya mereka dapat menekmati tawaran ini sepenohnya.

Sekianlah uchapan saya dan saya berdoa semuga saudara2 dapat menchapai keputusan2 yang bernas dan berkesan dalam Persidangan ini. Dengan ini saya dengan sukachitanya meresmikan pembukaan Persidangan ini.

BAGAIMANA MEMBINA NEGARA BERSATU PADU

"KEKAYAAN KITA YANG PALING BESAR IA-LAH KEHARMONIAN KAUM"

(Uchapan berikut telah di-sampaikan kepada Kelab 'Y'S Men Singapura pada 23hb. Jun, 1965 dan dapat memberikan pendirian serta azam Malaysia dalam soal pembangunan)*

Negara kita Malaysia adalah negara muda yang belum sampai berusia dua tahun. Dengan sebab itu, terlalu banyak yang kita semua patut kerjakan untuk menyatukan kemerdekaan yang baru kita dapati untuk memberi rakyat layanan yang lebih baik, taraf hidup yang lebih tinggi dan kemudahan2 untuk hidup dengan lebih baik. Sekiranya kita semua boleh menumpukan seluruh tenaga kearah satu tujuan ini, kearah tugas membina sebuah negara yang bersatu padu dan gembira, kita tentu banyak mendapat keuntungan daripadanya.

Tugas kita sekarang ialah membina dan menyatupadukan negara kita yang baru ini bagi menghadapi chabaran2 masa depan. Adalah mustahak semua kita berbuat segala yang boleh bagi menyatupadukan negara kita dan tidak membiarkan mana2 bahagian masharakat, apatah lagi sebarang orang, mengeluarkan kata2 atau melakukan sesuatu yang akan menghanchorkan negara kita dan memechahbelahkan perpaduan rakyat kita.

PERSEFAHAMAN:

Saya berasa sukachita kerana semangat, perpaduan dan keazaman setiap orang disemua bahagian Malaysia sangatlah tinggi. Malaysia berazam hendak menjunjung dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negaranya dan maju kehadapan dengan pembangunan yang progresif dan dinamis menuju kemakmuran dan keadaan hidup yang lebih baik bagi semua rakyat Malaysia -- tidak kira asal keturunan dan bangsa mereka.

Sekiranya mahu ada keamanan antarabangsa, peraturan dan undang2 dan saling hormat menghormati keutohan dan kedaulatan sesebuah negara menjadi asas dalam masa negara2 menyesuaikan hubongan antara mereka, penggunaan kekerasan mestilah dihentikan.

*huruf chondong (italies).

Saperti semua negara Afrika dan Asia yang baru merdeka, kita perchaya pada keamanan dan persefahaman antarabangsa. Kita perchaya pada kerjasama dikalangan negara supaya dengan adanya usaha kita yang bersatu padu, kita boleh memberi harapan baru kepada rakyat kita. Kita boleh menolong memberi mereka taraf hidup yang lebih tinggi dan lebih baik yang sangat2 mereka idam2kan setelah lama diperentah oleh penjajah. Kita mempunyai chita2, harapan dan hasrat yang sama saperti semua negara Asia dan Afrika yang baru membangun.

Sangatlah penting berbagai kaum di Malaysia bersatupadu. Kekayaan kita yang paling besar ialah keharmonian kaum; penyelamat kita ialah perpaduan negara. Adalah sangat merbahaya menchuba sebarang tiori atau keperchayaan satu golongan kechil dalam masharakat berbilang kaum dimana perbezaan kaum selaras dengan perbezaan ekonomi, dimana tiap2 satu masharakat diasuh untuk hidup dalam kebudayaan dan adat resam masing2 yang berasingan, dan dalam sebuah masharakat saperti ini adalah sangat merbahaya menchuba sebarang tiori atau keperchayaan satu golongan kechil. Sambil kita terus membina Malaysia, tugas yang perlu kita jalankan segera ialah mengekalkan perpaduan negara dan memelihara undang2 dan peraturan di negara ini.

Apa yang perlu ialah menyemaikan semangat kepunyaan kepada satu negara dan dengan keperibadian dan taat setia yang satu. Anehnya pula, konfrontasi telah memberi penggerak kepada proses membena negara dari masharakat kita yang berbagai kaum. Tetapi kata2 dan perbuatan setengah orang baru2 ini telah merosakkan perpaduan bangsa kita dan kemajuan kita untok membentuk negara. Agak lama juga untuk rakyat terutama penduduk2 Sarawak dan Sabah yang terpisah dari kita beberapa ratus batu bagi menyedari yang mereka dan kita milik satu negara dan memakan masa juga untuk mereka menganggap kita satu bangsa dengan mereka.

SETIA

Tanah Melayu merdeka dalam tahun 1957. Tanah Melayu terdiri dari beberapa buah negeri. Dalam tahun 1948 sebelum tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu setengah dari negeri2 ini adalah negeri yang merdeka dan bardaulat dan lama juga masanya bagi penduduk2 Kedah menerima Kerajaan di Kuala Lumpur sebagai kerajaan Negara mereka. Lama juga masanya bagi penduduk Kelantan dan Trengganu menganggap penduduk Johor sebagai saudara kandung mereka sendiri, anggota keluarga satu negara. Untuk menyesuaikan perjalanan pentadbiran bagi jentera Kerajaan berjalan dengan betul telah mengambil masa beberapa tahun. Tetapi dengan semangat sabar dan tolak ansur dan muhibbah, kita telah berjaya menubuhkan Kerajaan Pusat yang kuat dan sejahtera sebanyak kita berjaya menyatukan berbagai kaum.

Kita berjaya mendapatkan taat setia Negeri dan meletakkan taat setia itu lebih rendah dari taat setia kepada Kerajaan Pusat. Kita jangan terlalu terburu2 dan bergopoh2 kerana jika kita berbuat demikian, kita akan menghancurkan apa yang mahu kita bina. Dari segi perlembangaan dan pentadbiran, kita adalah sebuah persekutuan yang terdiri dari beberapa buah negeri. Dengan sebab itu kita mestilah memberi masa bagi jentera Kerajaan berbagai negeri menyesuaikan pentadbiran mereka dan memberi masa bagi Kerajaan Pusat dan Kerajaan2 Negeri untok bekerjasama dalam suasana harmoni.

Ini kita lakukan supaya penduduk kita dari berbagai kaum yang dibawah pemerentahan British dibiar serta digalakkan hidup sebagai masharakat yang berasingan dan berlainan, dapat menyesuaikan diri mereka dan supaya mereka terasa yang mereka adalah anggota satu negara. Dalam masharakat berbilang kaum saperti masharakat Malaysia, kita mestilah terus membuat penyesuaian sambil kita bergerak maju

membina negara. Kita mesti berbuat apa sahaja yang boleh menggalakkan rakyat kita, melalui dasar pelajaran kita, melalui penggunaan Bahasa Kebangsaan kita dan menuju satu kebudayaan untuk merasa bahawa mereka adalah satu.

Kita dalam Kerajaan Perikatan dan Kerajaan Pusat tidak berpura2 pandai, tetapi kita tahu kita jujur dan tegas. Kita tahu apa matlamat kita, apa konsep kita mengenai Malaysia kerana kitalah yang membentuk dan mengujudkannya.

Negara kita ini baru sahaja dilahirkan. Biarlah kita beri masa untuknya menjadi dewasa. Marilah kita dengan bersatupadu menuju dan memupuk perkembangannya.

TEKNOLOJI

Konsep Barat mengenai persamaan hak, kebebasan dan demokrasi mestilah dilihat dalam konteks susunan masharakat kita. Manusia dilahirkan untuk hidup bebas, namun bagitu manusia tidak bebas. Dia dilahirkan sama tarafnya dengan yang lain dan namun begitu todal sama taraf dengan yang lain. Tetapi masharakat berubah dan dengan perubahan itu manusia semakin dekat untuk memenuhi chita2-nya. Perubahan saperti persefahaman saperti mana juga manusia mesti mengadakan ranchangan yang wajar yang boleh pula dilaksanakan supaya hidup sempurna; jadi rakyat Malaysia mestilah membentok chara hidup yang sempurna. Tidak ada masharakat yang selama2-nya tidak berubah; masharakat berubah mengikut pengalaman dan masa. Konsep politik yang diakui umum bertukar; yang paling ketat sekali pun ia-itu faham Stalin, sebagai chontoh, berubah dengan bertambah-nya kekayaan rakyat.

Faham Stalin juga tiada lagi kenjadi kuasa untuk menujudkan kekerasan saperti dulu; faham kapitalis diawal Abad ke-18 telah-

digantikan dengan elaun2 sarahidup, elaun faedah bersalin, penchen tua dan lain2 feadah yang didapati dari perusahaan dan teknoloji moden. Peranchangan adalah bentuk asas masharakat moden; kalau tidak ada peranchangan, berlakulah penghasilan yang tiada berperaturan. Dengan sebab itu kita ada peranchangan dan pengelolaan untuk mempastikan kekayaan masharakat kita digunakan dengan chekapnya bagi faedah bilangan anggotanya yang ramai. Oleh sebab itulah kita dapati faham kapitalis menyatukan asas yang terbaik yang didapati dalam peranchangan sosialis, dan pengelolaan dan penghasilan.

Bagitulah charanya dinegara kapitalis Barat sekalipun --- England, Peranchis dan yang rapat dengan kita. Di New Zealand, maseh terdapat apa yang perlu pada sebuah negara kebajikan yang dipusakai dari kerajaan2 sosialis yang lalu; faham sosialis tidaklah ditinggalkan semata2 keraja Kerajaan yang lebih konservatif lagi sedang berkuasa. Kerajaan Perikatan tiadalah terkechuali dari suasana yang ujud dalam masharakat moden. Kita bukan sahaja menerima tunggak2 demokrasi iaitu Parlimen dan sistem kehakiman tetapi kita juga menyokong chara Barat mengelolakan kuasa2 dalam masharakat yang boleh memberi hasil. Kita sedar peranchangan dan pengelolaan semata2 mengikut chara kapitalis tiada sesuai dengan keadaan di negara kita.

DASAR

Ranchangan Pembangunan Luar Bandar mithalnya, menyatukan bentuk2 yang terbaik dalam fahaman sosialis dan disesuaikan dengan chara penghidupan kita -- semangat gotong royong masharakat lama di Malaysia; hak yang sama bagi semua rakyat--hak yang sama disisi undang2-- yang terdapat di Malaysia; hak yang sama untuk mengundi dan dipilih berkuasa atau disingkirkan dari berkuasa; itu pun terdapat di Malaysia. Hak keistimewaan Orang2 Melayu sangatlah berbeza ia adalah chara yang sah, chara dari segi perlembagaan bagi memperbaiki

semua keadaan yang tidak sama dan tidak seimbang. Kita mestilah berusaha menolong orang2 kita yang kurang bernasib baik dengan chara perubahan sedikit demi sedikit tetapi dengan tidak mengambil hak orang lain. Kita akan berbuat demikian mengikut perlembagaan kita dibawah sistem demokrasi berParlimen. Dasar kita ialah untuk berusaha menyamakan kedudukan dan bukan untuk menjatohkan nya. Kita mahu memberi tempat yang hak dalam masharakat kita di-negara ini, kepada semua rakyat kita dari semua kaum. Adalah mustahak bagi kita mengkaji semua masa'alah kita mengikut pandangan yang betul. Jika kita chuba memisahkan berbagai masharakat atau chuba berkuasa melalui soal2 perkauman kita akan melakukan ke-salahan yang besar terhadap negara.

Malaysia adalah sebuah negara muda dan kebanyakan penduduk-nya juga terdiri dari golongan muda. Saya tidak ragu2 bahawa Malaysia akan terus disogokkan dengan satu faham iaitu faham Malaysia yang akan sentiasa membaharui hidupnya dan keadaannya.

==========

HAK SAMA KEPADA SEMUA ORANG

Penerangan

(Uchapan berikut telah dilafazkan kepada Persatuan Bahath Universiti Malaya pada 20hb. Julai, 1965. Ia membayangkan bahawa dalam pemburuan kemajuan ekonomi Kerajaan Malaysia tidaklah melupakan kepentingan kemajuan2 lain terutamanya di kalangan masharakat luarbandar. Konsep ini menjadi panduan utama dalam ranchangan2 pembangunan Malaysia dikebelakangan ini dan uchapan ini diturunkan sebagai pengetahuan latar belakang kepada dasar2 Kerajaan sekarang)

(*)

Semenjak Merdeka dalam tahun 1957, Malaya dan sekarang Malaysia telah membuat kemajuan yang besar di bidang pembangunan. Kita telah menchapai beberapa banyak kemajuan lebih dari kemajuan yang dapat dichapai dalam masa tujuh puluh tahun dibawah pemerentahan penjajah. Di setiap pelusuk negara kita hari ini didalam kawasan kampong kita, di kampong2 baru, di pekan2 dan di bandar2 terdapat beratus2 projek. Sebagai sebuah negara baru dan muda, kita boleh berasa bangga dengan apa yang telah kita chapai sejak merdeka. Tuan2 akan ingat zaman sebelum merdeka bila pengkritik2 dan mereka yang ragu2 telah mengatakan bahawa kita belum lagi bersedia untuk berkerajaan sendiri dan kononnya kemerdekaan mungkin menandakan berakhirnya kemakmuran dan kestabilan di Malaysia.

EKONOMI

Kepada kita semua, Merdeka bererti tanda bermulanya masadepan yang bertambah2 cherah, asas meneruskan kestabilan dan keselamatan dalam negara kita; kemajuan pesat menuju hidup yang lebih baik di kawasan bandar dan luarbandar. Semuanya ini telah mengkagum dan mendapat pujian dari setiap negara bebas di dunia hari ini. Jumlah pelawat yang tiada terkira ke negara kita telah memuji2 apa yang telah kita chapai dalam tahun2 sejak merdeka.

(*) huruf chondong (italics)

Sewaktu negara kita dikenal sebagai 'Malaya', Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua telah dilaksanakan dengan sepenoh2 kejayaan. Sebanarnya bila kita lancharkan Ranchangan ini dalam tahun 1961, kebanyakan orang berpendapat matlamat yang kita tetapkan untuk kita sendiri, iaitu perbelanjaan sebanyak $2,200 di sektor swasta adalah terlalu besar untuk dilaksanakan. Bagaimana pun, kita telah dapat menggerakkan jentera Kerajaan dan menyelaraskan kerja jabatan2 dan pejabat2 Kerajaan di semua chawangannya. Hari ini, walau pun ranchangan lima tahun belum tamat lagi, kita telahpun melebehi matlamat kita. Pada hujung tahun ini, iaitu tahun akhir Ranchangan itu, kita akan sudah membelanjakan kira2 $2,600 juta atau $2,700 juta. Dalam melaksanakan ranchangan pembangunan kita, jelaslah kelihatan yang Kerajaan Perikatan telah berjaya menggunakan prinsip2 yang betul dan mengikuti chara yang betul pula. Sekarang kita telah menggunakan prinsip2 dan chara2 ini di Sabah dan Sarawak dan diharapkan dalam beberapa tahun akan datang ini, penduduk kita di Sabah dan Sarawak akan mendapat faedah2 yang sama dari ranchangan pembangunan saperti penduduk kita di Malaysia Barat.

Apakah prinsip2 ini yang kita gunakan dalam melaksanakan ranchangan pembangunan negara kita terutama sekali ranchangan pembangunan luarbandar kita? Asas bagi tindakan tegas berdasarkan prinsip perkongsian antara Kerajaan dengan penduduk2 luarbandar sendiri. Dengan tempo perjalanan moden, Kerajaan Perikatan dapat mengetahui kehendak2 pembangunan mana2 kampong dalam masa yang paling chepat dengan menggunakan "Buku Merah".

Buku Merah dibentuk, diranchang dan diamalkan oleh Kerajaan Perikatan bagi tujuan menjamin bahawa walau bagaimana sekali pun jauhnya sesebuah kampong itu, namun harapan dan kehendak penduduk2nya sentiasa berada dalam ingatan Kerajaan. Kita lihat peta Malaysia dan saya berasa yakin di masadepan kita boleh memajukan lebih baik dan lebih maju daripada apa yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaya dari pengalaman sechara amalan yang telahpun kita perolehi.

KEMAHUSIAAN

Tentang aspek ekonomi pembangunan kita, saya berpendapat kita mestilah berhati2 bila menerima tiori dan amalan yang boleh dipakai di negara2 lain dan walaupun tujuan kita yang utama ialah hendak berlebih2 lagi maju dan mekmur, hendaklah kita ingat

bahawa kemakmuran di kawasan2 bandar dan luarbandar janganlah sentiasa dipandang dari segi kebendaan yang menjadi sukatan kemajuan di negara2 yang lebih maju di dunia. Malaysia perlu menchapai matlamat pertumbuhan ekonomi tetapi ia janganlah dianggap melebehi perkara2 lain, atau menganggap setiap langkah yang menambah kekayaan itu semata2 betul. Menambah kekayaan, dan meninggikan taraf hidup kita keseluruhannya adalah faktor yang penting dalam pembangunan ekonomi kita. Tetapi pembangunan ekonomi itu akan memuaskan hati sekiranya ia memberi penghidupan yang lebih baik dan bukan pula untuk menghanchurkan penghidupan kita.

Dengan sebab itu, pembangunan kita hendaklah ditumpukan bukan semata2 kepada kekayaan mata benda, tetapi juga ditumpukan pada segi kemanusiaan, segi sosial, segi kebudayaan dan agama dalam penghidupan kita supaya kita boleh membina sebuah negara dari penduduk2 yang merasa diri mereka bahagia, penduduk2 yang bergantung pada diri sendiri, dan terjamin dalan tujuan mereka yang jujur.

Matlamat kita ialah untuk menyamakan kedudukan, iaitu menolong rakyat kita yang kurang berbasib baik untuk menikmati kemudahan2 hidup yang lebih baik dan mendapat sepenuh2 faedah dari segala yang dapat diberi oleh masharakat yang bertamaddun.

Tujuan saya bukanlah untuk menyebut satu persatu ranchangan pembangunan kita. Saperti yang selalu ditegaskan, yang diutamakan dalam ranchangan itu ialah hendak menolong rakyat kita yang kurang bernasib baik atau apa yang biasanya disebut 'orang yang tidak berada'. Ranchangan Pembangunan kita diranchangkan dan dilaksanakan dengan bersungguh2 dan penuh semangat.

Satu aspek penting dari ranchangan pembangunan luarbandar kita ialah ranchangan membuka tanah. Di seluruh negara sekarang, ada enam puluh dua ranchangan tanah yang tiap2 satu seluas 4,000 ekar dan tiap2 satu ranchangan itu diambil, pokok ditebang, jalan dibina, bekalan ayer dimasukkan, rumah2 untuk peserta2 didirikan dan tiap2 keluarga diberi 10 ekar tanah yang mana dari jumlah itu tujuh ekar ditanam dengan getah yang banyak mengeluarkan susu atau kelapa sawit dan yang lebihnya digunakan untuk tapak rumah dan untuk menanam pokok buah2an dan sayor2an. Bantuan bulanan yang berupa pinjaman dari Kerajaan diberi kepada tiap2 keluarga. Kemudahan2 saperti sekolah2, dan klinik2 kesihatan juga diadakan. Dari satu lot itu, adalah dianggarkan satu keluarga akan menerima

pendapatan kira2 $350 sebulan mengikut anggaran harga getah dan kelapa sawit sekarang. Beberapa kawasan ranchangan ini sekarang telah mula mengeluarkan hasilnya. Bila tanah mereka mula mengeluarkan hasil seorang peserta dijangka membayar kepada Kerajaan hutangnya dengan bayaran ansoran yang murah. Dalam satu kejadian, Kerajaan meminta peserta2 membayar kira2 $40 sebulan, tetapi peserta2 itu sendiri mahu membayar dua kali ganda kerana mereka mempunyai pendapatan yang baik. Peserta2 diberi geran mati untuk tanah mereka.

Apakah yang lebih baik lagi dari ranchangan2 pembangunan tanah kita ini untuk menjalankan fahaman sosialis. Di negara2 kominis, rakyat sengaja disuruh membuat kerja mengusahakan tanah. Di negara kita, rakyat bukan sahaja mengusahakan tanah itu tetapi mereka juga memilikinya. Satu tujuannya ialah hendak menolong penduduk2 kita di luarbandar menambah pendapatan mereka dan memberi mereka bahagian yang lebih besar dalam bidang ekonomi dan perniagaan negara dan untuk membina rumah bagi penduduk2 yang tinggal di kawasan2 bandar yang tiada mempunyai rumah. Kita juga akan menolong penduduk2 kita yang kurang berbasib baik di kawasan2 bandar dengan memberi kemudahan2 sama saperti kita lakukan kepada penduduk2 luarbandar. Ranchangan pembangunan negara kita mempunyai bidang dan sifat kebangsaan, yang dibentuk untuk membantu rakyat kita dari semua kaum, siapa sekali pun mereka itu supaya 'mereka yang tidak berada' dalam masharakat kita sama2 mendapat bahagian dalam kemajuan dan pembangunan negara kita dan akan menikmati taraf hidup yang sechochok dengan keadaan hidup dalam masharakat yang sempurna dan bertamaddun.

Untuk menchapai kemajuan, untuk menchapai pertumbuhan ekonomi, untuk menchapai sebuah negara Malaysia yang bahagia dan terlalu maju, kita perlu rajin bekerja, mengumpulkan seluruh tenaga kita dan kebolehan pemimpin2 kita bertindak menuju pembangunan ekonomi yang teguh bagi sebuah negara Malaysia yang bahagia dan stabil.

PERTAHANAN

Sekarang saya berchakap pula pasal pertahanan. Sebagai sebuah negara kechil dan yang sedang membangun, sudah tentu kita tidak dapat mengadakan angkatan tentera iaitu Tentera2 Darat, Laut dan Udara yang chukup kuat bagi mempertahankan diri kita dari anchaman dan pencherobohan luar.

Itu Itulah sebabnya sejak Merdeka dalam tahun 1957 kita telah mengambil keputusan untuk mengekalkan perbelanjaan pertahanan kita di tingkat yang rendah supaya kita boleh menumpukan sumber kekayaan kita bagi pembangunan ekonomi, memberi rakyat taraf hidup yang lebih baik dan lebih tinggi serta kemudahan2 hidup yang lebih baik yang telah lama mereka idam2kan. Perbelanjaan pertahanan kita hanyalah lapan peratus sahaja dari jumlah belanjawan sehinggalah tertubuhnya Malaysia dalam tahun 1963. Bagaimana pun, dengan tertubuhnya Malaysia, dengan kawasan yang lebih luas untuk dipertahankan dan pesisiran pantai yang lebih panjang untuk dilindungi, kita kenalah menambah anggota tentera kita.

Sebagai sebuah negara kechil, kita tidak mempunyai alat kelengkapan yang chukup untuk mempertahankan diri kita dari anchaman atau pencherobohan dari luar. Oleh yang demikian, pada hari kita menchapai kemerdekaan dalam tahun 1957, kita menandatangani Perjanjian Pertahanan dengan United Kingdom. United Kingdom, dengan disokong oleh Australia dan New Zealand berjanji mempertahankan kita dari pencherobohan luar. Kita membuat Perjanjian itu dengan sesuka hati dan bebas dan ia boleh dikaji semula pada bila2 masa.

Kita di Malaysia berjuang untuk kebebasan, demokrasi dan keadilan. Malaysia mempunyai chita2 yang dinamis dan positif yang memberi demokrasi, kebebasan dan kestabilan ekonomi kepada rakyat kita. Chita2 yang telah saya terangkan tadi termaktub dalam Perlembagaan kita. Perlembagaan kita telah digubal begitu rupa supaya konsep Malaysia menjadi konsep yang penuh erti dan mempunyai tujuan dengan kehendak2 rakyat kita dari semua kaum, supaya mereka bahagia dan berpuas hati. Seluruh konsep dalam Perlembagaan kita berdasarkan "memberi" dan bukanlah dasar "mengambil". Tujuan kita ialah memberi kepada yang tiada dengan tidak mengambil dari mereka yang ada.

Kebanyakan kita tentulah mendengar baru2 ini tuduhan2 terhadap Kerajaan Perikatan kononnya perchaya kebesaran satu kaum dari satu kaum lagi dan kononnya tidak memberi hak yang sama kepada semua warganegara kita. Saya ingin menolak tuduhan2 ini kerana Perlembagaan kita dengan jelas tiada memperuntukan kebesaran mana2 kaum atau masharakat. Semua warganegara Malaysia dari semua kaum adalah sama disisi Perlembagaan dan hak2 dan keistimewaan mereka adalah dilindungi sesungguhnya.

Bagaimanapun, Perlembagaan ada membuat peruntukan bagi menjaga kedudukan istimewa kaum Bumiputra. Ini bukan bererti kebesaran atau keistimewaan tetapi adalah kedudukan istimewa yang perlukan perhatian khas. Perlembagaan mengakui bila ada perbedaan, satu sistem menyamakan keadaan diperuntukkan supaya setiap orang berasa gembira. Semua orang tahu bahawa kaum Bumiputra adalah mundur di bidang ekonomi dan dengan sebab itu, untuk memberi mereka peluang yang adil untuk bersaing dengan lain2 kaum, mereka diberi perhatian khas ini didalam Perlembagaan atau dengan bahasa yang mudah diberi 'handicap'. Ini memberi peluang kepada kaum Bumiputra mendapat bahagian dalam kegiatan ekonomi dan perniagaan di negara ini.

Saperti yang saya katakan, dengan memberi perhatian khas ini kepada golongan masharakat kita yang tertentu, Perlembagaan tidak merampas hak dan keistimewaan kaum2 lain dan peraturan ini bertujuan menyatu dan menggalakkan perpaduan antara Bumiputra dengan lain2 warganegara Malaysia.

Dengan hal yang demikian, ia jelaslah dibawah Perlembagaan kita yang dirangka oleh Kerajaan Perikatan dan Kerajaan Perikatan telah berkali2 menegaskan untuk menjunjungnya iaitu setiap warganegara Malaysia mendapat tempat yang adil didalam negara kita. Perlembagaan dirangka begitu rupa supaya bersikap adil dan saksama kepada semua golongan rakyat kita dan supaya mereka boleh maju kehadapan bersama2 dalam suasana harmoni, muhibbah dan persahabatan. Kerajaan Perikatan sentiasa perchaya dengan perpaduan dan harmoni dikalangan penduduk2 kita dari berbagai kaum supaya akhirnya mereka boleh dichampurkan menjadi suatu bangsa yang bersatupadu. Tentulah proses mengujudkan perpaduan ini mengambil masa kerana sebahagian kechil sahaja penduduk kita iaitu mereka yang mendapat didikan di sekolah2 Inggeris, dapat memahami kaum yang lain.

BERSATU

Sebahagian besar penduduk negara ini telah hidup dibawah pemerentahan penjajah didalam masharakat yang berasingan dan sebab itu kita kenalah memberi mereka masa untuk saling memahami, untuk merasakan yang mereka adalah sahabat dan saudara. Tetapi tujuan akhirnya adalah jelas. Adalah menjadi niat yang tegas dari Kerajaan Perikatan walau pun pendapat orang lain, untuk maju kehadapan menyatupadukan rakyat berbagai kaum dalam suasana harmoni dan persahabatan supaya akhirnya kelak mereka akan menganggap diri

mereka bukan sebagai anggota dari berlainan masharakat tetapi sebagai anggota satu bangsa. Kita telah katakan beberapa kali inilah prinsip penting dasar kita dan tidak perlulah diulangi lagi, tetapi ada setengah2 orang enggan memahami apa yang telah kita perkatakan kerana mereka sengaja tiada mahu memahaminya. Oleh yang demikian, perlulah kita terus mengulangi dasar Kerajaan kita yang sangat penting.

Saya tidak ragu2 kebanyakan pendudok2 kita mempunyai perasaan taat setia yang mendalam kepada negara kita dan tahu yang mereka mesti hidup dalam suasana harmoni, persahabatan dan bersatupadu kerana dengan jalan ini sahajalah kita boleh memandang masadepan dengan penuh harapan dan keyakinan.

Saya berasa gembira dan bangga dengan chara rakyat kita dari semua kaum berdiri teguh dalam menghadapi krisis negara sekarang ini dan meskipun beberapa orang ahli politik mengeluarkan kata2 mengenai keadaan tegang atau perpechahan yang sedikit pun tiada berasas dan tidak pula ujud. Saya tidak ragu2 sekiranya kita terus menunjukkan azam kuat untuk hidup bersama2 dan ujud sebagai satu bangsa, kita akan melalui keadaan dharurat dan konfrontasi dengan jayanya dan Malaysia akan ujud sebagai sebuah negara yang bahagia dan makmur dalam warganegara dari semua kaum mendapat tempat yang adil yang boleh dibanggakan.

SDA/jah.

PEMANDANGAN DI-MALAYSIA HARI INI

PEMBANGUNAN SELAMA SEPULOH TAHUN SERTA KEJAYAAN2 KITA.

"Beberapa aspek kejayaan2 yang terkemuka dalam pembangunan negara dan luar bandar di-tinjau kembali oleh Tun Abdul Razak dalam siaran radio sempena Hari Malaysia pada 31hb. Ogos, 1968. Dalam uchapan-nya yang meliputi pembangunan selama sepuloh tahun, Tun merayu kepada semua rakyat Malaysia supaya mereka menumpukan sepenoh tenaga mereka pada tugas memajukan negara kita menjadi sebuah negara yang bahagia dan makmor bagi kita dan anak chuchu kita"*.

Pada malam menjelang hari Malaysia, saya ingin meninjau beberapa aspek kemajuan ekonomi yang chemerlang yang terdapat di-Malaysia semenjak Merdeka pada tahun 1957. Apakah gambaran pada 'am-nya yang tuan2 dapat lihat? Mungkin tuan2 telah biasa melihat-nya sehingga tuan2 tidak mahu berfikir seketika. Jadi biarlah saya bertanya lagi. Apakah gambaran pada umumnya yang dilihat oleh se-orang pelawat ke Malaysia?

KEMODENAN

Dia mungkin tiba dengan sebuah kapalterbang moden ke Kuala Lumpur ibunegara Malaysia. Kapalterbang ini boleh jadi kapalterbang MSA yang sebahagian besar modalnya diperuntukkan oleh Kerajaan Malaysia. Kapalterbang yang membawa pelawat itu men-darat dilapangan terbang antarabangsa Subang, salah sebuah lapangan terbang yang terbesar lagi moden di rantau ini.. Dari sana dia akan dibawa oleh sebuah teksi Mercedez Benz melalui jalan duahala

---

* garis chondong (italics).

yang mempunyai empat lorong. Dalam perjalanan ke bandar, dia dapat melihat ladang2 kelapa sawit yang baru ditanam, ladang2 getah yang dijaga dengan baik, lombong bijih dengan kapal2 korek, jalan keretapi serta jalanraya yang moden, yang menghubungkan pelabohan Swettenham yang sentiasa sebok.

Keretanya akan lalu di Petaling Jaya, sebuah bandar moden diluar Kuala Lumpur yang membangun dengan pesat serta dimajukan selepas Merdeka. Disini dia nampak kilang mengeluarkan asid untuk memproses getah, kilang2 membuat barang2 binaan saperti saluran2 simen dan genting, chat, kereta dan sekuter, tayar, sabun dan majerin, perabut rumah dan pejabat, minuman rengan, minuman keras, susu tin, tin2 logam dan banyak lagi barang2 lain. Dia akan nampak bangunan2 rekaan moden dari jalan besar itu hinggalah ke kawasan2 bukit sekitarnya.

Dia akan tertarek hati melihat rumah2 ibadat untuk orang2 Islam, Buddha dan Keristian yang tinggal di kawasan itu. Dia juga dapat melihat bangunan2 Kerajaan yang tersergam indah, hospital latihan yang besar, kampus universiti moden yang kian besar serta gudang2 perniagaan yang baru.

Teksinya akan berselisih atau mengekori kereta2 dari negeri Jepun, Australia, Itali, Peranchis, Jerman Barat, United Kingdom dan Amerika Sharikat. Dia akan melalui kedai2 yang penuh dengan barang2 dari seluruh dunia dan kedai2 makan yang menjual makanan2 Melayu, India, China dan Eropah. Bila dia sampai di hotelnya, dia akan dibawa ke bilek berhawa dingin. Ini berma'nalah bahawa dalam perjalanan dari lapangan terbang antarabangsa di Subang ke Hotel, dia nampak chontoh kemajuan ekonomi yang telah kita chapai di Malaysia.

KAMPONG.

Tetapi ini hanyalah sebahagian dari gambaran itu sahaja. Pelawat kita itu juga bolehlah pergi ke kawasan2 luar-bandar juga.

Daripada salah satu jalan besar yang melalui Kuala Lumpur, dia akan mengambil jalanraya yang baru2 ini dibina dengan mutu yang baik. Di kedua2 belah jalan, dia dapat melihat estet2 dan kebun2 kechil. Sekiranya kawasan itu kawasan getah, pokok2 itu baru sahaja ditanam semula dengan anak2 getah yang banyak mengeluarkan susu. Kalau kawasan kelapa pula, dia dapat melihat ranchangan2 pemulihan dan tanaman semula dijalankan. Sekiranya dia lalu di kawasan sawah dan berhenti berchakap2 dengan petani yang menuai padi, petani itu akan memberitahu bahawa dia menuai bagi musim kedua. Dari hasil tanaman yang kedua ini, petani itu mempunyai pendapatan yang lebih dan tanaman musim kedua ini telah dapat dilaksanakan dengan adanya ranchangan parit dan taliayer ranchangan bantuan membeli baja dari Kerajaan serta ranchangan memberi nasihat oleh pegawai2 Kerajaan.

Bila pelawat itu masuk kemana2 kampong di sepanjang jalan, dia dapat melihat pembangunan yang dilaksanakan sejak Merdeka ia-itu ranchangan pembangunan bagi membaiki nasib petani2 dan keluarga2 mereka. Dia dapat melihat sekolah baru, dan nampak penduduk yang sehat dan chukup makan iaitu hasil dari kemajuan ekonomi dan meluasnya perkhidmatan kesihatan moden ke kawasan2 luarbandar. Ranchangan2 ini telah banyak menyembuhkan penyakit yang melemahkan mereka dan dari perkhidmatan ini, rakyat Malaysia adalah di-antara mereka yang mempunyai jangkaan hidup yang paling panjang dalam dunia yang sedang membangun.

Dia juga mungkin bertemu dengan kawasan pembangunan dan ditengah2 kawasan itu terletak kampong yang teratur bentuk susunannya. Ini adalah satu dari lebih 70 sekim ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang telah ditubuhkan sejak Merdeka. Boleh jadi dia hairan melihat pegawai2 Kerajaan dan wakil2 penduduk berbinchang bersungguh2 di balai raya. Dalam perjumpaan ini, masaalah2 ekonomi dan sosial kawasan2 itu di-binchangkan dan dibuat ranchangan untuk mengatasi masaalah2 ini, ditambah daya pengeluaran serta dibaiki keadaan semua penduduk di kampong itu.

Sekiranya pelawat kita pernah sampai ke kawasan2 kampong ini 10 tahun yang lalu, sudah tentu dia akan tertarik hati melibat perubahan yang terdapat sekarang. Ada masanya perubahan2 seperti itu lambat sedikit terchapai. Kemajuan2 yang berlaku di Malaysia dalam masa 10 tahun sahaja adalah bukti revolusi senyap yang baru, yang dimulakan dari masa terchapainya Merdeka.

EKONOMI

Sekiranya tuan2 bertanya kepada ahliekonomi untuk mengetahui rengkasan kemajuan ini dan keadaan ekonomi masa ini, dia akan membuat sukatan dari kedudukan pendapatan per kapita atau pendapatan purata semua rakyat Malaysia. Masa ini, pendapatan purata lebih sedikit $300 Amerika seorang. Ini sebenarnya adalah pendapatan yang tinggi mengikut taraf negara2 sedang membangun. Di Asia, pendapatan ini nombor dua selepas Jepun tetapi tidaklah termasuk Hongkong dan Singapura.

Jumlah pendapatan atau keluaran negara kasar lebih $10 ribu juta, bertambah kira2 6% tiap2 tahun bagi tempoh 11 tahun yang lalu. Oleh kerana jumlah penduduk bertambah 3% se-

tahun, pendapatan per kapita juga bertambah 3% setahun.

Pendapatan yang tinggi ini dan keadaan pertumbuhannya yang terkawal adalah disebabkan oleh berkembangnya perusahaan2 lama di Malaysia seperti perusahaan getah dan bijih timah. Dalam pada itu juga, kegiatan2 ekonomi yang baru telah ujud, yang memberi sumbangan bukan sahaja terhadap pertumbuhan ekonomi tetapi juga telah mengukuh serta meluaskan landasan ekonomi kita.

Di bidang pertanian, kelapa sawit dan kayu balak merupakan eksepot yang penting selain dari getah yang menjadi barangan ekspot utama dari Malaysia. Semenjak tahun 1957, pengeluaran kelapa sawit bertambah empat kali ganda dan sebagai hasilnya negara kita sekarang adalah pengekspot barangan ini yang terbesar di dunia.

Dalam masa yang sama juga, hasil kayu balak bertambah tiga kali ganda. Ekspot balak dan kayu yang sudah dipotong mengambil tempat bijih besi sebagai ekspot negara yang ketiga pentingnya. Pengeluaran beras, makanan utama bagi kita, sama sebanding dengan kadar pertumbuhan penduduk yang sangat pesat. Di saat ini, dua ranchangan parit dan taliayor sedang dilaksanakan. Bila siap dalam tahun 1970-1971, kawasan seluas kira2 300,000 ekar akan dapat menjalankan tanaman padi dua musim. Dengan adanya ranchangan ini dan dengan adanya usaha2 lain, Malaysia Barat akan mendapat bekalan beras yang chukup untuk keperluannya sendiri sebelum pertengahan tahun 1970-an.

Satu perubahan besar tentang ranchangan pembangunan di Malaysia ialah ranchangan LKTP. Ranchangan ini telah berjaya menambah peluang penduduk2 kita di luarbandar menchapai keadaan hidup yang lebih baik. LKTP telahpun membuka dan memajukan kira2 250,000 ekar tanah serta menampatkan 14,200 keluarga di sekim2 seluas

5,000 hingga 20,000 ekar dengan tujuan memberi tahan kepada mereka yang tidak bertanah serta memberi pendapatan seimbang dengan usaha titik peluh mereka. Kita mendapat galakan dari kejayaan ranchangan ini dan berasa puashati dengan pandangan yang dibuat oleh Bank Pembangunan Asia dalam Tinjauan Pertanian di Asia, baru2 ini. Dalam tinjauan ini, usaha2 kita dianggap sebagai chontoh ranchangan pembangunan tanah yang teratur dan terlaksana dengan baiknya.

KEMAJUAN

Kemajuan yang baik juga terchapai di bidang perusahaan. Pengeluaran barang2 buatan kilang bertambah kira2 10 peratus setahun dalam masa 11 tahun yang lalu. Dengan hal yang demikian, kita dapati negara kita berada di kalangan negara2 yang sedang membangun yang telah mengalami kadar pertumbuhan perusahaan yang paling pesat di masa kebelakangan ini.

Empat perlima negara yang sedang membangun mendapat kadar pertumbuhan perusahaan kurang dari 10% setahun sejak akhir Perang Dunia Kedua. Apakah yang menyebabkan kita maju di bidang ini? Dari tahun 1960 hingga 1967, pengeluaran rokok bertambah 66% biskut tiga kali ganda, kayu yang sudah dipotong meningkat 70%, sementara kayu veneer dan kayu lapis bertambah tidak kurang dari 100%.

Pengeluaran sabun dan barang2 getah juga bertambah pesat. Kilang2 penapis minyak dan kilang simen juga telah didirikan dan dalam tahun 1967, kilang besiwaja dan kilang memasang kereta mula berjalan. Pengeluaran2 ini bukan sahaja chukup untuk keperluan Malaysia bahkan juga barang2 tersebut telah mula diekspotkan.

Selain dari pengeluaran barang2 yang bertambah, kemajuan yang pesat juga dibuat dibidang infrastruktur kebendaan dan kema-

nusiaan. Pembinaan jalanraya bertambah 80% diseluruh Malaysia dan keadaan pelabuhan bertambah besar sebanyak dua kali ganda. Di bidang pelajaran, bilangan yang didaftarkan di perengkat rendah naik 35% dan di perengkat menengah bertambah lima kali ganda. Dalam tahun 1967, jumlah pelajar di Universiti Malaya lebih 5,000 berbanding dengan 323 sewaktu Universiti itu mula ditubuhkan.

Bila semakin ramai pekerja mahir dikehendaki disebabkan oleh kemajuan pertanian dan perusahaan yang pesat. Kerajaan berbuat sedayaupaya bagi menjamin chukup pekerja mahir untuk keperluan perusahaan2 itu. Selain dari beberapa banyak sekim latihan bekerja didalam sektor swasta dan awam, bilangan pelajar disekolah vokeshenal bertambah dari 500 dalam tahun 1965 menjadi 1,000 pada masa ini; pengambilan pelajar masuk ke Kolej Pertanian adalah empat kali ganda; bilangan pelajar di Institiut Teknoloji MARA bertambah menjadi 4,000 dalam tahun 1970; Maktab Teknik sedang diperbesar; sebuah politeknik sedang didirikan di Ipoh dan Kolej Tengku Abdul Rahman akan ditubuhkan tidah lama lagi dengan lebih kechondangan kepada pelajaran teknik.

Inilah rengkasan apa yang telah kita chapai -- pertumbuhan ekonomi serta kestabilan kedudukan matawang selama 11 tahun. Keadaan hidup kita sempurna sementara ringgit Malaysia teguh seperti biasa. Sebenarnya sejak tahun 1956-1966 kuasa pembeli ringgit Malaysia hilang kurang dari setengah peratus.

Dalam masa yang sama juga, kuasa pembeli ringgit Amerika hilang 1.8%. Selain dari itu, ringgit Malaysia adalah matawang negara Asia yang pertama digunakan oleh Kumpulan Wang Antarabangsa sebagai satu dari matawang untuk memberi pinjaman dari kumpulan itu.

Sudah sepatutnyalah negara berasa megah dan dipuji kerana kejayaan2 ini. Tambahan pula kejayaan ini telah dichapai meskipun ada keganasan kominis di permulaan waktu ini, anchaman dari pencherobohan luar dari tahun 1963-1966, perpisahan Singapura dari Malaysia dan baru2 ini pula pengunduran tentera British dari Malaysia.

Walaupun begitu, janganlah kita berpuashati. Kita mestilah berusaha untuk mengekalkan kemajuan ekonomi dan sosial bagi menepati kehendak dan chita2 bilangan penduduk kita yang semakin ramai serta berusaha merapatkan jurang antara yang berada dengan yang tidak berada. Dalam usaha ini, tiap2 seorang mempunyai peranannya -- ahli2 politik, kakitangan awam, anggota tentera, pengusaha2 swasta, petani2, ahli2 perusahaan dan rakyat biasa. Kita mestilah berjuang untuk pembangunan -- perjuangan menentang kemiskinan dengan bersungguh2.

Setakat ini, asas kemajuan ekonomi kita ialah pertumbuhan perusahaan getah dan bijihtimah. Tetapi kita tiada lagi boleh bergantung semata2 pada dua perusahaan ini untuk memberi pekerjaan baik dan pendapatan yang chukup kepada bilangan penduduk yang bertambah ramai. Kita kenalah terus menyegerakan pembangunan kegiatan2 baru dengan mempelbagaikan pertanian dan perindustrian. Inilah sebenarnya strateji perjuangan kita -- strateji asas pembangunan.

Saya boleh berkata dengan rasa yakin kita akan berjaya mengatasi segala rintangan. Kita akan terus maju dalam usaha kita menchari kemajuan ekonomi dan sosial kerana Malaysia mempunyai sumber2 yang diperlukan. Seperti kebanyakan negara yang sedang membangun, negara kita mempunyai tenaga buruh yang menggangur dan

yang tiada digunakan sepenohnya. Bagaimana pun, Malaysia berbedza dari kebanyakan negara itu kerana Malaysia mempunyai kawasan tanah luas yang belum diteroka, kawasan yang sedia untuk dibuka dan sangat subur pula. Dengan sebab itu, harapan untuk memajukan perusahaan pertanian sangatlah cherah. Begitu jugalah halnya dibidang pembangunan perusahaan terutamanya dengan mengusaha dan memajukan perusahaan2 yang bergantung pada bahan2 mentah - seperti getah, kayu balak serta perusahaan barang2 makanan.

Selain dari tenaga kekuatan yang begitu chemerlang, kita juga mempunyai infrastruktur ekonomi yang chekap dan maju di bidang pengangkutan, perhubungan dan tenaga letrik; kemampuan sektor swasta melaksanakan projek2 pembangunan dengan berkesan; dan banyaknya kemampuan pengusahaan dalam sektor swasta.

Sekiranya kita berazam dan rajin bekerja untuk menchari kejayaan yang lebih baik, kita boleh memandang masa hadapan dengan rasa keyakinan. Kerajaan saya beraza bertuah kerana diberi peluang memimpin. Sambil kita merayakan tahun ke-11 kita Merdeka, kita menumpukan azam kita sepenuh-nya kepada usaha ini dan meminta semua rakyat Malaysia dari semua golongan hidup supaya membarui azam terhadap perlaksanaan tugas membangunkan negara kita supaya menjadi negera yang bahagia dan makmur bagi kita dan anak chuchu kita.

Uchapan Y.A.B. Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak bin Hussein Melalui Radio/T.V. Malaysia Sempena Hari Kebangsaan.

Besok kita semua menyambut ulang tahun yang ke-14 kemerdekaan negara kita Malaysia.

Negara kita sudah berusia 14 tahun tetapi tempoh itu bukanlah satu masa yang panjang dalam sejarah sesuatu negara.

Oleh itu, pada sa'at dan ketika yang bersejarah ini, eloklah kita merenong sa-bentar memikirkan keadaan negara kita pada masa ini, kemanakah arah dan haluan yang akan kita tujui dan bagaimanakah chara tiap2 seorang kita patut mengambil bahagian bagi membena negara yang kita chintai ini.

Kemajuan sesuatu negara bergantong kapada apa yang di-sumbangkan oleh ra'ayatnya dan begitu pula sebaleknya. Kalau kita berhasil membuat sesuatu yang baik, ini adalah mengukohkan asas kemajuan dan kekuatan negara kita. Sebaleknya, kalau perkara yang kita buat itu tidak baik, tentulah akan membawa kemorosotan dan perpechahan negara kita.

Saudara2 sekalian

Semasa menyambut ulang tahun kemerdekaan tahun lalu, kita telah mengistiharkan Rukunegara, yang menerangkan dengan jelas tanggong jawab tiap2 seorang ra'ayat Malaysia serta garis2 panduan untok negara kita. Pada 22hb. Februari tahun ini, Parlimen telah bersidang semula

meninggalkan lembaran hitam sejarah disebabkan oleh Peristiwa 13 Mei dulu. Kerajaan telah juga mengistiharkan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi landasan Ranchangan Malaysia Kedua kita. Parlimen telah pun meluluskan Ranchangan itu dengan sebulat suara, yang berma'ana menerima kedua2 konsep iaitu menghapuskan kemiskinan dikalangan ra'ayat dan membetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang dalam masharakat kita.

Serentak dengan itu, Kerajaan telah menubuhkan jentera pentadbiran baru untok melaksanakan Ranchangan Pembangunan ini iaitu Majlis Tindakan di-semua perengkat - diperengkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Kerajaan telah juga menubuhkan beberapa Badan baru saperti Perbadanan Padi dan Beras Negara, Lembaga Perikanan, Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA, Biro Pengaduan Awam, disamping membaiki Badan2 lain yang telah ditubohkan terdahulu daripada itu, untok melaksanakan chita2 dan hasrat Kerajaan bagi kemajuan negara dan kebahagian hidup ra'ayat.

Kerajaan telah juga mengistiharkan Dasar Luar Negeri dan Dasar Pertahanan yang baru untok menghadapi keadaan2 baru sekeliling kita dan juga chabaran2 pada masa akan datang.

Saudara2 sekalian

Inilah setengah2 perkara yang kita telah jalankan pada tahun lalu, yang merupakan tapak permulaan bagi Kerajaan baru yang saya pimpin pada hari ini.

Pada hari yang bersejarah ini, marilah kita mengingatkan diri sendiri iaitu sebagai ra'ayat negara ini, kita mestilah memberi khidmat bakti untok kepentingan negara. Sebagai warga negara, tiap2 seorang dari kita mempunyai hak2 yang tertentu, tetapi kita juga mempunyai tanggong jawab2 yang nyata.

Kita sudah berikrar melalui Rukunegara hendak membena sebuah negara yang demokratik, bersatu padu, adil, liberal dan progresif. Oleh itu, adalah menjadi tanggongjawab kita semua untok menchapai-nya. Kita mestilah menuju kearah ini dengan penoh semangat dan perasaan tanggong jawab.

Kalau kita lemah dan tidak mempunyai disiplin yang kuat, kita tidak akan berhasil menchapai chita2 kita itu.

Saudara2 sekalian

Dalam kehidupan, kita ra'ayat Malaysia mempunyai sifat2 riang gembira, kemesraan serta peramah dan suka hendak mengechap segala nekmat yang diberi oleh Tuhan. Akan tetapi, janganlah pula kita biarkan perasaan ini melebehi perasaan tanggongjawab dan disiplin kita. Kita mestilah menumpukan seluroh usaha dan tenaga kita untok membena satu masharakat yang kita benar2 kehendaki. Ini adalah tanggongjawab kita bersama; tegasnya, tanggongjawab saudara2 dan saya juga, mengambil bahagian dan menyumbangkan khidmat bakti kita bagi menchapai chita2 bersama itu.

Oleh itu, mari-lah kita berusaha sedaya upaya memupok segala bakat yang terdapat di-negara ini, dalam apa jua lapangan -

sama ada bidang politik atau ekonomi, bidang kebudayaan atau olahraga - supaya kita dapat mara bersama2 menchapai hasrat dan chita2 yang lebeh tinggi.

Tiap2 seorang, baik ia pelajar atau perajurit, seniman atau olahragawan, pedagang atau petani, buroh atau pegawai - masing2 mempunyai peranan tertentu.

Begitu juga kaum belia kita khasnya kerana satu jenerasi baru telah munchul menjadi dewasa sejak kita menchapai kemerdekaan. Jenerasi baru ini adalah lebeh berpelajaran, berbakat dan mempunyai chita2. Maka sayugialah mereka sama2 berbakti untok masa depan negara.

Saudara2 sekalian

Kalau kita menoleh kebelakang selama 14 tahun sejak kita merdeka, sesunggohnya banyak yang boleh kita banggakan.

Bidang pertanian telah dipelbagaikan dan kilang2 yang dibena telah mengeluarkan berbagai2 benda. Alam luar bandar kita telah banyak berubah kerana munchulnya ranchangan2 kemajuan tanah dan kemajuan2 yang lain, sementara dibandar2 terdiri bangunan2 tinggi yang tersergam. Sekolah2 mengeluarkan belia2 yang terlatoh dan pasokan keselamatan sentiasa siap sedia. Kesenian terus berkembang maju sementara perdagangan makin meluas dan kapal2 dagang kita belayar mengelilingi dunia. Rangkaian jalan2 raya merentang dari utara keselatan dan dari timor kebarat, sementara lapangan kesehatan dan pendidikan menampakkan

kemajuan2 yang mengkagumkan.

Pendek kata, semua ini menunjukkan kejayaan2 yang gilang gemilang bagi negara kita.

Bagaimana pun, tidaklah patut di-lupakan bahawa kejayaan2 ini telah di-chemarkan oleh Peristiwa 13 Mei, yang menyedarkan serta menginsafkan kita kapada mas'alah perpaduan ra'ayat. Segala kejayaan dan hasil2 yang telah kita chapai tidak akan kekal sekira-nya kita tidak dapat mengatasi mas'alah ini.

Oleh yang demikian, pada hari yang bersejarah ini, mari-lah kita berikrar akan berbuat apa yang boleh, untok menggerakkan seluruh ra'ayat kearah chita2 perpaduan itu. Kita memang sedar perpaduan sepenohnya tidak akan dapat dichapai dalam masa setahun atau pun 10 tahun. Tetapi, bagaimana pun, kita mesti-lah bergerak mulai hari ini.

Saya ingin menegaskan bahawa mas'alah ini ialah mas'alah negara. Ini bukanlah khas untok satu2 bangsa atau satu2 gulongan masharakat kita. Sebaleknya, kita hendaklah mengaku dan berikrar dengan sesungguhnya, bahawa negara Malaysia ini ialah hak semua ra'ayat Malaysia. Tiap2 seorang, tidak kira apa asal keturunannya, mempunyai tempat bagi menghasilkan bakat dan kebolehannya. Tiap2 seorang mempunyai hak yang sama dibawah lindongan undang2.

Tetapi, serentak dengan itu, bersama2 dengan ikrar kita kapada hasrat perpaduan negara, hendaklah pula kita menyedari hakikat sejarah zaman silam bangsa kita dan kenyataan2 sebenar pada hari ini.

Masa silam boleh disifatkan sebagai achuan yang menentukan chorak hidup kita hari ini. Antara hakikat2 yang nyata mengenai masharakat kita hari ini, mas'alah yang paling mendesak ialah kedudokan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum2 dan gulongan dinegara ini. Mas'alah ini, disamping hakikat peluang pelajaran dan pekerjaan yang tidak seimbang antara ra'ayat berbagai kaum, tidak boleh diketepikan atau diharapkan lenyap begitu sahaja. Kita hendaklah berusaha membaikinya dengan mengadakan dasar2 yang bijak dan dinamis dan langkah2 yang sesuai untok beberapa tahun yang akan datang.

Kita mesti mengatasinya; kalau tidak, perpaduan negara akan terancham. Perpaduan negara dan persaimbangan ekonomi adalah tali bertali dan sandar menyandar. Dan kedua2 mas'alah ini mustahak diselesaikan bersama2.

Tegasnya, perpaduan dan juga persaimbangan ekonomi, kedua2nya merupakan mas'alah negara. Penyelesaian kedua2 mas'alah besar ini, bukanlah untok kepentingan sesuatu kaum atau sesuatu gulongan; ini ialah untok kepentingan kita semua.

Disamping berikrar melaksanakan kewajipan kita untok mengatasi mas'alah2 ini, marilah kita sama2 berikrar menghapuskan kemiskinan, penyakit dan kejahilan dari semua gulongan masharakat. Kedhaifan dan kesakitan tidak mengenal batasan kaum. Mereka yang miskin, mereka yang lemah dan mundor, mustahaklah mendapat perhatian khas kita bersma, supaya mereka mendapat peluang yang lebeh luas dan jalan yang terbuka bagi memainkan peranan masing2 dalam pembangunan negara.

Saudara2 sekalian

Satu lagi mas'alah besar yang kita hadapi ialah kegiatan anasir2 jahat komunis, terutama dikawasan sempadan kita dengan Negeri Thai dan juga sempadan Sarawak/Kalimantan Timor, di-Malaysia Timor. Pengganas2 komunis adalah pengkhianat negara. Mereka tidak ingin kapada pembaharuan masharakat. Mereka tidak ingin pemerentahan yang baik bagi negara kita. Tujuan mereka semata2 hendak menggulingkan, dengan sechara kekerasan, Kerajaan yang sah, kerajaan yang dipileh oleh ra'ayat.

Shukor Alhamdulillah, anggota2 pasokan keselamatan kita mengawal keadaan dengan jaya, dan dengan ketabahan dan semangat keperwiraan mereka, anasir2 jahat itu akan dihapuskan dari bumi negara kita.

Saudara2 sekalian

Pada hari yang berbahagia ini, marilah kita mengingati mereka, dan jasa2 bakti mereka kapada negara, terutama mereka yang telah mengorbankan segala2nya, demi keselamatan kita semua.

Marilah kita berikrar membantu mereka supaya tugas dan tanggong jawab mereka dapat diselesaikan dengan sempurna.

Saudara2 sekalian

Saya telah menyebutkan beberapa mas'alah yang penting dan mendesak dihadapan kita hari ini. Namun demikian, sukalah saya berseru kapada semua iaitu pada Hari Kebangsaan negara kita

ini, marilah kita menjunjung tinggi harapan dan chita2 Malaysia Baru yang akan sama2 kita dirikan dalam tahun2 tujoh pulohan ini. Kita menghadapi satu chabaran yang maha hebat, yang menghendaki pada diri kita beberapa sharat penting untok mengatasinya dengan penoh kejayaan.

Oleh yang demikian, mustahaklah kita menanamkan dihati setiap orang perasaan tanggong jawab kapada masharakat, menyalakan semangat baru untok berusaha dan bekerja, menyalorkan minat dan perhatian belia2 khasnya kapada kemajuan sains dan teknoloji, memupuk daya kreatif dan bakat2 seni ra'ayat, dan meninggikan inisiatif serta kechekapan dibidang pentadbiran awam.

Semua ini berma'ana kita mesti menchapai taraf yang lebeh tinggi dalam semua lapangan hidup tanpa menghilangkan sifat2 riang gembira, kemesraan dan peramah yang menjadi peribadi kita sebagai bangsa Malaysia.

Saudara2 sekalian

Inilah gambaran Malaysia dalam tahun2 tujoh pulohan. Sama ada akan menjadi reality terpulanglah kapada usaha dan kesanggupan kita bersama.

Mengambil sempena hari perayaan ini, saya menyeru semua ra'ayat Malaysia supaya tampil kehadapan dan memainkan peranan masing2 untok menjayakannya.

Tidak shak lagi, perbedzaan antara kita pasti ada. Perbedzaan pendapat dan chara pelaksanaan memang terdapat, tetapi selagi kita mempunyai kebulatan sikap dan tekad, perbedzaan ini akan

memperkukuh, bukan melemahkan masharakat kita.

Bagi diri saya sendiri, saya bersedia, menerima kritik. Tetapi saya suka mengulangi, biarlah kritik itu adil dan membina, serta ditujukan semata2 untok menchapai matlamat dan objektif negara.

Marilah kita bertanya pada diri sendiri, sechara jujor dan ikhlas - apakah bentok Malaysia yang kita ingin bagi kita dan anak chuchu kita untok masa depan kelak? Apakah peranan kita dan sumbangan kita kearah itu? Adakah kita mempunyai keyakinan diri dan kesanggupan untok menghadapi tahun2 yang akan datang?

Saya mempunyai penoh keyakinan bahawa tiada halangan dan tiada rintangan yang tidak dapat diatasi selagi kita bertekad penoh dan berdisiplin. Negara kita adalah kaya dengan hasil2 alam. Ra'ayat kita kaya dengan bakat dalam semua lapangan. Selagi kita tidak lemah atau lesu, bahkan sentiasa bergerak dan berusaha, masa depan negara kita adalah chemerlang. Tidak ada batasan bagi usaha2 kita walau pun hingga keruang angkasa lepas.

Saudara2 sekalian

Selama sa-tahun yang lalu, kita telah memikir dan meranchangkan usaha2 masa depan yang indah dan bahagia bagi bangsa dan negara kita. Ini akan kita laksanakan dengan penoh keazaman dan dengan seberapa sempurna. Saya yakin dan perchaya, dengan berpandu kapada gambaran negara Malaysia Baru didepan kita, dan menyedari segala kesulitan dan ranjau2 bahaya dihadapan kita, kita

memperkukuh, bukan melemahkan masharakat kita.

Bagi diri saya sendiri, saya bersedia, menerima kritik. Tetapi saya suka mengulangi, biarlah kritik itu adil dan membina, serta ditujukan semata2 untok menchapai matlamat dan objektif negara.

Marilah kita bertanya pada diri sendiri, sechara jujor dan ikhlas - apakah bentok Malaysia yang kita ingin bagi kita dan anak chuchu kita untok masa depan kelak? Apakah peranan kita dan sumbangan kita kearah itu? Adakah kita mempunyai keyakinan diri dan kesanggupan untok menghadapi tahun2 yang akan datang?

Saya mempunyai penoh keyakinan bahawa tiada halangan dan tiada rintangan yang tidak dapat diatasi selagi kita bertekad penoh dan berdisiplin. Negara kita adalah kaya dengan hasil2 alam. Ra'ayat kita kaya dengan bakat dalam semua lapangan. Selagi kita tidak lemah atau lesu, bahkan sentiasa bergerak dan berusaha, masa depan negara kita adalah chemerlang. Tidak ada batasan bagi usaha2 kita walau pun hingga keruang angkasa lepas.

Saudara2 sekalian

Selama sa-tahun yang lalu, kita telah memikir dan meranchangkan usaha2 masa depan yang indah dan bahagia bagi bangsa dan negara kita. Ini akan kita laksanakan dengan penoh keazaman dan dengan seberapa sempurna. Saya yakin dan perchaya, dengan berpandu kapada gambaran negara Malaysia Baru didepan kita, dan menyedari segala kesulitan dan ranjau2 bahaya dihadapan kita, kita

akan terus bersama2 mara dengan penoh keazaman dan kejujuran untok berbakti kapada negara yang kita chintai ini.

Selamat malam.

PERUTUSAN TAHUN BARU 1972

Perutusan Tahun Baru 1972 daripada Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein.

Hari ini kita melangkah masok kaambang tahun baru 1972. Pada hari yang bersempena ini, saya turut serta berdoa dengan seluroh raayat Malaysia semoga tahun baru ini membawa kita maju setapak lagi kaarah chita2 keamanan, kesejahteraan dan kema'amoran bagi negara yang dikasehi.

Tahun 1971 sudah pun berlalu dan menchatitkan beberapa peristiwa penting bagi kita semua. Kita telah menyaksikan kemajuan2 dan perkembangan2 yang amat besar ma'ananya untok hari depan bangsa dan negara. Dasar Ekonomi Baru sebagai batu asas bagi membena bangsa Malaysia yang bersatu padu mula dilaksanakan dan sedang berjalan dengan memuaskan.

Namun begitu kita tidaklah harus berpuas hati kerana matlamat yang hendak kita tujui maseh jauh dihadapan. Maseh banyak halangan dan chabaran yang perlu kita hadapi sebelum kita dapat menchapai hasrat dan chita2 sepenohnya.

Dalam pada itu pula kita terpaksa menempoh berbagai dugaan dan ujian. Benchana alam iaitu banjir telah melanda negara dua kali dalam tahun 1971, yang mengakibatkan penderitaan serta kerugian besar kapada raayat dan negara. Saya mengambil kesempatan ini berikrar dan mengulangi jaminan kapada raayat bahawa Kerajaan akan berbuat sedaya upaya untok menghindarkan benchana banjir itu serta menjalankan segala ikhtiar bagi melegakan penderitaan raayat.

Dengan tujuan itulah saya telah membentok Surohanjaya Tetap bagi Mengawal Benchana Banjir dibawah ketuaan Tan Sri Ghazali Shafie, yang akan menimbangkan langkah2 jangka pendek dan jangka2 panjang untok mengatasi mas'alah banjir itu.

Sementara itu suasana dzarurat yang ditimbulkan oleh angkara penjahat2 kominis maseh berlaku dibeberapa tempat dalam negara. Shukor Allhamdulillah, keadaan adalah terkawal. Kita sesungguhnya terhutang budi kapada anggota2 Pasokan Keselematan iaitu kedua2 angkatan tentera dan Polis Hutan yang bertugas dikawasan2 sempadan dengan Thailand dan diSarawak. Saya yakin musoh2 negara akan dapat dihapuskan segera supaya kita boleh menumpukan seluroh perhatian kapada pembangunan.

Kerajaan yang saya pimpin ini berazam hendak membawa kebahagiaan kapada raayat disamping mengekalkan nama Malaysia yang harum disisi bangsa2 lain didunia. Ranchangan2 yang telah disusun sekarang ini akan dilaksanakan dengan penoh kejayaan dan untok itu jentera pentadbiran negara siap sedia supaya pelaksanaan tiap2 ranchangan itu berjalan lanchar dan menchapai objektifnya.

Baru2 ini saya telah membuat perombakan Kabinet dan ini akan mulai berjalan kuatkuasanya hari ini. Saperti mana saya tegaskan dimasa2 lalu, perpaduan negara adalah menjadi keutamaan atau priority buat beberapa tahun yang akan datang ini. Kita akan berusaha terus supaya perpaduan kaum dan harmoni benar2 berakar umbi pada satiap lapisan masharakat.

Saya perchaya dengan tertubohnya Kementerian Perpaduan Negara dibawah Tun V.T. Sambanthan, tujuan mu'tamad yang maha penting ini akan terchapai yang mana akan menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan jenerasi2 akan datang.

Kita telah juga menchatitkan satu kejayaan chemerlang dalam usaha membawa keamanan dan kestabilan politik bagi rantau Asia Tenggara ini. Persidangan Menteri2 Luar Negeri Asia Tenggara bulan November lalu diKuala Lumpur telah mendapat kata sapakat menerima perishtiharan menjadikan rantau ini "a zone of peace,

freedom and neutrality". Tidak shak lagi langkah ini merupakan satu tindakan yang berani serta mencherminkan hasrat jujor negara2 kechil menentukan nasib dan hari depan mereka sendiri.

Saperti saya katakan awal tadi, jalan yang kita tempoh maseh jauh liku2nya dan penoh dengan berbagai rintangan. Negara kita menghadapi berbagai2 masaalah yang sukar sementara keadaan disakeliling berubah begiut chepat menjadikan suasana politik antara bangsa kelam dan tidak keruan.

Bagi kita diMalaysia, kita sekarang memasoki tempoh yang menghendaki keamaan penoh mengejar masa untok melaksanakan Ranchangan Malaysia Kedua. Disamping itu sayugialah kita mengukohkan semangat perpaduan dan muhibbah, mengawal ketenteraman dan kestabilan negara serta memupok keperibadian nasional dan chita2 kebangsaan yang murni.

Saya berseru kapada satiap ra'ayat yang chinta kapada negara supaya bersedia menghadapi chabaran2 masa depan dan memainkan peranan masing2 untok kebajikan diri sendiri dan untok kepentingan negara. Kemegahan negara ini dimasa hadapan bergantong atas keyakinan pada diri sendiri serta kejujoran kita membuktikan kapada sejarah dan bahawa kita hari ini telah berbuat segala apa didalam kesanggupan kita meletakkan batu asas yang kukoh serta menentukan arah haluan untok jenerasi2 akan datang.

Marilah kita bersama2 memasoki tahun baru ini dengan penoh keyakinan dan keazaman menjayakan chita2 itu.

KUALA LUMPUR,

29hb. Disember, 1971.

(Uchapan berikut telah dibuat oleh YAB Ketika membentangkan Rang Undang2 (Pindaan) Perlembagaan diDewan Rakyat pada 23.2.1971)*

BERSATU untuk KEAMANAN dan KEMAKMURAN

Saya merasa yakin dan perchaya bahawa Ahli2 Yang Berhormat sekalian berada didalam Dewan ini dengan perasaan yang penuh gembira kerana dengan izin Allah kita telah dapat mengadakan semula persidangan Parlimen. Saya juga perchaya bahawa tuan2 sekalian mempunyai penuh kesedaran betapa beratnya tanggongjawab tuan2 semua untuk menjamin supaya demokrasi berparlimen berjalan dengan lichin dan sempurna didalam negara kita ini.

Tatkala saya dilantik menjadi Pengarah Gerakan kira2 21 bulan dahulu iaitu pada 17hb Mei, 1969 tugas saya yang utama ialah mengembalikan keamanan dan ketenteraman. Saya juga bertanggungjawab untuk memelihara supaya pentadbiran negara berjalan dengan lanchar dan menimbulkan balek perasaan harmoni dan perchaya memperchayai diantara berbagai kaum. Dengan adanya bantuan dan kerjasama dari semua pehak, saya telah dapat menjalankan tugas2 saya itu dengan sempurna. Dalam pada itu, saya sentiasa-lah memikir dan menjalankan berbagai usaha untuk mengembalikan balik keadaan dan suasana didalam negara ini saperti sediakala supaya dapatlah diadakan semula persidangan Parlimen dimana Ahli2 Yang Berhormat dapat melaksanakan tugas masing2 sebagai wakil rakyat.

Sebagaimana yang tuan2 sedia maklum, kuasa sesebuah Kerajaan itu datang-nya daripada rakyat. Kita semua berada didalam Parlimen pada hari ini semata2 kerana kita telah mendapat keperchayaan daripada rakyat. Kedudukan kita tidak lebih daripada menjadi pemegang amanah bagi pehak mereka itu. Harapan mereka yang utama sekali untuk kita melaksanakannya ialah supaya kita menjalankan kewajipan2 kita itu dengan rasa penuh kesedaran dan bertanggungjawab sehingga dapatlah sentiasa terpelihara perasaan harmoni diantara kaum. Oleh yang demikian, kita mestilah menjalankan perbinchangan dan penyusunan dasar2 kita dengan chermat sambil mengingati dan menginsafi perasaan dan harapan2 rakyat dinegara kita ini.

---

* Huruf Chondong (italics).

Masaalah2 yang terbentang dihadapan kita sekalian bukanlah dapat dihuraikan dengan sewenang2nya dengan tidak berpandukan kapada latarbelakang sejarah perkembangan politik dan ekonomi Malaysia. Kita mesti menerima hakikat bahawa bangsa kita terdiri dari berbagai kaum yang masih belum sempurna dan kuat perpaduannya. Berbanding dengan negara2 lain, negara kita masih muda dan pengalaman kita dalam perjalanan sistem demokrasi berparlimen kurang dari 20 tahun. Selain daripada itu, ekonomi negara kita bukan sahaja belum menchapai kemajuan yang sepenuhnya tetapi juga mempunyai kedudukan yang jelas tidak seimbang diantara kaum2 yang ada disini.

Sementara itu, kita juga mesti sedar bahawa ditengah2 masharakat kita pada hari terdapat satu jenerasi baru, terdiri dari mereka yang telah menjadi dewasa selepas kita menchapai kemerdekaan. Mereka tidak tahu latarbelakang politik yang terdapat ketika kita memperjuangan kemerdekaan negara dan dengan sebab itu tidak faham kompromi2 yang telah dipersetujui pada masa itu diantara kaum2 bagi menjayakan perjuangan kita itu. Satu lagi puak yang mesti kita hadapi ialah orang2 yang tidak bertanggungjawab yang berchita2 hendak mendapatkan kuasa dengan chara menghasut dan membangkitkan perasaan sentimen, menimulkan rasa bimbang dan churiga menchurigai antara kaum2.

Inilah hakikat2 yang kita mesti jadikan panduan tatkala kita menyusun ranchangan2 bagi mengatasi berbagai rupa masaalah yang dihadapi oleh bangsa dan negara kita semasa kita melangkah masuk pada satu babak baru dalam sejarah negara kita ini.

Persidangan kita pada hari ini terlambat 20 bulan dari masa yang sepatutnya. Saya juga sama merasa kesal seperti Ahli2 Yang Berhormat sekalian tetapi kita semua tahu sebab2nya. Kekachauan bulan Mei 1969 merupakan satu detik hitam didalam sejarah negara kita, tetapi dengan izin Allah, kita telah dapat meranchangkan dasar2 dan mengambil tindakan2 yang tegas dan berkesan untuk menyelamatkan bangsa dan negara kita dari terjerumus kedalam gaung yang dalam. Sungguhpun pada hari ini keadaan dan suasana pada umumnya telah pulih seperti sediakala, tetapi tidaklah sayugia kita melupakan pengajaran2 dan pengalaman2 yang kita telah perolehi dari kejadian 13 Mei itu.

Memanglah mudah bagi kita membiarkan sahaja masaalah2 itu berlanjutan sambil mengharapkan bahawa satu masa nanti ianya akan hilang

dengan sendirinya. Tetapi sesebuah negara itu tidak dapat diperentah semata2 berasaskan kapada harapan dan jangkaan. Jika kita tidak bertindak untuk mengambil langkah yang perlu sekarang ini, maka kita boleh dikutuk oleh rakyat kerana melakukan kesalahan tidak menyempurnakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kapada kita. Saya yakin tiap2 seorang dari kita ingin mengelakkan dari berulangnya lagi peristiwa 13 Mei itu dinegara kita ini kerana kesan2 yang lebih dahshat dan meluas akan timbul kiranya kejadian itu berlaku lagi. Kita telah menanggung kerugian yang besar dan mendapat pengalaman yang pahit dari perbuatan2 yang tidak bertanggungjawab dan tidak sopan oleh sekumpulan kechil orang2 yang berniat hendak menimbulkan kekachauan dan huruhara. Sekarang kita mesti bertindak dengan tegas kerana apa yang kita pertaruhkan ialah untung nasib bangsa dan negara kita.

Marilah kita sekalian sematkan didalam hati dan ingatan kita pengajaran2 yang kita telah perolehi dari peristiwa 13 Mei itu, dan janganlah kita binchang dan bahathkan lagi tentang apa yang menyebabkan terchetusnya peristiwa itu dan bagaimana ianya bermula kerana ini mungkin akan melupakan kita kepada musuh kita yang sebenarnya, iaitu anasir2 yang tidak bertanggungjawab yang kerjanya menanamkan benih2 shak wasangka dan perasaan bimbang dikalangan kaum2 serta menggunakan perkara sensitif untuk faedah diri mereka. Anasir2 yang tersebut telah mendapat kesempatan yang besar untuk membangkitkan perasaan perkauman apakala kempen Pilehanraya berjalan dalam bulan April dan Mei, 1969. Mereka sengaja menimbulkan perasaan takut dan marah dengan chara mempersoal dan mempersendakan sharat2 dalam Perlembagaan mengenai dengan Bahasa Malaysia dan kedudukan istimewa orang2 Melayu, sehingga memburukkan lagi perasaan tidak terjamin yang dirasai oleh orang2 Melayu apakala mereka melihat bagaimana luasnya jurang perbedzaan diantara mereka dengan orang2 yang bukan Melayu terutamanya sekali didalam lapangan ekonomi dan pelajaran. Setengah daripada anasir2 yang tidak bertanggungjawab itu telah menchetuskan rasa tidak puas hati dengan chara sengaja memberi keterangan2 yang salah mengenai dengan perlaksanaan sharat2 Perlembagaan yang tersebut itu dan juga hendak menghapuskan sharat2 tersebut dari Perlembagaan. Satu pehak lagi dari anasir2 itu telah menimbulkan rasa takut dan tidak perchaya dengan mengatakan bahawa kepentingan2 yang sah orang2 bukan Melayu sebagaimana yang termaktub didalam Perlembagaan itu hendak dichabuli.

Kita mestilah menginsafi yang sebenar sebagaimana yang terdapat diMalaysia pada hari itu. Oleh kerana peristiwa 13 Mei itu maseh jelas didalam ingatan kita, maka perlulah kita bersikap tegas untuk menunjukkan keazaman kita hendak mengekalkan dan memelihara kekuatan demokrasi bagi menentang gerakan2 tipu helah anasir2 yang tidak bertanggungjawab itu. Kita mestilah menunjukkan bukti2 bahawa kita benar2 tegas didalam kata2 kita hendak menghapuskan segala peluang yang boleh di-gunakan oleh anasir2 itu untuk merosakkan susunan politik kita. Pendek kata, kita tidak akan membiarkan sekumpulan kechil menyalah-gunakan kebebasan yang telah di-berikan itu sehingga menjahanamkan hak kebebasan kita.

Dengan bersidangnya semula Parlimen, make kita semua hari ini sedar akan harapan besar dan hasrat hati rakyat negara ini. Saya menaruh harapan yang tinggi bahawa dengan tindakan kita meluluskan Rang Undang2 yang sedang dibentangkan didalam Dewan ini, maka akan terhapuslah perasaan shak dan waham dikalangan seluruh rakyat negara ini. Saya juga berharap setelah mendengar perbinchangan2 kita disini, mereka akan merasa yakin bahawa sekali pun kita mempunyai pegangan2 politik yang berlainan, tetapi kita bersatu didalam usaha hendak memelihara keamanan dan keteguhan negara dan perpaduan serta kehormonian rakyat.

Maka dengan sebab yang saya sebutkan tadi, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengemukakan Rang Undang2 yang ada dihadapan tuan2 pada hari ini dengan tujuan hendak meminda beberapa peruntukan didalam perlembagaan. Kita mempunyai dua tujuan yang utama yang sangat penting.

Pertama, pindaan2 itu bermaksud untuk menyekat perbinchangan awam atas perkara2 yang sensitif supaya dengan itu dapatlah demokrasi berparlimen berjalan dengan lichin dinegara kita ini. Kedua, ianya bertujuan untuk memperbetulkan menerusi undang2 beberapa perkara yang tidak seimbang dikalangan kaum2. Kerajaan telah mengambil masa yang panjang untuk memikirkannya dengan teliti sebelum daripada membuat keputusan hendak mengemukakan pindaan2 yang tersebut didalam Dewan ini. Kita telah mendapat kesempatan untuk mengadakan perbinchangan2 berfaedah secara berterus terang didalam Majlis Perundingan Negara. Kita yakin dan perchaya bahawa pindaan2 itu adalah mustahak memandang kepada keadaan dan suasana yang terdapat pada masa ini dan tidak shak lagi pindaan2 itu dipersetujui oleh sebilangan besar rakyat yang suka melihat supaya keharmonian diantara kaum tidak terjejas.

Sekarang saya suka menjelaskan pindaan2 yang dichadangkan itu satu persatu.

Pindaan yang pertama yang terkandung didalam Fasal 2 Rang Undang2 ini ialah mengenai dengan Artikal 10 dalam Perlembagaan. Pindaan ini ialah bertujuan untuk menchegah sesiapa jua pun membuat kenyataan2 yang boleh menyentuh perasaan sensitif kaum2 yang ada dinegara kita ini. Charanya ialah dengan memberi kuasa kepada Parlimen untuk meluluskan undang2 yang menchegah perbuatan mempersoalkan sebarang perkara, hak, kedudukan, taraf, keistimewaan, kedaulatan atau hak mutlak yang ditentukan atau dilindungi oleh peruntukan2 dalam Bahagian III (yang mengandongi peruntukan2 berkaitan dengan kerakyatan): Artikal 152 (mengenai dengan Bahasa Kebangsaan dan bahasa2 kaum lain): Artikal 153 (mengenai dengan kedudukan istimewa orang2 Melayu dan kepentingan sah kaum2 lain): dan Artikal 181 (mengenai dengan kedaultan Raja2).

Sebagaimana Ahli2 Yang Berhormat sedia maklum, hak kebebasan berchakap dan mengeluarkan fikiran dibawah Artikal 10 Fasal I (a) dalam Perlembagaan telah pun terta kluk kepada peruntukan dibawah Fasal 2 (a) kepada Artikal itu yang memberi kuasa kepada Parlimen membuat undang2 untuk mengenakan "sekatan2 yang didapati perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana2 bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negara2 lain, ketenteraman awam atau akhlak dan sekatan2 yang dimaksudkan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana2 Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap Mahkamah, fitnah atau perbuatan mengapi2 supaya dilakukan sesuatu kesalahan."

Jika sekatan2 yang tersebut dalam Fasal 2 (a) itu diterima dan difikirkan perlu, maka tentulah lebih perlu lagi dikenakan sekatan2 keatas perbuatan2 mempersoalkan peruntukan2 yang penting dan asasi yang terkandung di-dalam Perlembagaan itu memandang kepada pengalaman yang baru kita perolehi, kerana diatas asas2 inilah bangsa kita telah dibena. Dengan sebab itulah satu Fasal baharu hendak dimasukkan dibawah Artikal 10 yang menghurai dan menjelaskan kuasa2 Parlimen dibawah Fasal 2 (a).

Saya rasa tidaklah perlu saya menghuraikan satu persatu didalam Dewan ini untuk menunjukkan bagaimana adilnya Perlembagaan Negara kita kepada semua pehak dan ianya telah digubal hasil dari persetujuan2 yang

telah dichapai oleh kaum2 yang besar diMalaysia setelah perundingan2 sechara berterus terang dan mendalam diadakan diantara kita sesama sendiri sebelum daripada kita menchapai kemerdekaan. Bahagian III Perlembagaan kita itu adalah mengenai dengan peruntukan2 kewarganegaraan. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk memberi jaminan kepada seluruh warganegara Malaysia bahawa hak2 mereka tidak sekali-kali akan disentuh. Jaminan ini tentulah sangat penting bagi mereka dan saya harap mereka hapuskan dari ingatan mereka sebarang perasaan shak dan waham tentang kedudukan mereka sebagai warganegara. Perlembagaan telah meletakkan sharat yang adil kepada semua pehak mengenai dengan kewarganegaraan. Negitulah juga peruntukan2 yang lain didalam Perlembagaan itu mengenai perlindungan keatas hak2 yang sah bagi semua kaum diMalaysia.

Mithalnya peruntukan2 berhubung dengan kedudukan istimewa orang2 Melayu adalah diseimbangkan dengan jaminan yang diberi untuk melindungi kepentingan yang sah bagi kaum2 lain dan juga dengan peruntukan2 kewarganegaraan yang telah saya sebutkan tadi. Peruntukan berhubung dengan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal adalah diseimbangkan dengan jaminan bahawa bahasa2 kaum lain boleh digunakan selain daripada untuk tujuan2 rasmi. Berhubung dengan peruntukan mengenai dengan kedaultan Raja2, saya per-chaya tidak sesiapa pun hendak menchabar kedudukan Raja2 itu. Saya yakin bahawa tidak seorang pun rakyat yang taat setia suka melihat bahawa perkara kedudukan Raja2 itu menjadi bahan perbahathan didalam gelanggang politik.

Inilah perkara2 yang termaktub didalam Perlembagaan kita yang boleh disifatkan sebagai soal2 yang sensitif yang mesti dilarang sesiapa jua pun mengadakan perbinchangan awam mengenai dengannya iaitu perkara2 yang boleh digunakan oleh anasir2 yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan perpaduan rakyat. Negara dan bangsa kita telah diasaskan diatas peruntukan2 Perlembagaan yang adil dan saksama yang memberi perlindungan kepada kesemua kaum yang ada diMalaysia ini. Sesiapa yang menchabar peruntukan2 itu bererti menchabar asas2 negara ini. Malangnya, dimasa2 yang lepas ada orang yang telah membuat chabaran itu dan akibatnya kita semua telah dapat saksikan sendiri. Saya suka menegaskan disini bahawa peruntukan yang menjadi asas negara kita itu patut dipelihara bukan sahaja kerana menjaga kepentingan2 kita bahkan kerana ianya terlampau suchi untuk dijadikan bahan2 perbahathan yang merbahaya.

Sekarang sukalah saya menjelaskan pula bahawa kuasa yang hendak di-berikan kepada Parlimen untuk mengenakan larangan2 mengadakan perbinchangan2 awam diatas peruntukan2 sensitif itu tidaklah termasuk perbinchangan2 tentang perlaksanaan peruntukan itu.

Tuan2 tentulah bersetuju bahawa peruntukan2 sensitif itu tidaklah patut menjadi bahan untuk perbinchangan awam, tetapi tidaklah di-dapati adil kiranya chara2 perlaksanaan peruntukan2 yang tersebut disekat daripada dibahathkan iaitu setakat yang mengenai dengan perbuatan2 menyalahgunakan kuasa2 untuk melaksanakan peruntukan2 Perlembagaan itu oleh Kerajaan atau mana2 pehak yang berkuasa. Adalah dichadangkan iaitu perkara2 yang boleh dipersoalkan itu akan ditentukan didalam sebuah undang2 yang akan dikemukakan tidak berapa lama lagi. Tidak siapa pun dapat mendakwa bahawa ianya mempunyai kebijaksanaan dan tidak melakukan kesalahan, dan kami didalam Kerajaan sentiasalah sanggup menerima sebarang pandangan2 dan shor2 tentang chara2 bagaimana peruntukan2 itu dapat dilaksanakan. Kita telah mengakui bahawa adalah untuk kepentingan kita bersama bahawa peruntukan2 itu diberi perlindungan, dan kita juga mengakui bahawa adalah bagi faedah kita semua untuk menjamin supaya peruntukan2 itu dilaksanakan dengan adil dan saksama supaya terchapailah tujuan2 dan maksud2 diadakan peruntukan2 yang tersebut.

Sekarang saya beralih pula kepada pindaan yang kedua iaitu Fasal3 dalam Rang Undang2 itu yang bermaksud hendak meminda Artikal 63 dalam Perlembagaan berhubung dengan keistimewaan ahli2 Parlimen yang menjamin bahawa mereka tidak akan dibawa kepengadilan mahkamah diatas sebarang perkara yang mereka uchapkan didalam perbinchangan dalam salah satu Dewan atau dalam mana2 Jawatankuasa Dewan. Kita berchadang hendak memasukkan satu Fasal baru kepada Artikal 63 yang bertujuan bahawa seseorang Ahli Parlimen yang dituduh melakukan kesalahan dibawah mana2 Undang2 yang diluluskan oleh Parlimen menurut dibawah Artikal 10(4) sebagaimana yang dipinda dengan Fasal 2 Rang Undang2 ini, maka Ahli itu tidak berhak mendapat perlindungan dibawah Artikal 63(2). Sehingga Parlimen dapat meluluskan undang2 dibawah Fasal 4 Artikal 10, maka Akta Hasutan 1948 seperti yang dipinda dibawah Ordinan (Kuasa2 Perlu) Dharurat 45, 1970, adalah berjalan kuatkuasanya. Pindaan yang ketiga, iaitu Fasal 4, dalam Rang Undang2 itu memberi kesan yang sama kepada Artikal 72 kepada Perlembagaan berhubung dengan keistimewaan yang sama bagi seseorang Ahli Dewan Undangan bagi mana2 negeri.

Saya memanglah sedar bahawa Ahli2 Parlimen dan Ahli2 Dewan Negeri adalah terdiri dari mereka yang bertanggungjawab. Tetapi kita semua tahu bahawa apa yang kita kata disini adalah dirakamkan dalam Peringatan Meshuarat Dewan dan terus dilapurkan oleh alat2 sebaran am. Jika kita hendak melarang perkara2 sensitif itu dibinchangkan dengan sechara awam dengan memberi kuasa kepada Parlimen meluluskan undang2 bagi menghadkan kebebasan berchakap mengenai dengan hal2 itu, dan membolehkan diambil tindakan undang2 keatas mereka yang dituduh melakukan kesalahan melanggar undang2 yang tersebut itu, maka tentulah patut dan adil bahawa Ahli2 Parlimen atau mana2 Ahli Dewan Negeri juga tertakluk kepada dakwaan itu kiranya kita sendiri melanggar undang2 tersebut.

Kita patutlah sedar bahawa Ahli2 Parlimen dan Ahli2 Dewan Negeri sentiasalah mendapat perhatian istimewa dari orang ramai dan uchapan2 mereka didalam Dewan adalah menarik perhatian rakyat. Jika Ahli2 Yang Berhormat dibenar menimbulkan dan membangkitkan soal2 sensitif dalam Dewan dengan tidak terta kluk kepada kuatkuasa undang2, maka tidaklah bererti pindaan yang dichadangkan dalam Fasal 2 Rang Undang2 ini, Dewan ini telah pun bersetuju bahawa kebebasan beruchap dalam Dewan ini tidak bererti seseorang Ahli itu boleh menyentuh perkara yang boleh membangkitkan perasaan kaum dan mengancham ketenteraman antara kaum dibegara ini. Tegahan ini telah ditetapkan dalam Peraturan 36 kepada Peraturan Majlis Meshuarat Dewan Rakyat yang menentukan bahawa adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan2 yang harus membang-kitkan perasaan bersakit2 hati atau bermusoh2an diantara satu kaun dengan satu kaun lain dalam negara ini. Saya perchaya Ahli2 Yang Berhormat semua bersetuju bahawa Peraturan ini tidak memadai untuk tujuan2 yang dimaksudkan memandang kepada suasana yang terdapat pada hari ini. Saya rasa tidaklah memadai dengan kuasa yang ada pada Speaker untuk memerentah Ahli2 Dewan menarik balik kata2-nya setiap kali mereka melanggar Peraturan 36 itu. Ini bukan sahaja memberatkan tanggungan Speaker yang mesti memberi keputusannya dalam sekelip mata pada tiap2 kali kejadian itu berlaku, tetapi yang pentingnya kata2 yang merbahaya itu telah terhambur dan tidak dapat dipadamkan lagi. Oleh yang demikian, Ahli2 Yang Berhormat mestilah juga terta kluk kepada tindakan undang2 diatas kata2 mereka yang merbahaya itu sama seperti orang awam. Adalah dichadangkan bahawa Ahli2 Dewan Parlimen dan Undangan2 Negeri yang di-dapati melanggar Undang2 ini hanya akan dibicharakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Akta Hasutan 1948 akan dipinda sewajarnya untuk mengadakan peruntukan ini.

Sekarang saya berpaling pula kepada Fasal 5 dalam Rang2 Undang2 itu yang bermaksud hendak meminda Artikal 152 kepada Perlembagaan berhubung dengan Bahasa Kebangsaan dengan menentukan pengertian perkataan2 "tujuan rasmi" didalam Artikal itu. Perlembagaan telah pun menentukan bahawa Bahasa Malaysia hendaklah menjadi Bahasa Kebangsaan dengan tidak menghalang atau menchegah penggunaan bahasa2 lain terkechuali untuk tujuan2 rasmi. Sebagaimana Ahli2 Yang Berhormat sedia maklum, perkataan2 "tujuan rasmi" dalam Artikal itu tidak dihurai-kan tafsirannya. Oleh yang demikian, adalah dichadangkan supaya perkataan2 itu diberi tafsiran yang jelas dengan chara ditambah satu Fasal baru yang menentukan bahawa perkataan2 itu bermakna sebarang tujuan Kerajaan, samada Kerajaan Persekutuan atau Negeri, termasuklah mana2 tujuan untuk pehak berkuasa awam. Saya rasa pengertian ini sangatlah berguna dan perlu untuk menjelaskan lagi tujuan yang telahpun sedia difahamkan.

Saya suka memberi jaminan kepada Ahli2 Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak bahawa pindaan2 kepada Fasal ini sebagaimana yang telah saya terangkan tadi tidaklah sekali2 akan mechachatkan Artikal 161 menentukan bahawa bahasa Inggeris boleh digunakan dalam kedua2 buah negeri yang tersebut untuk selama masa 10 tahun selepas daripada Hari Malaysia.

Berpaling kepada Fasal 6 dalam Rang Undang2 ini, yang terbahagi kepada tiga bahagian, yang tujuannya untuk membuat beberapa pindaan kepada Artikal 153, saya berchadang hendak menjelaskan terlebih dahulu Fasal 6(a) dan 6(c) bersekali. Fasal 6(a) dalam Rang Undang2 itu bertujuan hendak meminda Artikal 153 dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "Melayu" dimana2 yang tersebut dalam Artikal itu, perkataan2 "dan bumiputra mana2 Negeri Borneo". Fasal 6(c) dalam Rang Undang2 itu chuma merupakan satu penghuraian sahaja dan bertujuan supaya di-masukkan satu Fasal baru 9(a) kepada Artikal 153 yang menghuraikan pengertian perkataan2 "bumiputra Negeri2 Borneo" sebagai mempunyai erti yang sama dengan pengertian yang telah dichatitkan dalam Artikal 161(A) kepada Perlembagaan. Saya rasa tidaklah perlu saya menerangkan tujuan pindaan ini.

Mengenai dengan pindaan yang terkandung dalam Fasal 6(a) kepada Rang Undang2 itu, saya juga perchaya bahawa pindaan ini dapat diterima oleh semua pehak. Tujuan asas bagi Artikal 153 itu ialah untuk memberi kesempatan orang2 Melayu maju dengan lebih pesat supaya dapatlah pada

satu masa kelak mereka bertanding dengan orang2 bukan Melayu dengan mempunyai sharat2 kelayakan dan kebolehan yang sama, kerana pada masa ini adalah diakui bahawa orang2 Melayu belum menchapai kemajuan yang sama pesat dengan orang2 yang bukan Melayu. Hakikat yang sama seperti ini terdapat juga dikalangan bumiputra Negeri2 Borneo. Oleh yang demikian, pindaan yang dichadangkan itu memanglah lojik. Saya patut mengemukakan bersekali Fasal 8 kepada Rang Undang2 itu yang bertujuan untuk meminda Artikal 161(A) Perlembagaan. Pindaan ini ialah untuk menyelaraskan dengan pindaan2 dalam Fasal 6 Rang Undang2 ini dan saya fikir tidak perlulah saya menerangkan dengan lebih lanjut.

Saya suka menjelaskan bahawa chadangan membuangkan Fasal I, 2 dan 3 dalam Artikal 161(A) telah dibuat dengan permintaan Kerajaan2 Sabah dan Sarawak menurut sebagaimana Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report). Dengan terhapusnya Fasal I dalam Artikal 161(A), kedudukan2 bumiputra2 dalam kedua2 buah Negeri ini tidaklah sekali2 akan terchachat kerana akan terus mendapat keistimewaan2 yang sama di-bawah pindaan2 yang dichadangkan itu. Dengan terhapusnya Fasal 2, bumiputra dalam kedua2 buah Negeri itu akan mendapat kedudukan yang lebih bail kerana mereka akan dapat keistimewaan2 yang diberi oleh Artikal 153 bukan sahaja diSabah tetapi juga diMalaysia Barat.

Oleh kerana tujuan meminda Artikal 161(a) ialah untuk meletakan bumiputra diSabah dan Sarawak sama setaraf dengan orang2 Melayu diNegeri2 Malaysia Barat, maka perlulah Fasal 3 itu dibuangkan, kerana jika tidak make sharat2 itu akan berchanggah. Keistimewaan2 yang boleh diberi oleh Yang Dipertuan Agong menurut Artikal 153 kepada bumiputra Sabah dan Sarawak ialah mengenai dengan perkara2 Federal sahaja, iaitu perkara2 yang dibawah kekuasaan Kerajaan Pusat. Pindaan2 ini tidaklah sekali2 akan menchachatkan kuasa2 Negeri ini untuk memberi keistimewaan2 kepada bumiputra2 didalam kedua2 buah Negeri yang tersebut dalam perkara2 yang terletak didalam kekuasaan Negeri itu. Dengan Pindaan2 ini, maka jelaslah bahawa bumiputra Sabah dan Sarawak adalah diletakkan kepada satu kedudukan yang sama dengan orang2 Melayu dalam Negeri2 diMalaysia Barat.

Sekarang saya beralih pula kepada Fasal 6(b) dalam Rang Undang2 itu yang memberi kuasa kepada Yang Dipertuan Agong selaras dengan kewajipan2 Baginda sebagaimana yang telah ditentukan dibawah Artikal 153 dalam Perlembagaan, untuk menjamin perezapan bagi orang2 Melayu dan bumiputra Negeri2 Borneo tempat2 yang berpatutan banyaknya dalam

niversiti2, maktab2 dan lain2 pusat pelajaran yang lebih tinggi dari erengkat menengah dimana terdapat lebih banyak chalun2 yang ber-elayakan daripada tempat2 yang disediakan. Saya rasa perlu menjelaskan ujuan2 Fasal 6(b) ini. Saya telahpun menarik perhatian Dewan ini ahawa salah satu sebab yang membawa kepada terchetusnya kekachauan alam bulan Mei 1969 itu ialah bertambahnya perasaan tidak terjamin ikalangan orang2 Melayu disebabkan jurang perbedzaan yang mereka apati diantara mereka dengan orang2 yang bukan Melayu terutamanya alam bidang2 pelajaran dan ekonomi. Saya juga telah menerangkan ahawa salah satu dan tujuan besar kenapa kita menchadangkan pindaan2 epada Perlembagaan itu ialah untuk membetulkan, menerusi undang2 adaan tidak seimbang didalam beberapa lapangan kehidupan rakyat. ara2 dan langkah2 yang lain perlu juga diambil untuk membetulkan keadaan2 yang ng tidak seimbang dalam lapangan2 pelajaran dan ekonomi. Dalam bidang konomi, Kerajaan telah mengadakan satu Ranchangan Ekonomi Baru yang rtujuan untuk menyusun balik ekonomi negara dengan maksud supaya apat-lah tiap2 kaum mengambil bahagian yang sama didalam lapangan erniagaan dan perusahaan negara. Satu lagi perkara yang belum seimbang alah pelajaran yang ada hubungan rapat dengan kemajuan ekonomi dan sosial.

Hari ini bilangan penuntut2 dari semua kaum yang mempunyai kelayakan tuk melanjutkan pelajaran tinggi telah bertambah dengan banyaknya. alam begitu, disebabkan oleh laterbelakang sosio-ekonomi yang serba rang dan kemudahan2 pelajaran yang tidak menchukupi dikawasan2 luarbandar, an kemajuan akademik penuntut2 Melayu tidaklah begitu bail seperti yang kehendaki. Keadaan ini telah mengakibatkan tidak adanya imbangan tara kaum dalam beberapa kursus pengajian diuniversiti. Sebagai ontohnya, diUniversiti Malaya terdapat jurang bilangan yang luas tara penuntut2 Melayu dengan bukan Melayu dalam setengah2 kursus. gka2 untuk membuktikan kedudukan yang tidak seimbang itu ada tersiar lam Kertas Putih yang bertajuk "Kearah Keharmonian Negara". Sebagai-ana yang tuan2 dapat saksikan, sungguhpun keadaan itu telah mula ertambah baik, tetapi kepesatannya tidaklah chukup memuaskan dan elum dapat memenuhi keadaan yang ada pada hari ini. Keadaan tidak eimbang diantara kaum2 itu akan menimbulkan berbagai akibat yang erbahaya kepada bangsa kita dan mesti diatasi seberapa segera yang oleh. Statistik angka2 yang tersebut itu menunjukkan dengan jelas adaan yang sebenar. Banyak lagi faktor2 dan angka2 yang lain yang oleh mengesahkan keadaan yang merunsingkan itu. Angka2 itu dapat

menunjukkan dengan jelasnya bahawa orang2 Melayu masih jauh tinggal kebelakang dalam beberapa jurusan pelajaran. Mithalnya, dalam jurusan sains, bilangan siswazah bagi tahun 1970 ialah 22 orang Melayu dari jumlah 493 dalam Fakulti Sains, seorang Melayu dari jumlah 71 orang dalam Fakulti Kejuruteraan, 15 orang Melayu dari jumlah 49 orang dalam Fakulti Pertanian dan 4 orang Melayu dari jumlah 67 orang dalam Fakulti Perubatan. Nyatalah bahawa keadaan ini sangatlah tidak adil dan tidak diingini untuk kepentingan negara. Kerajaan sedang mengaturkan langkah2 jangka panjang bagi memperbaiki kemudahan2 pelajaran dan memperbaiki lagi latarbelakang sosio-ekonomi yang mundur bagi penuntut2 diluar bandar. Sungguhpun begitu,satu penyelesaian yang segera perlu dibuat bagi mengatasi keadaan yang terdapat sekarang ini.

Pada waktu ini Perlembagaan University menetapkan bahawa Universiti itu dikehendaki mengambil masuk kesemua penuntut yang diberi biasiswa Kerajaan dengan sharat mereka mempunyai kelayakan2 yang diperlukan. Oleh yang demikian dapat kita memudahkan penuntut2 Melayu masuk keUniversiti dengan chara memberi biasiswa kepada mereka dengan tidak kira tentang laterbelakang kewangan mereka. Sungguhpun begitu, tentulah chara yang seperti ini tidak adil kerana biasiswa kepada penuntut2 Melayu yang berkelayakan mestilah berasaskan kepada kebolehan mereka dan kedudukan kewangan mereka. Mungkin juga tujuan membetulkan kedudukan yang tidak seimbang dalam fakulti2 itu boleh terchapai dengan chara mengeluarkan arahan2 pentadbiran. Tetapi chara yang seperti itu harus menimbulkan silap faham dan salah pengertian. Oleh itu perlulah kita mengkaji dan memperbetulkan soal ini dengan chara terus terang kerana ianya bukan sahaja mengenai dengan orang2 Melayu bahkan satu masaalah yang berkait dengan kepentingan kita semua. Oleh yang demikian, kita patut menerangkan masaalah ini kepada seluroh rakyat supaya dapatlah mereka faham tujuan dan sebab kita mengambil tindakan yang tersebut. Diatas asas2 inilah maka pindaan kepada Artikal 153 itu dichadangkan.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk memberi jaminan bahawa kuasa yang diberi kepada Yang Dipertuan Agong untuk memberi arahan kepada mana2 universiti, maktab atau pusat pelajaran yang lebih tinggi daripada tingkatan menengah merezapkan untuk orang2 Melayu atau bumiputra negeri2 Malaysia Timur tempat2 yang berpatutan banyaknya akan dilaksanakan dengan chermat dan teliti. Tujuan pindaan2 ini ialah untuk merezapkan tempat2 bagi kursus pelajaran yang tertentu, dimana penuntut2 Melayu dan

bumiputra negeri2 Malaysia Timur yang terlampau kechil bilangannya. Dengan jalan inilah keadaan yang tidak seimbang itu akan dapat diatasi dengan usaha2 hendak memelihara perpaduan negara.

Saya suka menjelaskan bahawa pindaan yang dichadangkan kepada Artikal 153 dengan menambahkan satu Fasal baru (8A) yang terta kluk kepada Fasal (1) Artikal itu yang meletakkan tanggungjawab keatas Yang Dipertuan Agong supaya melindungi bukan sahaja kedudukan istimewa orang2 Melayu bahkan juga kepentingan2 yang sah kaum2 yang lain.

Akhirnya, saya suka menerangkan Fasal 7 dalam Rang Undang2 itu yang bertujuan hendak meminda Artikal 159(5) dalam Perlembagaan dengan mengadakan peruntukan bahawa selain daripada Artikal yang telahpun sedia terchatit didalamnya, maka pindaan kepada peruntukan2 yang terkandung dalam Artikal 10(4) Perlembagaan atau mana2 undang2 yang diluluskan menurut Artikal ini, Bahagian 111 Perlembagaan, Artikal 63(4), Artikal 72(4) dan Fasal 5 kepada Artikal 159 tidaklah boleh dibuat dengan tidak mendapat persetujuan Majlis Raja2.

Sebagaimana Ahli2 Yang Berhormat sedia maklum, Artikal 159(5) telahpun menetapkan bahawa pindaan kepada Artikal 38, 70, 71(1) dan 153 tidak boleh di-luluskan melainkan dengan persetujuan Majlis Raja2. Saya perchaya chadangan hendak mengkanunkan peruntukan2 sensitif dalam Perlembagaan dengan chara ini dan juga Artikal 159(5) itu sendiri akan disambut baik oleh semua pehak sebagai satu lagi jaminan yang menentukan bahawa peruntukan2 Perlembagaan yang menjamin kepentingan2 sah kesemua kaum2 yang ada dinegara ini tidak akan dichabuli.

Bagi penutupnya, saya suka menyatakan bahawa negara kita telah melalui krisis yang amat merbahaya didalam sejarahnya. Perasaan takut dan benchi, marah dan churiga telah dibangkit2kan. Marilah kita renungkan dengan mendalam dan teliti sekarang manakah arah haluan yang kita hendak tujui. Marilah kita sama2 mengingatkan bahawa perjalanan sistem demokrasi dinegara kita ini mesti memperhitungkan keadaan masharakat berbilang kaum yang ada disini.

Negara kita belum pernah bersetentang dengan chabaran yang kita hadapi sekarang ini. Saya suka bertanya kepada Ahli2 Yang Berhormat sekalian adakah bijak bagi kita berbalik kepada chara2 yang lama, iaitu atas nama demokrasi dan kebebasan berchakap, maka adakah patut kita membiarkan anasir2 yang tidak bertanggungjawab bebas menjalankan tipu

helah mereka untuk membangkitkan perasaan kekauman sehingga membawa bangsa dan negara kita kejurang kehanchuran? Ataupun kita bertindak sekarang ini juga untuk menarik kebebasan itu dari mereka supaya dapat kita dan demokrasi berparlimen berjalan dengan lancharnya.

Saya yakin dan tidak ragu2 lagi apa yang mesti kita buat sekarang ini. Begitu juga saya yakin apa yang diingini oleh seluruh rakyat negara ini diatas segala2nya ialah supaya suasana harmoni antara kaum kekal terpelihara dan juga supaya negara kita mara terus kehadapan untuk memenuhi hasrat menchapai perpaduan dan kemakmuran dalam suasana aman dan damai.

Tuan Speaker: Sekiranya masih ada keraguan atau perasaan bimbang dihati setengah2 Ahli2 Yang Berhormat disini mengenai pindaan2 Perlembagaan yang ada dihadapan kita, saya berharap setelah dinyatakan dengan terang tujuan2 serta kehendak2 Rang Undang2 ini, dan setelah mendengar penjelasan2 yang difikirkan perlu, keraguan dan rasa bimbang mereka itu telahpun terhapus hendaknya.

Dengan itu saya meminta supaya Dewan yang mulia ini meluluskan pindaan2 Perlembagaan ini dan menunjukkan dengan nyata kepada seluruh rakyat bahawa kita sekalian disini berazam hendak menjamin pejalanan sistem Kerajaan berparlimen yang sesuai dengan keadaan2 dalam negara kita. Marilah kita semua yang chinta serta taat setia kepada negara ini berdiri teguh dan bersatu hati demi kepentingan utama menjamin dan memelihara harmoni dan perpaduan untuk mengekalkan kewujudan bangsa dan negara supaya mara terus menchapai kemajuan dan kemakmuran.

TA'ARIF KEBAJIKAN MASHARAKAT

DUA SUMBANGAN OLEH KERAJAAN DAN WARGA NEGARANYA

(Konsep kebajikan masharakat dalam bidang demokrasi berparlimen telah dihuraikan oleh Tun Razak bila beliau beruchap di-Persidangan Majlis Kebangsaan Kebajikan Masharakat di Kuala Lumpur pada 27hb. April, 1966)*

Persidangan ini yang akan saya buka dengan resminya sebentar lagi adalah mengenai manusia dan tuan2 yang berkumpul disini hari ini ada hubungan dengan kebajikan penduduk2 kita. Dari achara tuan2, saya dapati tujuan utama persidangan tuan2 ialah untuk memahami konsep kebajikan masharakat.

Bagi saya, ia berupa dua sumbangan iaitu sumbangan dari Kerajaan dan dari rakyat sendiri pertama dipehak Kerajaan ter-masok dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia sekarang, bidang perkhidmatan sosial dan perkhidmatan masharakat dan berbagai jenis ranchangan yang bertujuan membaiki nasib penduduk2 bandar dan luarbandar dengan mengadakan kemudahan2 perumahan dan ke-mudahan2 untuk masharakat yang lebih elok, perkhidmatan kebajikan dan perkhidmatan2 lain.

Saya memberi takrif kebajikan masharakat bukan dari apa yang dibuat oleh Kerajaan tetapi dari apa yang boleh disumbangkan oleh pertubuhan2 sukarela. Apa yang dimaksudkan dengan pertubuhan2 sukarela ialah pertubuhan2 yang sebenarnya memberi perkhidmatan sukarela.

Dimasa yang lalu, pertubuhan sukarela suka sangat menjadi 'pejabat pos' yang dibanggakan, yang bergantong pada wang bantuan Kerajaan, dan peranannya semata2 membahagikan wang bantuan Kerajaan. Tetapi untuk sebuah negara demokrasi saperti negara kita ini, kita mahu pertubuhan2 sukarela kita mempunyai peranan yang lebih dari peranan 'pejabat pos'. Pertubuhan2 itu mestilah bergantong pada diri sendiri.

Biarlah saya terangkan apa yang kita kehendaki. Kita mahukan kemajuan ekonomi, mahu kemakmuran ekonomi, kita mahu maju disegi kebendaan; kita mahu maju dibidang kebudayaan; maju dibidang pelajaran dan yang lebih penting kita mahu tiap2 seorang dari kita, dari Mahaguru Univérsiti, dari pekerja2 sukarela hinggalah saudara2 kita yang kurang bernasib baik, mengubah sikap untuk menerima perubahan2 akibat perlaksanaan ranchangan2 pembangunan oleh Kerajaan kita.

* huruf chondong.

Ini tidak bermaksud bahawa kerajaan saya tidak benar2 menghargai kerja2 kebajikan yang telah dibuat oleh beberapa banyak pertubuhan sukarela dan pekerja2 sukarela diseluruh negara kita. Sebuah negara yang sedang membangun saperti negara kita, berkehendakan daya usaha serta pengorbanan yang lebih besar dalam lapangan perkhidmatan2 sukarela.

Dihati rakyat kita yang tinggal dikawasan2 luarbandar dan bandar tersemat satu kesedaran yang sentiasa hidup tentang kemajuan; semangat baharu yang mempunyai rasa kemajuan dan kemakmoran yang mesti kita ambil dan gunakan dalam negara kita yang muda. Inilah perubahan menuju pembangunan.

Tuan2 tentu tahu bahawa dalam ilmu kimia, bahan mengkin adalah penting. Kita boleh membuat tindakbalas kima sekiranya ada bahan2 yang diperlukan. Tetapi jika mangkin tidak ada, tiada apa pun yang boleh berlaku! Dengan adanya mangkin, akan berlaku lah perubahan dan tindakbalas. Saya nampak pertubuhan2 sukarela memainkan peranan saperti mangkin, menjadi 'chaj penggerak' bagi pembangunan.

Konsep kebajikan masharakat perlu diubah untuk memainkan peranan ini. Ia bukan lagi tempat menerima bantuan awam tetapi menjadi pertubuhan2 masharakat yang akan menyelesaikan masa'alah2 masharakat. Dengan jalan ini, baharulah sifat2 demokrasi sebagai kuasa sosiol dapat berjalan bebas.

Tetapi saya kenalah mengingatkan tuan tentang perubahan pembangunan yang saya sebut tadi bukanlah perchubaan dalam makmal yang terkawal rapi. Kita tidak menggunakan bahan2 kimia; kita berhadapan dengan manusia; kita tidak berhadapan dengan ejen bukanorgana; kita berurusan dengan nyawa manusia dan chita2 manusia; kita berhadapan dengan kuasa yang hidup dan penting.

Tuan2 dan Puan2, kita bukan mengadakan suatu latihan atau rampaian akademi. Biarlah saya terangkan dengan mudah.

Saya tidak berpura2 menjadi pakar sains masharakat, tetapi saya tahu benar dalam masa 20 tahun yang lalu, sains telah banyak membuat kemajuan iaitu dari melancharkan peluru berpandu hinggalah untuk memahami kenapa manusia itu berkelakuan saperti yang mereka lakukan.

Satelah kita mengetahui manusia, apakah yang boleh kita buat yang ada kaitan dengan kebajikan masharakat, untuk membentuk pertubuhan masharakat yang lebih sihat, manusia yang lebih sihat dan berpuas hati dengan segala2nya.

Kita ada ranchangan pembangunan masharakat. Apakah yang dapat diberi oleh pekerja2 kebajikan ,asharakat kita iaitu dari pertubuhan2 Kerajaan dan pertubuhan2 sukarela kepada ranchangan2 ini.

Apakah yang dapat dibuat oleh pekerja2 kebajikan masharakat dengan chara yang membina dan tegas selain dari membaiki keadaan masharakat yang pinchang bila keadaan itu berlaku. Kita di Malaysia telah mahir dalam kerja menentang pencherobohan. Kita telah tunjukkan kebolehan kita menggagalkan pencherobohan militan semasa dharurat. Kita telah tunjukkan kebolehan kita. Kita telah boktikan kebolehan kita menghadapi pencherobohan dengan berkesan semasa konfrontasi.

Tuan2 dan Puan2, pada saya nampaknya disini ada persamaan. Kerajaan mempunyai ranchangan2 yang tegas untuk memberi khidmat kepada warganegara, tetapi dimasa yang lalu kita terpaksa oleh keadaan untuk menutup sahaja sesuatu perkaraitu untuk menghadapi keadaan yang negatif. Sepatutnya kita mengambil kesempatan untuk berjalan terus dengan pembangunan kebajikan masharakat yang tegas.

Biasanya kebajikan masharakat semata2 mempunyai konsep menerima bantuan awam, Kita mestilah berbuat lebih jauh dari ini.

Saperti ranchangan pembangunan ekonomi kita yang tegas, kita mempunyai ranchangan yang positif dan jalan yang tetap untuk dituju. Dalam ranchangan kebajikan masharakat kita pun, kita mistilah lebih mempunyai daya pemikiran dan menghasilkan ranchangan2 yang lebih tegas lagi. Bagi saya, perkhidmatan kebajikan masharakat mestilah memikirkan dengan baik dan membina tentang peranan tegas yang baharu baginya sendiri.

Inilah peranan persidangan tuan2. Saya anggap usaha negara dan manusia sekarang adalah penting bukan sahaja untuk membawa perubahan semata2 kerana mahukan perubahan, tetapi untuk mengujudkan perubahan bagi kebajikan dan kemakmuran rakyat kita. Dengan jalan ini, perjuangan untuk menchapai Demokrasi yang dilakukan disemua rumah warganegara Malaysia dan didalam warganegara kita akan berhasil.

Uchapan Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Di-upachara Penyampaian Hadiah Karya Sastera Tahun 1971 Di-Dewan Tunku Abdul Rahman pada 15hb. April, 1972, jam 6.30 petang.

Pertama sekali saya ingin menguchapkan setinggi2 tahniah kapada penulis2 yang karyanya telah terpileh untok menerima hadiah karya sastera tahun 1971.

Saya sungguh2 berharap bahawa pemberian hadiah kapada karya2 terpileh yang akan dijalankan tiap2 tahun itu akan memberi galakan yang besar kapada para penulis kita. Galakan yang saya maksudkan di-sini bukan saja untok lebeh giat menulis tetapi juga yang terutamanya menulis dengan lebeh 'serious' sehingga menghasilkan karya2 yang semakin tinggi mutunya.

Dalam zaman pembangunan ini, dimana berbagai2 perubahan berlaku amat chepat sekali dalam masharakat maka banyaklah hal2 yang memberi kesan kapada perasaan, keperchayaan dan pemikiran orang2 kita. Semua perengkat dan golongan menghadapi chabaran untok berubah sikap dan pandangan hidup. Oleh yang demikian, kaum penulis terpaksa menjadi 'serious' untok memahami pergolakan dan perkembangan yang hebat ini. Pandangan sambil lalu dan penchiptaan karya yang didorong oleh perasaan melulu tidaklah akan besar ertinya.

Saya mendapat tahu banyak penulis2 baru munchul dari semasa kesemasa, terutama penulis sajak dan cherita pendek. Tetapi sapanjang pengetahuan saya, sebanyak mana bertambah-nya penulis baru demikianlah pula menghilangnya penulis yang munchul terdahulu daripada yang baru itu. Sehingga masa ini payah sekali kita hendak melihat penulis atau sasterawan kita yang tetap menulis hingga kehari tuanya.

Salah satu sebabnya, saya rasa, penulis2 muda kita bila tiba masanya terpaksa melibatkan diri dengan pekerjaan2 tertentu untok kehidupan mereka masing2. Dan bila seseorang itu telah memegang sejenis pekerjaan, tak dapat tidak ia akan bertanggongjawab dengan tugasnya itu dan ia makin lama makin maju dalam pekerjaannya. Akhirnya ia mendapati dirinya terikat oleh pekerjaan yang begitu banyak dan tanggongjawab yang semakin lama semakin besar. Dengan yang demikian, kesempatannya untok menulis menjadi bertambah kurang kerana, menurut faham saya, menulis karya2 kreatif sama besar tanggong jawabnya dan sama 'serious'nya dengan jenis2 pekerjaan yang lain juga. Inilah satu hal yang kurang menyenangkan hati saya disamping hal2 lain yang tentu ada.

Saudara2

Saya berpendapat penulis yang berbakat sepatutnya mendapat kesempatan untok menulis dengan 'serious' terus menerus, dan dapat hidup lumayan dengan pekerjaannya itu. Dia tidak harus terpaksa melibatkan diri kedalam pekerjaan2 lain yang akan menganggu kesempatannya untok terus menerus berfikir, meneliti, belajar, menchari pengalaman dan menulis. Keadaan saperti ini belum pernah wujud dinegara kita dan dengan kerana itu sudah banyak penulis2 kita yang berbakat dimasa lalu hilang begitu saja.

Oleh sebab itu banyaklah masalah yang harus kita hadapi pada masa ini dan masa akan datang untok menimbulkan suatu keadaan atau pun suasana, dimana penulis2 yang berbakat dapat terus hidup sebagai penulis. Masalah ekonomi, masalah pelajaran, masalah sikap gemar membacha karya seni dikalangan masharakat adalah diantara hal2 penting yang saya rasa harus kita hadapi.

Saya juga mendapat tahu bahawa disamping banyak-nya jumlah penulis dan jumlah sajak serta cherita pendek dalam tahun 1971, ada tanda2 yang menunjokkan nilai penulisan agak merosot.

Dan yang lebeh jelas merosotnya ialah bilangan novel yang diterbitkan. Ini pun, diantara lain, pada pandangan saya, disebabkan oleh masalah2 yang saya sebutkan tadi, ya'ani kekurangan kesempatan bagi penulis untok menulis dengan 'serious' supaya benar2 mendalami thema karya mereka. Dengan lain perkataan, kurang-nya kesempatan bagi penulis2 yang sibok menchari nafkah hidup untok mengasah bakat mereka dengan menambah ilmu pengetahuan dan peng-alaman.

Disamping itu, seperkara yang utama juga ialah kurangnya selera pembacha terhadap karya2 sastera sehingga menye-babkan para penerbit tidak berani menerbitkannya kerana bimbang tidak ada pasaran yang memuaskan.

Sunggoh pun demikian, kapada para penulis 'amnya dan badan2 penulis khasnya, saya ingin menyatakan rasa penghargaan atas kegiatan mereka yang bergiat terus dalam keadaan apa pun, dan aktif bergerak memajukan kesusasteraan kita. Saya memberi jaminan bahawa fikiran mereka akan didengar dan chadangan2 mereka yang menasabah dan membina akan diambil perhatian sepenoh-nya.

Saudara2

Pada pertengahan tahun 1971 yang lalu, saya telah menu-bohkan dua badan iaitu Penal Hadiah Sastera dan Penal Penasihat Sastra. Masing2 badan ini bertanggong jawab langsong kapada saya.

Saya berharap dengan chara demikian, saya dapat mengetahui sepenohnya keadaan kesusasteraan kita, kemajuan atau kemunduranya , dari semasa ka-semasa.

Saya amat berterima kaseh kapada Tan Sri Ghazali Shafie, Pengerusi Penal Hadiah Sastra, serta tiap2 seorang anggota Penal itu yang telah berkhidmat sepanjang masa mulai September tahun lalu hingga sekarang untok menyemak dan menilai karya2 sajak dan cherita pendek, yang begitu banyak jumlahnya . Demikian juga karya2 novel dan drama yang diterbitkan dalam tahun 1971. Hasil dari usaha2 mereka itulah kita berhimpun di-sini malam ini untok mengetahui dan berkenal muka dengan penulis2 yang berjaya.

Saya juga berterima kaseh kapada Enche Hussein Onn, Menteri Pelajaran, Pengerusi Penal Penasihat Sastra yang dengan kebijaksanaannya telah membolehkan Dewan Bahasa dan Pustakan menjadi pusat kegiatan pentadbiran Penal Hadiah Sastra dan juga mengunakan sedikit peruntokan wang Dewan itu untok Hadiah Sastra tersebut. Terimakaseh ini saya sampaikan juga kapada Ketua Pengarah dan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa kerana memang-lah Dewan Bahasa dan Pustaka ditugaskan, antara lain, untok memajukan kesusasteraan Malaysia.

Saudara2

Pada malam ini, saya telah juga menjemput orang2 dari golongan bukan penulis dengan maksud hendak menarik perhatian mereka itu, terutama para pegawai dan cherdek pandai, supaya memberi perhatian kapada kesusasteraan kita. Sudah sewajarnya tiap2 golongan mana pun dalam masharakat ini mengikuti perkembangan serta memberi penghargaan kapada kesusasteraan kita. Betapa tinggi sekali pun nilai kesusasteraan asing namun ia tidak mencherminkan kehidupan,

chara berfikir, harapan dan hasrat chita2 bangsa kita sendiri. Melalui kesusasteraan nasional kita dapat melihat dan merasa apa yang sebenarnya berlaku dalam masharakat yang di-alami dan di-chitachitakan oleh bangsa kita. Bagi para pegawai dan cherdek pandai khasnya, saya rasa hal ini sangat penting kerana merekalah yang langsong berhadapan dengan tugas2 membangun bangsa ini.

Saya tidak bermaksud berchakap panjang dalam majlis ini. Lebeh eloklah kesempatan ini kita gunakan untok beramah mesra dan kenal mengenal. Dan sekali lagi saya menguchapkan tahniah kapada para penulis yang karyanya telah terpilih untok tahun 1971.

Upachara Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein Dihari Terbuka Pusat Penyelidikan Perubatan pada 18hb. September, 1971, jam 9.30 pagi

---

Saya menguchapkan berbanyak2 terima kaseh atas kesempatan yang amat berharga bagi saya dan isteri saya melawat Pusat Penyelidikan Perubatan dan juga penghormatan untok merasmikan "Hari Terbuka" IMR yang pertama ini.

Pusat Penyelidikan atau IMR ini, sejak mula didirikan 70 tahun dahulu, sunggoh telah banyak berjasa, terutama dalam usaha meninggikan tingkatan kesihatan ra'ayat. Oleh itu sungguhlah bertepatan dengan masanya kegiatan2 diPusat Penyelidikan ini mendapat perhatian yang lebeh luas dari orang ramai supaya mereka benar2 faham segala langkah dan usaha Kerajaan untok kebajikan dan kesehatan mereka.

Kerajaan sentiasa sedar bahawa perubatan modern, sama ada curative (penyemboh) atau preventive (penchegah), banyak bergantong pada bidang teknoloji yang lengkap, iaitu alat2 yang perlu bagi melakukan kerja2 penyelidikan yang teliti. Hanya dengan menjalankan applied research terus-menerus dalam keadaan tempatan, barulah dapat kita mengekalkan standard yang tinggi setiap masa.

Dalam hubongan ini, bolehlah kita berbangga bahawa sejak IMR ini ditubuhkan, ia telah memainkan peranan yang aktif sebagai perintis dalam beberapa lapangan perubatan untok menchegah penyakit. Diantaranya dapat disebut penyakit malaria, beri beri, kepialu dan lain2 penyakit tropika yang mudah berjangkit.

Tuan2 dan Puan2.

Semenjak 20 tahun yang lepas, kita melihat perkembangan2 pesat dibidang pengetahuan dan teknoloji perubatan. Dari pengalaman pehak2 berkenaan, pengetahuan serta teknoloji baru ini hanya dapat

dipergunakan sepenohnya dalam keadaan yang terator dan tersusun kerana barulah segala kemahiran dan alat2 khas itu boleh digunakan dengan sempurna. Seluruh kemahiran yang ada terdapat hendaklah disalorkan untuk menchapai hasil2 yang baik disamping melateh lebeh ramai lagi kakitangan teknikal pada semua lapangan. Pendek kata, dengan demikian dapatlah digabongkan kemahiran, dedikasi dan alat2 untuk membawa hasil yang dikehendaki sepenohnya.

Tidak boleh dinafikan bahawa penyelidikan perubatan modern menghendaki penyesusian teknik serta chara penyelidikan dalam beberapa jurusan. Ini termasoklah bidang2 biology, social dan mathematical science, dan juga computer teknoloji.

Tuan2 dan Puan2.

Menyebut tentang IMR ini, saya telah berpeluang melawatnya pertama kali empat tahun yang lalu semasa Allahyarham Dr. Ungku Omar Ahmad menjadi Pengarahnya waktu itu. Saya rasa IMR sungguh bertuah mendapat ketua yang dinamik dibawah Dr. Ungku Omar dan saya gembira sekali melihat pegawai2 yang bertugas disini menjalankan kewajipan mereka dengan penoh minat dan dedikasi.

Kalau tidak salah ingatan saya, pada waktu itu mereka sedang merancbangkan pembangunan masa depan Pusat ini disamping menyusun semula perkhidmatan pemindahan darah (blood transfusion), national pathological laboratory services, serta mendirikan Sekolah Laboratory Teknoloji Perubatan untok melaksanakan projek latehan segera untok memenohi keperluan2 Laboratory Technician yang terlateh dalam negara.

Saya berpuas hati melihat ranchangan2 ini sedang dilaksanakan dengan baik, termasok juga bekerjasama dan menyertai dengan lebeh berkesan projek2 penyelidikan serantau menerusi SEAMEO dan ASEAN, dan juga badan2 antara-bangsa yang lain.

Tuan2 dan Puan2.

Saya ingin menyentoh sadikit dasar pembangunan negara saperti yang ternyata dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Saperti yang seringkali saya kata dimasa2 lepas, seluruh dasar dan programme dalam Ranchangan Malaysia Kodua adalah bertujuan hendak membetulkan keadaan masharakat kita yang tidak seimbang, dengan chara menyusun semula masharakat.

Adalah harapan kita, dalam satu jangka masa kelak, kita akan dapat mengadakan perseimbangan ekonomi yang boleh membawa kapada penubohan negara yang adil saksama dan harmoni saperti dinyatakan dalam Rukunegara.

Dasar Ekonomi Baru yang kita jalankan sekarang ini sudah barang tentu memerlukan langkah2 yang efektif untuk membaiki jentera pen-tadbiran untuk peranchangan dan pelaksanaannya. Kerajaan sentiasa sedar mustahaknya kita membaiki serta meluaskan kemampuan pelaksanaan ranchangan2 itu. Kita tahu pelaksanaan tidaklah semata2 berma'ana menjalankan projek2 yang disenaraikan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Peranchangan tidaklah berakhir setelah pelan2 dan renchana2 ranchangan itu dibukukan. Sebaleknya jentera pelaksanaan mestilah diminyaki dan berjalan lanchar setiap masa, mengubahkan dasar dan ranchangan menjadi programme dan projek - to translate the plans and policies into sub-sequent programmes and projects.

Tuan2 dan Puan2.

Saya rasa adalah perlu ditegaskan bahawa objektif utama Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menimbulkan satu keadaan baru dimana akan bertumboh semangat perpaduan dan harmoni untuk membolehkan ra'ayat mene'mati bersama kemajuan dan kemewahan negara ini.

Setakat yang berhubong dengan lapangan kemasharakatan, dibawah Ranchangan Malaysia Kedua ini bidang kesihatan, Peranchangan Keluarga, Perumahan dan lain2 perkhidmatan Masharakat akan diperluaskan serta diperbaiki lagi.

Matlamat utama dalam ranchangan kesihatan ialah membaiki kemudahan2 dikawasan luar bandar disamping melegakan kesesakan dihospital2 kita. Berhubong dengan ini, saya sukachita mendapat tahu bahawa satu bahagian baru, iaitu Bahagian Kesihatan Luar Bandar dan Penyelidikan telah ditubohkan diIMR. Ini adalah satu langkah yang baik dan tepat dengan kehendak masa.

Saperti saya katakan tadi, Kerajaan yang saya pimpin sedar mustahak-nya menggalakkan usaha2 penyelidikan dalam apa jua bidang pembangunan. Sesuai dengan keperluan inilah Kerajaan membentok badan2 saperti MARDI, MISIR dan lain2 khusus untuk menjalankan penyelidikan dalam lapangan tertentu.

Bagaimana pun, faktor besar yang membataskan scope penyelidikan : ialah kekurangan ahli2 penyelidikan tempatan yang berkelayakan. Dalam tahun2 akan datang, keperluan2 tenaga penyelidik seluruh negara akan terus meningkat, terutama ahli2 sains yang berkelayakan. Untuk memenohi keperluan ini, mustahaklah diadakan seberapa segera ranchangan latehan yang lengkap supaya kita dapat mengadakan ahli2 sains kita yang terlateh dan berkechekapan.

Pengalaman2 dari Ranchangan Malaysia Pertama menunjokkan bahawa tekanan yang amat dirasakan dalam kechekapan pelaksanaan ranchangan2 Kerajaan atau public sector ialah kekurangan kakitangan teknikal dan pengurusan. Kekurangan2 ini disebabkan oleh beberapa perkara, antara sebab yang terkemuka ialah kesulitan mendapatkan pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman yang sanggup kekal dalam perkhidmatan Kerajaan.

Disamping itu, Kerajaan merasakan kekurangan pegawai2 pentadbir yang chekap dan juga pekerja2 dalam beberapa chawangan oleh kerana banyak lapangan2 lain menghendaki perkhidmatan mereka. Dengan adanya programme pembangunan yang lebeh luas dibidang perindusterian, Kerajaan terpaksa berlumba dengan pehak swasta atau private sector mendapatkan tenaga pengurusan dan teknik.

Bagaimana pun, Kerajaan telah pun mengambil langkah2 yang perlu untok mengatasi masa'alah ini. Buat langkah sementara, kita terpaksa mengambil tenaga luar dari negara2 sahabat. Kita berterima kaseh kapada negara2 itu kerana membantu kita, meski pun mereka sendiri kekurangan, dengan tenaga doktor, guru, pensharah dan jurutera yang dikehendaki seberapa segera.

Dalam pada itu, kita meletakkan keutamaan atau priority kapada bidang latehan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Kerajaan akan juga membaiki kelemahan2 dalam usaha untuk mengekalkan perkhidmatan mereka dengan membaiki susunan tangga gaji dan membukakan peluang2 untuk kenaikan pangkat.

Pendek kata, saya boleh mengakui disini, khasnya kapada tuan2 dan puan2 dalam perkhidmatan perubatan, bahawa Kerajaan akan memberikan pertimbangan yang saksama kapada tuntutan pegawai professional. Disamping itu saya sukalah juga menegaskan bahawa setiap kita mempunya obligation kapada negara yang dikasehi ini, dan seharusnya pula kita berbakti sedaya upaya kita demi kepentingan dan kebajikan negara.

Tuan2 dan Puan.

Pada kesempatan ini, sukalah saya menyatakan pujian dan tahniah kapada Pengarah IMR, Pegawai2 dan kakitangannya kerana inisiatif dan usaha mereka mengadakan "Hari Terbuka" atau Open Day ini. Saya harap ia akan menjadi peristiwa tahunan dan dengan itu Pusat ini dan kegiatan2 yang dijalankan olehnya akan lebeh terkenal bukan saja kapada dunia luar bahkan lebeh penting lagi kapada orang2 kita sendiri.

Sekarang saya dengan segala sukachita merasmikan "Hari Terbuka" IMR ini.

Uchapan Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein diUpachara Pelancharan Kempen Enviro 2000 pada 16hb. September 1971 Jam 5.00 petang diLake Club, Kuala Lumpur.

Pada mula2nya saya merasa hairan juga apakah sebenarnya maksud Pameran yang dinamakan Enviro 2000 ini.

Sekali imbas, saya teringat kapada siri filem science-fiction dalam television yang sentiasa menarik perhatian anak2 kita, mengenai exploit space-adventurers mengawal keamanan diruang angkasa. Sangkaan saya itu, meskipun tidak begitu tepat, tetapi tidaklah jauh dari gambaran yang ada didepan kita petang ini. Hanya bezanya, Enviro 2000 ini bukan terletak diangkasa lepas tetapi berjejak dibumi nyata Ibu Kota Kuala Lumpur ini.

Saya menguchapkan setinggi2 tahniah kapada Jawatankuasa Penyelenggara Pameran ini, dan khasnya kapada Pertubohan Akitek Malaysia, kerana inisiatif dan usaha mereka melahirkan "brain-child"-nya dalam chara yang sunggoh menarek dan mengkagumkan. Sudah tentulah orang ramai, terutama bersama2 saya merasa bangga serta terhutang budi kapada kumpulan professional kita yang menunjokkan minat dan tanggong jawab untuk menyumbangkan bakti kapada negara.

Pada pandangan saya, projek "Enviro 2000" ini bukan saja membuktikan kesanggupan gulongan arkitek kita, tetapi kapada kita 'amnya Pameran ini merupakan satu pengalaman = an experience - yang amat berguna kerana memberikan gambaran hari depan Ibu Kota ini.

Saudara2 Sekalian.

Sapertimana kita semua ma'alum, selepas kita menchapai kemerdekaan, Kerajaan telahpun mengambil langkah2 untuk meranchangkan semula pembangunan bandar2 besar dinegara kita terutama sekali Ibu Kota Kuala Lumpur. Kita beruntung pakar2 dari luar negeri dan bersama2 dengan pehak2 yang berkenaan, mereka telah menyediakan Kuala Lumpur Comprehensive Development Plans, yang menggambarkan pembaruan Ibu Kota ini pada keselurohannya.

Bagaimana pun, Kerajaan berpendapat adalah baik kalau orang ramai diberi peluang melihat projek peranchangan Ibu Kota itu dengan tujuan supaya mereka boleh mengemukakan pendapat dan pandangan setakat yang melibatkan diri mereka.

Berhubung dengan itu, sesungguhnya amatlah menggembirakan saya bahawa Pertubuhan Arkitek Malaysia telah tampil kehadapan dengan chara yang constructive saperti ini, dengan mengadakan model2 yang lengkap dan menarek hati.

Saya bersetuju penuh bahawa enlightened public opinion adalah satu faktor yang mustahak dalam usaha Kerajaan hendak membawa pembaruan terutama mengenai pembangunan bandar. Kerajaan telah pun menubuhkan Urban Development Authority dan antara tugas2-nya yang penting ia-lah meranchangkan supaya keadaan dalam bandar benar2 mencherminkan pembahagian penduduk negara ini. Ibu Kota Kuala Lumpur ini merupakan tapak permulaan untuk menjalankan ranchangan-usaha UDA ini dan sudah tentu sekali Pertubohan Akitek Malaysia bersedia memberikan bantuan dalam apa chara yang mungkin dikehendaki oleh UDA kelak.

Saudara2 sekalian.

Adalah satu kenyataan bahawa pengaruh tekanan sains keatas teknoloji dalam tahun2 yang lampau ini menyebabkan perubahan2 besar kapada keadaan hidup manusia. Chara hidup manusia mesti berubah dengan keadaan masa, tetapi kita bagaimana pun mestilah chuba meranchangkan supaya keadaan baru itu mendorongkan kemajuan yang lebeh besar kapada orang2 kita.

Barangkali adalah terlalu awal bagi kita meranchangkan Kuala Lumpur sebagai sabuah "Tetrahedral City" yang bertingkat2 saperti pyramid. Tetapi, adalah sebaik2nya pula kita memikirkan bentok dan chorak tempat tinggal kita ini kalau Tuhan mengizinkan kita hidup hingga masok kurun 21 kelak - dan gambaran ini sudah pun dapat dilihat dari Pameran Enviro 2000 ini.

Tidak shak lagi kehidupan manusia dalam tahun2 akan datang kelak akan terus bergantong kapada berbagai jenis jentera, untok membawa kita dari setempat kesatempat, untok menerbangkan kita,

membantu pertanian dan sebagainya. Meski pun zaman jentera - machine age - membawa bersama2nya mas'alah2 ecology saperti air pollution, water pollution dan pemusnahan landscape, tetapi menafaat-nya tidak dapat dinafikan. Hanya kita baru sedar akan mas'alah2 itu dan chuba mengurangkan akibat2 burok darinya dalam apa jua chara.

Kita tentu ingin melihat Ibu Kota Kuala Lumpur ini, menjelang tahun 2000 kelak, mempunyai kemudahan2 yang setanding dengan Ibu Kota yang lain2. Bahagian2 bandar lama, yang tidak mempunyai nilai2 sejarah, hendaklah digantikan dengan bangunan2 baru dan kalau dapat biarlah berubah chorak sama sekali dengan segala kemudahan bagi penduduk2nya.

Pameran Enviro 2000 ini boleh disifatkan sebagai titik permulaan kaarah pembaruan yang kita ingini. Saya berharap semua pehak yang berkenaan - pehak Kerajaan, pehak swasta dan orang ramai - akan memberikan perhatian penuh kapada usaha ini bersama2 memberikan pandangan dan pendapat demi kebajikan kita dan jenerasi2 akan datang.

Saya dengan sukachitanya melancharkan Kempen Pameran Enviro 2000 ini.

Kemajuan dan Kesejahteraan

(Uchapan Tun Razak ketika melancharkan Minggu Peranchangan Keluarga Kebangsaan di Stadium Negara, Kuala Lumpur, pada 8hb. Jun, 1968. Beliau menyatakan bahawa untuk membolehkan rakyat menikmati kehidupan yang lebih bahagia sechochok dengan tarafhidup masharakat moden dan progresif, peranchangan Keluarga adalah salahsatu sharat mutlak. Beliau menggesa bahawa negara Jepun patutlah dichontohi untuk menghasilkan kejayaan di-bidang pembangunan disamping menchapai tarafhidup yang tinggi berasaskan rakyat yang berfamili kechil)*

Dasar Kebangsaan mengenai peranchang keluarga dianggap oleh Kerajaan sebagai satu langkah yang mustahak sekiranya kita dan keturunan kita ingin menikmati kemudahan dan taraf yang setanding dengan masharakat yang moden dan progresif. Saya berasa gembira mengetahui dasar kita bagi menggalakan orang ramai mengamalkan ranchangan peranchangan keluarga telah diterima baik oleh semua gulungan masharakat.

Saya ingin menyatakan disini tentang akibat buruk yang ditimbulkan oleh penambahan penduduk uang tiada terkawal dalam sesuatu negeri dan dalam dunia seluruhnya. Kita ambil negara kita Malaysia sebagai mithalan. Mengikut banchi 1947 penduduk Malaysia Barat berjumlah 4.908 juta. 20 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1966, penduduk negara kita meningkat menjadi 8.298 juta. Ini menunjukkan penambahan sebanyak 4 juta orang dalam masa yang sengkat iaitu 20 tahun. Kajian penudok menunjukkan bahawa dengan kadar penambahan penuduk sebanyak 3 peratus dalam satu tahun boleh membuat penuduk2 di negara kita bertambah 2 kali ganda dalam masa 23 hingga 25 tahun. Sekiranya ini berlaku pada tahun 1990 Malaysia akan mempunyai penduduk seramai 20 juta orang. Barangkali sukar untuk kebanyakan kita menyedari atau mengambarkan masaalah2 yang akan dihadapi oleh seluroh negara apabila kita menchapai angka penduduk yang seramai itu kerana kita tidak pernah mengalami kehidupan sebagai seorang anggota dari masharakat yang berjumlah 20 juta orang, bersama2 berkungsi dalam merebut kemudahan2 hidup yang ada.

Dalam 20 tahun akan datang penduduk negara kita akan menjadi 2 kali ganda dari sekarang. Kerajaan kita telah menjalankan projek pembangunan yang boleh memberi harapan untuk menchapai satu taraf

* huruf chondong.

hidup yang lebih tinggi. Kita gambarkan kehidupan dalam satu masharakat dimana tiap2 orang harus memperjuangkan kehidupan-nya dalam menchari kemudahan2 dan keperluan2 hidup yang harus dibahagi2 diantara penduduk yang begitu ramai, dimana kalau sekiranya kueh itu tidak berapa besar dan terpaksa dikongs oleh ramai orang maka tiap2 orang hanya akan mendapat bahagian yang amat kechil.

Sejak merdeka Kerajaan kita telah dapat meninggikan pendapatan perkapita dari $790/- pada tahun 1960 menjadi $930/- diakhir tahun 1965, iaitu menerusi dasar2 pembangunan ekonomi yang baik dan menumpukan jentera Kerajaan kepada melaksanakan tanggungjawab yang besar ini. Adalah menjadi tujuan kita untuk meninggikan pendapatan perkapita kepada $1,500/- pada tahun 1985. Kita hanya akan dapat melaksanakan perkara ini sekiranya kita dapat mengekalkan ranchangan2 pembangunan yang ada sekarang dan pada masa yang sama mengurangkan tambahan penduduk2 dari 3 peratus kepada 2.2. peratus tiap2 tahun pada tahun 1985.

Menerusi usaha2 pembangunan ekonomi kita telah dapat membuat satu asas yang kuat dalam bidang sosial, politik dan ekonomi bagi kita membena satu masharakat yang teguh, sembira dan sejahtera. Kita bertekad untuk terus menjalankan ranchangan2 pembangunan dan usaha2 memodenkan negara kita. Oleh itu untuk memastikan ranchangan2 kita itu dilaksanakan dengan jayanya kita harus mengatasi tiap2 halangan diatas tadi. Salahsatu dari halangan itu ialah kadar penambahan penduduk yang tinggi. Oleh kerana itu kita harus menjalankan dayausaha bagi menurunkan kadar tersebut sechukupnya bagi membolehkan dasar pembangunan disemua bidang dijalankan dengan lichin dan berjaya bagi menentukan ke-sejahteraan seluroh negara dan bagi memberi tiap2 sesorang rakyat haknya dan memenohkan keperluan hidup dalam negara ini.

Seluruh dunia sekarang ini memandang berat tentang masalah penambahan penduduk dunia yang tidak terkawal ini. Mengikut laporan Bangsa2 Bersatu dalam buku tahunannya mengenai dunia yang dikeluarkan dalam tahun 1965, jumlah penduduk dunia pada tahun 1930 adalah 2,070 juta orang. Saya perchaya tuan2 akan terperanjat saperti juga saya, bila mengetahui bahawa dalam masa 30 tahun iaitu pada tahun 1960 jumlah penduduk meningkat menjadi 3,285 juta orang dan ini adalah tambahan lebih daripada 1,000 juta.

Sebahagian besar dari tambahan ini terdapat dinegara2 membangun yang sedang berusaha menggunakan tenaga dan kekuasaan mereka untuk menchapai pembangunan ekonomi dan taraf hidup yang lebeh tinggi bagi rakyatnya.

Kebanyakan negara didunia terutamanya yang mempunyai penduduk yang ramai telah menjadikan peranchangan keluarga sebagai satu dasar nasional. Mithalnya negara tetangga kita India. Negara itu sekarang mempunyai penduduk seramai 520 juta orang dan kadar tambahannya tiap2 tahun ialah 3 peratus. Sebelum akhir abad ini India akan mempunyai jumlah penduduk sebanyak 1 ribu juta. Sekarang ini India telah menjalankan peranchangan keluarga selama 20 tahun dan dalam masa itu terdapat tanda2 baik terhadap peranchangan tersebut. Disamping usaha2 dalam peranchangan keluarga dan mengawal penambahan penduduk ini, India baharu2 ini telah menghadapi masa'alah kekurangan makanan yang genting. Masa'alah2 ini juga akan dihadapi oleh lain2 negara yang mempunyai penduduk yang ramai kerana hampir disemua negara2 membangun separoh dari penduduknya yang ramai itu terdiri dari mereka yang dibawah umur 20tahun. Belanja untuk menampong penduduk yang muda ini dalam pelaboran pelajaran dan lain2 bidang yang produktif merupakan beban yang besar kepada negara2 membangun tersebut.

Jepun, sebuah negara yang chepat membangun, boleh dijadikan satu chontoh bagaimana kadar kelahiran yang chepat berkurangan telah menolong membaiki taraf hidup rakyatnya yang sekarang merupakan salah satu daripada yang tertinggi didunia. Kadar kelahiran di-Jepun telah berkurang dari sebelum perang sebanyak 34 bagi tiap2 ribu kepada 15 bagi tiap2 ribu pada tahun 1966. Kanak2 ini dijamin mendapat pekerjaan dan keadaan hidup yang lebih baik: baik mengikut pertumbuhan ekonomi negara. Adalah dianggarkan dengan kadar penambahan penduduk yang ada sekarang Jepun akan hanya mempunyai penduduk 2 kali ganda 70 tahun dari sekarang. Oleh itu Jepun merupakan satu chontoh yang jelas bagaimana sesabuah negara itu boleh menchapai kejayaan dalam bidang2 pembangunan dan tarafhidup yang tinggi menerusi rakyat yang mempunyai keluarga yang kechil. Kita dapat membuat kesimpulan disini iaitu kalau kita hendak mengatasi masa'alah2 masa hadapan, kita harus menjadi-kan dasar keluarga kechil sebagai sharat untuk maju. Dengan itu peranchangan keluarga dapat dijadikan sebagai penyelamat kemanusiaan.

Sekarang jelaslah kapada kita betapa mustahaknya menjalankan

nasional mengenai peranchangan keluarga itu sekiranya kita ingin menikmati hasil2 kemajuan sains dan teknoloji serta mempunyai rakyat yang terpelajar, chukup makan dan dapat memainkan peranan mereka dalam masharakat moden. Sejak kita menubuhkan Lembaga Peranchangan Keluarga Kebangsaan pada tahun 1966, banyak kejayaan telah dichapai dalam mengenalkan dasar ini kepada orang ramai. Kita menjalankan dasar ini diakhir ranchangan pembangunan 5 tahun yang kedua dalam masa setahun sahaja peranchangan keluarga ini menchapai kejayaan yang besar. Saya ingin menyeru kapada rakyat kita supaya menjalankan peranchangan keluarga ini tanpa ragu2 bagi faedah mereka, keturunan mereka dan untuk faedah negara.

Saya berasa gembira kerana Lembaga Peranchangan Keluarga Kebangsaan menganggarkan mengikut kemajuannya sekarang, kadar kelahiran dan turun kepada 2 peratus pada tahun 1985 iaitu 0.2 peratus lebeh rendah dari yang diranchangkan oleh Kerajaan. Sekiranya ini dapat dichapai maka dengan tidak ragu2 lagi kita akan bergerak jauh kehadapan dari negara2 membangun yang lain. Sekiranya kita berjaya menjalankan projek ini maka dengan jelas kita akan dapat membasmi kemiskinan dan buta huruf dan membaiki kesihatan rakyat kita serta dapat menubuhkan sebuah masharakat yang moden dengan penduduk2nya yang perpuas hati dan gembira. Saya ingin merayu kepada kaum wanita dalam lingkungan umur yang boleh mengandung untuk menggunakan kemudahan sepenohnya yang diberi oleh Lembaga Peranchangan Keluarga dan mengambil bahagian dalam ranchangan2 yang dikelolakannya bagi kegembiraan keluarga, kesejahteraan negara dan untuk keamanan dunia.

KEARAH PENGOKOHAN NEGARA MELALUI POLITIK UMNO YANG MANTAP

Kita berkumpul disini untuk mengadakan perhimpunan Agong UMNO yang Ke-2 semenjak Demokrasi Berparlimen dipulehkan, dan inilah juga perhimpunan Agong yang Pertama diadakan di-bawah Perlembagaan UMNO yang baru.

Perhimpunan kita ini sekali lagi membuktikan dengan jelas akan kejayaan UMNO - perpaduan yang kukuh, kesediaan untuk berkorban dan keyakinan bahawa kita akan dapat menjamin masa depan yang chermelang untuk kita dan keturunan kita.

Kita berhimpun disini untuk menyambing perjuangan UMNO diatas landasan yang telah dibina dengan kukoh 26 tahun yang lalu, dalam kontek Malaysia yang baru dan sedang berkembang maju. Bagi menchapai maksud itu maka para perwakilan yang menghadziri Perhimpunan Agong khas tahun lepas yang mempunyai pandangan jauh telah membuat beberapa pindaan kapada perlembagaan pati, antaranya mulai tahun ini, para perwakilan akan memilih Ahli2 Majlis Tertinggi untuk menyandang jawatan selama 3 tahun. Saya yakin pindaan2 tersebut khasnya tentang perlanjutan masa berkhidmat puchuk pimpinan tertinggi ini akan melahirkan pimpinan yang lebih berdidikasi, yang jujur dan diperchayai penoh serta taat setia kapada pati.

Saya sukachita melaporkan bahawa pengaroh dan prestige UMNO dan, perikatan sedang meningkat tinggi dari hari kehari. Keputusan2 pilehanraya kechil diperengkat Parlimen atau pun negeri sangatlah memuaskan. Sahingga ini kita hanya kalah di Tumpat Barat sahaja. Namun begitu, undi kita telah meningkat banyak berbanding dengan tahun 1969 dulu.

Begitu juga saya sukachita dan bershukur kahadrat Tuhan kerana baru2 ini ramai bekas ahli2 UMNO telah rujuk kapada pati dan ramai pula ahli2 parti pembangkang terutama sekali dari PAS, yang telah masok menjadi ahli UMNO, atau pun berpaling menyokong UMNO.

Kita menerima mereka itu dengan senang hati dan sebagai ahli2 UMNO mereka mempunyai hak yang sama saperti ahli2 yang lama menurut Perlembagaan UMNO. Selagi mereka taat dan setia kapada perlembagaan dan kapada puchuk pimpinan parti, mereka boleh bibas bergerak dalam sebarang aktibiti UMNO.

Tetapi sukalah saya memberi ingatan kapada pemimpin2 dan ahli2 UMNO supaya berhati2 menerima orang masok UMNO sechara beramai2 kerana sudah tentu ada diantara mereka itu berbuat demikian disebabkan berbagai2 tujuan- ada yang baik dan semisti-nya ada pula yang tidak baik. Saya berharap kita pandai?lah memilih mana satu intan dan mana satu kacha.

Adalah menjadi kenyataan semenjak Kerajaan kita menjalankan Dasar Ekonomi Baru dan Ranchangan Malaysia Ke-2 dan semenjak adanya pemimpin2 baru dalam parti dan Kerajaan, sokongan dari raayat terutama raayat Bumiputra dan raayat Malaysia 'am-nya makin meningkat.

Sokongan yang luas dan sedang berkembang dari raayat ini mempunyai satu arti sahaja iaitu dasar parti kita menempati hasrat dan memenohi kehendak2 raayat khasnya ahli2 dan penyokong2 kita yang tinggal diluar2 bandar. Parti2 lawan tidak mendapat sokongan bagitu kerana dasar mereka tidak diterima oleh raayat.

Kekuatan kita diMalaysia Barat dan juga parti2 seperjuangan kita di Sabah dan Serawak telah membolehkan kita membentok Kerajaan Champoran di Serawak, iaitu Perikatan dengan S.U.P.P. pada mulanya kemudian itu di Pulau Pinang dengan Gerakan dan akhirnya dengan

P.P.P. di Perak. Ketiga2 Kerajaan Champoran ini memberi maana yang besar kapada perpaduan negara dan identiti baru.

Kejayaan kita membentok Kerajaan Champoran itu ialah oleh kerana dasar kita berdiri tegak dan tegas atas kepentingan raayat dan negara. Kita telah bersetuju membentok Kerajaan2 Champoran kerana parti2 yang bersahabat dengan kita itu menerima dasar2 kita khas-nya dasar Ekonomi Baru.

Atas dasar itulah kita mengadakan Kerajaan Champoran supaya mengokohkan lagi perpaduan raayat dari berbagai2 kaum dan untuk kesetabilan politik dalam negara. Ini memudahkan kita untuk mengembelingkan tenaga kita bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan ranchangan pembangunan Malaysia Ke-2.

Tentulah menjadi tanda tanya apakah sebabnya Kerajaan Champoran ini tidak diperluaskan lagi supaya benar2 menchapai perpaduan bulat dalam negara, pada hal hujah2 yang mengujudkan tiga Kerajaan Champoran itu sangat manasabah dan praktikal.

Sebenarnya kita dalam UMNO khasnya dan Perikatan 'amnya suka hendak bekerjasama dengan sebarang parti lawan yang sanggup berkerjasama dengan kita. Baru2 ini ada ura2 hendak mengadakan kerjasama diantara kita dengan parti PAS di Kelantan. Saya telah tegaskan kita tidak menolak sebarang usaha kearah ini demi kepentingan negara dan kemajuan raayat dinegeri2 yang kurang maju saperti Kelantan, Trengganu dan Kedah.

Selain dari parti PAS hanya tinggal tiga parti sahaja dalam Parlimen yang berada diluar Gread Collition, iaitu DEP, PKMS dan SNEP. DEP tidak dapat diterima oleh UMNO kerana ia adalah sabuah parti chubanis yang menjalankan dasar perkauman. Lagi pula taat setia mereka kapada negara amat diragukan kerana nampaknya mereka tidak mempunyai kemegahan menjadi raayat Malaysia. Mereka menchari setiap peluang terutama sekali diluar negeri untuk memutarbelitkan

dasar2 Kerajaan, memburuk2kan Kerajaan dan negara sendiri serta merendah2kan kebolehan dan kekuatan raayat.

Tetapi shukurlah kita bahawa perbuatan2 buruk mereka itu dikutuk oleh gulungan terbesar raayat Malaysia yang chintakan keamanan dan harmoni memandang dari keputusan pilihanraya kechil Ulu Selangor baru2 ini. Dan kini ramai pemimpin2 sedar dan penyokong2 DEP termasok dua naib presiden dan dua anggota majlis kerja tertinggi telah keluar daro parti itu.

Pergolakan dalam DEP akhir2 ini membuktikan dengan jelas apa yang kita katakan selama ini bahawa pemimpin2 DEP berchita2 merebut kuasa dengan meniupkan api perkauman dan berselindong dibawah selogan "Malaysian Malaysia".

Tidak shak lagi, perpechahan dalam DEP akan terus meleborkan-nya oleh kerana puchuk pimpinan adalah dalam chauvinism . Mereka enggan mengakui kenyataan dan hakikat politik (real politic) Malaysia selepas peristiwa 13 Mei, dan sudah pasti mana2 parti yang enggan mengakui hakikat ini akan hanyut dalam peredaran zaman.

PKMAS nampaknya sukar hendak menjadi sabuah parti yang benar2 berchorak nasional. Namun begitu, kita hendaklah mengawasi gerak gerinya setiap masa. SNAP adalah parti yang berchorak daerah dan sebarang parti yang berchorak demikian tidak akan berkembang lama atau keseluroh negara. Saya kesal adanya sekulongan kechil raayat dinegara ini yang maseh meniupkan api perkauman. Ada setengah2 parti lawan mengatakan kononya pehak pembangkang tidak mempunyai kesempatan bergerak disebabkan adanya undang2 yang menekan kebibasan mereka iaitu Akta Menghasut khasnya. Ini tidaklah benar sama sekali. Kalau undang2 itu menyekat mereka untuk bergerak maka sudah tentulah raayat akan bersimpati dengan mereka itu kalau benar mereka itu bergerak kerana hendak membela raayat. Tetapi akta dan undang2 yang ada tidak menyekat mana2 parti kalau dasarnya dan ranchangan

perjuanganya menepati kehendak dan hasrat raayat.

Parti politik yang menggunakan issu bahasa, kebudayaan yang berbau perkauman tidak mempunyai dasar yang berjejak pada kenyataan hidup masharakat kita sekarang. Raayat mahu mengechap kemaamoran, raayat mahu menchapai kemajuan untuk menyesuaikan diri mereka dengan zaman sains dan teknoloji, raayat mahu hidup rukun damai, mahu negaranya menchapai kedudukan yang setimpal dengan tarafnya sebagai sabuah negara yang merdeka dan berdaulat, bersahabat irat dengan negara2 jiran, raayat mahu negaranya memainkan peranan yang berguna dalam hubungan serantau dan juga didunia sebelah sini.

Kita mistilah selalu mengawasi tektik2 parti pembangkang. Walau bagaimana pun halus atau lichin sekalipun tektik2 mereka untuk meniupkan racualism dan chauvanism mereka, kita mistilah menghadapi dengan tindakan politik dan ekonomi yang tegas. Sebagai parti pemerintah, kita harhs berusaha supaya sokongan yang diberi oleh raayat kepada kita itu diperkokohkan dan diperkuatkan dari masa kemasa.

Saperti saya katakan tadi, dasar kita khasnya dasar ekonomi baru diterima oleh raayat, dasar yang adil bagi semua pehak, dasar untuk melenyapkan masalah kemiskinan samada dikampong2 lama atau pun dikampong2 baru. Dasar oriantasi kita atau dasar membandarkan orang2 luar bandar adalah sesuai dengan kenyataan hidup dalam negara kita. Falasafah negara kita Rukunegara menepati kehendak2 raayat dari berbagai gulongan untuk hidup rukun damai. Parti2 lawan tidak dapat menyangkal kebenaran atau kejujuran parti dan Kerajaan kita.

Ranchangan2 pembangunan yang sedang dilaksanakan dibawah ranchangan Malaysia ke-2 yang berlandaskan dasar ekonomi baru adalah bertujuan hendak memberi taraf hidup yang tinggi dan sempurna kapada

raayat dinegara kita khasnya kepada mereka yang sekarang dalam keadaan da'if. Kita sedar bahawa harapan atau expection raayat sangat besar terhadap penghasilan ranchangan2 ini tetapi kita harus juga sedar bahawa kejayaan ranchangan Kerajaan ini sangat-lah bergantong kapada tanggung jawab dan sambutan rakyat jelata sendiri.

Rakyat jelata mustahaklah diberi pengertian dan kesedaran yang jelas bahawa tanggong jawab meninggikan taraf hidup mereka terletak kepada diri mereka tidak semata2 kepada Kerajaan. Rakyat mestilah faham bahawa mereka janganlah semata2 berharap tetapi mistilah bertindak menggisi harapan mereka sendiri. Kemajuan dan kemakmuran negara tidak datang bergolek keatas riba kita bahkan mestilah diusahakan bersama oleh rakyat dan Kerajaan. Rakyat mistilah berani bersama2 menyingsing lengan menggerakkan ranchangan2 ini yang pada akhirnya ialah untuk kebaikan dan ke-sejahteraan hidup mereka.

Bagitu juga pelaksanaan segala ranchangan2 kita memerlukan readjustment dalam pemikiran rakyat. Tanpa perubahan dalam pemikiran kita tidak dapat menghadapi chabaran2 hidup dihadapan kita. Duni sekitar kita beredar dan berubah dengan chepat. Kalau kita tidak sanggup mensesuaikan diri kita dengan perubahan dunia yang begitu chepat sekarang kita akan ketinggalan dibelakang dan kita akan terchichir oleh zaman.

Masanya telah sampai bagi merebut peluang2 untuk kemajuan bangsa dan negara kita. Kita tidak boleh menangguhkan lagi masa untuk menebus kemunduran kita. Kita telah lama menunggu dan dahaga kapada perubahan. Sekarang peluang2 adalah terbuka dengan luas. Oleh itu wajiblah kita menchurahkan segala usaha dan tenaga untuk merebut peluang2 itu untuk kebahagian hidup kita dan keluarga kita serta bagi kemajuan bangsa dan negara.

Saya ingin menegaskan lagi keazaman Kerajaan dalam menjalankan langkah dan usaha untuk memenuhi hasrat dan chita2 rakyat supaya benar2 memberi makna kepada matlamat negara yang berdaulat dan merdeka. Ranchangan Malaysia Kedua yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru sedang dilaksanakan dengan bersungguh2 dengan artikata bahawa pada kejayaan Dasar Ekonomi Baru itulah bergantong nya masa depan hatta ujud matinya 'survival of Malaysia' sebagai bangsa yang bersatu padu. Oleh sebab itulah saya dan rakan2 saya dalam kabinet sangat2 mengambil berat dan sentiasa mengawasi pelaksanaan projek2 yang disusun dalam Ranchangan Lima Tahun ini supaya benar2 menchapai dan memenuhi matlamat2-nya.

Untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini, Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa buah badan2 saperti PERNAS, Lembaga Padi dan Beras Negara, Lembaga Pembangunan Bandar atau UDA, Lembaga Kemajuan Perikanan dan Lembaga Pemasaran Ikan. Sharikat Perusahaan Makanan atau FIMA, Lembaga Pemasaran Kelapa dan lain2. Hari ini boleh dikatakan semua negeri mempunyai Lembaga Kemajuan Ekonomi atau SEDC yang bertugas mempergiatkan kemajuan perdagangan dan perindusterian dinegeri masing2.

Salah satu langkah yang amat mustahak untuk menjafa taraf hidup rakyat ialah menjamin bekalan barang2 keperluan sehari2 i supaya tetap sentiasa ada dan dengan harga yang berpatutan iaitu dengan menjalankan perniagaan borong dan juga perniagaan runchit.

Saya telah mengarahkan PERNAS supaya menjalankan perniagaan borong barang2 keperluan termasuk juga barang2 dari Negeri China dan membekalkan barang2 ini kenegeri2 sementara Kerajaan negeri telah diarab menubuhkan sharikat2 untuk mengendalikan perniagaan borong dan runchit di-perengkat negeri dan daerah.

Ini sudah pun mula bergerak seperti yang dijalankan oleh PERNAS dan Sebama di Selangor; Sharikat Pemodalan dan Perusahaan Pahang; Sergam Sendirian Berhad Johor; Penida Sendirian Berhad

Perak, Sharikat Babena Trengganu; Serba Sendirian Berhad Kedah, Sharikat Tenaga Baru dan Sharikat Tenaga Baru dan Sharikat Kelana di Negeri Sembilan. Saya harap tidak lama lagi setiap negeri akan mempunyai sharikatnya masing2 dan barang2 keperluan rakyat dijual dengan harga yang berpatutan. Selain dari itu, saya harap dikampong2 juga akan diadakan kedai2 runchit dikendalikan oleh penduduk2 kampong sendiri. Dengan ini bukan saja penduduk2 kampong mendapat latihan dan kemahiran dalam lapangan perniagaan bahkan dapat mengendalikan barang2 keperluan sendiri.

Sementara itu saya ingin melihat PERNAS dan sharikat2 anak-nya menumpukan kegiatan2 kepada langkah2 yang memberi faedah sechara langsong untuk rakyat. Sharikat Insuran PERNAS atau MNI telah pun berjalan dengan memuaskan dan saya harap tidak lama lagi Sharikat Cement di Johor Tenggara akan mula bergerak supaya memberi peluang2 pekerjaan baru. Begitulah saya harap Sharikat2 Permodalan Negeri dan SEDC mengambil bahagian sechara langsung dalam perusahan2 dan perniagaan untuk membuka peluang2 pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat.

Kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada PERNAS, SEDC dan usaha2nya dibandar2 lain untuk memenuhi matlamatnya dalam jangka waktu yang singkat. Perhimpunan kita hari ini bersama2 menyuarakan hasrat rakyat yang meletakkan harapan penuh kepada mereka untuk menjamin masa depan yang cherah kepada bumiputra.

Kita juga haruslah faham jika kemajuan awal yang dichapai mereka tidak sebagaimana yang diharapkan kerana badan2 ini mengalami kekurangan pegawai2 terlatih, pegawai2 mahir dan professional. Oleh sebab itu, sebagaimana akan saya terangkan kelak, Kerajaan badan2 separuh kerajaan dan PERNAS akan mengambil pegawai2 dagang atau expatriate professional untuk mengisikan kekosongan itu. Jika tidak kemajuan pembangunan dan petumbuhan ekonomi negara tidak

akan berjalan sesehepat yang dikehendaki.

Satu perkara lagi yang perlu saya nyatakan disini ialah oleh kerana badan2 ini berchorak swasta maka mereka menghadapi persaingan yang hebat dimedan private sector dan perlulah setengah2 ranchangan mereka itu dirahsiakan dahulu sebelum dihebahkan untuk pengetahuan umum. Badan2 ini juga dianjurkan supaya bertindak dengan menjadikan keuntungan sebagai motif dan dasar ini hendaklah difaham oleh kita semua.

Melalui UDA, yang masa ini sedang menumpukan usaha2nya dibandar besar iaitu Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, kita akan berusaha untuk melaksanakan langkah menyusun semula masharakat dengan menjamin kadar penyertaan orang2 kita yang wajar dalam perniagaan dan perindustrian moden.

Lembaga Padi dan Beras Negara bukan saja bertugas untuk menjamin harga padi yang berpatutan untuk petani2 kita tetapi juga mengawal harga beras yang wajar bagi pengguna2. Disamping itu sebagai langkah jangka panjangnya, LPN, akan membantu kaum tani supaya dapat memiliki tanah sawah yang ekonomik atau ecnomic holding dan dengan ini mereka boleh hetul2 bergantong hidup pada usaha bersawah dengan jaminan pendapatan yang sewajarnya. Tidak shak lagi dengan berjalannya MADA di Kedah dan KADA di Kelantan masa depan petani2 akan bertambah cherah.

Kaum nelayan kita yang selama ini dalam keadaan dhaif dan miskin akan dapat mengubah chorak hidup mereka setelah Lembaga Perikanan mulai melaksanakan ranchangan2-nya kelak saperti dimaklum chara lama menangkap ikan sudah tidak sesuai dengan zaman kita ini dan hanya dengan menggunakan teknik2 moden barulah nelayan dapat menjamin taraf hidup yang lebih baik untuk mereka dan keluarga mereka.

Meskipun matlamat kita iakah hendak menurunkan peratus rakyat yang berada dalam rural traditional sector, buat beberapa lama ekonomi negara akan bertapak pada sektor pertanian. Jadi kita mestilah berusaha meluaskan scope perindusterian yang ber-dasar kepada sumber2 tanaman dalam negeri dengan menambah sumber2 yang ada sekarang.

FIMA yang ditubuhkan khusus untuk perindustrian makanan akan meluaskan lagi perusahaan kilang nenas disamping meneroka lapangan baru seperti perusahaan biji gajus dan buah2an tempatan.

Ranchangan besar2an yang sedang disusun untuk tiga kawasan baru di Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan Johor Tenggara disamping Jengka Tiga Segi melibatkan pembukaan hampir2 lima juta ekar tanah. Berbagai2 projek industri dan pertanian sedang diaturkan dalam ketiga2 ranchangan ini termasok juga projek penternakan lembu untuk susu dan daging. Saya telah juga mengarahkan MARDI supaya menyiasat kemungkinan menanam kapas untuk textile industry kita yang semakin meluas hari ini. Dan tentu ada banyak lagi kemungkinan menghasilkan tanaman besar2an saperti tebu jagong dan juga lain2 untuk memenohi keperluan negara.

Semua ranchangan yang dijalankan sekarang adalah bertujuan membuka peluang2 baru kapada rakyat memberikan mereka dan keluarga mereka jaminan hidup yang lebih baik dengan mengubah chorak hidup 'kais pagi makan pagi'kepada chorak monetary economy atau dengan pendapatan wang yang tetap. Ini seterusnya membolehkan mereka menyertai lapangan industri dengan melaburkan wang simpanan dalam bentok membeli saham ataupun melalui Amanah Saham MARA.

Berikutan dengan kejayaan yang dichapai oleh Amanah Saham MARA maka MARA sedang meranchangkan komplek kewangan untuk meluaskan lagi scope atau bidang penyertaan orang2 Melayu dalam kegiatan sistem kewangan moden. Dalam ranchangan ini MARA tidak lama lagi akan

membentuk sabuah badan Amanah Pelaburan atau Investment Trust yang akan membeli saham sharikat2 perusahan2 yang berkembang didalam ekonomi negara. Inilah chara yang nyata dan berkesan bagi orang2 kita mendapatkan bahagian yang wajar dalam ekonomi negara disamping merasai dan menambah hak milik dalam perusahan2 MARA juga sedang meranchangkan pasaran saham yang lebih luas daripada apa yang telah dijalankan sekarang supaya dapat memberi peluang yang lebeh luas daripada orang2 kita mendapat menafaat dari perniagaan saham melalui pasaran saham itu.

Peluang pekerjaan yang diadakan menerusi Ranchangan Malaysia Kedua untuk tahun pertama adalah memuaskan. Berdasar pada angka peserta2 baru EPF tidak kurang dari 100,000 pekerjaan dapat di-adakan dalam tahun 1971 untuk memenuhi matlamat 120,000 pekerjaan setahun. Dengan itu kita dapat membendung kadar pengangguran setakat 7.6 peratus. Saya yakin apabila semua pioneer industri yang telah kita luluskan mulai berjalan kelak matlamat peluang2 pekerjaan akan dapat di-chapai.

Tetapi serentak dengan itu juga Kerajaan memandang mustahak mengadakan manchangan2 latihan kemahiran untuk mengisi keperluan industri dengan membanyakkan pusat2 latihan saperti yang dijalankan oleh MARA Kementerian Buruh, Kementerian Pertanian dan Komenterian2 lain. Kementerian Pelajaran sedang berusaha mengadakan sekolah vokeshenal dan teknikal dengan lebih banyak diseluruh negara. Latihan2 ini diselaraskan oleh suatu lembaga penyelarasan supaya tiap2 orang yang akan mendapat latihan membolehkan mereka itu bekerja dikilang2 dan dijabatan2 Kerajaan. Disamping itu kaum pekerja diberikan jaminan yang lebih baik dengan mengadakan Social Security Scheme atau Sekim Keselamatan Sosial yang akan diluaskan keseluruh negara yang menjaminkan pekerja2 dapat bantuan dan rawatan jika mereka terchedera. Begitu juga kita sentiasa mengadakan kemudahan2 yang sewajar bagi pekerja2

kita dan peluang2 bekerja bagi belia2 lepasan sekolah2 menengah dan pusat2 pengajian tinggi.

Apa yang saya katakan tadi hanya merupakan kemajuan setakat ini yang dapat kita usahakan. Tidak shak lagi langkah2 Kerajaan itu akan dilipatgandakan pada tahun2 akan datang supaya benar2 memenuhi tuntutan hasrat rakyat dan saya yakin Allah akan memberkati usaha2 kita itu.

Mengenai Ranchangan Pahang Tenggara khususnya, kita boleh membayangkan perubahan2 yang akan berlaku dikawasan itu dalam tempoh satu jenarasi. Penduduk2nya seramai hanya 60,000 hari ini akanber-tambah tujuh kali ganda menjadi 500,000 orang, mendiami 36 bandar2 baru menjelang tahun 1990. Kawasan 3,000 batu persegi yang kebanyakannya hutan belantara sekarang ini akan berubah menjadi ladang2 getah dan kelapa sawit, kawasan2 bandar2 dengan kemudahan2 moden bagi masharakat perindustrian dengan rangkaian jalanraya-jalanrayanya.

Gambaran yang sama akan berlaku dikawasan Johor Tenggara yang mempunyai potential besar dalam sektor perindustrian moden dan juga pelanchongan dengan sebuah pelabuhan baru di-Pasir Gudang Hari ini pun kita boleh menyaksikan kemudahan Ranchangan Jengka dimana tapak bandar baru sedang pesat dibangunkan ditengah2 kawasan ladang kelapa sawit dan mempunyai timber industrial complex yang terbesar didunia sabelah sini. Begitu juga saya harap kemajuan yang seperti ini akan dapat dichapai dikawasan Trongganu Tengah.

Memandang pada peluasan ranchangan2 ekonomi hari ini sedangkan negara masih kekurangan tenaga pegawai2 yang berpengalaman maka sangatlah mustahak pada perengkat ini kita mendapatkan tenaga2 pakar dari luar negeri. Saya ingin saudara2 memahami hakikat ini dan menyokong dasar Kerajaan mengenai pengambilan tenaga2 dari luar untuk membantu kita menjayakan ranchangan2 negara. Kita telah melihat buktinya yang nyata melalui pinjaman tenaga guru dari Indonesia, doktor2 dari Mesir,Filipina Korea dan tidak lama lagi dari Burma, begitu juga jurutera2 dari Seri Langka dan India.

Langkah2 ini dirasakan perlu untuk mengatasi kekurangan tenaga2 itu, terutama dikalangan bumiputra, sehingga kita dapat mengadakan sendiri kelak.

Bagaimana pun, mengenai pengambilan tenaga2 pakar untuk projek2 besar, dasar kita ialah meminta bantuan2 negara2 yang tidak mempunyai kepentingan chara langsong supaya dapat mengawal kepentingan kita sendiri. Pakar2 Canada dan Belanda masa ini bertugas di Pahang. Saya juga berchadang meminta pakar2 dari negera2 kechil yang telah maju saperti Denmark, Sweden, Norway dan Yugoslavia, negara2 yang sesuai dengan dasar luar negeri kita tidak terikat kapada mana2 pehak, kita akan membuka kerjasama ekonomi kepada negara2 Eropa Timur termasuk Soviet Union.

Seperti yang saya katakan tadi, langkah ini ialah sementara kita dapat mengadakan tenaga2 pakar kita sendiri dalam beberapa tahun akan datang. Ini sedang pun dijalankan denganmenghantar pegawai2 kita untuk latihan post-graduate diuniversiti2 di Amerika Sharikat, United Kingdom, Netherlands dan sebagainya. Saya berharap saudara2 memberikan pandangan yang sempurna kapada langkah2 ini.

Selain daripada Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan hendak mensaimbangkan kedudukan ekonomi dikalangan raayat supaya dapat kita menchapai perpaduan yang kuat dan kukuh, Kerajaan adalah juga menjalankan dasar2 yang lain untuk memberikan indentiti atau keperibadian kepada rakyat dinegara kita yang merdeka dan berdaulat.

Dalam usaha memberikan kedaulatan dan tempat yang sempurna kepada Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, kita telah mendapat kejayaan yang memuaskan. Pemakaian Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar telah mula berjalan pada tingkatan primary disemua sekolah dan akandilaksanakan pada semua tingkatan rendah menjelang tahun 1980. Saya berharap langkah2 yang tegas diambil oleh Kementerian Pelajaran dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengeluarkan buku2 teks dalam Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi dalam semua mata pelajaran dan buku2 bachaan umum dan buku2 rojokan khasnya.

Dewan Bahasa dan Penal Hadiah Sastra akan diarah untuk mengalakkan lagi penulisan dalam bidang sains, ekonomi, sejarah teknoloji, biography dan ilmu2 pengetahuan yang lain dalam tahun2 tujuh pulohan. Selain daripada Hadiah Sastra yang ada sekarang, pada masa akan datang hadiah akan diberi untuk buku2 dan penulisan berkenaan sains, teknoloji ekonomi dan lain2 lagi. Sangatlah mustahak kita mempunyai buku2 ini disemua perengkat pelajaran kalau kita berkehendakkan rakyat negara kita mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia seluas2nya dan dengan chukup mendalam.

Kerajaan berazam hendak meneruskan usaha2 bagi memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua chawangan pentadbiran dan perdagangan. Saya sukachita melihat banyak papan2 tanda dikedai2 dan bangunan2 perniagaan dan kilang2 perusahaan yang ditulis dalam Bahasa Malaysia tetapi ini pun masih boleh diperbaiki.

Akan tetapi saya dukachita kerana masih ada lagi pehak2 tertentu yang belum lagi mengambil langkah bagi mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Oleh itu saya berharap mereka akan melaksanakan dasar Kerajaan ini dengan seberapa segera yang boleh. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia mengguna dan mendaulatkan Bahasa Kebangsaannya sendiri dan mereka hendaklah berasa megah menggunakan Bahasa Kebangsaan itu.

Saya berharap mereka sedar akan tanggongjawab masing2 sebagai rakyat Malaysia terhadap bangsa dan negara. Saya berharap pehak2 yang belum lagi menggunakan tulisan Bahasa Malaysia dipapan2 tanda perniagaan dan perusahaan mereka akan berbuat demikian dengan seberapa segera yang boleh.

Kerajaan adalah menjunjung tinggi perkhidmatan yang chermelang dan pengorbanan terus menerus yang diberikan oleh perajurit2 kita bagi mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara. Dengan sebab itu Kerajaan telah dan akan mengambil apa jua langkah2 yang difikirkan perlu dan mustahak untuk menjaga kepentingan mereka dan anak isteri mereka. Shor2

jawatankuasa Menyemak Tangga Gaji Baru bagi anggota2 tentera sekarang berada dalam pertimbangan Kerajaan dan saya harap chadangan2 Jawatan-kuasa itu dapat diistiharkan tidak berapa lama lagi. Saya perchaya tangga gaji baru itu akan mendapat sambutan yang sewajarnya dari perajurit2 kita.

Begitu juga berkenaan dengan bekas2 perajurit, langkah2 telah diambil bagi menyediakan latihan2 bagi mereka yang hendak berhenti dari perkhidmatan tentera latihan yang chukup masa bagi membolehkan mereka itu mendapat kemahiran bagi mmmulakan kehidupan baru sama ada dengan swasta atau pun bersendirian. Saya telah memberi arahan bahawa tiap2 orang perajurit yang dikehendaki menamatkan perkhidmatannya mistilah diberi latihan supaya mereka mendapat pekerjaan yang tertentu. Kita tidak mahu mereka itu balik kekampung2 dengan tiada pekerjaan. Ranchangan tanah disediakan dan akan diperluaskan untuk mereka yang suka hendak menjalankan perusahaan pertanian. Begitu juga peluang2 kerja dengan Kerajaan dan juga swasta adalah diberi keutamaan kepada mereka. Saya harap perajurit2 akan memberi kerjasama kepada Kerajaan untuk menjayakan ranchangan2 yang bertujuan semata2 memberikan pertolongan kepada mereka. Begitu juga saya bershukur kerana Persatuan Bekas2 Perajurit adalah memberi kerjasama yang sangat memuaskan kepada Kementerian Pertahanan untuk menjaga kepentingan bekas2 perajurit.

Pada hari ini, saya sukachita mengumumkan Kerajaan telah bersetuju hendak menambahkan pembayaran sagu hati yang diberi kepada balu2 atau waris2 perajurit yang gugur dan juga mereka yang cheddra parah yang membawa kechachatan langsung (permanent disablement) semasa bertugas iaitu dari $2,000 kepada $5,000. Haruslah diingat sagu hati ini adalah satu pemberian khas Kerajaan selain daripada penchen dan sagu2 hati tetap yang sudah ditentukan oleh undang2.

Selain daripada usaha2 kita memperkembang dan memperkuatkan ekonomi kita maka mustahaklah juga kita mengambil langkah2 untuk meng-ukuhkan kedudukan masharakat kita serta membentuk keperbadian bangsa. Jika kita ingin menjadi bangsa yang maju moden dan dihormati oleh bangsa2 lain, maka mustahaklah segala aspek hidup kita - sistem sosial, perbuatan dan amalan kita sehari2 mencherminkan rasa perikemanusiaan dan moral yang tinggi.

Baru2 ini Kerajaan telah melantik satu jawatankuasa untuk menim-bangkan pindaan kuasa undang2 mengenai nikah cherai bagi orang2 yang bukan Islam. Penyata jawatankuasa itu sedang ditimbangkan dan Kerajaan berharap tidak lama lagi undang2 itu dapat dikemukakan kepada Parlimen.

Begitu juga baru2 ini saya telah mengeshorkan kepada Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia suoaya melantik satu jawatankuasa bagi menyemak Undang2 Pentadbiran Shariah terutama sekali yang menyentuh aspek nikah cherai orang2 Islam. Saya telah meminta jawatankuasa ini membuat shor2 untuk mengetatkan lagi undang2 dan peraturan2 nikah cherai bagi orang2 Islam sesuai dengan kehendak agama Islam yang sebenarnya.

Kita tahu Agama Islam membenarkan lelaki berkahawin lebih dari satu, sehingga 4 orang isteri sahaja. Tetapi kebenaran beristeri lebih dari satu itu disertakan dengan sharat yang ketat, iaitu mustahalah lelaki itu sebagai suami bersifat adil zahir dan batin.

Akan tetapi, saya dukachita bahawa kebenaran disisi Agama Islam itu dipandang ringan oleh setengah2 kaum lelaki hingga mereka menchuaikan tanggungjawab mereka kepada anak isteri dan menggunakan kuasa mencheraikan isteri tanpa perasaan timbang rasa atau peri kemanusiaan. Pada hal perlulah kita semua menganggap nikah kawin sebagai institusi atau ikatan yang mustahak dan penting serta dipandang serious bagi masharakat.

Oleh itu saya fikir peratoran yang ada sekarang ini patutlah disemak supaya dapat disemak supaya dapat diketatkan dan perbuatan yang tidak adil yang menjatuhkan maruah bangsa kita dan merendahkan Agama Islam yang maha suchi dimata pehak2 yang lain dapat diberhentikan.

Saya tidak bertujuan hendak menyekat mereka yang mampu dari segi ekonomi dan kesihatan berkahwin lebih dari satu - kalau mereka itu boleh menyempurnakan nafkah isteri dengan sempurna zahir dan batin. Akan tetapi hendaklah hak itu digunakan dengan rasa peri kemanusiaan. Begitu juga kalau terpaksa mencheraikan isteri, mestilah dengan sharat2 yang tertentu dan masa hadapan anak isteri mestilah dipertimbangkan sehalus2 nya. Saya fikir perkara maruah dan nama baik umat Islam dipelihara menurut ajaran2 Islam yang sebenarnya. Saya harap apabila jawatankuasa ini selesai menyediakan shor2nya, perkara ini akan dipersembahkan kepada Majlis Raja2 untuk dipertimbangkan.

Berhubung dengan suaha2 mengukuhkan jedudukan masharakat kita, maka termasoklah juga soal kedudukan guru2 ugama yang memikul tugas membimbing akhlak dan moral anak2 kita iaitu bakal jenarasi muda masa hadapan.

Saya bersimpati dengan rayuan mengenai kedudukan mereka itu, terutama guru2 ugama disekolah2 rendah yang tidak termasok didalam pertimbangan Suruhanjaya Aziz.

Saya telah meminta Kerajaan2 negeri menyelesaikan perkara ini dengan melaksanakan Laporan Aziz bagi guru2 agama dan memberi pertimbangan kepada mereka yang telah lama berkhidmat supaya disamakan kelulusan Thanawi IV dengan SPM sebagai jawatan Penyandang bagi mereka itu, supaya mereka dapat gaji sama dengan guru2 yang lulus SPM juga. Sharat yang memerlukan SPM untuk guru2 ugama saperti yang dikehendaki oleh Laporan Aziz patutlah dikenakan kepada guru2 yang baru diambil sahaja.

Saya perchaya Kerajaan negeri akan menyempurnakan permintaan ini, untuk memelihara moral dan kedudukan guru2 agama kita.

Mengenai guru2 yang berijazah kedudukan mereka sedang ditimbangkan oleh sabuah suruhanjaya yang dihantar khusus untuk menyelidiki universiti2 dan pusat2 pengajian tinggi di Asia Barat baru2 ini. Saya perchaya laporan surohanjaya ini akan memberi kepuasan hati kepada semua yang ...

berkenaan.

Ini semua menunjukkan bahawa kita sangat memandang berat kepada kedudukan agama Islam sebagai satu tenaga penggerak untuk pembangunan masharakat Malaysia Baru.

Satu lagi perkara yang baru2 ini hangat dibinchangkan dalam akhbar2 ialah chadangan hendak menyamakan ch ti diseluruh negara. Pada masa ini chuti umum dilima buah negara iaitu Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis dan Johor adalah pada hari Khamis dan Jumaat yang berlainan dengan chuti umum dinegeri2 lain dan Kerajaan Pusat. Perkara ini telah dibinchangkan beberapa kali dan telah dibahaskan dalam Parlimen pada tahun 1960 dengan teliti dan usul diatas perkara ini telah ditolak. Oleh itu, pada fikiran saya eloklah keadaan yang ada sekarang ini tidak diubah dan saya fikir kerajaan2 negeri pun tidak bersetuju perkara ini diubah oleh sebab2 yang tertentu.

Sekarang saya suka berpaling kepada dasar luar n egeri. Semenjak kerajaan baru ditubuhkan pada bualan September 1970 Kerajaan kita telah menjalankan dasar luar negeri yang tegas, bebas dan berkechuali. Melalui dasar ini kita telah meluaskan persahabatan kita dengan semua negara tidak kira apa juga sistem pentadbiran dan gahaman politik mereka. Sekarang kita telah diterima sebagai anggota kumpulan Non-Aligned dan baru2 ini Persidangan Jawatankuasa Persediaan bagi Meshuarat Non-Aligned Countries atau negara2 berkechuali telah diadakan di Kuala Lumpur. Ini adalah menunjukkan bahawa sungguhpun kita baru menjadi anggota Non-Aligned Movement kita adalah dihormati oleh kumpulan negara2 ini.

Begitu juga kita telah mengemukakan dasar Perkechualian Asia Tenggara. Chadangan kita ini telah diterima baik bukan saja oleh negara2 jiran bahkan oleh negara2 sahabat yang lain diseluruh dunia.

Pada bulan November tahun lalu Persidangan Menteri2 Luar ASEAN telah diadakan di Kuala Lumpur untuk menimbangkan perkara ini

dan hasil dari persidangan itu ialah Peristiharan atau Deklarasi Kuala Lumpur yang menzahirkan keazaman negara2 ASEAN iaitu , Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Malaysia untuk menjadikan Asia Tenggara ini "zone of peace" bebas dan berkechuali.

Sekarang usaha2 sedang dijalankan untuk menerangkan konsep itu dengan lebih mendalam kepada negara2 yang lima itu dan juga negara2 lain di Asia Tenggara. Chadangan kita ialah kawasan Asia Tenggara yang mengandungi sepuluh negara2 kechil termasuk Vietnam Utara, Vietnam Selatan, Republik Khmer, Laos, Burma dan lima negara ASEAN, dijadikan kawacan bebas dan berkechuali dan kebebasan dan pengechualian ini hendaklah diakui dan dihormati oleh ketiga-tiga kuasa besar dunia iaitu Amerika Sharikat, Soviet Union dan Komunis China.

Saya sukachita selepas Deklarasi Kuala Lumpur itu dipersetujui, saya telah dapat peluang berunding dengan Perdana Menteri Laos, Putera Souvana Phouma dan juga Perdana Menteri Burma Jeneral Ne Win. Kedua2 pembesar itu telah menerima konsep pengechualian ini. Dengan itu saya berharap konsep ini dapat dipersetujui oleh negara2 ASEAN dan negara2 lain di Asia Tenggara dan seterusnya kita akan mengemukakannya kepada kuasa2 besar untuk dipersetujui dan dihormati oleh mereka.

Kita dukachita kerana keadaan rantau ini masih bergelora dan api peperangan di Vietnan masih menyala dengan hebatnya. Akan tetapi kita bershukur kerana baru2 ini kita melihat dua peristiwa yang maha penting dalam pergolakan politik dan perhubungan antarabangsa - iaitu lawatan Presiden Nixon ke Republik Rakyat China dan ke Soviet Union. Nyatalah pembincangan kemunchak yang diadakan dengan kedua2 negara itu dapat mengendurkan suasana tegang perhubungan kuasa2 besar.

Kita mengalu-ngalukan perkembangan ini dan sungguhpun per-sidangan2 kemunchak itu belum dapat membawa keamanan di Asia Tenggara dan mengendurkan ketegangan di Asia Barat, tetapi persetujuan kuasa2

besar untuk berdailog dan membinchangkan masalah2 dunia tidak dapat tiada membawa makna yang besar kepada keamanan dan ketenteraman pada masa akan datang.

Begitu juga perubahan dalam perhubungan antara per-powers tidaklah bermakna bahawa peperangan nuklear atau konfrantasi diantara mereka itu tidak akan berlaku. Kemungkinan ini belumlah dapat diduga Akan tetapi nyatalah bahawa satu proses telah bermula untuk mengadakan hubungan baik dan persefahaman antara kuasa2 besar yang akan memberi dunia kita masa depan yang aman dan cherah. Kita berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah2an usaha2 perundingan kemunchak saperti ini akan diteruskan untuk keselamatan manusia dan keamanan dunia.

Berkaitan dengan dasar luar kita yang tegas dan konsep kita untuk menjadikan Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkechuali mustahak lah kita dan negara2 lain dirantau ini menjamin bahawa kita mempunyai kekuatan untuk berdiri diatas kaki sendiri untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan kita. Inilah satu sharat mutlak yang misti ditunaikan kalau kita berkehendak negara2 luar khasnya kuasa2 besar menghormati kita.

Begitu juga negara2 Asia Tenggara mestilah mengadakan kerjasama yang rapat antara satu dengan lain untuk kepentingan bersama dan saling membantu bagi kemajuan dan kemakmuran bersama. Dengan tujuan inilah kita berusaha bersungguh2 menguatkan bidang kerjasama serantau atau regional co-operation dan kita sukachita usaha2 kita itu bersama2 dengan Indonosia, Thailand, Singapura dan juga Filipina mendatangkan hasil yang memuaskan. Pada hari ini, ASEAN sebagai pertubuhan serantau telah bertambah maju dan kukuh menghadapi masa depan dengan penoh keyakinan.

Ada lagi satu perkara yang telah menimbulkan tanda tanya di-persidangan Parlimen baru2 ini. Satu puak pembangkang yang tertentu telah menimbulkan beberapa soalan berkenaan masaalah Selat Melaka. Perkara Selat Melaka ini adalah terang dan nyata sekali dan pada fikiran saya ia tidak menjadi satu masaalah sebab kita dan Indonesia hanya menuntut hak2 kita sebagai negara yang berdaukat dan merdeka, dihormati oleh negara2 asing, besar dan kechil Indonesia dan Malaysia telah menuntut iaitu kawasan perayeran kita diperluaskan daripada tiga kepada dua belas batu. Ada negara2 lain yang telah membuat tuntutan yang sama seperti Mesir India, dan Algeria. Dengan sebab itu sebahagian daripada Selat Melaka telah menjadi kawasan perairan Indonesia dan Malaysia. Menurut amalan antarabangsa kawasan perairan sebuah negara itu tidaklah boleh dijadikan kawasan antarabangsa dan yang demikian Indonesia dan kita menentang chadangan hendak menjadikan Selat Melaka itu perairan internasional.

Akan tetapi kita mengakui untuk menghormati "innocent passage" atau "lalulintas sechara aman dan jujur" dan begitu juga lalu lintas kapal2 perang asalkan mereka itu memberitahu kita terlebih dahulu menurut amalan antarabangsa. Kita tidak menchadangkan hendak menghadkan 'lalu lintas sechara aman dan jujur' oleh kapal2 semua negara akan tetapi oleh sebab setengah2 tempat di Selat Melaka itu chetek maka kapal2 besar yang beratnya lebeh dari 2,000 tan tidak dapat dibenarkan melalui Selat Melaka kerana dibimbang berbuat demikian sangat merbahaya.

Kita dedang menjalankan perundingan sechara mendalam mengenai perkara ini dengan Indonesia dan Singapura dan kita akan menentukan keputusan dan sikap kita yang muktamad. Saya patut tegaskan disini bahawa Indonesia dan Malaysia mempunyai hak menjaga Selat Melaka itu supaya ia tidak dirosakkan oleh minyak yang boleh dan akan merosakkan dan membinasakan ikan2 dan juga pantai2 dikedua buah negara. Jika ini berlaku maka ini juga tentu akan memusnahkan mata pencharian beribu2 nelayan Malaysia dan Indonesia.

Saya telah berchakap dengan panjang lebar berkenaan dengan kedudukan politik didalam dan diluar negeri, dasar2 Kerajaan kita dan membayangkan harapan dan hasrat kita semua pada masa akan datang. Keamanan dan ketenteraman negara ini adalah bergantung kepada kekuatan dan kebolehan Kerajaan kita mentadbirkan negara dan menjaminkan keamanan dan keharmonian rakyat kerajaan Perikatan adalah didokong oleh UMNO bersama2 dengan rakan2nya, MCA dan MIC oleh itu, mustahaklah kita sentiasa menjamin kekuatan parti kita.

Saya telah sebutkan sebentar tadi sokongan terhadap parti kita telah meluas dan sangatlah membanggakan, akan tetapi saya harap saudara2 bersama menolong menjayakan ranchangan2 kerajaan untuk mempopularkan lagi parti kita. Mustahaklah kita semua - pemimpin2 parti - menjalankan tugas masing2 dengan penuh tanggong jawab dan benar2 serious. Dalam perhimpunan agong tahun lalu saya telah menerangkan dengan panjang lebar bahawa pandangan dan sikap rakyat sekarang telah berubah. Mereka lebeh matang dan lebih mengetahui alam disekeliling mereka. Mereka tidak boleh lagi menerima chakapan2 apa lagi sharahan2 kita dengan bulat2 sahaja. Mereka boleh menyemak dan menganalisa segala perkara Oleh sebab perubahan sikap rakyat ini kita juga mestilah berani dan sechara serious mengubah sikap kita.

Saya telah memberi arahan supaya meshuarat2 jawatankuasa Kerja Parti diperingkat bahagian dan chawangan hendaklah diadakan seberapa kerap yang boleh, lebih baik, pada tiap2 bulan sekali dan minit2 meshuarat hendaklah dihantar keibu pejabat bagi pengetahuan ibu pejabat dan saya sendiri. Dengan ini saya akan dapat mengetahui sama ada meshuarat2 benar2 diadakan dan sama ada bahagian2 dan chawangan2 telah menjalankan tugas mereka masing2. Saya sukachita menyatakan bahawa sebilangan kechil sahaja yang telah menghantar minit2 meshuarat yang mereka adakan. Saya harap perkara ini dapat dibetulakan dengan seberapa segera yang boleh. Saya telah terangkan sekian kali sebagai Presiden UMNO saya bertanggong jawab menjaga kekuatan parti dan memerhatikan jentera parti berjalan

dengan baik dan sempurna. Begitu juga saudara2 ahli2 UMNO bertanggongjawab dan menjaga serta mengawasi pemimpin2 tertinggi menjalankan tugas2 mereka dengan jujur dan iklas.

Kekuatan UMNO bergantung kepada tiap2 orang ahlinya - bergantung kepada kesanggupan mereka menjalankan tanggungjawab mereka itu dengan jujur dan sempurna. Ketua2 perti disemua peringkat kebangsaan negeri, bahagian dan chawangan - mempunyai tanggongjawab yang sama. Begitu juga pegawai2 dalam parti termasoklah wakil2 rakyat mempunyai tanggungjawab yang sama. Saya telah juga memberi arahan semua wakil2 rakyat mestilah melawat kawasan masing2 dan berjumpa dengan pengundi2. Saya telah meminta mereka itu menghantar keterangan2 dalam borang yang pendek menerangkan masa lawatan, tempat yang dilawati, masalah2 dan sanbutan raayat ini adalah untuk memboleh-kan saya mengetahui yang wakil2 rakyat sebenarnya menjalankan tugas mereka.

Sebagai pemimpin yang saudara2 telah meletakkan keperchayaan untuk memimpin parti kita, adalah menjadi tanggungjawab saya yang penting menjaga nama baik dan imej parti. Seperti yang saya terangkan tadi, sikap rakyat telah berubah. Rakyat tidak akan menerima wakil2 rakyat yang tidak sanggup menjalankan tugas mereka dan berdampingan dengan rakyat.

Rakyat telah memileh wakil2 mereka dengan keperchayaan yang wakil2 itu akan menjaga kepentingan mereka; datang menziahari mereka dari masa kesemasa untuk mengetahui kesulitan2 hidup mereka. Pada masa2 akan datang rakyat tidak akan menerima wakil2 yang tidak menjalankan tugas mereka dan tidak melawat kawasan pilihanraya.

Kita tidak akan meletakkan chalun dimana kawasan pun seorang yang tidak dapat diterima oleh rakyat. Masanya sudah lewat bagi kita semata2 hendak bergantung kepada nama baik parti atau pengaruh parti untuk menjamin kemenangan dalam pilihanraya2. Saya tahu apabila sapai dekat pilihanraya banyak rombongan2 yang datang hendak berjumpa dengan saya,

Timbalan Presiden atau Ketua2 Tertinggi Parti. Oleh itu saya terpaksa menerangkan disini bahawa sama ada seseorang itu akan dichalunkan untuk bertanding dalam pilihanraya2 akan datang bergantung pada kebolehan dan kejujurannya menjalankan tugasnya dengan sempurna menurut kehendak2 rakyat.

Saya telah katakan tadi kalau kita ingin UMNO terus mempunyai pengaroh dan tenaga, maka kita semua pemimpin parti mestilah sanggup menunaikan tanggungjawab dengan penuh. Kita mistilah sanggup berkorban dan menjaga nama baik parti serta meluaskan pengaroh parti setiap masa.

Saya sendiri berana berikrar dihadapan saudara2 sekelian yang saya sanggup dan sedia bekorban usaha, fikiran dan tenaga bahkan jiwa saya untuk kepentingan parti bangsa, ugama dan negara asalkan saudara2 juga berani dan bersedia menyahut seruan ini dan bersama2 menjalankan tanggungjawap masing2 dengan penuh minat dan dedikasi.

Hanyalah dengan kita semua sanggup membulatkan tenaga bekorban untuk kepentingan parti barulah parti kita dapat mempunyai pengaruh yang sebenar2nya yang dikehendaki dan barulah negara kita dapat ditadbirkan dengan baik dan sempurna supaya terjamin kemajuan dan kemakmuran pada kita dan keturunan kita.

Oleh sebab kita mempunyai chita2 yang mulia dan tinggi dan kerana banyak lagi tugas2 penting yang belum kita laksanakan maka sangatlah mustahak kita memperkuatkan parti kita, mengukuhkan jentera UMNO - pemuda dan wanita hendaklah disalurkan untuk usaha2 yang berfaedah dan memberi menafaat kepada bangsa dan negara. Parti kita mestilah bergerak menurut landasan2 yang ditentukan mengikut peraturan dan displin.

Displin tidaklah bererti membatasi kebebasan seseorang ahli pemuda atau wanita untuk bertindak dan bersuara. Displin hanya sekadar bererti mengenakan aturan2 tertentu supaya tindakan seseorang itu disalorkan sesuai dengan dasar2 dan chita2 perjuangan parti dan negara.

Dasar UMNO ialah pragmatism: UMNO adalah sabuah parti yang praktikal - perjuanganya sentiasa sesuai dengan aliran zaman. Selagi kita tunduk kepada prinsip ini dan berubah mengikut tuntutan zaman maka selama itulah UMNO akan terus disakong bukan saja oleh bumiputra tetapi rakyat Malaysia yang ingin melihat negara ini terus maju dan rakyatnya hidup dalam suasana muhibbah dan aman damai.

Dalam usianya selama 28 tahun, UMNO telah menjadi juara perjuangan Kebangsaan - memberi kedaulatan kepada negara, kepada Bahasa Kebangsaan kita dan juga agama Islam. UMNO telah mempelupuri kebangkitan rakyat dan membawakan kemajuan dalam semua bidang serta mengembalikan perasaan megagah atau pride kepada bangsa Melayu.

Saya harap kita dapat meninggikan lagi taraf ekonomi, pelajaran dan sosial rakyat negara kita khasnya kaum bumiputra dengan membesarkan lagi kaum entrepreneur atau pengusaha2 bumiputra, membentuk masharakat perindustrian dan golongan professional melalui pelajaran dan latihan sechara besaran2. Kita akan membelanjakan wang yang banyak bagi melatih dan melengkapi jenerasi muda dengan berbagai2 kemahiran dan ilmu yang perlu dan dikehendaki sekarang. Inilah sebahagian dari ranchangan2 untuk mengadakan satu asas yang kokoh bagi kemajuan dan kebahagian hidup raayat dan kestabilan negara dimasa hadapan.

Kerajaan kita akan terus mengadakan berbagai2 ranchangan pembangunan untuk tujuan2 yang tersebut. Tetapi seperti saya katakan diawal uchapan saya tadi bahawa ranchangan2 ini hanya akan berjaya sepenuhnya jika ada penyertaan dari pehak rakyat dengan jujur dan iklas. Disinilah letaknya peranan besar parti kita iaitu mendorong dan menggalakkan rakyat supaya menyokong kita dalam pilihanraya2 menyokong dan mengambil bahagian penting dalam ranchangan2 Kerajaan yang sama hebat dengan sokongan yang mereia zahirkan pada tiap2 pilihanraya di-negara kita ini.

Sesungguhnya tidak ada satu masa terdahulu dari kini yang membukakan sebegitu besar peluang dan harapan kepada rakyat bumiputra untuk menchapai kemunchak kejayaan dan kebahagian. Tetapi, saperti pepatah Arab, masa adalah ibarat sebilah pedang - jika kita tidak menggunakannyan dengan mengambil kesempatan yang terbuka sekarang ini maka ia akan memusnahkan kita.

Tegasnya peluang saperti juga waktu, tidak menunggu sebarang orang: kalau tidak digunakan kita akan terchichir. Maka terpulanglah kepada kita sama ada hendak merebut peluang2 yang diadakan oleh Kerajaan itu atau kita lepaskan peluang2 itu begitu saja. Kita sekarang mempunyai peluang yang sebaik2nya untuk mendirikan satu asas yang kukoh bagi kemakmuran dan kebahagiaan hidup kita., bangsa dan negara. Kalau tidak kita akan ketinggalan. Oleh sebab itu kita mistilah bekerja kuat belipat kali ganda lagi untuk mendapatkan satu taraf hidup yang sempurna yang sesuai dengan tuntutan zaman zains dan teknoloji.

Perubahan sosial dan ekonomi semistinya mengambil masa yang panjang tetapi Kerajaan mestilah terus menerus berusaha sebagaimana juga rakyat bumiputra sendiri mesti terus meluaskan penyertaannya dalam usaha2 Kerajaan itu. Saya yakin dan perchaya dengan inayah Tuhan dan kesedaran yang ada dan sedang berkembang dikalangan sebahagian besar rakyat bumiputra sekarang khasnya belia2 dan anak2 kita dibangku sekolah. Kita dan jenarasi akan datang akan mempunyai semangat, ketabahan hati dan didekasi untuk menghadapi chabaran2 dan mengatasi chabaran2 itu dengan sempurna dan jayanya.

Dengan harapan dan semangat inilah saya sudahi uchapan saya dengan menyeru para pewakilan sekelian supaya bersama2 memikir dan meranchang usaha2 bagi mengisikan segala kekosongan yang masih ada dalam kehidupan kita dan negara kita yang dikasehi ini.

Sekianlah saja,saya uchapkan berbanyak terima kaseh - selamat bersidang dan maju jaya!